

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 46

Isnin

2 November 2015

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2016	(Halaman	29)
<b>USUL-USUL:</b>		
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	28)
Anggaran Pembangunan 2016	(Halaman	29)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	118)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Isnin, 2 November 2015**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah pihak kerajaan telah menjalankan statistik terkini dan kaji selidik terhadap keberkesanan pelaksanaan pemberian BR1M dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat ini. Apakah terdapat kaedah lain yang boleh membantu rakyat dalam perkara ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban dan juga hidup rakyat berpendapatan rendah bagi membeli barang-barang keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Bantuan ini diberi secara menyeluruh kepada semua yang layak. BR1M telah bermula pada tahun 2012. Secara keseluruhannya sehingga tahun 2015, sebanyak hampir RM14 bilion telah diperuntukkan bagi pengagihan BR1M yang memanfaatkan keseluruhannya hampir 7.4 juta penerima setiap tahun.

Selain daripada BR1M, kerajaan turut menyediakan pelbagai insentif bagi membantu rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana dalam meringankan beban perbelanjaan harian. Antara program sedia ada yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) pemberian Bantuan Persekolahan 1Malaysia sebanyak RM100 kepada pelajar sekolah;
- (ii) pemberian Baucar Buku 1Malaysia sebanyak RM250 tanpa mengira pendapatan ibu bapa;
- (iii) kemudahan Klinik 1Malaysia dan Kedai Rakyat 1Malaysia;
- (iv) program Penurunan Harga dengan menambah bilangan Pasar Tani kepada 660 buah dan mewujudkan 150 buah AgroBazaar Rakyat 1Malaysia; dan,
- (v) menaikkan had pelepasan cukai bagi kumpulan M40.

Kerajaan dari semasa ke semasa akan terus menambah baik program-program bantuan bagi memastikan ia dapat terus membantu rakyat. Untuk jangka masa panjang, kerajaan akan terus komited dalam menyediakan peluang dan kemudahan kepada rakyat bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran agar mereka lebih berdaya saing seterusnya berjaya menikmati pekerjaan yang lebih mempunyai pendapatan yang tinggi. Ini juga adalah selari dengan hasrat kerajaan untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Terima kasih.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah saya ucapan kepada kerajaan yang telah pun mengambil pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat daripada segi perbelanjaan dan sebagainya supaya kesejahteraan rakyat ini dapat kita tingkatkan. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi satu persoalan kita di sini kalau dapat saya khususkan dalam tujuan dan juga pencapaian matlamat pemberian BR1M sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi adalah untuk membolehkan rakyat membeli barang keperluan harian dan menjimatkan perbelanjaan mereka.

Namun begitu soalan yang ingin saya kemukakan ialah apakah kementerian ada membuat kajian terhadap bagaimana bantuan BR1M ini dibelanjakan? Kita mempunyai matlamat tetapi kita kena ada *follow through*, melihat sama ada perbelanjaan itu menepati matlamat yang kita inginkan. Adakah ia digunakan untuk menampung perbelanjaan keperluan harian ataupun digunakan untuk perkara-perkara lain mengikut kehendak mereka masing-masing tanpa ada sebarang *guidance*, dengan izin? Seterusnya, apakah usaha kementerian dalam memastikan kebergantungan rakyat terhadap BR1M ini dapat dikurangkan pada masa hadapan dan saya mohon kepada pihak kerajaan menyatakan usaha-usaha yang dilakukan bagi mengeluarkan mereka ini daripada senarai penerima BR1M melalui peningkatan pendapatan rakyat tersebut. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya soalan itu bukan satu soalan tetapi beberapa soalan. Nombor satu, daripada segi pemberian wang tunai sama ada kita membuat kajian, sebenarnya kerajaan mempunyai pendapat bahawa pemberian wang tunai ini, tujuan kita tidak menukar khususnya kepada baucar barang adalah kerana kita harus juga mengambil kira kemudahan infrastruktur yang masih perlu ditambah baik jika kita perlu atau ingin melaksanakan proses sebegini. Maka pada masa ini, ia adalah terpulang kepada pilihan penerima. Kita yakin kebanyakan penerima yang terdiri daripada golongan B40, kebanyakan mereka memerlukan wang ini untuk barang-barang keperluan asas.

Nombor dua, daripada segi meningkatkan terutamanya pendapatan golongan B40 dalam Bajet 2016 dan juga dalam Rancangan Malaysia Keselbelas, jelas menunjukkan bahawa kerajaan ingin menumpukan daripada segi bagaimana meningkatkan daya kemahiran mereka sama ada dengan program e-Rezeki atau dengan program-program seperti *vocational training* dan

sebagainya dan juga Skim Latihan 1Malaysia dan juga kenaikan baru-baru ini gaji minimum mereka.

#### ■1010

Tujuan ini adalah terus usaha kerajaan untuk meningkatkan daripada segi pendapatan mereka dan mengurangkan *Gini coefficient* kita. Akhirnya, daripada segi pelaksanaan BR1M ini, memang daripada segi pelaksanaan ini sebenarnya adalah juga kalau kita lihat cadangan daripada *World Bank* atau Bank Dunia, mereka mengatakan untuk pemberian subsidi adalah lebih baik kita memberi secara terus, *direct cash*. Kalau kita memberi subsidi melalui *indirect way*, kadang-kadang ia mempunyai isu iaitu *black economy*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Sudah dua minggu Tuan Yang di-Pertua, baru dapat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kebijaksanaan memberikan laluan kepada saya satu soalan tambahan.

Yang Berhormat Menteri, dalam soalan pokok yang berbunyi begini, “*Apakah terdapat kaedah lain yang boleh membantu rakyat dalam perkara ini?*” Saya mengambil pendekatan bahawa selain daripada kita membantu dalam memastikan pemberian BR1M itu terlaksana dalam menyempurnakan kos sara hidup itu dicapai, namun yang jelas ialah apabila kita melihat daripada pendapatan negara yang mendapati cukai pendapatan individu itu berjumlah melebihi RM30 bilion dalam kumpulan B40 yang dimaksudkan oleh Timbalan Menteri tadi.

Soalan tambahan saya ialah, apakah pandangan kementerian kalau sekiranya RM30 bilion itu dianggap sebagai pendapatan utama yang memberikan kesan baik, tidak bolehkah gaji minimum itu ditambahkan supaya cukai pendapatan individu itu dapat dikait atau dikaut daripada hasil pendapatan individu itu? Apakah pandangan kementerian bersetuju dengan kaedah ini membolehkan kita menambah pendapatan negara? Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Daripada segi peningkatan cukai pendapatan terutamanya individu, kita harus melihat terutamanya pada masa sekarang jumlah pembayar cukai pada masa sekarang adalah anggaran 1.7 juta daripada jumlah pekerja 12 juta atau 13 juta. Maka, kalau kita meningkatkan lagi daripada segi kadar cukai pendapatan, ini akan juga membebankan daripada segi pembayar cukai iaitu 1.7 juta.

Selain daripada itu terdapat cadangan untuk kita meningkatkan gaji minimum. Apabila kita meningkatkan gaji minimum, kita juga haruslah melihat dan juga melihat terutamanya daripada segi kebanyakan sama ada SMEs dan PKSs yang menggaji hampir 52% daripada jumlah pekerja di negara ini dapat menampung kenaikan gaji minimum ini. Kita harus melihat faktor-faktor yang lain dan bukan khususnya daripada cukai pendapatan. Memang kerajaan ingin meningkatkan daripada segi jumlah cukai pendapatan kita, tetapi kita juga harus melihat daripada segi ekosistem atau melihat daripada segi industri memastikan bahawa gaji minimum yang

ditetapkan itu masih boleh diterima agar PKSs masih boleh berkembang dan memastikan mereka tidak menghadapi isu yang besar. Sekian, terima kasih.

**2. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]** minta Perdana Menteri menyatakan kesan penurunan nilai Ringgit Malaysia terhadap pelajar-pelajar Malaysia di luar negara tajaan kerajaan, sama ada melalui biasiswa ataupun pinjaman, serta langkah-langkah bantuan yang telah ataupun akan dilaksanakan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan berikut, soalan Nombor 60 bertarikh 2 November oleh Yang Berhormat Temerloh dan soalan Nombor 44 bertarikh 16 November oleh Yang Berhormat Telok Kemang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penurunan nilai Ringgit Malaysia tidak memberikan kesan secara langsung kepada pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam di luar negara. Ini adalah kerana bayaran biasiswa kepada mereka dibayar dalam mata wang negara tajaan dan perkara ini telah diunjurkan semasa penyediaan peruntukan jabatan.

Pada masa ini, JPA memberikan biasiswa dan pinjaman merangkumi yuran pengajian, elaun sara hidup, elaun buku, elaun alat perkakas, elaun tesis, elaun latihan amali, elaun pakaian sekali sahaja dan elaun penempatan. Kadar elaun-elaun ini adalah berbeza mengikut negara dan bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih kepada jawapan Menteri tetapi saya rasa tidak bersetuju dengan jawapan tersebut kerana baru-baru ini, Tuanku Permaisuri Johor, Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Tuanku Raja Zarith Sofiah telah memberikan perhatian yang amat serius terhadap isu ini apabila Baginda melawat pelajar-pelajar kita di United Kingdom sehingga sanggup menawarkan bantuan kepada pelajar-pelajar Malaysia di United Kingdom dan USA. Selepas itu, Kerajaan Negeri Johor juga menawarkan bantuan *one-off*.

Saya rasa ini amat penting kerana pejabat saya juga menerima aduan-aduan daripada pelajar kita yang berada di Jordan dan Mesir tentang kemerosotan dan ada di antara mereka merupakan penerima bantuan kerajaan dan mereka mengadu tentang kemerosotan nilai ringgit kita dan mengadu bahawa bantuan yang diberikan pada tahun ini tidak cukup untuk menampung penurunan tersebut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Soalan, soalan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jadi soalan saya ialah mengapa Kerajaan Pusat tidak mengikuti langkah-langkah seperti yang dilakukan oleh Tuanku Permaisuri Johor dan juga Kerajaan Negeri Johor untuk menambahkan bantuan, mungkin *one-off* pada tahun ini demi menutup jurang akibat daripada kemerosotan mata wang.

Juga satu soalan tambahan ialah bolehkah Menteri memberikan statistik 10 tahun ini tentang bilangan pelajar yang dihantar ke luar negara oleh biasiswa kerajaan mengikut pecahan kaum, jurusan, negara dan kos pembiayaan? Ini mungkin boleh dijawab dalam jawapan bertulis. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam kerana memberikan kenyataan tentang kelebihan orang negeri Johor. Saya sebagai Ahli Parlimen dari Johor memang cukup berbangga dengan Kerajaan Negeri Johor serta Duli Yang Maha Mulia Sultanah. Itu kelebihan Johor dari Bukit Mertajam.

Soalan yang ditanyakan oleh sahabat saya itu - pertama sekali soalan yang *last* itu saya jawab secara bertulis tetapi ada bersama saya setakat ini, yang mana yang saya ada dan boleh berikan penerangan ialah berkenaan dengan setakat ini bilangan tajaan di IPTA luar negara, biasiswa ialah sebanyak 7,283 dan negara-negara yang menjadi tajaan adalah di Amerika Syarikat, Australia, India, Indonesia, Ireland, Jepun, Jordan, Kanada, Korea, Hong Kong, Mesir, New Zealand, Perancis, Poland, Republic Czech, Jerman, Republik Rusia dan United Kingdom.

Daripada jumlah 7,283, pecahan daripada segi jenis pengajian dan pecahan daripada segi mungkin kaum yang ditanya ataupun dari segi jantina dan sebagainya akan dijawab secara bertulis.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Juga kos pembiayaan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Kos pembiayaan juga akan diberikan secara bertulis. Akan tetapi setakat ini yang saya ada bersama-sama saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam jumlah keseluruhan – kalau kita tengok dalam tahun 2013, dalam aspek sastera RM10,350,000, sains RM10,650,000, teknologi RM10,850,000, perubatan dipecahkan kepada empat kategori iaitu farmasi RM12,590,000, *veterinarian* RM11,750,000, pergigian RM12,590,000, perubatan RM12,690,000, seni bina RM11,050,000. Saya boleh beri secara bertulis daripada segi negara-negara luar yang telah disebutkan tadi dan pecahan daripada segi aspek pengkhususan seperti perubatan, pergigian, farmasi, kejuruteraan, bioteknologi, perakaunan, seni bina, sains komputer, sains teknologi, ekonomi dan sains aktuari.

Dinyatakan oleh Yang Berhormat tentang kenapa kerajaan tidak memberikan *one-off*, jawapannya adalah daripada jumlah yang diberikan bantuan oleh kerajaan pada setiap tahun, jumlah perbelanjaan bagi membiayai pelajar tajaan JPA ialah RM1.9 bilion merangkumi tajaan pelajar dalam negara dan juga luar negara tahunan. Purata kos penajaan setahun bagi seorang pelajar tajaan luar negara adalah antara RM38,115 hingga RM393,844 mengikut negara dan bidang pengajian.

## ■1020

Ini menunjukkan bahawa kerajaan memang memberikan bantuan kepada pelajar-pelajar. Seperti yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, bantuan itu diberikan kepada nilai mata wang

negara yang mereka belajar. Bererti kerajaan tidak mewujudkan penalti ataupun mengurangkan kadar kepada harga tahap *exchange rate* Malaysia tetapi lebih kepada negara yang mereka belajar. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila nilai mata wang ringgit jatuh dan berlakunya ketidakstabilan ini, kalau mereka yang menerima biasiswa dikatakan tergugat dengan perbelanjaan apakah lagi pelajar-pelajar di luar negara yang dibiayai oleh keluarga masing-masing. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan dalam masa nilai ringgit jatuh dan ketidaktentuan ini akan mula memberikan tumpuan kepada tajaan biasiswa bagi pengajian dalam negara. Saya ingin bertanya, adakah kerajaan akan melakukan langkah-langkah dari segi biasiswa untuk membantu para pelajar di luar negara tentang bidang yang kritikal yang amat-amat diperlukan oleh negara. Bagaimana bantu dari segi biasiswa. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih sahabat saya daripada Bagan Serai. Inilah sebabnya dalam jawapan saya, saya memaklumkan bahawa kerajaan memang melihat tentang perlu dilaksanakan terus penajaan kepada pelajar-pelajar di luar negara memandangkan perlunya negara kepada beberapa kepakaran yang ada di pengajian di luar negara. Itulah sebabnya cabaran yang dihadapi oleh kerajaan yang mana sejak tahun 2012, JPA tidak lagi menawarkan kemudahan pinjaman bagi menaja pelajar di dalam dan di luar negara. Bagi pelajar yang melanjutkan pengajian dalam negara, kemudahan ini telah dilaksanakan sepenuhnya oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara.

Jadi kalau kita tengok dalam aspek apakah pendekatan yang dilakukan. Kalau kita bandingkan, sahabat saya dari Bagan Serai, antara negara-negara luar berdekatan dalam ASEAN seperti di Singapura dan juga di Thailand. Kita tengok Malaysia adalah salah satu daripada negara yang memang dilihat sentiasa meletakkan keutamaan kepada pendidikan anak-anak dan juga mereka yang di dalam perkhidmatan kerajaan. Jadi itu sebabnya program ini dilaksanakan dari segi janji yang telah diberikan oleh kerajaan yang mana harga yang telah diletakkan disebabkan oleh kenaikan mata wang itu, mereka masih dikekalkan. Jadi tidak ada perubahan dari segi nilai mata wang mereka di sebelah sana.

Walau bagaimanapun soalan yang disebut oleh Yang Berhormat berkenaan dengan mungkin kerajaan boleh memberikan pengkhususan lebih kepada dalam negara. Seperti jawapan saya bahawa memang kerajaan melihat perlunya pengkhususan tetapi kita tidak boleh menafikan ada juga jenis-jenis kursus yang ditawarkan hanya di luar negara yang menyebabkan kerajaan masih melaksanakan bantuan dalam aspek bukan sahaja biasiswa tetapi juga pinjaman. Terima kasih.

3. **Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan sejak 15 April 2015, berapakah bilangan peniaga-peniaga yang sudah diberi amaran, diambil tindakan dan didakwa di mahkamah di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 sejak GST dilaksanakan di Limbang.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya dari Limbang yang mengemukakan soalan kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah OPS Statut yang telah dijalankan di Sarawak, sejumlah 163,779 buah premis perniagaan telah diperiksa di setiap peringkat dan juga jenis perniagaan. Sejumlah 110 notis seksyen 21 telah dikeluarkan di atas peniaga dan menghasilkan sejumlah 313 tindakan kes di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Daripada jumlah tersebut, sebanyak tiga buah kes siasatan telah dibuka untuk siasatan lanjut iaitu dua kertas siasatan di bawah seksyen 14 kerana kesalahan mencatut dan satu kertas siasatan di bawah seksyen 21(5) kerana gagal memberi maklum balas kepada notis yang dikeluarkan.

Bagi kawasan Limbang Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 13,111 kali pemeriksaan premis perniagaan telah dibuat. Namun setakat hari ini tiada kes pencatutan dikesan berlaku di kawasan Limbang. Walau bagaimanapun terdapat 29 kes telah diasingkan di bawah kesalahan-kesalahan lain iaitu 16 kes di bawah kesalahan tidak meletakkan tanda harga di bawah akta 2011 dengan keseluruhan nilai rampasan sebanyak RM7,581 dan kompaun berjumlah RM1,300 dan 12 kes penggunaan alat timbang sukat yang tidak ditentu sahkan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 yang melibatkan jumlah keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM790 dan kompaun berjumlah RM400.

Untuk makluman Yang Berhormat Limbang, ada satu kes kerana memberi gambaran mengelirukan mengenai dengan harga di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang melibatkan jumlah keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM93. Itu kes-kes yang berlaku di kawasan Limbang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin hendak bertanya soalan tambahan iaitu tentang pemantauan yang dibuat sebanyak 13,111. Satu soalan saya ialah, ini sejak berapa tahun dan juga saya hendak bertanya bagaimana cara dan siapa yang memilih jawatankuasa pengguna yang diwujudkan oleh KPDKKK di tiap-tiap Parlimen dan apakah peranan utama mereka kerana bagi saya didapati di tempat saya, senyap sahaja dan dikhuatir ia lebih menjaga peniaga daripada menjaga dan memperjuangkan hak pengguna. Itu soalan saya.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dikemukakan. Untuk makluman Yang Berhormat, kes yang saya sebut tadi

berjumlah 163,000, ia bermula daripada 1 April hingga 27 Oktober yang lalu iaitu setelah GST dimulakan dan daripada tarikh 1 April sejumlah 163,779 buah premis yang telah kita periksa.

Kedua, mengenai dengan pilihan jawatankuasa pengguna. Pemilihan ini dibuat oleh kementerian dan tugas-tugas mereka ialah untuk membantu supaya membuat laporan pelbagai kepada kementerian dan juga penguat kuasa di kawasan masing-masing supaya kita boleh mengambil tindakan yang agak segera. Sekiranya jawatankuasa pengguna ini yang telah diberi tanggungjawab sedemikian tidak menjalankan tugas seperti yang telah diarahkan ataupun membantu kementerian ataupun penguat kuasa di kawasan tersebut, kemungkinan kita boleh mengambil suatu tindakan ataupun membuat perubahan-perubahan yang boleh kita lakukan. Terima kasih.

**4. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] Menteri Dalam Negeri menyatakan:**

- (a) apakah prosedur piawai serta tempoh masa yang diperlukan bagi mendapatkan perhatian kesihatan segera bagi tahanan penjara; dan
- (b) mengapa pihak kerajaan gagal memenuhi saranan doktor pakar untuk menjalankan fisioterapi intensif dan pembedahan bahu yang diperlukan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan (a), kepentingan penjagaan kesihatan terhadap seseorang banduan menjadi keutamaan kepada Jabatan Penjara. Oleh itu, langkah melaksanakan pemeriksaan kesihatan dimulakan sebaik sahaja seseorang banduan dimasukkan ke dalam penjara. Sekiranya seseorang banduan telah disyorkan oleh pegawai perubatan untuk mendapat rawatan atau rawatan lanjut di hospital, tindakan segera akan diambil oleh Jabatan Penjara untuk menghantar banduan berkenaan ke hospital bagi tujuan rawatan termasuklah rawatan pakar.

Jabatan Penjara sememangnya mempunyai prosedur bagi menyegerakan tindakan untuk menghantar banduan bagi mendapat rawatan oleh pegawai perubatan di klinik penjara maupun di hospital di luar penjara. Seperti mana ketetapan Seksyen 14 dan Seksyen 37 Akta Penjara 1995, rawatan terhadap seseorang banduan adalah dibuat oleh pegawai perubatan kerajaan dan juga dibuat di hospital kerajaan.

Seterusnya, berasaskan prosedur penjara, pegawai perubatan kerajaan dan hospital kerajaan atas alasan tertentu bagi tujuan rawatan banduan boleh mengesyorkan seseorang banduan menerima rawatan daripada pegawai perubatan bukan kerajaan.

**■1030**

Jabatan Penjara setelah menerima syor berkenaan akan melaksanakannya dengan kadar segera dan segala kos ditanggung oleh kerajaan.

Bagi menjawab soalan (b) pula, saya tidak terbayang bagaimana keadaan keluarga Yang Berhormat mengalami situasi yang berlaku sekarang ini. Akan tetapi saya hendak maklumkan di sini bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim diberikan layanan yang semaksimumnya yang dibenarkan oleh undang-undang untuk beliau diperiksa. Langkah-langkah yang telah dilakukan adalah dia telah diperiksa oleh tiga kumpulan pakar ortopedik termasuk pakar ortopedik yang dipilih oleh pihak keluarga beliau.

Ketiga-tiga kumpulan pakar ortopedik ini telah memeriksa Dato' Seri Anwar Ibrahim seterusnya memberikan beberapa cadangan rawatan dan pihak hospital menunggu keputusan untuk jenis rawatan yang dipersetujui oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim. Dato' Seri Anwar Ibrahim telah disyorkan untuk menjalani fisioterapi yang bersesuaian dengan keadaannya. Beliau telah diberikan tunjuk ajar jenis-jenis fisioterapi yang dilakukan olehnya setiap hari. Dari semasa ke semasa pakar ortopedik dan anggota fisioterapi akan memantau perkembangannya.

Di sini saya hendak memberi laporan tambahan kepada Dewan bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim telah melaksanakan atau menjalani hukuman selama 38 minggu. Dalam masa 38 minggu itu, beliau telah menjalani pemeriksaan kesihatan dan rawatan di Penjara Sungai Buloh sebanyak 83 kali termasuk doktor daripada Hospital Sungai Buloh, penjara dan juga pakar daripada HKL. 10 kali rawatan itu adalah rawatan fisioterapi. Beliau juga telah menjalani pemeriksaan dan ujian kesihatan di hospital luar iaitu 7 kali di Hospital Kuala Lumpur. Beliau juga telah diberikan peluang untuk berjumpa dengan keluarga sebanyak 15 kali selama tempoh tahanan beliau.

Beliau juga telah diberikan perjumpaan dengan peguam pun sebanyak 65 kali. Maknanya, ini satu keistimewaan yang diberikan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim. Beliau diberikan peluang untuk membuat solat Jumaat sebanyak 35 kali, solat berjemaah sebanyak 60 kali. Beliau juga telah diberikan kelulusan untuk menghadiri pengebumian bapa beliau pada 5 April 2015. Beliau juga telah diberikan perjumpaan bersama *Inter-Parliamentary Union* pada 29 Jun 2015. Beliau juga telah diberikan peluang untuk berjumpa dengan SUHAKAM pada 20 Oktober 2015.

Jadi, pelbagai keistimewaan telah diberikan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim yang tidak diberikan kepada banduan lain. Saya berharap keluarga Dato' Seri Anwar Ibrahim akan memahami bahawa kerajaan sentiasa akan menjaga kesihatan beliau. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri menjawab bagi persoalan saya bangkitkan. Saya rujuk kepada jawapan Yang Berhormat bahawa Dato' Seri Anwar telah ditahan dan dimasukkan ke Penjara Sungai Buloh pada 10 Februari. Dalam rekod, selepas beliau mengadu sakit di bahu kanannya, beliau diberikan rekomendasi agar dihantar ke hospital. Tempoh masa sebelum

beliau mengadu hingga ke hospital adalah tiga bulan Yang Berhormat Menteri, tiga bulan sebelum dihantar ke hospital. Dalam lawatan ke hospital, ingin saya tekankan di sini, apa yang diberikan cadangan oleh Doktor Fazir iaitu doktor yang dipilih oleh kementerian dan kerajaan adalah supaya beliau menjalani intensif fisioterapi, dua atau tiga kali seminggu.

Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri menjawab hanya 15 kali fisioterapi diberikan. Saya ingin tekankan di sini kerana tidak diberikan rawatan bertepatan dengan apa yang dipohon, didesak oleh doktor sendiri, doktor kerajaan sendiri, makanya sekarang memaksa Dato' Seri Anwar kemungkinan terpaksa menjalani pembedahan. Persoalan saya Yang Berhormat, soalnya bukan kita meminta lebih ke luar lingkungan. Dato' Seri Anwar Ibrahim sekarang ini, *alhamdulillah* di deklarasikan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai tahanan politik. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu...

*[Dewan riuh]*

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sendiri telah mendesak, PBB yang dianggotai oleh Malaysia sendiri, mendesak agar Dato' Seri Anwar Ibrahim dibebaskan serta-merta. Jadi, pada saya... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Diam Yang Berhormat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua, pada saya bila masa dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri mengakui bahawa fisioterapi yang dianjurkan oleh doktor pun tidak dilaksanakan. Ini jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada perbezaan Yang Berhormat, daripada sekali dalam sebulan dengan dua hingga tiga kali seminggu. Jadi persoalan saya hari ini, adakah Yang Berhormat bersedia, bukan saja menganjurkan agar negara Malaysia, kerajaan mengikuti pandangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, bebaskan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Sekurang-kurangnya sekarang masukkan beliau ke dalam hospital supaya dapat jalani fisioterapi dua hingga tiga kali seminggu. Saya mohon jawapan secara terbuka sekarang. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat Lembah Pantai, saya rasa tidak elok untuk kita mempersoal keputusan mahkamah.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Mahkamah sudah membuat keputusan lah untuk menjatuhkan hukuman. Sekarang ini dia menjalani hukuman. Jadi, soal hukuman beliau tidak boleh dipertikaikan lagi kerana mahkamah telah buat keputusan. Akan tetapi apa yang berlaku sekarang ini, kesihatan beliau kita jaga. Seperti yang saya katakan tadi, saya katakan tadi fisio yang dibuat 15 kali. Dalam jawapan saya, saya sebut tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** ...Dato' Seri Anwar Ibrahim diajar untuk menjalani fisioterapi sendiri. Jadi, kombinasi rawatan sendiri dan rawatan daripada pakar-pakar ini bertujuan untuk memulihkan beliau. Soalnya hendak dapatkan operasi, keputusan itu akan dibuat oleh doktor-doktor pakar ini dengan persetujuan Dato' Seri Anwar Ibrahim sendiri. Setakat ini, kita belum lagi dapat persetujuan daripada Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk beliau membuat fisioterapi...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Macam mana hendak setuju kalau fisio 3 kali seminggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Tidak, ini mengelirukan Dewan. Bagi jawapan 15 kali. 3 kali seminggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita dalam Q and A Yang Berhormat, dalam Q and A.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Bagaimana tidak marah kalau keluarga bawa kan, ini daripada doktor Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lembah Pantai, cukup Yang Berhormat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** *Cannot be once in 2 weeks.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Doktor pakar buat keputusan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** *You wait until you inform the...*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Berapa lama dan berapa kerap fisioterapi dibuat kepada Dato' Sri Anwar Ibrahim. Okey, *all right.*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak okey itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Mersing.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Saya amat simpati dengan dua ahli keluarga mantan Timbalan Perdana Menteri dan Ahli Parlimen Permatang Pauh yang ada dalam Dewan ini. Sebagai seorang pengamal perubatan, dia ada quote yang biasa kita guna iaitu, dengan izin, *to cure sometime, to relief often, but to comfort a waste.* Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, perkara antara mantan Permatang Pauh yang sudah menjalani hukuman di Sungai Buloh selama dua kali. Saya hendak balik semula kepada nilai kepercayaan di antara kedua belah pihak. Nilai kepercayaan ini sudah luntur ekoran daripada telahan dan tuduhan Yang Berhormat mantan Permatang Pauh yang beliau dikenakan keracunan arsenik dua bulan sebelum Pilihan Raya Umum 1999.

Jadi, saya hendak tanya dan sudah pasti hakim Mahkamah Tinggi pada ketika itu terpaksa menggantung proses penghakiman itu selama tiga minggu untuk menghantar sampel ke merata dunia. Empat lab yang dihantar dan ternyata keputusan arsenik keracunan itu tidak wujud. Jadi,

saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, boleh tidak kita sampai kepada satu titik, kita lupakan sejarah lama. Jangan kita menuding jari kerana mantan Yang Berhormat Permatang Pauh ada elemen-elemen *compulsive liar*. [Dewan riuh] Itu satu.

■1040

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua. Tarik balik, tarik balik, tarik balik...

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Jadi saya hendak tanya, boleh tak...  
[Dewan riuh]

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua. Panggil mantan Yang Berhormat Permatang Pauh *compulsive liar*...

[Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar, sebentar. *What's your point* Yang Berhormat Lembah Pantai? *Are you on point of order?*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** *Point of order 37(7)*. Bila masa menggunakan perkataan *compulsive liar* terhadap mantan Yang Berhormat Permatang Pauh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik..

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** ...Dan dia tak ada di sini pun untuk membela diri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tak apa, Yang Berhormat, tarik baliklah perkataan *compulsive liar* itu.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Okey, saya tarik balik. Sebenarnya soalan ini sebenarnya nak baik. Soalan berbaik. Bagaimana kedua belah pihak, pemerintah... [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah. Sudah selesai Yang Berhormat..

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Dengan pihak banduan dan juga keluarga dapat melupakan sejarah lama supaya nilai-nilai kepercayaan dan integriti yang tinggi dapat dinilai oleh kedua belah pihak supaya kita berlaku adil kepada mantan Yang Berhormat Permatang Pauh. Adakah kerajaan berhasrat, ekoran daripada penyakit yang dialaminya dan telah disahkan oleh pelbagai pakar, ada tak rancangan kerajaan untuk beliau duduk- diadakan tahanan kediaman yang istimewa supaya sakit beliau ini dapat dirawat secara adil? Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Mersing. Pertama sekali, saya hendak menegaskan di sini bahawa ada 50,000 lebih orang banduan di seluruh penjara di Malaysia. Layanan yang patut diberikan adalah layanan yang sama rata. Akan tetapi dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim ini, saya telah jelaskan

tadi, beliau telah diberi peluang untuk membuat pelbagai aktiviti, solat Jumaat, fisioterapi, rawatan daripada pakar...[Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat..

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya sudah sebut. Terima sahajalah. Ini fakta. Kerajaan sentiasa mengamalkan sikap kemanusiaan.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Soalan kesihatan, bukan pergi sembahyang Jumaat! [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat!

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya hendak menyatakan di sini bahawa kerajaan memberikan layanan keistimewaan dan juga kemanusiaan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan membenarkan beliau untuk membuat aktiviti-aktiviti lain yang banduan-banduan lain tidak dapat layanan yang sama. [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat, diam Yang Berhormat, tolong diam.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Jadi...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** [Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita dalam Q&A...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya cakap fakta. Ini saya menggunakan fakta di sini ya. Kalau dari segi layanan penjara yang tak baik pun, kerajaan telah membenarkan perjumpaan dengan IPU, *International Parliamentary Union*, perjumpaan dengan SUHAKAM untuk melihat sendiri bagaimana layanan yang telah diberikan kepada beliau.

Ini bukan kali pertama Dato' Seri Anwar Ibrahim menjalani hukuman di Penjara Sungai Buloh. Perbezaannya kali ini, kes yang baru-baru ini adalah kes yang berkenaan dengan tuduhan seorang individu. Jadi kesnya adalah merupakan kes yang telah ditetapkan oleh mahkamah merupakan kes *criminal*. Jadi soal sama ada beliau akan diberikan *pardon* atau diberikan tahanan di rumah, saya rasa perkara itu tidak timbulah ya. Apa yang pentingnya, kita kena menghormati keputusan mahkamah.

Ke depan, kita hendak pastikan bahawa beliau sentiasa sihat. Kalau beliau ada masalah yang betul-betul memberikan bahaya kepada beliau, tambah lagi boleh menyebabkan perkara yang serius yang boleh menyebabkan beliau tercedera dengan lebih serius, kerajaan akan pastikan dan akan berikan kerjasama kepada keluarga untuk memastikan bahawa beliau akan mendapat rawatan yang sepatutnya. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu sahaja soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya kerana dikatakan fisioterapi itu diberi tetapi apabila Yang Berhormat

Menteri mengatakan bahawa dulunya ditahan sama juga di dalam Penjara Sungai Buloh, selalunya Saudara Anwar telah diberikan peluang untuk pergi fisio di hospital. Apakah sebabnya sekarang tidak dibenarkan beliau pergi ke hospital untuk mendapatkan fisio?

Ini kerana kalau dibandingkan kalau fisioterapi pergi ke penjara, itu akan memakan masa yang panjang dan juga memblockkan dengan izin, pesakit-pesakit lain. Kalau sudah Anwar dibawa ke hospital, satunya, memang lebih baik layanan dan lebih banyak *equipment* yang digunakan. Itu menunjukkan bahawa satu yang dikatakan perikemanusiaan kepada seorang yang bekas mantan Timbalan Perdana Menteri negara kita Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya telah sebutkan tadi bahawa Dato' Seri Anwar telah diberikan 10 kali rawatan fisioterapi dan sekarang ini kita menunggu *consent* beliau sendiri untuk menjalani rawatan yang lebih lanjut. Jadi dalam hal menjalani fisioterapi di penjara itu, saya rasa itu lebih baik bagi beliau kerana pakar daripada hospital akan dihantar ke sana, ke penjara, untuk membuat rawatan tersebut.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, tak boleh bangun Yang Berhormat. Tak boleh bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Menteri, tak ada *equipment*... *[Dewan riuh]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya habiskan ya, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bukan mahkamah keluarga! *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, kita dalam Q&A, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Dulu dia boleh buat dekat hospital, sekarang kenapa tidak? Itu soalan saya. Dulu boleh, kenapa tidak sekarang boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, duduklah Yang Berhormat. Ya, habiskan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya hendak akhiri jawapan saya dengan menyatakan layanan diberikan sampai kita hantar pegawai hospital ke penjara untuk memberikan rawatan fisioterapi kepada beliau. Kekerapannya akan ditentukan oleh pakar-pakar yang merawat beliau. Sekian, terima kasih.

5. **Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah perancangan dan tindakan bersama kerajaan Indonesia bagi mengatasi masalah jerebu yang berpunca daripada negara jiran tersebut saban tahun.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam bahagia dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan 13 lagi soalan berkaitan perkara yang berbangkit memandangkan soalan-soalan berkenaan menyentuh perkara yang sama seperti berikut.

Yang Berhormat Wangsa Maju pada hari ini. Yang Berhormat Tanjong dan Yang Berhormat Bandar Tun Razak pada 3 November. Yang Berhormat Alor Gajah dan Yang Berhormat Rasah pada 4 November. Yang Berhormat Kuantan pada 5 November. Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Lanang pada 19 November. Yang Berhormat Sekijang pada 23 November. Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Tasek Gelugor dan Yang Berhormat Parit Buntar pada 1 Disember 2015. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan menangani jerebu di peringkat ASEAN yang ditanya oleh Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Alor Gajah, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Tasek Gelugor dan Yang Berhormat Parit Buntar berhubung dengan tindakan Kerajaan Malaysia.

Malaysia sentiasa memainkan peranan aktif dan lantang dalam mengajukan isu pencegahan jerebu merentas sempadan di peringkat ASEAN. Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan atau ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (AATHP) merupakan perjanjian yang telah ditandatangani oleh 10 negara ASEAN pada 10 Jun 2002 di Kuala Lumpur. Ia merupakan perjanjian serantau yang pertama di dunia yang mengikatkan daripada segi undang-undang sekumpulan negara-negara bersempadan menangani masalah jerebu merentas sempadan akibat kebakaran hutan dan tanah gambut

Malaysia merupakan negara yang pertama dalam kalangan negara ASEAN yang telah meratifikasi perjanjian ini iaitu pada 3 Disember 2002. Kerajaan Indonesia akhirnya telah meratifikasi Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan dengan mendepositkan dokumen ratifikasi kepada Setiausaha Agung ASEAN pada 30 Januari 2015.

#### ■ 1050

Perjanjian ini antara lain menetapkan obligasi negara anggota untuk mengambil langkah daripada aspek undang-undang dan pentadbiran serta lain tindakan untuk memenuhi

tanggungjawab setiap negara ahli seperti yang dimaktubkan dalam perjanjian tersebut. Antara tanggungjawab yang penting adalah seperti berikut:

- (i) kerjasama dalam membangunkan dan melaksanakan langkah-langkah pemantauan (*monitoring*) awal jerebu;
- (ii) mencegah (*prevention*) kebakaran tanah dan hutan serta jerebu;
- (iii) melaksanakan prosedur tindak balas kecemasan bersama (*join emergency response*);
- (iv) kerjasama menubuh dana jerebu ASEAN dan;
- (v) melaksanakan kerjasama teknikal serta penyelidik saintifik terhadap masalah jerebu merentasi sempadan.

Malaysia sentiasa menggesa Kerajaan Indonesia supaya mengambil langkah berkesan menangani masalah jerebu sama ada melalui kerjasama dua hala atau sub serantau termasuk melalui Jawatankuasa Pemandu Menteri Alam Sekitar mengenai pencemaran jerebu merentas sempadan iaitu *Sub Regional Minister Steering Committee on Transboundary Haze Pollution* yang melibatkan lima buah negara iaitu Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand yang telah diadakan di Jakarta pada 28 Julai 2015.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah mengetuai delegasi Malaysia dan turut dilantik menjadi Naib Presiden bagi mesyuarat ke-11 *Conference of Parties* ataupun COP 11 to *The Asean Agreement on Transboundary Haze Pollution* di Hanoi, Vietnam pada 29 Oktober dan saya berpandangan bahawa mesyuarat ini telah berjaya meningkatkan kerjasama dua hala bagi usaha pencegahan kebakaran tanah dan hutan serta jerebu. Kerjasama penyelesaian masalah jerebu telah diperkuuhkan lagi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatnya Presiden Indonesia Joko Widodo pada 11 Oktober 2015 di Jakarta, Indonesia.

Selain itu, baru-baru ini juga saya telah bersama delegasi Malaysia diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan untuk bertemu dengan Menteri Lingkungan Hidup Kehutanan Indonesia pada 27 Oktober. Pihak Indonesia telah memberi jaminan untuk membuat persediaan dan tindakan untuk menangani kebakaran hutan secara serius supaya masalah yang sama tidak berulang lagi pada tahun 2016. Pihak Indonesia juga menyatakan akan bekerjasama dengan Malaysia untuk ‘menangani’ jerebu rentas sempadan termasuk mengambil tindakan susulan untuk memuktamadkan *The Draft Memorandum on Understanding* yang dikemukakan untuk persetujuan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, tahap jerebu pada tahun 2015, Yang Berhormat Tanjong. Episod jerebu pada tahun ini merupakan antara yang terburuk pernah dialami negara semenjak kejadian jerebu pada tahun 1997. Meskipun episod jerebu tahun 2015 tidak menyebabkan darurat jerebu diisyiharkan seperti mana yang dibuat pada tahun 1997 di Sarawak, 2005 di Klang, Kuala Selangor dan 2013 di Muar, Ledang, ia telah memberi kesan yang ketara kerana selanjutnya

melebihi tempoh dua bulan dan melibatkan seluruh negeri Malaysia. Daripada segi intensiti jerebu, ini tidak seteruk tahun seperti mana darurat jerebu berlaku pada tahun 1997 di mana pada tahun 2015, indeks pencemaran udara ataupun IPU tertinggi di Shah Alam, Selangor dengan bacaan 308 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan atas syarikat perladangan yang ditanya oleh Yang Berhormat Bandar Tun Razak dan Yang Berhormat Rasah. Pihak kementerian belum dapat mengesahkan sama ada terdapat syarikat Malaysia yang terlibat dalam membakar hutan sehingga menyebabkan jerebu kerana perkara ini masih dalam siasatan Kerajaan Indonesia.

Mengenai tindakan yang bakal diambil terhadap pihak yang terlibat dalam pembakaran terbuka Indonesia, undang-undang berkaitan jerebu rentas sempadan perlu dirangka terlebih dahulu bagi membolehkan kerajaan kita mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang membakar hutan di negara lain dan jerebunya sampai ke Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiawangsa.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya baca *paper* bahawa keinginan ASEAN sebagai *haze free* 2018. Ini bersamaan dengan apa yang dikatakan oleh Presiden Indonesia pada *interview* bulan September dengan BBC mengatakan Indonesia memerlukan sekurang-kurangnya tiga tahun untuk menyelesaikan, sekurang-kurangnya tiga tahun untuk menyelesaikan masalah *haze* ini. Soalan saya, apakah yang ingin dilakukan oleh Indonesia sekarang ini ataupun dua tiga tahun daripada sekarang ini yang gagal dilakukan sepanjang berbelas-belas tahun yang menyebabkan negara Malaysia ini dirompak kebebasan mendapat udara yang lebih sihat. Terima kasih.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Dirompak itu, oh dahsyat.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang diambil.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** *[Ketawa]* Ayat yang betul.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Deny. Deny.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang berlaku Yang Berhormat pada tahun 2015, jerebu walaupun tidak seteruk yang berlaku 1997 oleh kerana berlaku di Sarawak hingga mencapai IPU 800 di Kuching pada ketika itu tetapi pada kali ini hingga mencapai 308 walaupun ia merangkumi seluruh negara akibat oleh berlakunya taufan di lautan Laut China Selatan iaitu taufan *Dujuan* berlaku pada akhir September dan taufan *Mujigae* berlaku pada awal September yang mana kita jangka pada awal September itu, angin akan bertiup daripada Laut China Selatan dan meniup jerebu itu lari daripada Kalimantan dan juga ke belakang dan tidak lagi ke negara kita sama ada Semenanjung ataupun di Sarawak tetapi apabila dijangka berlaku setelah reda sahaja dan *low pressure* berlaku di Laut China Selatan dan akhirnya tiupan daripada barat daya, angin barat daya yang daripada belakang

Kalimantan meniup asap ini ke Sarawak dan juga ke Sabah dan juga ke Semenanjung Malaysia dari Sumatera berlaku oleh kerana berlakunya lagi dua taufan iaitu *Champi* dan juga *Koppu* berlaku pada pertengahan bulan Oktober. Kecelaruan inilah mengapa jerebu berlaku pada tahun ini begitu rupa.

Walau bagaimanapun, apabila Indonesia mengatakan bahawa mereka terperangkap pada kali ini oleh kerana bacaan mereka, tekaan mereka berhubung dengan El Nino ini kurang tepat sedikit. Mereka tidak menyangka El Nino ini begitu *intense* pada kali ini dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas tetapi bacaan itu adalah kurang tepat oleh kerana El Nino pada tahun 2015 sama tahapnya dengan El Nino pada tahun 1997, maka kekeringan berlaku di Sulu Sumatera di Central Sumatera dan juga di Kalimantan. Ini mengapa hujan tidak turun dan akhirnya kebakaran merebak di seluruh Kalimantan khususnya dekat Palangkaraya dan juga di Jambi, di Sumatera dan di Riau dan oleh kerana inilah maka jerebu ini tidak terhalang.

Pada masa yang sama, mereka mempunyai kemungkinan boleh membuat rintasan perparitan dan sungai untuk menghalang merebaknya jerebu pada yang masa-masa akan datang. Masa yang diperlukan oleh mereka untuk mengerjakan ini ialah selama tiga tahun tetapi walau bagaimanapun selepas perjumpaan Perdana Menteri dan perjumpaan saya bersama dengan Menteri *Environment* Indonesia dan juga Menteri Penghubungan di antara Kementerian Perhutanan dan juga Bapak Presiden Indonesia, maka mereka memberi ketegasan kepada saya bahawa perkara yang berlaku pada tahun 2015 tidak akan berlaku lagi pada tahun 2016 walaupun mereka tidak mengesahkan bahawa pada tahun 2017 tidak ada lagi jerebu sebagaimana yang berlaku pada tahun 2016. Jadi mereka hanya berjaga-jaga untuk mengatakan ia bahawa kita akan bebas jerebu pada tahun 2017 ataupun 2016, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

■1100

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri, Saya hendak balik pada soalan yang kita sebut tadi. Yang pertama sekali di Indonesia ini tiap-tiap tahun, saban tahun kita mengalami jerebu dan negara yang *suffer* sekali kita, Indonesia dan beberapa negara yang lain. Isu yang saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri yang pertama sekali adakah Indonesia tidak mempunyai *early warning system*. Saya tengok dia orang ada satelit dan sebagainya. Maknanya *I'm sure*, saya yakin *early warning system* itu boleh memberikan gambaran di manakah *fire* itu bermula.

Kedua, adakah ASEAN bercadang *to put on all the resources together* maknanya kalau mana-mana negara di kalangan ahli mempunyai masalah ini, saya ingat sudah sampai waktunya kita saling membantu sama ada apa juga *recourses* yang kita ada yang pertama sekali dari segi kepakaran ataupun *fasilitas* untuk membantu negara-negara kita, teman-teman dan juga jiran-

jiran kita juga menghadapi masalah ini untuk kita selesaikan masalah ini *once and for all*. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat ini amat penting sebab soalan ini memang kita bincang dalam Mesyuarat *Conference of Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* di Hanoi pada 29 hari bulan. Dua perkara yang khusus yang Yang Berhormat sebut itu memang sudah kita persetujui iaitu pertama untuk mempertingkatkan *ASEAN Specialized Metrological Centre (ASMC)* di Singapura untuk pertukaran maklumat di antara negara yang berkenaan supaya kita mengetahui apa yang berlaku kebakaran dan sebagainya antara kita di ASEAN ini.

Apabila berlaku perkara ini, kita akan bekerjasama untuk mengatasi dan memadamkan kebakaran kerana kebakaran ini Yang Berhormat bukan hanya berlaku di Indonesia sahaja soalan jerebu ini. Di rantau ASEAN, kebakaran berlaku di Indonesia yang mendatangkan jerebu kepada Singapura, Malaysia dan Southern Thailand. Tetapi ada lagi yang berlaku di Cambodia dan juga di Utara Thailand dan juga di Laos, itu juga satu kelompok yang terkena jerebu iaitu di Mekong Delta, juga satu fenomena yang hampir sama walaupun intensitinya berkurangan oleh kerana tidak ada tanah gambut. Tetapi tanah gambut ini hanya terdapat secara meluas di seluruh negara Malaysia dan Indonesia sahaja. Itulah kenapa intensitinya berlainan sedikit. Walau bagaimanapun, kita setuju iaitu kita akan memperkasakan lagi *ASEAN Specialist Metrological Centre* di Singapura untuk pertukaran matlamat awal supaya kita boleh mengambil tindakan bersama.

Kedua, sebagaimana Yang Berhormat sebut juga di *Alert Level Standard Point of Action Fire Prevention and Suppression*. Maknanya apabila berlakunya dia dapat sahaja maklumat ini didapati bahawa negara yang terlibat akan mengambil tindakan mengikut *alert level* tersebut. Akan tetapi ada sedikit keresahan kita berhubung cara pentadbiran negara Indonesia, dia memerlukan *the province* mengisyiharkan darurat dahulu, sebelum pihak pusat mengambil tindakan. Jadi pihak pusat tidak akan terlibat dengan apa yang berlaku di *province* walaupun kita mempunyai *alert level point* ini berlaku.

Kalau *province* itu tidak mengisyiharkan darurat, akhirnya Jakarta tidak akan mengambil tindakan atau terlibat dan masalah *provincial* melainkan ini dapat diselaraskan di Indonesia itu sendiri. Jadi, maknanya ada kekangan yang bakal kita juga hadapi dalam soalan mentadbir soalan kebakaran berlaku di Indonesia Yang Berhormat, terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat menduduki peperiksaan kepada semua anak-anak yang menjadi calon SPM, semoga mendapat kejayaan cemerlang.

6. **Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perkembangan projek Halal Hub di bawah ECER di Kelantan dan bilakah operasi sepenuhnya dapat dilaksanakan serta hasil pengeluarannya

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera salam 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk menjadikan Malaysia sebagai Hub Halal Global pada tahun 2020. Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah menujuhan Halal Industry Development Cooperation HDC pada 18 September 2006 untuk menerajui pembangunan industri halal secara komprehensif. Di antara lain HDC juga bertanggungjawab untuk menyelaras pembangunan taman-taman industri halal di Malaysia. Terdapat 22 taman industri halal di seluruh negara di mana 20 daripada taman halal tersebut adalah di bawah seliaan agensi Kerajaan Pusat serta kerajaan negeri manakala dua lagi taman industri halal dibangunkan dan dimiliki oleh badan swasta.

Sehingga kini sebanyak 14 taman halal telah menerima status HALMAS Halal Malaysia di bawah seliaan HDC. HALMAS adalah satu bentuk pengiktirafan yang diberikan kepada pengusaha taman industri halal yang telah berjaya mematuhi syarat-syarat dan garis panduan yang ditetapkan. Dengan status HALMAS, pengendali peserta industri dan pengendali logistik akan dapat menikmati insentif cukai. Antara 14 tempat yang telah mendapat status HALMAS termasuklah:

- (i) Taman Halal Industri ECR Pasir Mas di Kelantan;
- (ii) PKFZ Halal Flexi Zone di Pulau Indah,
- (iii) Tech-Park ENSTEK, Negeri Sembilan;
- (iv) Taman Makanan Halal Tanjong Manis Sarawak; dan
- (v) Taman Perindustrian Kota Kinabalu Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga Mac 2015, sebanyak 130 syarikat telah beroperasi di taman-taman industri halal dengan jumlah pelaburan mencecah RM8.5 bilion di mana RM2.6 bilion merupakan pelaburan tempatan dan mewujudkan lebih daripada 5,473 peluang pekerjaan. Antara peluang perniagaan yang terdapat di taman industri halal termasuk sektor industri pemprosesan makanan, ramuan halal, farmaseutikal, kosmetik dan penjagaan diri. Selain daripada itu terdapat juga peluang perniagaan dalam bidang-bidang lain yang berkaitan dengan sektor industri yang menyokong rangkaian nilai halal seperti perkhidmatan logistik dan perbankan Islam.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur ECER juga turut bertanggungjawab dalam menyelaras pembangunan Taman Halal Pasir Mas di Kelantan yang telah siap kerja-kerja pembinaannya pada 4 Februari 2014 manakala penyerahan bangunan daripada kontraktor kepada ECER adalah pada Februari 2015. Pembangunan taman ini meliputi

kawasan seluas 50 ekar untuk fasa pertama yang terdiri daripada beberapa komponen iaitu lot-lot perindustrian, kompleks perniagaan usahawan dan pejabat. Taman ini dijangka akan memberi tumpuan pada sektor pengeluaran produk yang mempunyai nilai tambah seperti makanan dan minuman, herba produk berdasarkan pertanian dan rempah ratus.

Sehingga kini terdapat enam buah syarikat perusahaan kecil sederhana tempatan yang dijangka akan memulakan operasi di kompleks perniagaan usahawan. Sebahagian syarikat PKS ini terlibat dalam perusahaan pengeluaran makanan dan akan bermula pada pertengahan bulan November iaitu pada bulan ini. ECER juga telah menarik minat lapan buah syarikat lagi untuk mendirikan kilang perusahaan di tanah lot industri. ECER akan meneliti pelan perniagaan kesemua syarikat tersebut dan mengadakan rundingan tentang pembelian tanah.

Kita menjangkakan nilai pelaburan swasta bernilai RM611 juta dapat dicapai menjelang tahun 2020. Selain daripada status HALMAS, syarikat-syarikat yang membuat pelaburan di taman industri Pasir Mas itu akan berpeluang untuk menikmati pengecualian cukai 100% selama 15 tahun di bawah insentif *less develop area*, dengan izin tertakluk pada konsultasi di antara MIDA, Unit Pembangunan Ekonomi Negeri serta badan-badan berkaitan, terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberi. Persoalan saya ialah kita melihat apa yang berlaku di industri halal hub. Yang ada di Pasir Mas hanya ada bangunan dewan serba guna yang dilabelkan dibuka untuk disewa. Sedangkan tidak adan *lab Industry* sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat.

Persoalan saya ialah apakah faktor yang kita lihat hari ini kekurangan syarikat yang beroperasi di taman halal hub ini terutamanya di kawasan industri yang dikelolakan oleh Permodalan Nasional Berhad contohnya apa yang berlaku di Taman Halal Pedas di mana didapati hanya tiga buah syarikat sahaja yang tersenarai di bawah HDC ini. Jadi apakah masalah, apakah faktor yang menyebabkan di mana ada daripada tiga taman ini hanya tiga tau enam sahaja syarikat yang beroperasi. Jadi, apakah permasalahan dan apakah perancangan untuk memastikan projek yang memberi impak kepada pembangunan negara dapat mencapai hasil sedangkan untuk menjangka 2020 hanya ada tempoh empat tahun sahaja lagi. Minta penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sebagaimana yang telah saya jawab tadi, memang kita telah berusaha dan saya ingin maklumkan bahawa plot tanah industri di taman yang disebut Pasir Mas itu merangkumi kawasan seluas 50 ekar, 24 ekar telah digunakan untuk utiliti dan prasarana dan hanya 26 ekar sedia untuk dijual pada para pelabur. Saya sudah menyebut bahawa ada 8 pelabur yang telah dikenal pasti dan 16 ekar berpotensi untuk dijual.

#### ■110

Kita baru menerima sahaja pada bulan Februari 2015 walaupun bangunan itu telah siap pada tahun sudah. Kemudian dari segi kedudukan unit daripada 45 unit yang ada 31 unit telah

diduduki dan enam unit akan diduduki pada pertengahan November ini. Terdapat lapan unit lagi yang masih ada untuk ditawarkan. Oleh kerana itu tidaklah dikatakan bahawa usaha ECER itu gagal tetapi kita dalam proses untuk memberikan insentif dan pada bajet tahun lepas kita ada insentif 15 tahun untuk pengecualian cukai. Insentif ini kita akan uar-uarkan, sebelum ini hanya 10 tahun. Akan tetapi oleh kerana kawasan itu adalah merupakan *less develop area*, dengan izin kawasan Pasir Mas, Rantau Panjang. Maka daripada 10 tahun telah ditingkatkan kepada 15 tahun untuk pengecualian cukai. Saya kira jika syarikat-syarikat mengetahui tentang perkara ini akan lebih ramai lagi syarikat akan memenuhi tempat yang berkaitan. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu Malaysia adalah antara negara yang berpotensi besar untuk menjadi negara Halal *Hub*. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa Malaysia juga berpotensi untuk menjadi pusat rujukan global halal ini. Apakah perkembangan yang boleh dilaksanakan oleh pihak HDC ini. Kita tahu ada Program *Mentoring*, ada Program Halal *Directory* dan juga Halal *Application*. Berapakah nilai eksport Halal Malaysia dan setakat mana kejayaan Program Halal *Hub* ini? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Ada dua perkara yang ditanyakan, satu tentang eksport, saya ingin mencari nilai. Nilai eksport Halal Malaysia yang ada di tangan saya untuk tahun 2014 telah mencecah sebanyak RM37.7 bilion. Jumlah itu sebenarnya meningkat 14.9% berbanding tahun 2013. Setakat bulan Jun tahun 2015 nilai Halal Malaysia yang kita eksport produknya bernilai RM19.5 bilion dan ini menunjukkan produk Halal Malaysia mendapat tempat di pasaran luar negara dan kita mempunyai potensi yang besar dalam menyediakan produk dan juga services halal ini.

Soalan satu lagi ialah tentang pusat rujukan halal. Malaysia mengadakan apa yang dipanggil sebagai *World Halal Week*, Minggu Halal Sedunia pada setiap tahun. Kita telah mengadakan ini pada bulan April tahun ini. Ketika *World Halal Week* itu ada dua aktiviti yang utama yang pertama ialah *World Halal Conference* satu lagi ialah *Malaysia International Halal Exhibition and Services (MIHAS)* yang kita adakan bersama dengan MATRADE dan juga HDC, saban tahun telah kita adakan. Ini menjadikan Malaysia sebagai pusat rujukan pada Halal Global. Saya juga ingin nyatakan di sini bahawa kita ada website yang mesra pengguna yang dirujuk di peringkat antarabangsa.

Ahli-ahli Yang Berhormat boleh melihat di [www.hdcglobal.com](http://www.hdcglobal.com). Di dalamnya ada lebih 200,000 bahan bacaan maya dan fizikal serta mempunyai 3.1 juta pangkalan data. Ini kita anggap sebagai *Halal Data Warehouse* yang terbesar seumpamanya dalam dunia ini tentang eksport halal, pelaburan halal dan data-data penting berkaitan halal. Kita juga berjaya menjadi pusat rujukan dan menerima jemputan daripada negara-negara lain; Jepun, Oman, Pakistan, Korea, China, Taiwan, Hong Kong. Untuk kita menyatakan dan melebarkan lagi usaha industri halal untuk menjadikan Malaysia sebagai halal hub peringkat dunia. Terima kasih.

7. **Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian terhadap peniaga-peniaga yang enggan menurunkan harga sedangkan kos pengeluaran semakin menurun seperti dicatatkan pada Penunjuk Harga Pengeluar yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang mana pada bulan April, Mei dan Jun 2015 telah turun sebanyak 5.9%, 6.3% dan 6.0%.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaauh* terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Yang Berhormat Tebrau dengan pantun yang cukup baik. Maaf saya tidak pandai hendak balas pantun Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sistem ekonomi Malaysia adalah sistem ekonomi pasaran bebas yang mana kuasa pasaran ataupun *market force* memainkan peranan penting dalam menentukan harga. Penentuan harga barang dan juga perkhidmatan adalah berdasarkan kepada faktor-faktor yang berbeza di antara satu sama lain seperti permintaan dan penawaran ataupun *demand and supply* dengan izin, faktor cuaca, ekonomi global, persaingan, kadar tukaran wang asing dan juga kos input dan sebagainya.

Kementerian sedang dan telah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan peniaga-peniaga yang didapati mengenakan harga ke atas barang dan perkhidmatan yang terlalu tinggi semata-mata untuk mengaut keuntungan yang tidak munasabah. Pemasaran ini bukan setakat ditangani menerusi perundangan yang berkuat kuasa di bawah kementerian dan juga agensi-agensi kementerian. Malahan melalui pelaksanaan program-program khusus seperti kempen penurunan harga dan juga pelaksanaan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Kedai Kain Rakyat 1Malaysia.

Hasil daripada penguatkuasaan undang-undang di bawah kementerian ini Tuan Yang di-Pertua sehingga 31 Oktober 2015, sebanyak 136 kes siasatan melibatkan pencatutan telah dibuka dan siasatan lanjut di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Daripada jumlah tersebut sebanyak 87 kes ataupun kertas siasatan telah diambil tindakan di bawah seksyen 14 kerana kesalahan mencatut. Manakala 44 kertas siasatan adalah kesalahan di bawah seksyen 21(5) kerana gagal memberi maklum balas kepada notis yang dikeluarkan dan lima kertas siasatan adalah kesalahan di bawah seksyen 53(e) akta tersebut kerana tidak menyelenggarakan rekod perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi 136 kertas siasatan yang dibuka sebanyak 12 kes telah disabitkan di mahkamah Anti Pencatutan di bawah seksyen 14(1) dan seksyen 21(5) dan juga seksyen 53(e) dan Akta 2011 iaitu tiga kes di Melaka, tiga kes di Selangor, dua kes di Putrajaya dan masing-masing satu kes di Kelantan, Johor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan dan

Kuala Lumpur dengan jumlah keseluruhan denda sebanyak RM365,500. Manakala dua kes lagi di Pulau Pinang dan di Kelantan masih dalam peringkat pendakwaan di mahkamah.

Sebanyak 13 kes telah dikompaun di bawah seksyen 14(1) dan seksyen 21(5) Akta 2011 iaitu enam kes di Melaka, tiga di Negeri Sembilan dan masing-masing satu kes di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Terengganu dengan jumlah keseluruhan kompaun RM535,000.

Sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, lima kes telah pun selesai kompaun dan lapan kes dengan keseluruhan tawaran kompaun berjumlah RM430,000 dan masih dalam peringkat rayuan dan belum dijelaskan. Ini adalah langkah-langkah yang telah kita ambil untuk memastikan supaya peniaga tidak menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya setelah akta ini dilaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti kita semua tahu bahawa pada ketika itu bukan sahaja harga tidak turun bahkan harga sentiasa dinaikkan. Khususnya pada masa ini sistem GST menjadi mangsa dan selalu dijadikan alasan. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian menyediakan saluran mudah bagi para pengguna untuk membuat aduan misalnya kalau *online*kah ataupun sediakan peti surat di mana mereka boleh isi borang dan masukkan. Saya percaya cara itu lebih berkesan oleh kerana pengguna yang banyak tahu tentang kenaikan harga. Sekian terima kasih.

■1120

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau di atas soalan tambahan. Memang kita mengetahui Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan tindakan ataupun peniaga-peniaga yang menaikkan harga sewenang-wenangnya apabila GST ini dilaksanakan. Oleh sebab itu dari segi penguatkuasaan, kita sentiasa turun ke lapangan untuk memantau semua peniaga- yang berniaga sama ada mereka menaikkan harga ataupun menjual dengan harga yang tidak munasabah.

Mengenai dengan saluran pelbagai ini Yang Berhormat, pelbagai saluran telah disediakan oleh kementerian untuk pengguna membuat aduan-aduan dan melalui pelbagai bentuk boleh didapati untuk semua pengguna membuat aduan. Selain daripada itu kita juga menerima aduan-aduan di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah di pejabat-pejabat KPDKKK sekiranya ada pengguna-pengguna di kawasan-kawasan terpencil untuk membuat aduan-aduan kepada pihak kementerian untuk membolehkan kita mengambil tindakan yang agak segera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kita ada contohnya dari segi saluran-saluran aduan ini kita ada Ez-ADU untuk dibuat aduan oleh pengguna dan yang keduanya kita ada 1-800-886-800 itu bagi segi mereka hendak buat ini dan juga eAduan dan MyKira GST juga boleh dibuat oleh pengguna sekiranya ada aduan-aduan untuk dikemukakan kepada kementerian. Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh bersetuju jika sekiranya tindakan begitu kerajaan ke atas peniaga yang enggan untuk menurunkan harga barang. Cuma untuk berlaku adil terhadap mereka tidakkah kita juga melihat tentang rangkaian kenaikan kos pada hari ini dengan penurunan nilai Ringgit Malaysia, kenaikan harga runcit petrol, diesel dan kenaikan tol juga nantinya ia akan mengakibatkan peniaga-peniaga ini terpaksa serap kos dalam jualan *output* mereka. Jadi apa sikap kerajaan terhadap peniaga yang sebegini? Bukanakah itu adalah satu bebanan keterpaksaan kepada peniaga untuk meletakkan harga dalam jualan mereka?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Temerloh mengemukakan soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, memang kita bersetuju bahawa rangkaian bagi segi peniaga-peniaga ini terlibat begitu ramai sama ada daripada pengeluar dan juga pengilang, pemborong dan juga peruncit. Selalunya pengguna-pengguna ini menjadi mangsa apabila peringkat ketiga iaitu peruncit yang menjual barang-barang ini setelah mendapat bekalan daripada pengilang ataupun pemborong.

Jadi untuk itu, untuk makluman Yang Berhormat kita sentiasa mengadakan pemeriksaan bukan sahaja kepada di bahagian peruncit tetapi juga bermula daripada pengeluar iaitu kilang dan juga peringkat yang kedua, yang pertama pengilang dan pengeluar, kedua ialah pemborong dan dari situ barulah peruncit. Ini kerana dia bermula dari atas barulah sampai kepada— ya itu memang kita rasa memang tidak adil kalau kita menuding jari kepada peruncit semata-mata kerana memang kenaikan harga yang dijual oleh peruncit kerana mereka mendapat mungkin dengan harga yang agak tinggi.

Jadi sebab itu pemantauan ini kita buat dari atas hingga ke bawah untuk mendapatkan kerjasama supaya masing-masing akan membuat keuntungan ataupun *win-win situation* di kalangan pengeluar, pemborong dan juga peruncit. Terima kasih.

**8. Tuan Loke Siew Fook [Seremban]** minta Perdana Menteri menyatakan status terkini pembinaan rumah untuk mangsa banjir di Kelantan termasuk jumlah yang telah siap dan diserahkan kepada mangsa, yang masih dalam pembinaan dan yang masih belum dimulakan serta sebab-sebab kelewatan pembinaan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat 28 Oktober 2015 Kerajaan Persekutuan akan membina 1,123 unit Rumah Kekal Baharu (RKB) di Kelantan. Sehingga kini sebanyak 183 unit RKB yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan telah siap dan diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir yang layak.

Pada masa yang sama sebanyak 271 unit sedang dalam peringkat pembinaan dan 40 unit lagi dalam peringkat pra-bina. Selain daripada itu, 511 unit rumah lagi telah disediakan tapak untuk dimulakan pembinaan dengan sebahagian besarnya bermula pada 22 Oktober 2015

berikutnya terdapat tanah-tanah milik pesuruhjaya, tanah persekutuan milik KESEDAR dan tanah-tanah persendirian yang perlu diperoleh menerusi pengambilan tanah. Tanah-tanah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) tanah hak milik persendirian di Kuala Krai iaitu 148 unit;
- (ii) tanah hak milik persendirian di Gua Musang iaitu 4 unit;
- (iii) di Lebir iaitu tanah kerajaan negeri 20 unit;
- (iv) Kampung Telekung, tanah kerajaan negeri iaitu 90 unit.
- (v) tanah Kementerian Pertanian 26 unit;
- (vi) tanah Kementerian Sumber Manusia 20 unit;
- (vii) tanah Kementerian Pengangkutan 55 unit;
- (viii) tanah Kampung Peria diambil balik oleh Kerajaan Persekutuan daripada individu iaitu 40 unit;
- (ix) Kampung Manjor iaitu tanah KESEDAR 35 unit; dan
- (x) tanah Kemubu diambil balik oleh kerajaan Persekutuan daripada individu 73 unit.

Soalan kenapa ia lewat kerana kelewatan memulakan pembinaan di antaranya disebabkan oleh kekangan pelaksanaan di peringkat awal berikutan ketidaaan tanah-tanah yang sesuai untuk dibangunkan RKB. Kos infrastruktur yang tinggi serta proses pengambilan tanah persendirian yang mengambil masa kerana memerlukan verifikasi tapak, pertimbangan dan kelulusan pihak berkuasa.

Selain itu pembinaan RKB berkelompok baru diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan (MMKN) pada 14 Oktober 2015 ini. Jadi kelulusan menggunakan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan juga baru diperoleh. Sekian, terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak menyatakan bahawa untuk pembinaan rumah-rumah untuk mangsa banjir di Kelantan ini terdapat terlalu banyak kekeliruan. Pertamanya apabila banjir besar berlaku di Kelantan, Kerajaan Persekutuan menjanjikan kepada mangsa-mangsa banjir Kelantan khususnya di Kuala Krai dan Gua Musang bahawa rumah itu akan disiapkan pada sebelum Ramadhan tahun ini. Ramadan tahun ini telah berlalu, Hari Raya telah berlalu, rumah tidak siap-siap lagi.

Akan tetapi yang satu lagi kekeliruan ialah jumlah yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan. Tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kalau tidak silap saya dengar ialah 1,123 unit yang akan dibina. Akan tetapi saya merujuk kepada satu kenyataan oleh Yang Berhormat Jeli yang merupakan Penggerusi Majlis Tindakan Persekutuan di peringkat negeri Kelantan beberapa hari lepas beliau menyatakan dalam satu kenyataan bahawa jumlah yang dibina oleh pihak Kerajaan Persekutuan adalah 1,759. Jadi dari segi angka itu pun banyak kekeliruan sama ada berapa yang akan dibina.

Itu saya minta pihak kerajaan untuk memberikan satu kepastian. Keduanya ialah berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk pembinaan rumah-rumah untuk mangsa banjir di Kelantan ini? Berapakah yang telah disalurkan untuk projek-projek pembinaan ini? Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Setahu saya rekod yang ada saya peroleh ini ialah 1,123 unit. Mungkin itu melibatkan di kawasan lain iaitu di tanah, sekejap ya. Termasuk antara yang dibina oleh NGO. Oleh sebab yang kita ada ialah yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh sebab apa yang saya difahamkan bahawa NGO pun ada terlibat dan juga ada pihak lain terlibat untuk membantu. Jadi ini adalah unit yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan iaitu Rumah Kekal Baru.

Mengenai apa Yang Berhormat katakan tadi mengenai kelewatan tadi saya sudah nyatakan. Ingin saya nyatakan juga Kerajaan Persekutuan juga telah mengerahkan agar – yang asalnya di Gua Musang itu adalah 100 khemah kita minta supaya berpindah, MKN mengeluarkan arahan supaya semua khemah dikosongkan semasa bulan Ramadan dikosongkan untuk berpindah di kem PLKN.

#### ■1130

Namun ada di kalangan mereka iaitu dalam 14 buah tidak mahu berpindah. Jadi dengan alasan-alasan seperti yang dinyatakan oleh saya tadi ya.

Tadi Yang Berhormat juga bertanya mengenai peruntukan, untuk Kelantan sahaja dari segi infrastruktur dan juga perumahan, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan lebih RM100 juta. Itu untuk Kelantan sahaja. Saya tidak menyentuh mengenai seluruh infrastruktur untuk mangsa banjir dan infrastruktur rumah-rumah dan juga pengangkutan, semuanya untuk mangsa banjir iaitu lebih dalam RM800 juta untuk perkara berurusan dengan banjir. Akan tetapi untuk Kelantan sahaja lebih RM100 juta. Terima kasih.

**9. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** minta Menteri Kemajuan luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah tindakan kementerian dalam menyelesaikan masalah jambatan usang dan sempit terutamanya di kawasan luar bandar di mana jambatan-jambatan ini menjadi laluan utama kepada penduduk-penduduk seperti Jambatan Kuala Pegang di Parlimen Baling yang mana jambatan ini agak sempit dan mempunyai selekoh yang tajam dan merbahaya serta selalu menjadi kawasan kemalangan.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** Saya tak jawab pantun Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sentiasa bekerjasama dengan semua pihak terutamanya pihak berkuasa negeri dalam mengenal pasti dan mendapatkan maklum balas tentang keperluan pembinaan atau naik taraf jalan raya dan jambatan di kawasan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek penggantian Jambatan Kuala Pegang, Baling, Kedah telah disenaraikan di bawah peruntukan kerajaan negeri dengan anggaran kos projek berjumlah RM8.5 juta.

Pada masa ini kerja-kerja reka bentuk sedang berjalan dan *insya-Allah* pembinaan dijangka bermula pada Disember tahun ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Setakat itulah Yang Berhormat sesi soal jawab lisan untuk pagi ini.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.32 pg.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 3 November 2015.”

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2016**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2016 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh dua bilion ringgit (RM52,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2016, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2015, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[29 Oktober 2015]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Sepanggar untuk 20 minit.

**11.33 pg.**

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, dan salam 1Malaysia. Bagi pihak rakyat Sepanggar saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan Bajet 2016 berjumlah RM267 bilion. Dalam keadaan ekonomi dunia yang meleset akibat kejatuhan harga komoditi.

Perdana Menteri telah mengekalkan momentum untuk negara ini menuju negara maju menjelang tahun 2020. Momentum ini memanglah meyakinkan kerana ianya disandarkan kepada pertumbuhan ekonomi negara yang terus positif sejak tahun 2009.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Yang di-Pertua, majoriti rakyat dalam dunia ini mendiami kawasan bandar, daripada jumlah itu terdapat golongan yang disebut sebagai miskin bandar. Dalam Bajet 2016

kelompok ini disebut sebagai B40 yang tersepit dengan kehidupan moden dan kos sara hidup yang tinggi. Bank Dunia mengkategorikan isu kemiskinan ini sebagai fenomena multidimensional, bajet yang bertemakan "Kesejahteraan Rakyat". Kehidupan rakyat ini mampu memampar daripada berlakunya jurang perbezaan sosial ekonomi rakyat dalam bandar mahupun di luar bandar.

Berdasarkan kepada lima teras utama:

- (i) memperteguhkan ketahanan ekonomi negara;
- (ii) meningkatkan produktiviti inovasi dan teknologi hijau;
- (iii) mempersiagakan modal insan;
- (iv) memperkasakan agenda bumiputera; dan
- (v) meringankan kos hidup rakyat.

Lima teras utama Bajet 2016 ini saya yakin masalah multidimensional yang disebut oleh Bank Negara ini mampu melestarikan kehidupan rakyat negara ini lebih-lebih lagi rakyat di kawasan saya di kawasan Parlimen Sepanggar. Tuan Yang di-Pertua, Parlimen Sepanggar merupakan kawasan sub *urban* yang termasuk dalam kawasan perkadaran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dengan kepadatan penduduk hampir setengah juta orang yang berkembang pesat sesuai dengan pembangunan negara. Mengikut Jabatan Perangkaan tahun 2010, pertumbuhan penduduk di tahap 2.2% setahun.

Kepesatan penduduk ini berlaku kerana Sepanggar menempatkan pusat pengajian tinggi, pusat pentadbiran negeri dan persekutuan, pusat perindustrian negeri, pusat pelabuhan kontena dan Sepanggar juga merupakan kawasan perumahan kepada semua golongan segmen masyarakat. Dengan berlatarbelakangkan sedemikian, maka berlaku penghijrahan dari luar bandar ke bandar.

Dari segi - *the real* sekian ramai penduduk, maka B40 inilah ialah golongan yang ingin saya fokuskan Tuan Yang di-Pertua. Walaupun pembangunan begitu pesat berlaku di Sepanggar, rakyat mempunyai kebimbangan. Kebimbangan utama ialah kenaikan kos sara hidup yang tinggi. Keduanya, mengharuskan terlalu banyak masa di atas jalan raya kerana kesesakan jalan raya. Justeru itu, saya ingin membawa ke Dewan yang mulia ini beberapa permohonan rakyat di kawasan saya untuk diambil perhatian oleh kerajaan.

Pertamanya isu jalan raya yang sesak. Saya berterima kasih kepada Kementerian Kerja Raya yang pada saat ini sedang melaksanakan pembinaan *flyover* jajaran Jalan Lido ke jalan Lintas dan juga di kawasan Tuaran *bypass* yang menelan belanja lebih RM200 juta. Tuan Yang di-Pertua, jika jalan ini disiapkan kelak, ianya memerlukan kerja-kerja tambahan bagi membuat laluan dari Pekan Inanam susur keluar ke Jalan Lintas dan membina sebuah jambatan. Kalau tidak, apabila *flyover* ini dapat dilaksanakan, maka kawasan pekan-pekan yang sekitarnya akan menjadi limpahan trafik dan menjadikan lebih sesak daripada sebelum ini. Selain daripada itu, Kementerian Kerja Raya juga dipohn agar dapat menyegerakan pembinaan jalan *flyover* di

Jalan Suraman kawasan jalan protokol yang sekarang ini boleh dikatakan setiap hari berlaku kesesakan jalan.

Selain daripada itu, jalan-jalan luar bandar seperti Jalan Kiambalang Babagon Toki sepanjang 12 kilometer, Jalan Natai-Talungan sepanjang sembilan kilometer dan Jalan Ruminding-Tiko Pinahan yang panjangnya berjumlah lima kilometer. Selain daripada itu, projek-projek kecil pertanian yang diperlukan oleh penduduk kampung perlulah juga dilihat oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana jalan-jalan ini penting untuk mereka mengeluarkan hasil pertanian.

Mengenai dengan projek sekolah pula, saya ingin memohon kepada Kementerian Pendidikan supaya dapat membina pada tahun ini untuk menggantikan bangunan-bangunan kayu di SK Likas, SK Unggun, SK Kokol, SK Gudon dan SK Rampaian sekurang-kurangnya untuk membina satu blok mengandungi enam buah bilik darjah untuk menggantikan sekolah-sekolah kayu yang daif yang ada di kawasan Sepanggar.

#### ■1140

Permohonan saya pada tahun 2013 dalam Dewan ini untuk Kementerian Pendidikan membina SMK Alam Mesra dan juga SMK Lok Yuk yang telah dibatalkan, masih tidak tersenarai dalam Bajet 2016. Untuk makluman Dewan ini, Sekolah Menengah Kebangsaan Lok Yuk telah pun diaward kepada syarikat dan pembinaan telah pun dimulakan pada tahun 2012 tetapi akhirnya dibatalkan. Saya ingin tahu kenapa projek ini dibatalkan, begitu juga SMK Alam Mesra yang sepatutnya dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Ke-10, hari ini telah ditiadakan. Untuk makluman, tanah telah pun disediakan oleh SEDCO iaitu di kawasan tapak lima ekar di *Kingfisher Park*.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Sepanggar pusat membangun tetapi penggunaan Internet masih lagi di tahap yang minimum. Seperti yang saya maklumkan tadi, Sepanggar menempatkan pusat pentadbiran dan pusat pengajian tinggi. Justeru itu saya mohon supaya *high speed internet* dibangunkan di kawasan *Kingfisher* ataupun di kawasan 1Borneo kerana di sinilah kawasan yang penting kerana menempatkan jabatan-jabatan kerajaan dan juga pusat pengajian tinggi tempatan. Jadi saya minta kementerian berkenaan untuk membina *high speed internet* untuk *improvement* bagi kegunaan rakyat di kawasan bandar.

Selain daripada itu, pihak jabatan parit dan saliran telah pun mengemukakan permohonan kepada EPU pada tahun 2014, tahun lalu untuk memohon peruntukan membina ataupun melebarkan Sungai Mengatal supaya dapat mengelak berlakunya banjir kilat pada setiap tahun di Sepanggar. Projek ini amat penting kerana ia akan menyelesaikan secara total isu banjir di Sepanggar. Jabatan parit dan saliran telah pun memohon sebanyak RM95 juta melebarkan Sungai Mensiang dan juga Sungai Rampayan, *upstream* dan juga *downstream*.

Pada ketika ini, kerajaan sedang melaksanakan pelebaran Sungai Kokol dan...  
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, *mike.*

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** ...RM19 juta sedang dilaksanakan, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memulakan projek ini tetapi ia perlu disambung untuk dialirkan keluar ke laut.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu permohonan bekalan utiliti iaitu bekalan air bersih juga amat perlu di kawasan Sepanggar. Walaupun kawasan Parlimen Sepanggar merupakan kawasan *suburban area* namun terdapat 43 buah kampung dalam kawasan DUN Inanam sahaja yang mempunyai bekalan air bersih, semuanya bergantung kepada bekalan air graviti. Jadi untuk negara ini menuju negara maju menjelang tahun 2020, kalau masih ada lagi kampung yang tidak mempunyai bekalan air bekalan air bersih, ini akan merencangkan kerajaan untuk melestarikan rakyat. Justeru itu, saya minta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dapat menyegerakan pembinaan bekalan air bersih kepada 43 buah kampung ini supaya mereka dapat menikmati kehidupan seperti mana rakyat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kos sara hidup memang menjadi kebimbangan rakyat bukan sahaja di Sepanggar tetapi juga di seluruh negara ini. Saya mohon dalam Bajet 2016 ini supaya Kerajaan Pusat memberikan peruntukan khas kepada SEDCO iaitu sebuah agensi kerajaan untuk membantu melaksanakan program bagi membantu bumiputera di negeri Sabah. Untuk makluman, SEDCO merupakan sebuah agensi negeri yang telah membangunkan pusat-pusat komersial sama ada untuk dijual atau disewakan kepada bumiputera di Sabah. Tanpa SEDCO, ramai golongan bumiputera ini tidak mendapat peluang untuk mendapatkan ruang-ruang komersial untuk mereka bermiaga. Peranan SEDCO sama seperti MARA yang membeli beberapa unit bangunan komersial untuk disewakan kepada bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada isu penting yang telah dibawa oleh semua Ahli Parlimen Sabah iaitu isu polisi kabotaj. Isu polisi kabotaj ini saya difahamkan untuk melindungi beberapa pemilik kapal yang ada dan polisi kabotaj ini menentukan bahawa perjalanan kargo daripada luar negara hendaklah singgah di pelabuhan kontena sebelum dibawa ke negeri Sabah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya difahamkan antara sebab kenapa kapal-kapal ataupun *ship owner* ataupun *shipping agent* tidak membawa secara langsung kargo dari luar negara ke Kota Kinabalu sebabnya ialah kemudahan infrastruktur di pelabuhan kontena negeri Sabah di Sepanggar tidak mencukupi.

Justeru itu saya mohon Kementerian Pengangkutan dan juga Kerajaan Pusat untuk membantu *Sabah Ports Authority* untuk membina infrastruktur yang lebih baik termasuklah menambahkan kren-ken yang ada di Sepanggar dan juga di pelabuhan-pelabuhan di daerah-daerah lain supaya ia menjadi lebih kompetitif dan akhirnya *shipping agent* ataupun *ship owner* ini dapat membawa kargo secara langsung daripada Hong Kong, Taiwan, China, Jepun dan juga negara-negara ASEAN yang lain tanpa melalui Port Klang kerana ini akan melibatkan *double*

*handling charges* dengan izin dan ia akan meningkatkan kos kepada pengilang-pengilang dan juga industri di negeri Sabah.

Justeru itu apabila berlaku *direct shipment* daripada negara-negara pengeksport ke kontena Port Sepanggar, ia akan diharap akan dapat menurunkan kos barang di Kota Kinabalu dan juga di Sabah. Selain daripada itu, saya juga berharap dengan menaiktarafkan Port Sepanggar ini ia akan dapat membantu KKIP untuk lebih berdaya saing sebagai pemain industri di negeri Sabah kerana pada ketika ini pelabur-pelabur kurang berminat untuk melabur di KKIP kerana *production cost* mereka terlalu tinggi kerana kos produksi itu sendiri. Justeru itu dengan adanya bantuan daripada Kerajaan Pusat untuk menaiktarafkan Pelabuhan Sepanggar, ia diharap akan dapat membantu mengurangkan kos sara hidup di Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga daripada segi pembangunan perumahan. Saya tidak berbangga mengatakan bahawa di Sepanggar ini sama tinggi dengan apa yang ada di Kuala Lumpur. Kenapakah kos harga rumah begitu tinggi di Sabah khususnya di kawasan Sepanggar? Alasan pemaju perumahan ia disebabkan oleh *cost building material* yang begitu tinggi, dengan izin dan di antaranya ialah kebanyakannya di order ataupun dipesan dari Kuala Lumpur seperti *tiling* dan juga *sponge pile* semuanya diambil daripada Semenanjung Malaysia. Justeru itu ia melibatkan kos yang tinggi.

Saya ingin menyarankan kepada kerajaan khususnya Jabatan Perumahan Negara supaya menyalurkan peruntukan pembinaan perumahan di bawah JPN ini ke Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Negeri Sabah (LPPB) kerana LPPB mempunyai *land bank* yang banyak, di samping itu mempunyai pengalaman untuk membina perumahan di Sabah. Saya mengesyorkan supaya JPN tidak lagi menggunakan kaedah yang ada pada hari ini melainkan menyalurkan peruntukan itu ke Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Negeri Sabah yang lebih kompetitif daripada segi tindakan untuk membangunkan rumah.

#### ■1150

Pada masa ini, LPPB mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat tempatan oleh sebab LPPB tidak mempunyai kewangan mencukupi. Akan tetapi sekiranya peruntukan yang diberi oleh Jabatan Perumahan Negara ataupun oleh EPU sudah tentunya LPPB akan lebih berdaya saing dan mampu untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan rumah dengan sendirinya akan mengurangkan kos harga rumah di negeri Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepanggar boleh gulung.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menyebut tentang janji pilihan raya yang lepas iaitu kerajaan akan membina sebuah dewan. Dewan ini sebenarnya telah pun diberikan peruntukan yang khas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebanyak RM2 juta dalam lawatan beliau ke Sepanggar pada bulan Jun 2012. Akan tetapi malangnya RM2 juta ini tidak mencukupi untuk membina sebuah dewan di

dalam pekan dengan kepadatan penduduk 200,000 orang. Maka, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu memohon untuk peruntukan ini ditambah RM10 juta lagi, supaya ia dapat membina dewan yang lebih selesa untuk kepentingan masyarakat di pekan.

Yang keduanya, isu perumahan. Saya ingin bertanya Jabatan Perumahan Negara, kenapakah kelulusan membina 2,000 unit rumah di Sepanggar telah dibatalkan? Walaupun surat tawaran telah dikeluarkan tetapi akhirnya dibatalkan. Sama ada ia melibatkan kedudukan kewangan ataupun masalah-masalah teknikal yang lain.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya kerajaan melalui PR1MA ataupun agensi-agensi lain dapat membina sekurang-kurangnya 10,000 unit rumah di Sepanggar dalam Rancangan Malaysia Ke-11 ini. Oleh kerana Dewan Bandaraya Kota Kinabalu mencatatkan 10,000 lebih setinggan yang berada di Kota Kinabalu. Ini merupakan *market* yang besar yang boleh diambil oleh agensi-agensi berkenaan. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Bajet 2016. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Terima kasih. Walaupun kita masih lagi hadkan 20 minit, cuma ramai lagi kawan-kawan kita, Ahli-ahli Yang Berhormat belum lagi berbahas. Kalau boleh dipendekkan mengikut kesesuaian, saya sangat alu-alukan. Sila Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, beri saya ruang untuk bincang bajet ini. Saya hendak bincang bajet ini daripada perspektif rakyat biasa di Malaysia. Saya telah buat satu kajian selepas penggal Parlimen yang lepas di kawasan saya di Sungai Siput untuk kaji situasi ekonomi orang-orang kampung di kawasan saya. Saya dapat kumpulkan data 130 keluarga dan saya dapati keluarga-keluarga daripada kampung di kawasan saya, 45% daripada mereka dapat pendapatan bulanan di bawah RM1,200 sebulan. 40% lagi dapat pendapatan bulanan untuk keluarga antara RM1,200 sampai RM2,000 sebulan.

Hanya 15% sahaja daripada keluarga-keluarga di kawasan desa di Sungai Siput dapat lebih daripada RM2,000. Inilah statistik daripada kajian saya. RM1,200 ini tidak mencukupi untuk satu keluarga. Tidak boleh menampung kesemua perbelanjaan keluarga, hendak hantar anak ke tuisyen tentu tidak boleh, hantar sekolah pun susah. Bolehlah tapi yuran-yuran bas, bil elektrik, mereka ada masalah.

Saya ingat kadar kemiskinan di kawasan desa di Sungai Siput adalah 45% ke atas. Sama juga di kawasan-kawasan luar bandar di lain-lain kawasan. Akan tetapi saya hairanlah bila Perdana Menteri kita membentangkan bajet. Dia katakan kadar kemiskinan di Malaysia adalah 0.6% pada tahun 2014. Seolah-olah kita telah membasmi kemiskinan, kita sudah jadi negara yang kaya dan maju. Saya rasa Perdana Menteri kita sudah jadi mangsa propaganda kerajaan sendiri. Oleh kerana bila *you* tetapkan garis kemiskinan pada paras RM830 untuk sebuah keluarga untuk sebulan. Dari segi angka, *you look goodlah*, nampaknya *you* sudah solve the problem of poverty, dengan izin.

Akan tetapi ini jauh daripada realiti, saya ingat untuk kawasan luar bandar kita mesti tetapkan RM1,500 sebulan sekeluarga sebagai garis kemiskinan. Mungkin untuk bandar-bandar kita, kita kena tetapkan RM2,500 sebagai garis kemiskinan. Itu lebih realistik. Jadi, kita tetapkan macam itu, RM1,500 di luar bandar, RM2,500 di bandar. Ertinya, hampir 25% daripada keluarga kita akan didefinisikan sebagai miskin. Itu lebih realistik, *so we are not doing that you know.*

Daripada kajian saya, saya dapat hampir 20% daripada lelaki daripada keluarga ini, mereka kerja untuk gaji yang di bawah RM900. Walaupun kita ada garis kemiskinan RM900, mereka tidak dapat itu. Oleh kerana mereka bekerja sebagai kontrak di ladang, kerja-kerja sikit di bawah kampung dan di FELDA, di ladang, dia kerja kontrak. Jika mereka *insist* gaji RM900, dia tidak akan dapat kerja. Oleh kerana Malaysia kita ini, kita ada 3.5 juta pekerja asing tanpa izin, *3.5 milion.*

Di Sungai Siput pun ada ribu-ribu orang pekerja asing tanpa izin yang sedia kerja untuk gaji di bawah paras minimum itu. Di ladang, di kilang pun, di FELDA. So, jika orang kampung *insist* mesti bayar saya gaji minimum, dia tidak akan dapat kerja. Okey, so kemiskinan di kawasan luar bandar, satu isu besar ialah gaji yang rendah di bawah paras RM900 itu dan kehadiran PATI itu adalah satu perkara penting dalam isu ini.

Akan tetapi saya hendak bincang sikit bagaimana isu PATI ini, pekerja asing tanpa izin. Minggu lalu ada 33 orang dari Sri Lanka bekerja di satu kilang, di panggil Hume Cemboard Industries Sdn Bhd dekat Sungai Siput yang datang ke pejabat saya. Mereka telah dapat daripada Sri Lanka kerja di Hume Cemboard Industries ini empat bulan dulu. Masalah mereka hadapi ialah majikan tidak mematuhi semua syarat-syarat dalam dia punya kontrak, tidak bayar dia *allowance* semua. So, bila mereka bawa kepada majikan, apa yang berlaku ialah majikan sudah buang mereka semua. Dia pergi ke pejabat Imigresen, dia potong kontrak, dia ambil apa dia panggil COM (*check out memo*), dalam empat hari dia sudah *booked* tiket untuk mereka balik ke Sri Lanka.

So, pekerja ini baru datang empat bulan sahaja. Dia beritahu saya, dia sudah pinjam RM6,000 untuk bayar ejen. Jika dia sekarang diantar balik, dia belum boleh bayar balik itu hutang. So, *what can they do?* So, saya beritahu kepada mereka, okey, saya boleh bantu *you*, *I* boleh bawa *you*, esok kita pergi ke IR, Perhubungan Perindustrian. Kita daftar kes, selepas itu kita terus ke imigresen, kita cuba dapat pas khaslah, *special pass*. Ini boleh didapatkan. Akan tetapi saya beritahu mereka, ini pas khas ini tidak bagi *you* peluang untuk kerja, tidak izin *you* kerja. *You* dapat bayar RM100, *you* dapat pas khas itu, dapat satu bulan di Malaysia. Akan tetapi masih tidak boleh kerja. Kita kena pohon lagi.

So, dia kata- *I* janji akan bawa dia hari esoknya. Akan tetapi pagi esok dia panggil saya cakap, ada ejen yang beritahu mereka tak apa, datang pada saya, saya boleh uruskan semua, saya boleh cari kerja, saya boleh dapat *you pass*, permit kerja. Itu tipu. Saya ingat tidak akan dapat senang. Akan tetapi setengah daripada pekerja itu, yang dibuang kerja, dia pergi

*underground*lah, dia tidak hendak balik ke Sri Lanka. Hanya setengah balik Sri Lanka dengan beban hutang, setengah lagi jadi PATI lah. Jadi pekerja asing tanpa izin.

Jadi, saya ceritakan kisah ini, kerana PATI ini, pekerja asing tanpa izin, kebanyakan daripada mereka memasuki Malaysia sebagai PATI. Mereka datang dengan izin sebagai sah tetapi mereka dijadikan pekerja asing tanpa izin oleh perangai majikanlah dan oleh sistem undang-undang yang kita ada sini. Mereka dibuli, mereka tidak ada ruang untuk lawan balik, untuk tuntut hak mereka. Mereka enggan balik tanpa selesaikan hutang-hutang mereka.

#### ■1200

Oleh itu mereka terpaksa jadi pekerja asing tanpa izin. So, ini saya ingat adalah satu yang kita kena ambil kira dan menangani kerana ini satu isu bukan hanya *human rights* untuk pekerja asing. Ini jejaskan kehidupan B40 kita yang juga bersaing untuk kerja yang sama dan mendapati bahawa paras gaji di situ ditekan ke bawah oleh kehadiran pekerja asing.

Apabila saya bawa isu ini, banyak kali saya kena tekan, saya kena dikritik oleh rakyat Malaysia yang katakan, “Kenapa you cakap berkenaan dengan pekerja asing?” Mereka tidak tengok *connection* ia, ada *connection* rapi antara situasi pekerja asing. Jika mereka kena buli, jika paras gaji boleh ditekan ke bawah minimum, ini *effect* kita punya B40 di kampung-kampung kita, di bandar-bandar kita sebab ia memang berkaitan.

Okey, tapi malangnya dalam belanjawan ini langsung tidak ada kesedaran. You boleh naikkan paras gaji minimum ke RM1,000...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Buntar bangun.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil untuk membuat sedikit celahan atas sebab dalam ucapan saya Yang Berhormat Sungai Siput, saya juga ada menyentuh tentang bagaimana pendatang asing ini telah menimbulkan pelbagai masalah. Bukan kerana kita membela pendatang asing tetapi yang lebih penting daripada itu ialah saya meminta sikit pandangan, adakah kerana selama ini Kementerian Dalam Negeri yang mengeluarkan permit untuk pekerja asing lalu mereka jadikan ini sebagai perdagangan manusia untuk mereka mengaut kekayaan? Sedangkan saya mencadangkan dalam ucapan saya, Kementerian Sumber Manusia sepatutnya memberikan permit bagi mereka melihat keperluan serta memastikan standard piawaian gaji dan sebagainya dipatuhi. Apa pandangan Yang Berhormat Sungai Siput?

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Saya rasa kita kena analisa situasi ini. Ini kedatangan pekerja asing ini siapa dapat faedah dan siapa yang dapat beban, yang dapat kesan-kesan negatif. Saya baru ceritakan

bagaimana B40 ini, 75% daripada B40 adalah daripada kaum Melayu, masyarakat Melayu. Mereka yang dapat padah daripada ini. Siapa yang dapat untung? Yang dapat untung daripada kehadiran pekerja-pekerja asing yang boleh dibuli, yang boleh dibayar di bawah paras RM900 itu adalah majikan-majikan, ejen-ejen yang bawa mereka masuk dan juga *labour contractor* dan mungkin juga pegawai-pegawai tinggi dalam imigresen yang dapat komisen. So, kita boleh katakan 10% ini berfaedah, beruntung daripada perkara situasi ini, yang parah adalah orang pekerja asing juga dan juga B40 kita sendiri.

Jika kita hendak kendali masalah ini, bagaimana kita kendalikan? Saya ingat satu yang *important* ialah kita mesti wujudkan peluang untuk mereka menuntut hak mereka untuk membela diri sendiri. Katakan mereka dibuli oleh majikan mereka, kita mesti buka ruang untuk mereka untuk bawa isu dia kepada *Labour Court*, Mahkamah Buruh ataupun *Industrial Relation (IR)* untuk tuntut balik. Akan tetapi apa yang berlaku sekarang walaupun undang-undang kita ada mereka boleh buat tetapi mereka datang atas permit kerja yang di tangan majikan dan majikan boleh dapat *check out memo (COM)* macam itu sahaja dan dia dijadikan haram selepas itu, mereka kena balik. Jika tidak balik mereka sudah jadi PATI.

Apabila kita bawa dia ke imigresen minta *special pass*, tidak senang juga. Imigresen pun kata bila *you* tunjuk kaya, tarik. Dapat tarik mahkamah, IR itu baru dia bagi. Akan tetapi IR tidak bagi mahkamah terus, IR bagi buat *conciliation* dulu. *Conciliation* itu pun mungkin ambil sebulan atau sebulan setengah. Dalam jangka masa itu, mereka tidak boleh dapat *special pass*. Walaupun kita pergi merayu, dia kata tidak boleh. Ini kita boleh selesaikan, kita boleh katakan pihak imigresen jika dapat surat daripada IR ataupun pejabat buruh yang mengatakan dia sudah mengadu, dia sudah failkan satu aduan secara rasmi, mesti beri *special pass*. Ini boleh selesaikan masalah ini.

Satu lagi masalah ialah selepas dapat *special pass* pun, hanya boleh duduk di negara, tidak boleh kerja. Macam mana dia hendak hidup? Apabila dia dibuang kerja daripada majikan, majikan akan keluarkan dia daripada *hostel* dia. So, dia hendak ke mana? Duduk di mana? Makan macam mana? Tidak boleh kerja. Mesti kerjalah jika duduk di sini hendak kerja, mesti kerja. Kena tangkap oleh polis atau imigresen kah apa hendak buat? Atau jika boleh, bayarlah. Bayar, *escape*. Saya ingat ini masalah mereka. So, *this is a problem we got to solve*. So, kita perlu pas khas itu atas pengesahan daripada IR, permit kerja.

Ketiga yang kita tengok ialah jika kita ada *3.5 million* pekerja asing tanpa izin, mereka di mana? Ada mereka duduk di merata Malaysia goyang kaki kah? Ataupun mereka hidup, dia makan oleh sebab derma daripada orang Malaysia pada mereka kah? *How are they living?*

**Seorang Ahli:** Dia kerja.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Dia kerja, kerja dengan majikan-majikan di Malaysia. *3.5 million*, kita banding dengan orang yang bayar EPF di Malaysia, sekarang bayaran EPF di Malaysia hanya lebih kurang RM6 juta. So, *3.5 million* ini yang kerja

juga, satu sektor yang begitu besar, majikan kita yang gaji mereka. Ini kerana mereka boleh *do it and get away with it*. Mereka tidak ditangkap, majikan tidak tangkap, yang kena tangkap itu orang asing PATI itu kena tangkap di penjara, disebat. *No, they kena tetapi majikan tidak kena*. Kita ada undang-undang Tuan Yang di-Pertua. Kita ada undang-undang, kita ada Akta Imigresen seksyen 55B, subseksyen (3) yang mengatakan, "*Jika sebuah majikan ada lima orang pekerja asing tanpa izin*", lima orang ke atas tanpa izin, "*Majikan itu boleh dipenjarakan sekurang-kurangnya enam bulan*". Berapa orang majikan dengan kehadiran *3.5 million* itu dalam tahun yang lalu? Berapa orang majikan telah dipenjarakan untuk menggaji pekerja asing? Saya ingat tidak ada.

So, ini kelemahan dalam penguatkuasaan *law* kita yang berpihak kepada T10, top 10% menjelaskan kehidupan B40 di Sungai Siput. Ada berkaitan, ini bukan saya *bleeding heart liberal*, hanya sokong *human rights* orang asing. Itu pun memang betullah, kita manusia kita kena tengok hak mereka juga. Akan tetapi ada berkaitan antara hak mereka, standard mereka dan standard B40 kita. Siapa yang untung ialah T10 kita. T10 kita yang untung ini. Okey, inilah isu saya ingat yang langsung tidak diambil kira dalam bajet kita. Ini satu isu yang tekan kehidupan orang di bawah tetapi tidak langsung diambil kira.

Saya balik kepada kajian saya, 25 iaitu satu perempat daripada orang di kampung-kampung di Sungai Siput adalah pekebun-pekebun getah, kelapa sawit sikit. 90% daripada mereka kerja atas tanah-tanah yang tiga ekar ke bawah. Macam penoreh getah ini, dia menoreh getah tiga ekar itu selang hari. So, dia hanya dapat kerja tiga hari seminggu dia dapat kerja dan ada orang-orang lain juga yang kata dia kerja kampung. Apabila kita tanya dia apa itu kerja kampung, kita tidak tahu hanya kerja dua atau tiga hari seminggu. Tidak ada cukup kerja.

So, jadi ada 40% orang lelaki di kawasan desa Sungai Siput yang tidak dapat kerja sepenuh masa di Sungai Siput. Hanya dapat dua, tiga hari seminggu. Akan tetapi soalan ia ialah kenapa kita ada ribu-ribu pekerja asing di Sungai Siput di ladang, di kilang tetapi pekerja ini tidak dapat kerja? Jawapan dia ialah bukan kerana orang Melayu ini malas, bukan. Ini kerana kilang dan ladang lebih suka dapat pekerja asing. Lebih murah, lebih senang untuk dibuli, dia suka. Walaupun dia pura-pura mengambil orang tempatan, dia buat iklan semua tetapi dia tidak mahu orang tempatan.

## ■1210

Saya ada temu duga dalam kajian saya dengan seorang lelaki Melayu, 30 tahun, dia kata kerja kampung, saya tanya kenapa tidak kerja di kilang, gaji lebih baik. Dia kata Dr, ada. Saya kerja di Isolite, saya kerja di bawah kontraktor buruh, gaji saya RM900 sebulan. Saya tanya, "Apa masalah?" Dia cakap, dia dibayar *overtime* dengan kadar RM1.0, dalam undang-undang-kita, jika *overtime* kita kena bayar RM1.5 kan? So, kita ambil RM900 bahagi 26 hari, bahagi dengan lapan jam seharian, kita dapat RM4.33 sejam. Itu dia punya kadar biasa lah. Jika kena bayar OT dgn RM1.5 kita darab RM1.5 itu kita dapat RM6.49. So, pekerja ini bila dia dibayar dengan RM4.33 dan bukan RM6.49, setiap hari ada overtime empat jam tapi dia dibayar dengan kadar RM4.33.

Bila dia pergi cakap dengan majikan, majikan pun majikan Melayu *outsource* itu Melayu cakap pada dia, "Saya tidak paksa you. You suka kerja, you kerja sini."

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput, boleh gulung.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Oh okey, saya akan gulung. Dia kata, "Jika suka, kerja sini, kalau you tak suka, you pergilah". Lepas itu, tidak bagi dia *overtime*. So dia malu, dia berhenti kerja. So, isu ini saya balik kepada kes Sri Lanka itu, mereka kena bayar levi, dalam kontrak dia, duit levi itu RM100 dipotong dari gaji mereka. Jika pekerja kita, pekerja tempatan, majikan kena bayar RM900, juga kena bayar 13% dia punya caruman KWSP. Jadi itu lebih kurang RM117 sebulan. So, *Malaysian worker*, tempatan ini lebih mahal, dia kena bayar gaji minimum, lepas itu kena bayar KWSP.

Untuk orang Sri Lanka itu, *you* boleh selamatkan levi. So, ini semua, struktur pasaran buruh ini adalah masalah untuk B40 kita tapi ini, saya gulung sekarang. Akan tetapi isu ini tidak diambil kira dalam bajet kita. *Overall standard* kerja ini tekan pekerja kita. So, walaupun kita naikkan gaji minimum RM100, itu bagus. Kita meningkatkan kita punya BR1M, kita bagi kelonggaran yang lebih bagi ubat-ubatan, yes, itu semua bagus tetapi *main issue* dia gaji. Pendapatan.

Tidak dapat kerja oleh kerana kehadiran enam juta orang pekerja asing ini tidak dikendalikan. *Not being addressed*. Dia bagi gula-gula tapi *main issue* yang tekan mereka ke bawah, mereka tidak perlu, *you know*, sedekah. Mereka perlu satu *working environment*, satu *weight structure* yang adil. So, inilah saya rasa bajet ini tidak adil, tidak *address the main issue*, *you know*, dia hanya bagi gula-gula. Sebab itu, saya tidak boleh sokong bajet ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi.

### 12.13 tgh.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya berbahas dalam Bajet 2016. Terutamanya tahniah kepada Yang Berhormat Pekan kerana membentangkan bajet yang mengukuhkan negara dan mensejahterakan rakyat walaupun dalam kekangan ekonomi global yang tidak menentu khususnya harga kejatuhan komoditi utama yang turut menjelaskan nilai mata wang dan dagangan global.

*Alhamdulillah*, Bajet 2016 saya yakin dan percaya akan memberi impak yang positif kepada rakyat dan juga negara. Dalam bajet ini walaupun sebenarnya di segi angka-angka menunjukkan sedikit penurunan tetapi saya lihat banyak perkara baru yang telah diberi perhatian.

Antaranya ialah walaupun peruntukan kurang tetapi kos untuk rakyat dapat diberi perhatian khususnya dengan pelepasan-pelepasan yang banyak diberi. Antaranya, untuk bawah 40, B40, dengan adanya pelepasan yang lebih tinggi untuk anak-anak. Dulu RM1,000, sekarang RM2,000. Kalau ada tiga, empat orang anak, pelepasan itu RM4,000 tambahan.

Selepas itu kalau OKU, yang kurang upaya juga RM6,000, bagi RM8,000. Selepas itu untuk masuk universiti, ini untuk M40 ya, ini juga satu tahniah kepada kerajaan kerana membuat satu kriteria baru, M40, dan ini konsisten dengan kewujudan bukan sahaja Kementerian Luar Bandar, kita juga ada kementerian kesihatan dalam bandar dan kita sekarang ada M40 yang saya yakin jika dikemaskinikan kerangka kerjanya akan memberi limpahan yang banyak kepada rakyat pada masa akan datang. Saya sambung lagi daripada RM6,000, RM8,000 untuk pelepasan masuk universiti. Kalau dua anak, RM4,000 tambah, itu RM16,000, banyak itu. Dan juga untuk BR1M tambah untuk RM4.7 juta termasuk RM2.7 juta orang pemuda, RM500 *one-off* untuk 1.6 juta penjawat awam dan RM250 untuk orang pencen. Ini semua sedikit sebanyak akan mengurangkan beban anak-anak, rakyat.

Selain daripada itu, saya mengambil kesempatan hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya BR1M ini kita cadangkan supaya penerima BR1M ini diberi dalam bentuk debit kad. Tujuannya supaya penerima BR1M ini dapat banyak habiskan guna untuk keperluan yang mendesak. Tidak digunakan untuk beli rokok, *hand phone* dan lain-lain. Dengan debit kad ini kita boleh kawal pembelian dan pastikan BR1M ini digunakan untuk beli keperluan asas yang sewajarnya. Keduanya, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana pada kali ini, Bajet 2016 nampaknya ada penekanan untuk kita merangsang ekonomi dan saya ingat peruntukan besar kalau kita kompositkan selepas pendidikan, hampir RM40 bilion untuk ekonomi khususnya untuk Industri Kecil dan Sederhana atau SME.

Saya suka memetik beberapa fakta yang mungkin boleh kita guna. Tahun 2010 sumbangan MSME kepada ekonomi negara adalah 32.2%, tahun 2014, 35.9% dan tahun 2020 dijangkakan sumbangan SME ini akan menjangkaui sehingga 41% pada keseluruhan. Ekonomi negara ini satu perkembangan yang baik dan sebenarnya menjadi trend kepada negara-negara yang maju di mana pemerhatian dan penekanan untuk merangsangkan lagi *small & medium industry* ini mesti digerakkan. Bagaimana pun, saya suka mencadangkan kerajaan, ada beberapa perkara yang perlu kita lihat juga, iaitu mengenai pengetahuan kemahiran. Peserta-peserta ini atau PKS tentang persekitaran semasa yang akan menentukan, *determinant* kepada berjaya atau gagalnya mereka pada masa hadapan.

Contohnya persekitaran yang berlaku, ada FTA, *Free Trade Agreement*. Ada pergerakan kerja menunjukkan ASEAN Economic Committee, contohnya dan tidak lama lagi TPPA. Ini semua mesti difahami secara dinamik oleh peserta-peserta SME ini supaya mereka faham dan dapat manfaat yang banyak daripada inisiatif-inisiatif yang diberikan oleh kerajaan.

Saya difahamkan melalui satu survey, SME atau PKS ini, kefahaman mereka tentang AEC, contohnya ASEAN Economic Committee adalah pada tahap yang masih rendah. Jadi bagaimana mereka dapat memanfaatkan perkembangan yang baik ini kalau kefahaman mereka masih rendah? Jadi atas sebab itulah satu kerangka kerja khusus untuk tingkatkan awareness atau pun kepekaan, pengetahuan dan kemahiran mereka seiring dgn tuntutan yang akan berlaku dalam usia akan datang. Jadi saya usulkan kerajaan untuk melihat keperluan ini.

Keduanya ialah pengetahuan holistik tentang keberhasilan pembentukan kepada PKS yang telah kita bagi ini. Contohnya, ada banyak dana yang telah dibuatkan, yang telah disusun oleh kerajaan. Mesti ada satu pemantauan secara *constructive engagement*, maknanya, kita buat bimbingan secara berterusan. Jangan kita bagi dia, kita biarkan sahaja. Jadi kebiasaan itu tidak dapat dipantau dengan baik. Jadi saya minta, ini lagi satu aspek yang bermakna kita boleh manfaatkan secara *cost effective* dengan optimum peruntukan yang besar hampir RM39 bilion untuk rangsangan ekonomi yang menjurus kepada perkembangan SME ini.

Perkara ketiga yang saya hendak sebut mengenai PKS ini penting juga kita memberi pemahaman tentang pengurusan kewangan kerana banyak SME, PKS ini masih saya rasa boleh ditingkatkan lagi keupayaan mereka, kapasiti khusus kepada pengurusan kewangan yang mapan supaya mereka dapat berdaya bersaing dalam jangka masa lebih panjang.

Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pertahanan melalui PLKN mengadakan kursus pengurusan kewangan peribadi untuk peserta-peserta ini. Ini satu lagi langkah yang baik untuk kita membina kapasiti dan dalam masa medium yang panjang dia melalui modal insan yang pengurusan kewangan yang baik. Seterusnya saya hendak menyentuh, berbahas mengenai satu lagi langkah kerajaan yang amat baik iaitu *transforming Technical and Vocational Education and Training* atau pun TVET. Pada tahun 2020, dijangkakan 1.5 juta akan diwujudkan dan 60% nya adalah bersekitar kemampuan keupayaan TVET kita dan untuk bajet kali ini RM4.8 bilion diperuntukkan kepada 545 institusi yang akan menggerakkan, yang akan melaksanakan program TVET ini.

## ■1220

Ini adalah satu hadiah yang amat besar kerana kalau kita bincang tentang BR1M, memanglah ini sementara, tetapi saya pun bersetuju dengan rakan-rakan sebelah sana, yang paling penting kita tingkatkan keupayaan supaya mereka mempunyai kemahiran dan akhirnya mempunyai gaji yang lebih baik dan sudah tentu kita dapat menangani isu gaji minimum ini dengan lebih berkesan melalui kerangka kerja yang berterusan sebagaimana yang diadakan pada hari ini.

Jadi, bajet untuk tahun 2016 dengan RM48 bilion ini amat baik, saya mengucapkan tahniah. Cuma, ada dua perkara yang saya hendak sentuhkan di sini iaitu perlu diwujudkan, kalau kita kata kreativiti dan inovasi, ada satu lagi *hallmark* ataupun *corner stone* yang perlu kita kembangkan lagi dalam industri negara supaya kita mempunyai daya saing dan daya pasaran

yang lebih baik. Maka saya mencadangkan supaya di samping kita ada Limkokwing dan KLMU Academy, mana IPTA-IPTA mesti diberikan *tasking* yang khusus untuk memasukkan elemen kreativiti dan inovasi sebagai satu perkara yang penting supaya kita boleh menghasilkan lebih banyak lagi produk, menghasilkan usahawan-usahawan yang berkreativiti dan berinovasi dan ini akan menjadikan kita kelebihan untuk kita berdaya saing di peringkat dunia.

Di samping itu juga, mungkin *tourism* dan *hospitality* juga satu lagi jurusan yang mungkin kita beri penekanan di samping *oil and gas, heavy industry*. *Tourism* dan *hospitality* menawarkan peluang potensi amat baik untuk kita menjana modal insan yang boleh berkeupayaan bukan sahaja dalam negara yang mana kita tahu dalam Malaysia mempunyai budaya sopan-santun yang amat baik, berbudi pekerti yang menarik. Jadi ini juga akan kita sematkan dalam pelaksanaan TVET untuk *tourism* dan *hospitality* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak berbahas mengenai perumahan. Kita tahu '*Baiti Jannati*', '*Rumahku Syurgaku*'. Kalau di dunia ini rumah kita macam neraka, saya ingat kita sudah tempah apa yang kita akan ada di masa depan. Akan tetapi kita juga ada peluang untuk menjadikan rumah kita satu tempat yang amat menarik dan menjadi tarikan dan idaman anak, bukan sahaja isteri kita atau isteri-isteri kita, tapi juga anak-anak kita. Kalau tidak, dia pergi luar, dia tidak balik rumah.

Atas sebab itu, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana memperuntukkan peruntukan yang amat besar untuk menjadikan 391,000 buah rumah mampu milik melalui pelbagai agensi yang kita ada seperti PR1MA, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, FELDA, RISDA, FELCRA, SPNB, KPKT, JPN, MINDEF, PDRM, semuanya buat rumah 391,000 buah.

Kita pun faham pada hari ini kos membeli rumah ini bukannya murah. Baru-baru ini ada ekspo, kita dapat tahu bahawa kos untuk membuat rumah ini ia punya *land cost* tanah pun mahal. Dahulu 10 peratus, sekarang sudah menjangkau 15 hingga 20 peratus pada keseluruhan pembangunan. Kita juga tahu *compliance*, pematuhan untuk syarat-syarat memenuhi jabatan-jabatan pun sudah naik. Dahulu lima peratus, sekarang sudah menjangkau 20 peratus. Ada negeri-negeri lebih tinggi daripada negeri lain.

Jadi kos pembinaan rumah ini amat besar. Itulah sebabnya apabila kerajaan memberikan *facilitation fund* ataupun dana pemudah cara supaya rumah-rumah ini dapat dibuat pada kos yang boleh kita merendahkan kos penjualan ini, ini amat baik. Cuma saya rasa mungkin kos contohnya macam PR1MA RM1.6 bilion untuk 175,000 unit, saya ingat tidak cukup. Sepatutnya kena lebih lagi sebab rumah ini '*Baiti Jannati*', kita kena buat syurga di rumah ya.

Cuma, dalam itu, saya suka menyarankan supaya untuk pembinaan rumah-rumah ini biarlah selesa dan rumah-rumah ini mempunyai *future value*. Dalam kita sibuk, kita rancak membina rumah-rumah ini, jangan kita *cut square feet* ini menjadi bertambah kecil atas nama hendak buat cepat. Kena diseimbangkan. Saya bimbang kalau kita buat rumah-rumah yang tidak terlampaui murah, ia tidak ada *future value*. Kalau tidak ada *future value* ini maknanya ia bukan

lagi bersifat *investment driven*. Kalau kita mempunyai rumah, kita belanja rumah, kita bayar setiap bulan, selepas 15 tahun rumah itu ada naik tingkat, kita bayar RM150,000 contohnya, kalau ada peningkatan nilai tambah harga disebabkan permintaannya tinggi atau nilai rumah yang tinggi, maka menjadi RM250,000 pada ketika itu, itulah hasil penabungan kita yang kita simpan 15 tahun itu.

Ini amat baik kalau semua rakyat Malaysia boleh menjadikannya sebagai satu penabungan atau *investment driven*. Jadi aset yang kita guna, kita sewa dan kita tinggal dan naik nilainya. Sudah tentulah ia bergantung kepada *design* dan *future*, *material* dan sebagainya. Jadi kalau kita buat rumah yang tidak berapa mempunyai nilai-nilai ini, saya bimbang takut rumah ini nanti ia tidak ada *future value*. Itu mesti diseimbangkan dalam *design*. Kalau kerajaan boleh menimbulang *facilitation fund* ini, mengambil kira perkara-perkara ini, saya rasa amatlah baik.

Kita tahu, kerana rumah kita ini minimum 800 kaki persegi, dahulu kita ingat kita buat rumah ada dua buah bilik dan sebagainya. Rumah ini ada kurang sesuai sedikit. Ini bukan '*Baiti Jannati*' sebab anak-anak kita tidak ada tempat, tidak ada ruang dalam rumah. Maka dia akan berkelana di luar rumah, dia akan menghabiskan masa lebih banyak di luar rumah daripada di rumah dan ini akan menimbulkan pelbagai masalah termasuk masalah sosial, moral dan sebagainya. Kos untuk kita hendak menangani masalah moral itu jauh lebih besar daripada kita menangani kos-kos yang *fix* seperti pembinaan rumah ini.

Atas sebab itu, saya cadangkan supaya *design* ini kena dipantau dan saya teringat satu frasa mengatakan, "*Kerajaan kita buat rumah bukan untuk dijual*". *We are not building house to be sold. We're building house to be owned*. Jadi kerajaan perlu menambah lagi jumlah ini untuk kita memudah cara rakyat untuk memiliki rumah.

Di samping penjanaan *facilitation fund* yang diberikan kepada agensi-agensi ini, kita juga perlu lihat kepada pembiayaan. Pembiayaan adalah satu perkara yang besar, saya faham, kerana bank-bank pun terkekang juga kalau kita beri banyak-banyak pinjam ada masalah untuk mereka dan sebagainya untuk membayar, *especially for first time*, orang-orang muda. Kita hendak menggalakkan orang beli rumah dan perumahannya besar, baik untuk negara sebab 8.4 peratus pemacu perkembangan ekonomi negara ialah melalui *construction* dan *construction* ini banyak datang daripada perumahan-perumahan. Atas sebab itu, ia membantu membina negara. Akan tetapi dalam pada masa yang sama, kita kena melihat kos pembiayaan hari ini.

Kita tahu banyak bank membuat kekangan untuk pembiayaan sejak tahun 2013 tetapi hari ini kita lihat keperluan rumah ini amat mendesak. Di samping kerajaan membantu mengurangkan kos melalui dana pemudah cara, kita juga kena melihat bagaimana pembiayaan ini dapat membantu. Kadang-kadang kos pembiayaan yang terlampaui tinggi menyebabkan kalau kita bayar sampai 15 tahun, ia menjadi satu beban pula kepada pembeli-pembeli.

Atas sebab itu, saya suka mencadangkan dan saya bersetuju dengan sahabat saya dari Tasek Gelugor agar kerajaan menimbulang keperluan untuk mengadakan skim sewa beli yang

lebih komprehensif untuk memudahkan rakyat memiliki khususnya kepada mereka yang *first time owner*, *first time buyer* dan juga kepada mereka yang *second time buyer*. *Second time buyer* ini pun penting juga sebab kadang-kadang dia beli rumah kecil, selepas beberapa tahun, anak sudah ramai, dia perlu *upgrade* rumah. Jadi dengan ini kita kena memberikan ruang untuk mereka membeli rumah yang baik.

Atas sebab itu saya suka mencadangkan kalau bank terkekang daripada segi kewangan, saya mencadangkan supaya EPF- kita tahu EPF mempunyai 12 juta pencarum dan hampir tujuh juta pencarum aktif. Kalau boleh mereka memberi satu skim sewa beli yang tidak terlampau lama, mungkin lima tahun atau tujuh tahun atau lapan tahun dan untuk memudah cara mereka membeli, selepas itu mereka boleh beli lagi pembiayaan biasa dan itu mengelakkan mereka keperluan untuk membayar 10 peratus, buat *renovation* untuk *grill* dan sebagainya.

Dalam masa lima tahun atau enam tahun atau tujuh tahun itu mereka sudah pun mendisiplinkan mereka dengan cara pembiayaan yang konsisten, pengurusan kewangan yang baik, dengan ini, rakyat akan berpeluang mempunyai rumah-rumah yang ada *future value*, di taman yang baik, rumah yang besar, sesuai dan ada potensi untuk *upgrade* dan dalam pada masa yang sama tidak memberikan kekangan yang lebih besar kepada mereka untuk membeli rumah-rumah.

Rumah masih adalah satu topik yang besar dan saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya jumlah ini perlu ditambah di masa-masa akan datang atau kita melibatkan EPF bagaimana untuk memudahcarakan,

Menyebut fasal rumah PR1MA tadi, saya tengok dana pemudah cara ini pun yang diberi puratanya sudah ada dalam RM20,000 sebuah rumah. Ini pun saya rasa sudah terkekang, mungkin kurang lagi, sepatutnya ditambah lagi. Itu sebabnya macam PR1MA ini, RM1.6 bilion saya cadangkan kalau ditambah lagi supaya lebih banyak rumah dapat dibuat dengan kadar yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sentuh sedikit tentang bajet. Saya difahamkan bajet JPM ini macam besar iaitu RM45 bilion lebih kurang untuk pengurusan dan RM14 bilion, hampir RM20 bilion, untuk pembangunan. Akan tetapi saya *noticed*, saya tengok sebenarnya pada pandangan saya, pengamatan saya, JPM ini sebenarnya belanja pengurusan ini besar sebab terdapat begitu banyak sekali agensi di bawah jabatan ini.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: [Bangun]**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Contohnya, kita ada macam PR1MA tadi saya sebut. Silakan Yang Berhormat Kluang.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Tentang peruntukan untuk JPM. Sebenarnya RM8.5 bilion dalam peruntukan pembangunan itu bukan untuk agensi tetapi untuk Perdana Menteri dan untuk beliau berikan kontrak ataupun projek secara budi bicara ataupun ikut suka hati. Minta komen.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Saya memang tunggu Yang Berhormat Kluang bangun.

■1230

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi. Boleh gulung ya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Baik. Sebenarnya pandangan itu pun jauh tersasar. Sebab itu kita tengok, pengamatan saya, RM5.6 bilion itu untuk UKAS atau Unit Kerjasama Awam Swasta. Tujuannya supaya kerajaan menggalakkan penglibatan swasta. Kita tidak boleh mengharapkan pelaburan asing, jadi kita mesti merancakkan pelaburan domestik. Atas sebab itu, kerajaan buat UKAS ini. Saya beri contoh, di Johor kita buat jalan raya RM1.1 bilion dari Johor Bahru ke Nusajaya yang dibiayai oleh UKAS tetapi dengan adanya jalan *trunk road* yang besar ini, maka begitu rancak sekali di Iskandar.

Kita tahu di Iskandar sekarang pelaburan di luar dan dalam negara melangkau RM100 bilion. Itu satu contoh yang baik di mana kerajaan menggalakkan, merancakkan. Ini adalah satu pendekatan yang baru yang saya rasa amat berjaya dan daripada RM5.6 bilion tadi, RM3 bilion *facilitation fund* saya difahamkan adalah untuk membayar contohnya kita buat MRT, LRT dan sebagainya. Ini hendak kena bayar balik tanah-tanah ini dan banyak tanah ini saya difahamkanlah berada di Selangor, di bandar-bandar besar dan pesat. Jadi kos ini adalah kos tanah, jadi kalau kerajaan tak bayar, siapa hendak bayar?

Itu sebabnya adanya *facilitation* ini ditambah pula dengan RM2.6 bilion untuk pembangunan koridor. Iskandar, ECER, SKOR dan macam-macam lagi. Jadi dana pemudah cara kerajaan itu banyak membantu merancakkan ekonomi. Jadi kita jangan tengok daripada segi pembahagian. Jadi macam Yang Berhormat Kluang tadi, saya mungkin masa pendek, kita boleh debatlah tetapi sebenarnya itu tanggapan itu tak betul. Satu lagi kita tengok, saya sebut hari itu, Selat Melaka ini hampir 80 ribu kapal yang berat lebih daripada 200 tan melalui Selat Melaka. Ini antara salah satu selat yang paling sibuk di dunia. Siapa jaga?

Kita di TLDM jaga *navy* tapi APMM (Agenzi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia). Sebenarnya saya tengok peruntukan APMM ini terlampaui sedikit. Bila satu dua kapal hilang, kita kecoh tapi berapa puluh ribu kapal tak termasuk yang bawah 200 tan, tentulah kita mesti mempunyai kapasiti yang seimbang untuk memastikan keselamatan ini berjalan. Kalau esok ada banyak lanun berlaku, mungkin kita akan terjejas ekonomi kita sebab laluan ini adalah amat-amat penting. Itu sebabnya kita bawah JPM ada PR1MA, APMM, kita ada UKAS, kita ada Bencana, kita ada UPEN, kita ada ESSCOM, kita ada macam-macam, 93 agensi. Jadi saya ingat termasuklah Parlimen ini sendiri.

Jadi saya rasa tak wajarlah kita mempolitikkan isu ini dan kalau ada pembangunan RM14 bilion itu pun, saya ingat wajarlah dan bagi saya, patut ditambah lagi. Contoh macam PR1MA itu sendiri, RM1.6 bilion, Yang Berhormat Kelana Jaya pun kata tak cukup. Jadi bagi saya, patut

ditambah. Kalau 351 rumah mampu milik, *facilitation* dana pemudah cara RM20 ribu, sepatutnya ada RM7 bilion dekat situ, sepatutnya lah tetapi kita bagi tak sampai banyak itu.

Itu sebab kata memanglah kita tak boleh dapat semua tetapi kita kena rasionalisasikan supaya ianya menepati keperluan dan permintaan semasa. Atas sebab itu saya kata kalau ada mengatakan JPM ini, daripada saya, itu pandangan yang agak ceteklah. Biar kita tengok daripada keseluruhan ya dan seterusnya kepada kawasan saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana pembangunan di Pengerang itu tetapi Pengerang itu..., sebelah. Baguslah, dia akan ada limpahan-limpahan tertentu tetapi sebagaimana yang saya sebut sebelum ini, limpahan tertunda. Tertunda itu bagus tetapi kita hendak juga suntikan seiring segera kepada penduduk yang di sekitarnya. Jadi bila kita bangunkan pembangunan yang besar, itu untuk keperluan industri yang akan menjadi limpahan kemudian tetapi kita juga perlu pastikan rakyat di persekitaran itu mendapat suntikan seiring dengan segera supaya mereka rasa tidak terpinggir.

Atas sebab itulah saya minta sangat supaya jalan FT092 dari Bandar Penawar ke Kota Tinggi perlu disegerakan untuk dibangunkan sebab jalan itu bahaya dan terlampaui banyak kemalangan dan ia menjadi kekangan kepada limpahan pembangunan daripada Pengerang. Atas sebab itu saya minta FT092 bukan Kota Tinggi sahaja dapat, *insya-Allah* kita dapat, Tenggara pun dapat, Sembrong, Kluang pun akan dapat juga. Ia akan menjadi *central eastern spine* sampai keluar ke Ayer Hitam. Dengan cara itu, kita akan merancakkan pertumbuhan secara sekata dan merata dan rakyat semua akan suka sebab mereka mendapat kebaikannya. Jadi atas sebab itu saya minta supaya FT092 ini disegerakan pelaksanaannya dan saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bajet 2016. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

### **12.34 tgh.**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Salam sejahtera saya ucapan kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat. Terima kasih diucapkan kerana memberi ruangan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2016. Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan kelembapan ekonomi global, penurunan harga komoditi terutamanya minyak, kelapa sawit, getah dan penyusutan nilai ringgit sudah pasti akan memberi kesan atau impak negatif kepada mikro ekonomi negara secara keseluruhannya. Kita juga mungkin akan menghadapi penguncutan dalam eksport yang boleh mengganggu imbangan pembayaran negara. Hutang negara juga telah meningkat begitu mendadak dan menggerunkan. Ditambah pula dengan kenaikan harga barang yang menjadi cubitan yang dirasai oleh semua lapisan masyarakat tetapi dalam ucapan Bajet 2016, Perdana Menteri dengan beraninya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia mampu berkembang sebanyak 5.5%

sepanjang tahun 2015 diikuti pertumbuhan KDNK negara yang akan dijangka berkembang pada kadar 4% hingga 5% pada tahun 2016.

Perdana Menteri juga telah berhujah bahawa negara kita masih stabil, masih kukuh dengan *economic fundamental* dan terus berdaya saing. Saya agak ragu-ragu tentang angka-angka dan kenyataan yang diberikannya itu. Saya memohon kepada Menteri Kewangan untuk membuktikan faktor-faktor apakah yang mendorong untuk membuat unjuran yang sedemikian. Pada hemat saya, negara kita kini berada di ambang krisis ekonomi. Kerajaan harus mengelak daripada sindrom penafian yang boleh merugikan semua pihak. Kerajaan perlu memberitahu keadaan yang sebenar supaya rakyat boleh berhati-hati dan menghadapi sebarang kemungkinan.

Tuan Yang di-Pertua, benarkah kadar kemiskinan negara kita adalah pada tahap 0.6% dan kemiskinan tegar pula hampir disifarkan? Saya tidak dapat bersetuju dengan angka-angka ini. Peratusan yang diberikan itu tidak mencerminkan keadaan yang sebenar. Pada hakikatnya jumlah orang miskin dan miskin tegar di negara kita jauh lebih besar daripada perangkaan yang dilaporkan oleh kerajaan. Saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sungai Siput tadi.

Pertama sekali, garis kemiskinan yang ditetapkan oleh kerajaan adalah terlalu rendah untuk mengukur kadar kemiskinan negara. Pada masa ini, garis kemiskinan yang ditetapkan oleh kerajaan ialah RM830 seisi rumah untuk kadar kemiskinan dan RM520 seisi rumah untuk kadar kemiskinan tegar. Ini seolah-olah meletakkan markah lulus peperiksaan pada tahap 15% di sebuah sekolah. Sudah pasti sekolah itu akan menunjukkan prestasi yang cemerlang, hampir 100% lulus dalam peperiksaan tersebut tetapi adakah ini menunjukkan kecemerlangan yang sebenar? Oleh itu, saya menyarankan supaya garis kemiskinan negara kita dikaji semula supaya lebih rasional dan praktikal.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan saranan Timbalan Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Dalam Negeri untuk membendung konflik perkauman daripada awal-awal lagi. Beliau berucap sedemikian selepas mempengerusikan satu mesyuarat khas dengan Menteri-menteri ASEAN di Kuala Lumpur. Baru-baru ini, isu perkauman menjadi permainan politik pelbagai pihak. Banyak isu perkauman yang sengaja ditimbulkan untuk menjuarai kaum masing-masing. Ini adalah satu perkembangan yang tidak sihat malah boleh menghancurkan negara kita. Negara kita merupakan negara majmuk yang mempunyai reputasi antarabangsa untuk kepelbagaiannya etnik agama, budaya dan bahasa. Kita tidak boleh membenarkan mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab untuk memusnahkan khazanah kemajmukan ini untuk kepentingan mereka. Saya berharap kata-kata beliau untuk membendung konflik perkauman itu bukanlah sekadar untuk mendapat perhatian delegasi luar negara.

Rakyat sudah hilang kepercayaan dengan pemimpin-pemimpin negara yang turut membarakan api perkauman. Sebagai seorang negarawan, slogan perpaduan seperti

“1Malaysia” dilaung-laungkan. Pada ketika lain, sebagai seorang pemimpin parti politik pula, membarakan semangat perkauman. Inilah dapat dilihat dengan jelas apabila pemimpin-pemimpin utama negara menyokong himpunan Merah secara terang-terang. Isu perkauman dimainkan dengan begitu hangat sekali untuk menimbulkan kemarahan dan kebencian sesuatu kaum.

Oleh yang demikian, Menteri Dalam Negeri tidak boleh bersikap hipokrit dan berat sebelah dalam segala usaha untuk menghapuskan politik perkauman di negara kita. Adakah beliau sanggup mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa sahaja termasuk Menteri-menteri Kabinet yang mengungkitkan isu perkauman yang sensitif? Namun saya masih tidak percaya beliau akan bertindak secara neutral dalam menangani isu perkauman ini. Pertama sekali, saya mencabar beliau supaya memberi arahan kepada seluruh rakyat Malaysia supaya tidak mempertikaikan lagi kewujudan sekolah-sekolah vernakular di negara ini.

#### ■1240

Bolehkah beliau mengeluarkan amaran seperti itu? Beranikah beliau mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang mempertahankan perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2015, kerajaan telah memperuntukkan RM800 juta untuk membangunkan dan menyelenggarakan fasiliti pendidikan. Daripada jumlah itu, RM450 juta disalurkan kepada sekolah kebangsaan, RM50 juta untuk sekolah jenis kebangsaan Cina, RM50 juta untuk sekolah jenis kebangsaan Tamil, RM50 juta untuk sekolah mualigh, RM50 juta untuk sekolah berasrama penuh, RM50 untuk sekolah agama bantuan kerajaan, RM50 juta untuk MRSM, RM25 juta untuk sekolah pondok dan RM25 juta untuk sekolah menengah Cina.

Akan tetapi dalam Bajet 2016 yang dibentangkan, hanya RM500 juta disediakan untuk semua sekolah untuk berkenaan. Terdapat pengurangan sebanyak RM300 juta untuk pembangunan sekolah-sekolah. Kenapa kerajaan tidak menunjukkan pecahan peruntukan untuk setiap jenis sekolah seperti dalam Bajet 2015. Adakah kerajaan cuba menutup sesuatu? Saya cukup khuatir kerana kerajaan pasti akan memberikan keutamaan kepada sekolah-sekolah kebangsaan dan menganaktirikan sekolah-sekolah vernakular. Peruntukan khusus untuk sekolah-sekolah vernakular telah sengaja disenyapkan. Saya bimbang sekolah-sekolah vernakular akan dimangsakan dalam perebutan peruntukan untuk semua sekolah-sekolah lain. Tegasnya, saya meminta Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberi pecahan peruntukan mengikut jenis sekolah untuk mengelakkan sebarang salah faham jika kerajaan tidak mempunyai apa-apa niat jahat dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, adakah negara kita benar-benar mengalami krisis kekurangan pekerja. Negara kita telah dibanjiri pekerja-pekerja asing daripada Indonesia, Bangladesh, Nepal dan negara-negara lain. Memang tidak boleh dinafikan bahawa pekerja-pekerja asing diperlukan untuk pelbagai sektor tetapi kehadiran mereka dalam jumlah yang begitu besar juga boleh mengugat kedudukan sosioekonomi negara. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah mengumumkan bahawa 1.5 juta pekerja asing dari Bangladesh akan dibawa masuk ke negara

kita secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun. Beliau mendakwa tindakan ini adalah untuk memenuhi permintaan majikan dalam pelbagai sektor terutamanya perladangan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Saya difahamkan kerajaan telah mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Bangladesh dan bercadang untuk memeterai perjanjian pada bulan Julai yang lalu. Sudahkah perjanjian itu ditandatangani? Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa cadangan membawa masuk 1.5 juta pekerja Bangladesh tidak akan membawa kebaikan untuk negara kita. Jumlah ini cukup besar iaitu hampir tiga perempat daripada jumlah rakyat negeri Perak. Tindakan ini bertentangan dengan objektif Rancangan Malaysia Kesebelas yang berhasrat untuk mengurangkan pekerja asing berkemahiran rendah di negara ini.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Batu Gajah, boleh minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Batu Gajah. Adakah ia satu perkara rasional untuk memberikan kontrak ini kepada satu syarikat iaitu Real Time untuk membawa 1.5 juta warga asing kepada syarikat ini. Bukanakah ini satu polisi yang amat-amat tidak betul kerana ini akan mengundang kepada syarikat ini dapat komisen dan semuanya. Kenapa kerajaan berbuat begitu.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Ipoh Timur. Saya memang bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur itu. Masukkan ucapan beliau dalam ucapan saya dan saya berasa memang tidak rasional lah apa yang dilakukan oleh kerajaan dalam hal ini. Pekerja-pekerja Bangladesh yang akan dibawa masuk itu adalah untuk kerja-kerja kotor, berbahaya dan sukar. Mereka ini bukan pekerja mahir. Mengikut statistik yang diberikan oleh Kementerian Sumber Manusia, pekerja asing yang memiliki pas lawatan kerja sementara yang berdaftar di negara kita pada tahun 2014 telah mencecah 2.1 juta orang sementara jumlah pendatang asing tanpa izin pula adalah berjumlah 4.6 juta.

Apabila kerajaan membawa masuk 1.5 juta pekerja Bangladesh, jumlah keseluruhan pendatang asing akan mencecah 8.2 juta orang iaitu lebih kurang 27% daripada jumlah penduduk Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota bangun.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Di dalam satu tamadun, apabila negara kita maju, biasanya negara itu bermula dengan *labour intensive*. Apabila kemajuan sudah meningkat, mereka akan pergi ke tahap satu lagi iaitu *they will go towards the stage of mechanisation* supaya kita mengurangkan *labour intensive*. Lepas *mechanisation*, tahap satu lagi adalah *automation*. Tapi kita masih kekal dengan keadaan yang lama. Apakah pandangan Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ya, saya pun bersetujulah. Kita hendak capai Wawasan 2020, negara kita mencapai negara maju tetapi saya tidak tahu kenapa kita tiba-tiba terpaksa membawa begitu ramai pekerja daripada negara lain. Jadi *labour incentive* pula. Saya risau bahawa dengan kemasukan bilangan yang begitu ramai itu, mereka ini akan membawa keluar khazanah negara dengan jumlah yang begitu lumayan. Kehadiran pekerja-pekerja asing yang begitu ramai menjelaskan peluang pekerjaan orang-orang tempatan, majikan memilih pekerja asing kerana kos yang rendah, boleh dikawal dan produktiviti tinggi. Ini akan menjadi rintangan untuk peningkatan gaji rakyat negara kita. Gaji penduduk tempatan akan kaku selama-lamanya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, statistik KWSP membuktikan lebih 40% pekerja tempatan berpendapatan kurang daripada RM2 ribu sebulan. Pendapatan bergabung pasangan suami isteri yang kurang daripada RM3,500 pula adalah 65%. Dengan gaji pekerja yang sedemikian, Malaysia akan gagal mencapai taraf negara maju pada tahun 2020 kerana sasaran gaji individu RM5,000 mustahil diperoleh dalam tempoh 5 tahun lagi. Selain daripada itu, keselamatan rakyat tempatan juga akan turut terancam dari segi jenayah dan kesihatan yang boleh menggugat kestabilan sosial negara kita. Mereka juga mendirikan rumah tangga dan mahu menjadi warga negara Malaysia. Ramai juga akan memulakan perniagaan dan menguruskan kebun sendiri.

Hari ini pekerja-pekerja asing sudah mempunyai perniagaan mereka sendiri di negara kita. Cadangan membawa masuk 1.5 juta pekerja Bangladesh menimbulkan persoalan seperti berikut.

- (i) Adakah Kementerian Sumber Manusia turut bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kerana pengumuman ini dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan bukannya Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia;
- (ii) Kenapa boleh wujud permintaan yang begitu banyak untuk pekerja asing negara kita. Apakah sumber yang dirujuk untuk membuktikan jumlah permintaan itu. Apakah kajian terperinci telah dibuat mengenai hal ini dan oleh siapa?; dan

- (iii) Apakah kaedah atau cara pengendalian pengambilan pekerja Bangladesh yang akan digunakan oleh kerajaan. Ramai yang berpendapat ianya kurang telus dan seolah-olah, “*ada udang di sebalik batu*”.

Selain daripada itu saya ingin tahu berapakah jumlah pekerja Bangladesh yang berada di negara kita pada masa ini. Daripada jumlah itu berapakah yang memasuki negara kita secara tidak sah. Berapakah jumlah PATI yang telah dihantar pulang selepas Program 6P dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, kemasukan pekerja-pekerja Bangladesh akan merumitkan lagi masalah pengangguran di negara kita. Dianggarkan kadar pengangguran sekarang adalah di antara 2.9% hingga 3.2%. Kemasukan pekerja asing secara melambak akan meningkatkan kadar pengangguran mungkin lebih daripada 4%.

Sektor awam pula tidak mengambil pekerja baru. Banyak kilang dan syarikat-syarikat akan menutup kedai atau terpaksa melaksanakan Skim Pemisahan Bersama (MSS) dan Skim Pemberhentian Kerja Secara Sukarela (VSS). Semua ini akan meningkatkan kadar pengangguran di negara kita. Oleh yang demikian, saya membantah sekeras-kerasnya cadangan kerajaan untuk membawa masuk 1.5 juga pekerja Bangladesh demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sungguh kecewa dengan senarai keutamaan projek dalam bajet yang dibentangkan oleh Pekan. Dalam senarai itu, tidak ada satu pun projek besar untuk negeri Perak yang disenaraikan sehingga ke tangga 24 yang bernilai RM137.1 bilion.

Saya tidak tahu sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat sebelah sini khususnya dari Perak sedar atau tidak tentang perkara ini tetapi ini tidak adil kepada 2.4 juta rakyat Perak. Oleh kerana kerajaan persekutuan tidak memberi kepentingan dan keutamaan kepada negeri Perak, maka adalah wajar untuk rakyat negeri Perak untuk menolak sama sekali Kerajaan Barisan Nasional dalam PRU Ke-14. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa kerajaan mempunyai hasrat untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967, [Akta 117] dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262]. Pihak Kementerian Sumber Manusia sedang mengumpul maklumat dan maklum balas serta cadangan daripada pelbagai pihak untuk mendapat kepentingan untuk meminda kedua-dua akta tersebut.

Pindaan yang dibuat harus memberi manfaat kepada semua pihak termasuk golongan pekerja yang menjadi perkara asas dalam kedua-dua undang-undang ini. Kebajikan pekerja harus diberi keutamaan dan setiap pindaan yang bakal dibuat, undang-undang yang sedia ada sebenarnya tidak sesuai kerana tidak memberi jaminan kebijakan kepada golongan pekerja.

## ■1250

Tidak juga salah jika saya merumuskan bahawa, kedua-dua undang-undang ini lebih memihak kepada pihak majikan berbanding dengan golongan pekerja. Proses

perundingan kolektif (*collective bargaining*) satu kaedah yang amat penting untuk menentukan dan memastikan kebijakan yang diperoleh oleh golongan pekerja.

Rundingan antara pihak pekerja dan majikan ini adalah penting untuk menentukan pelbagai perkara seperti gaji, bonus, masa kerja dan faedah-faedah lain. Perundingan seperti ini adalah mustahak untuk diadakan dari semasa ke semasa untuk menilai semula kontrak-kontrak pekerjaan mengikut peredaran masa. Akan tetapi di bawah undang-undang Malaysia, kesatuan sekerja pekerja perlu mendapat pengiktirafan terlebih dahulu daripada majikan atau kesatuan sekerja majikan sebelum boleh memulakan proses rundingan kolektif. Adakah ini adil untuk golongan pekerja?

Jika pihak majikan tidak berniat mengadakan perundingan kolektif, maka ini boleh menjelaskan kebijakan golongan pekerja, dan tambahan pula kesatuan sekerja yang ada itu seolah-olah tidak ada kuasa kerana pengiktirafannya tergugat apabila pihak majikan enggan berunding.

Oleh yang demikian, adalah wajar untuk kerajaan meminda akta yang terlibat supaya kesatuan sekerja benar-benar boleh berfungsi dengan baik dalam hal ehwal menjaga kebijakan pekerja-pekerja. Kuasa kesatuan sekerja harus ditambahkan dalam aspek perundingan kolektif supaya pihak majikan tidak mengambil kesempatan daripada kecacatan undang-undang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh gulung..

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta kerajaan supaya meminda Akta Undang-undang Sivil 1956. Undang-undang ini pernah dipinda pada tahun 1984. Tidak ada pindaan selepas itu untuk jangka masa 31 tahun.

Saya rasa sudah tiba masanya untuk Parlimen meminda beberapa seksyen yang penting dalam akta ini. Sebagai contoh, apabila seorang kanak-kanak mati kemalangan disebabkan kecuaian pihak ketiga, berapakah ganti rugi kesedihan yang boleh dituntut oleh ibu bapa?

Mengikut Seksyen 7(3a) dan (3b), ganti rugi kesedihan yang boleh dituntut hanyalah RM10,000 sahaja. Jumlah ini terlalu kecil dan tidak mengikut peredaran masa. Jika seseorang itu telah mencapai umur 18 tahun tetapi tidak bekerja atau masih belajar, mati dalam suatu kemalangan, ibu bapanya tidak akan mendapat apa-apa ganti rugi kesedihan. Adakah ini adil?

Apabila seseorang berumur 18 tahun yang bekerja pula mati, keluarganya berhak untuk menuntut duit tanggungan. Bila seseorang yang berumur 55 tahun meninggal dunia dalam kemalangan kerana kecuaian pihak ketiga, pasangannya hanya

berhak menuntut ganti rugi kesedihan sebanyak RM10,000, tetapi tidak berhak untuk duit tanggungan.

Oleh sebab umur persaraan juga telah dinaikkan oleh kerajaan, maka perkara ini juga perlu dipinda untuk kesesuaian dan penyeragaman semua undang-undang negara. Pindaan ini juga penting untuk menjaga kebajikan rakyat.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa berhentikan perbahasan saya di sini, dan perkara-perkara lain akan saya bangkitkan dalam peringkat Jawatankuasa. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sibuti.

#### **12.53 tgh.**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya turut serta dalam perbahasan Bajet 2016.

Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pembentangan Bajet 2016 yang bertemakan, “Mensejahterakan Kehidupan Rakyat” yang ditujukan kepada lima keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mendengar, apabila bajet dibentangkan bahawa rakyatlah yang diambil perhatian penting kepada apa yang diadakan oleh bajet ini- sebab yang mengelolakan bajet ini adalah orang yang bijak pandai, yang hebat dalam ekonomi, yang merancang apa keperluan-keperluan rakyat semasa.

Sepanjang beberapa tahun ini, saya secara konsisten kerap membangkitkan pembangunan pelancongan di kawasan Sibuti. Pada tahun ini, bahawa kawasan Sibuti telah terdapat fenomena “Blue Tears” di Pesisiran Pantai Tusan yang menarik ratusan ribu kunjungan orang ramai setiap malam bagi melihat fenomena tersebut yang kini viral di media sosial. Bagi tujuan ini, saya ingin sama-sama memohon kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, supaya memberi ruang, datanglah melihat dan menyiasat keadaan ini untuk menambah lagi pembangunan infra pelancongan di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kecewa apabila mendengar rakan seperjuangan saya dari Sarawak, Yang Berhormat Bandar Kuching mengatakan bahawa rakyat Sarawak tidak menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedangkan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak sudah menyatakan, rakyat Sarawak menyokong penuh. Ini ditunjukkan kepada kita bahawa Wakil Rakyat daripada Barisan

Nasional dalam negeri Sarawak adalah lebih ramai daripada kawan saya itu. Jangan marahlah Yang Berhormat, kita kawan baik, kan? [Ketawa]

Akan tetapi Yang Berhormat, kerana kita di luar bandar masih memerlukan banyak pembangunan infra, sebab itulah kita sentiasa bersedia untuk menyokong kerajaan. Kalau kita ambil contohlah Yang Berhormat Bandar Kuching, di kawasan saya, di Miri sana, apabila sudah dipegang oleh pembangkang, projek-projek pun apabila rakyat berjumpa Wakil Rakyat, dia kata, carilah Wakil Rakyat Kerajaan. Mereka ada peruntukan, kita tak diberi peruntukan. Jadi baiklah pilih kita Yang Berhormat, ya. Jadi, saya mengharapkan bahawa apa juga keperluan rakyat, apa yang dijanjikan mesti ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih kepada Menteri yang baru iaitu Menteri Kemajuan Luar Bandar, telah mengatakan bahawa banyak peruntukan akan diberi kepada tadika, tabika di luar bandar iaitu di bawah KEMAS, dan Pegawai KEMAS juga patut dilatih dan diberi peningkatan- mereka sebagai pendidik supaya bangunan-bangunan kelas tabika KEMAS itu dinaik taraf supaya mereka lebih selesa daripada apa yang ada sekarang, terutama sekali di kawasan saya di luar bandar, di rumah panjang dan di kampung-kampung.

Taraf kesihatan adalah penting, sebab jika kesihatan kita tidak baik dan keselamatan kita tidak baik, maka kita dalam hidup ketakutan. Oleh sebab itulah, pentingnya Bajet 2016, di mana sebanyak RM206 juta itu bina barukah, naik tarafkah klinik-klinik di kawasan saya, di Sibuti, saya mintalah- terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan yang melawat dan berjanji untuk melihat dalam RMK-11 ini nanti. Ia akan dibina, supaya taraf kesihatan kita yang klinik-klinik itu dibina pada tahun 50-an, yang begitu usang boleh dinaik taraf lebih baik lagi, kerana kita di luar bandar walaupun sudah diadakan Klinik 1Malaysia, Klinik Hemodialisis, jadi kita mengharapkan penambahan baik ini akan dimulakan dengan segera.

Kalau boleh klinik-klinik ini diadakan di RTC yang kita sudah bina, dan sudah siap akan dirasmi pada bila-bila masa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sibutti. Kita sambung selepas jam 2.30 petang ya.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibutti]:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada tiga belas minit lagi.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibutti]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan Mesyuarat kita sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Perbahasan disambung semula. Apa yang tertulis di depan saya sekarang, Yang Berhormat Sibuti mempunyai 13 minit lagi. Sila Yang Berhormat.

### **2.32 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya keluar dari Dewan tadi Tuan Yang di-Pertua, saya didatangi mengatakan ada surat untuk saya daripada orang di kawasan saya bahawa supaya saya menyokong undi tidak percaya daripada seorang sahaja daripada pengundi-pengundi di kawasan saya sejumlah 27,000 orang pengundi, saya dapat satu. Mana boleh saya hendak menyokong, mana boleh. Tentu sekali saya tidak menyokong usul ataupun cadangan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan dadah adalah satu juga yang terlalu membuat kehidupan remaja kita pada hari ini kucar-kacir. Jadi saya mengharapkan bahawa apakah usaha kerajaan untuk memerangi dadah ini sebab masuk daripada pintu masuk lapangan terbang pun ada mendapat beberapa kilo dadah dibawa masuk, masuk dari sempadan pun kita dengar banyak yang tertangkap, terkumpul boleh terlepas.

Jadi sebab itulah golongan yang dikenali sebagai *career addict* di mana golongan pekerja menjadikan dadah sintetik sebagai *lifestyle* sehingga menghabiskan pendapatan bagi tujuan tersebut. Saya ingin menyeru kepada kerajaan agar dapat meningkatkan bajet bagi memerangi dadah dan memperkasakan pusat pemulihan dadah dengan mengambil modul-modul pemulihan NGO seperti Rumah PENGASIH bagi memulihkan penagih-penagih ini.

Bagi negeri Sarawak, saya berterima kasih kerana banyak diperuntukkan yang dicommitkan oleh Kerajaan Pusat membantu Sarawak dalam Bajet 2016 amat kami hargai. Kami rakyat negeri Sarawak sama-sama menyumbang kepada kerajaan daripada hasil bumi seperti minyak dan gas. Terdapat ramai juga rakyat Sarawak yang bekerja di Semenanjung Malaysia terutama sekali di Kuala Lumpur dan Johor yang menyumbang kepada tenaga kerja. Maka adalah sesuai setiap kali bajet pasti ada ruang untuk Sarawak mendapat hasil daripada sumbangan ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana telah menyediakan peruntukan sebanyak RM70 juta bagi membolehkan rakyat Sarawak mendapat pinjaman rumah RM50,000 seunit bagi membina rumah panjang. Skim ini adalah diurus oleh BSN. Bagi tujuan ini saya amat memohon agar tidak dikenakan birokrasi yang terlalu ketat sehingga dengan sengaja cuba untuk menggagalkan permohonan rakyat Sarawak

mendapat pinjaman ini. Kerajaan perlu meringankan prosedur dan saya yakin rakyat Sarawak berterima kasih jika diperlakukan sedemikian.

Dalam Bajet 2016 juga kerajaan terus memberi komitmen bagi membantu program penyukatan tanah NCR di Sarawak dengan tambahan RM30 juta. Begitu juga dengan peruntukan sebanyak RM70 juta itu subsidi padi huma kepada pekebun padi di Sarawak. Diharap agar program ini dapat diuar-uarkan kepada rakyat Sabah dan Sarawak melalui hebahan media agar pekebun kecil padi huma tidak ketinggalan untuk menikmati insentif baik Kerajaan Barisan Nasional ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita di luar bandar hanya memerlukan prasarana dan juga sambungan jalan raya dari satu tempat ke satu tempat dan begitu juga sekolah-sekolah. Sekolah kita di luar bandar kebanyakannya sudah uzur. Jadi kita memohon agar pihak kementerian menggunakan kaedah IBS untuk membina sekolah-sekolah dan asrama di luar bandar. Saya gembira kerajaan mempunyai insentif untuk kontraktor dan menggunakan kaedah IBS dalam pembinaan satu-satu projek. Bagi tujuan ini, saya mencadangkan kerajaan mewujudkan kilang IBS di kawasan Samalaju bagi memenuhi keperluan pembinaan bangunan melalui IBS terutama sekali bagi projek-projek sekolah kerajaan dan bangunan kerajaan di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan adalah penting bagi seluruh rakyat Sarawak. Kita juga mengalu-alukan Bajet 2016 ini kerana untuk menambahkan jentera-jentera keselamatan baik di laut, di darat dan di udara agar negara kita sentiasa di dalam jagaan yang selamat. Kita berharap juga selain daripada itu di kawasan saya Parlimen Sibuti mencadangkan agar diwujudkan pondok bit polis di kawasan simpang Bekenu yang boleh mengguna pakai bangunan hentian SADC yang sedia ada. Selain itu juga, pondok bit polis ditempatkan di kawasan simpang Sepupok Niah di mana kita melihat pada hari ini, lori-lori yang mempunyai 20 dan 24 tayar berhenti di tepi jalan sesuka hati dan senang lenang tanpa menghiraukan keselamatan orang lain.

#### ■1440

Jadi dengan itu, pondok bit polis ini sangat diperlukan di kawasan-kawasan yang saya sebut tadi. Dengan peruntukan sebanyak RM31.2 bilion bagi pertahanan negara, adalah wajar jika pembelian kapal peronda di tempat perairan Laut China Selatan untuk perairan Sarawak, sebab kita telah mendengar bahawa dari Betong ke pinggir air telah dijaga kawal rapi oleh *Chinese Coast Guards* dari nelayan-nelayan kita. Maka mata pencarian nelayan kita telah pun hilang daripada apa yang kita harapkan- daripada penting ketinggian ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sentiasa memikirkan apa pekerjaan yang boleh membantu. Kita benar-benar berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memikirkan BR1M. Pihak sana tidak mahu BR1M tetapi Tuan Yang di-Pertua saya terangkan di sini, di kawasan saya di Mirilah, orang di sini cakap tidak mahu BR1M, tidak mahu BR1M, tetapi wakil-wakil rakyat dia menggalakkan pergi daftar di BR1M supaya kamu dapat itu sebab bahagian nanti dia tunggu *line* juga berdiri sama-sama menerima *check* BR1M itu. Jadi tidak-

betul, memang duit rakyat sebab itulah. Tidak betullah kita cakap bahawa semua rakyat ini kita kena bayar cukai. Mana ada orang miskin yang makan beras, minum guladan minum teh tarik mana ada kena GST tetapi mereka pusing ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Ketawa]* Boleh beri laluan? Yang Berhormat Batu.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Boleh, tidak ada masalah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey, terima kasih. Saya cuma hendak dapat - Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apabila respons kepada persoalan ini selepas ini Yang Berhormat gulung, sebab masa Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak dapat pandangan sama ada setuju tidak apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan kita dapat BR1M dengan hasil yang dikutip dari GST dan juga tol yang ditambah, itu adalah hakikatnya kita terpaksa tanggung untuk membayar lebih banyak cukai. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, pihak Menteri menjawablah, ya. Akan tetapi saya hendak mengatakan di sini bahawa kalau rakyat kawasan sana tidak mahu terima, tidak apalah Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi rakyat saya menangis apabila menerima wang tunai di tangan mereka dan mengatakan banyak membantu kerana kehidupan mereka adalah rakyat miskin. Jadi boleh membeli ubat-ubatan dan sebagainya. Kita mengharapkan kepada agensi-agensi pelaksana apa juga yang dibantu oleh kerajaan, agensi-agensi pelaksana ini mesti melaksanakannya dengan jujur dan ikhlas supaya ianya sampai kepada rakyat. Ini kerana rakyat seperti yang selalu diutarakan kepada kita, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Jadi kerajaan mesti melihat agensi-agensi ini benar-benar dan berterima kasihlah kepada semua pegawai kerajaan yang telah menjalankan tugas mereka siang malam sehingga bajet kita seperti yang ada pada hari ini baik dan sangat diterima oleh rakyat. Ada yang tidak terima itu, apa boleh buatlah, mereka itu memang tidak menerima. Akan tetapi walaupun mereka tidak menerima, mereka meminta ini dibuat dan itu dibuat tetapi tidak terima bajet ini. Terima juga akan elaun mereka hujung bulan nanti.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri perbahasan saya sekali lagi saya mengharapkan kerajaan dapat memastikan keperluan asas seperti air, elektrik dan jalan di kawasan-kawasan luar bandar seperti kawasan Sibuti akan dijalankan dengan baik. Oleh yang demikian, saya menyokong bajet ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Kota Raja.

**2.45 ptg.**

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan Belanjawan Negara untuk tahun 2016. Tuan Yang di-Pertua, saya akan mulakan dahulu dengan beberapa masalah dalam kawasan Parlimen saya, takut tidak berkesempatan di akhir ucapan saya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pembinaan 27 buah sekolah menengah di seluruh negara. Saya ingin bertanya, di dalam senarai 27 buah ini adalah termasuk Sekolah Menengah Kota Kemuning 2? Apa yang saya diberitahu sebelum ini sebenarnya sudah diluluskan dan sudah ada dalam senarai UPEN. Akan tetapi masih lagi tidak dilaksanakan kerana projek ini adalah projek UKAS dan telah diberi kepada satu institusi SEGi namanya tetapi hingga sekarang ini tidak ada apa-apa perkembangan. Sekolah ini untuk makluman Dewan, dibina untuk 2,100 orang penuntut.

Akan tetapi kini ada mempunyai 3,051 orang penuntut dan sudah mempunyai kelas-kelas yang kita panggil kelas-kelas bergerak atau *floating class* ini dan tahun hadapan, 2016 dijangka ada lapan kelas *floating class*. Jadi saya harap sangat permohonan persatuan dan penduduk di kawasan ini untuk membina Sekolah Menengah Kota Kemuning 2 adalah di antara yang ada di dalam senarai 27 buah sekolah menengah ini. Kalau boleh saya ingin mendapatkan senarai 27 buah sekolah ini kerana hendak tengok sendiri sama ada SMKK2 ini termasuk di dalam senarai tersebut.

Seterusnya saya ingin bertanya tentang status naik taraf Jalan Bukit Kemuning yang juga telah diluluskan pada Rancangan Malaysia Ke-9 tetapi tidak dibina pada Rancangan Malaysia ke-10. Ia telah ditunda dan seterusnya saya sebenarnya telah membawa perkara ini ke Parlimen dan saya harap kali ini juga diberitahu bahawa jalan ini sudah dimasukkan di dalam senarai UPEN tetapi belum pasti bila akan dilaksanakan.

Ketiga ialah status Jalan Kebun. Ini adalah satu jalan yang sibuk, kawasan ini adalah kawasan perindustrian yang hanya ada dua *lane* tanpa lampu jalan di sebelah malam, kerap berlaku kemalangan.

Keempat ialah saya ingin mengetahui tentang peranan JPS di peringkat kawasan saya yang sering dilanda oleh banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan kampung tradisi seperti Kampung Jawa disebabkan perparitan yang tidak sempurna dan berada di bawah paras laut. Saya melihat tiada penyelarasan yang serius di antara JPS Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah, Majlis Perbandaran Klang dan sudah tiba masanya kunci-kunci air di kawasan Klang dinaiktarafkan dan pam-pam air yang lebih berkuasa dipasang. Saya tidak faham, pam-pam air ini sepatutnya diaktifkan sebaik sahaja hujan mula turun tetapi apa yang berlaku adalah apabila banjir berlaku baru pam hendak pasang.

Apakah gunanya kita ada pam di situ? Rakyat sudah cukup menderita setiap kali hujan walaupun banjir bukan di paras yang membahayakan nyawa, namun kerosakan harta benda

yang berulang kali menyebabkan kerugian yang banyak bila terkumpul - bila rakyat ditimpa banjir kilat beberapa kali setahun dan juga gangguan produktiviti apabila mereka terpaksa bercuti untuk membersihkan rumah pasca banjir. Saya baru dapat maklumat bahawa kami hanya ada seorang sahaja Jurutera Daerah dalam JPS sehingga kini dan tidak tahu bila lagi akan bertambah dan ini antara sebab kenapa perancangan-perancangan JPS tidak dapat dilakukan.

Saya juga tidak berpuas hati dengan penyelenggaraan jalan-jalan negeri dan pusat dalam kawasan saya. Saya melihat bahawa JKR tidak memantau dengan baik kontraktor-kontraktor yang diberi amanah untuk menyenggara jalan terutamanya bahu jalan dan juga taraf jalan itu sendiri.

#### ■1450

Memang kalau kita lihat bahu-bahu jalannya seperti tidak ada kontraktor, rumputnya, lalang boleh naik di tepi jalan dan sebagainya. Saya ingin menyebut di sini bahawa ramai di antara rakyat saya di kawasan Sri Muda dan Sri Andalus terdiri daripada rakyat yang berhijrah daripada Sabah bermastautin dan bekerja di kawasan Klang dan Shah Alam. Ramai di kalangan mereka tiada dokumen pengenalan diri terutamanya menjadi mangsa adalah anak-anak mereka yang tidak dapat bersekolah. Apakah tiada jalan penyelesaian bagi mereka ini? Sudahlah miskin dan anak-anak mereka bakal mewarisi kemiskinan ini. Biasanya mereka diminta datang ke JPN berulang kali dan ada yang diminta balik ke Sabah untuk menyelesaikan masalah ini. Kalau mereka ada kemampuan sudah tentu mereka akan kembali ke Sabah dan KDN perlu mempermudahkan tatacara dan peraturan untuk golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut sedikit mengenai bajet seterusnya. Seperti selalulah selepas Perdana Menteri membentangkan bajet kesan 'wow' akan berlaku kerana apa yang Perdana Menteri bentang sudah tentu untuk mencipta dengan izin *euphoria* dan *first impression* yang akan meninggalkan persepsi positif ke atas rakyat. Sekali lalu memang rakyat akan perasan banyak yang kerajaan berikan. Misalnya peningkatan BR1M sebanyak RM50 bermakna isi rumah sebenarnya hanya menerima RM2.74 sehari. Dengan peningkatan kos kehidupan, tidak cukup menampung saraan hidup dan orang kata bahasanya "*walhasil balik asallah*" bila GST dikenakan.

*Figure* baru ini bila disebut dan Yang Berhormat Lipis telah buat kiraan bersama dengan saya, sebenarnya adalah RM3.50 satu kepala. Kalau pendapatan GST RM39 bilion, penduduk kita 30 juta, maka dia jatuh kepada RM3.50 satu kepala. Maka betullah makna dia angka yang dikeluarkan dan dikatakan oleh beberapa Yang Berhormat pembangkang iaitu kalau satu rumah ada lima orang, makna dia jatuh satu rumah GST adalah RM17.50 satu hari. Ini telah dikira. Seterusnya saya cuma hendak sebut ini tadi sebab Yang Berhormat Sibuti tadi lagi sekali menyebut tentang GST itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya sangat-sangat mengharapkan sebenarnya kerajaan membuat satu polisi yang baik tetapi kali ini saya tengok bajet langsung tiada

pertimbangan kepada wanita yang bekerja. Sama ada mereka dalam kumpulan B40 atau M40. Sebahagian besar wanita muda dan wanita yang bekerja mempunyai anak-anak yang masih kecil yang memerlukan penjagaan dan pemantauan rapi. Jika ada pilihan ramai wanita yang berkeluarga tidak mahu bekerja dan memilih untuk menjaga anak sendiri. Namun, tekanan kehidupan terutamanya tekanan ekonomi menjadikan pekerjaan bukan lagi satu pilihan tetapi satu keperluan. Ekonomi rumah tangga banyak dibantu oleh wanita atau isteri yang bekerja.

Pada masa yang sama kos penjagaan anak langsung tidak mendapat perhatian kerajaan. Tiada polisi baru atau peruntukan yang boleh memberi kelapangan kepada wanita yang bekerja dalam hal sokongan keluarga. Tidak disebut dalam bajet ini sama ada insentif kepada majikan mengenai pewujudan pusat jagaan ataupun nurseri di tempat kerja diteruskan atau subsidi kepada isi rumah yang berpendapatan rendah akan diteruskan tahun ini. Ini kerana tahun lepas saya ingat ada subsidi kepada kumpulan bergaji rendah untuk membantu mereka menghantar anak ke pusat penjagaan anak-anak.

Kos penjagaan anak-anak di bawah empat tahun ini tidak kurang daripada RM350 sebulan. Itu kira penjagaan biasa-biasa sahaja. Kalau hendak dihantar kepada pusat penjagaan yang lebih berkualiti dari pagi hingga ke petang yuran penjagaannya tidak kurang daripada RM400 itu adalah biasa. Saya tadi bertanya dengan Yang Berhormat Kulai ,ibu muda anak dua berapa dia bayar untuk kos penjagaan anak, RM800 seorang. Ini nasib baiklah makna kita ada pendapatan boleh bayar tetapi bagaimana dengan kumpulan B40, bagaimana dengan kumpulan M40 kalau anaknya ramai.

Jadi ini dari segi polisi tidak ada nampak bagaimana kerajaan hendak membantu wanita muda dan wanita yang bekerja ini. Bagi wanita yang bekerja adanya pembantu rumah untuk mengurus anak-anak dan membantu kerja rumah amatlah memudahkan mereka menumpu perhatian kepada pekerjaan dan membantu produktiviti mereka. Bila balik dari kerja boleh menumpukan masa kepada anak-anak dan suami dan ini membantu mereka mengimbangkan masa dengan keluarga dan kerjaya. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kerajaan tidak cukup...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Kota Raja boleh mencelah sedikit?

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ya?

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Kota Raja boleh celah sedikit?

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Oh! Saya tidak cukup...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Sedikit sahaja tentang wanita tadi. Adakah benar sekiranya wanita *given the choice* yang bekerja itu mereka prefer dengan izin, rela duduk di rumah ataupun mereka benar-benar mahu manfaatkan kelulusan yang mereka ada yang ramai kaum wanita lebih berkelulusan daripada kaum lelaki.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya faham, saya faham. Baik, saya hendak sebut sini kalau *given the choice*, kalau ada pilihan. Kalau gaji rendah gaji RM1,200 gaji RM1,500, RM3,000 pun kalau kena bayar penjagaan anak dua, tiga orang sudah separuh daripada gajinya, apa guna dia bekerja. Memang kalau diberi peluang semua wanita hendak manfaatkan kemahiran ataupun keprofesionalan mereka untuk bekerja. Ini adalah masalah yang kita hadapi *and it is a real problem*. Saya rasa ini tidak diselami oleh kerajaan negara kita. Hanya setakat orang kata buat untuk hanya untuk “*lepas batok di tangga*” semata-mata.

Saya melihat di sini sebenarnya kerajaan tidak cukup peka kepada masalah yang dihadapi oleh wanita bekerja. Tidak cukup *women friendly*, tidak cukup mesra kepada wanita dan tidak cukup mesra kepada keluarga. Kerajaan dengan mudah boleh membantu wanita untuk mengambil pembantu rumah dengan mengubah dan memperbaiki peraturan-peraturan pengambilan pembantu rumah. Pusat penjagaan kanak-kanak dan komuniti tidak mencukupi dan tidak *convenient*, tidak mudah bagi mereka. Pagi-pagi hendak hantar anak, pergi kerja hendak mengangkut dan sebagainya.

Jadi kalau ada pembantu rumah itu mudah. Namun Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat kita semenjak berbaik-baiknya kita dengan Indonesia ini tentang pengambilan pembantu rumah kita seolah-olah menurut sahaja semua kata mereka, semua perlu diambil *through* melalui agensi.

Pada satu masa dahulu wanita, orang Malaysia boleh mengambil pembantu rumah dari Indonesia dengan membawa masuk mereka menggunakan pas lawatan kerja sementara dan kemudian memproses sendiri permit untuk bekerja sebagai pembantu rumah tetapi ini sudah ditiadakan. Semuanya mesti melalui agen-agen pembekal pembantu rumah dan kosnya ialah antara RM12,000 hingga RM15,000. Siapalah yang boleh mampu untuk membayar ejen pembantu rumah. Sudahlah begitu, tidak ada *guarantee*, tidak ada jaminan apabila mereka bekerja dengan kita. Lepas tiga bulan dia lari, tidak akan dapat dicari kerana di dalam Malaysia ini negara kita ada diaspora-diaspora, kumpulan-kumpulan komuniti Indonesia, Kemboja, Vietnam, Bangladesh. Bila mereka lari daripada majikan, mereka menghilangkan diri dalam komuniti mereka dan kita orang yang sudah keluar beribu-ribu untuk dapat pembantu rumah, tidak ada ganti rugi dan sebagainya terpaksa mencari yang lain.

Ini saya fikir dan saya ingatkan tidak boleh. Memang ditanya imigresen tidak boleh mesti melalui agensi tetapi rupa-rupanya ada jalan belakang. Saya diberitahu Yang Berhormat bawa masuk dahulu, bukan saya kata saya hendak tetapi saya tidak perlukan, bawa masuk dengan pas sosial. Kemudian kita akan usahakan, kita boleh dapat tetapi kosnya berapa saya tanya. Kalau saya bawa masuk saya ada kenalan dan sebagainya mereka boleh *recommend* kepada saya, bawa masuk dengan pas sosial, satu bulan masuk. Kalau hendak dapat permit melalui pintu-pintu belakangnya kosnya adalah RM5,200. Kenapa perlu kita mengayakan ejen-ejen ini sedangkan kita boleh buat sendiri, kita boleh buat sendiri. Saya tidak faham peraturan, kalau

tidak hendak bawa masuk dari Indonesia atau daripada mana-mana negeri pun tetapi yang ada dalam negara ini ramai. Seramai 3.5 juta yang disebut tetapi hari itu saya dengar 7 juta sebenarnya tidak tahu banyak mana mereka ada sebab tidak ada dokumentasi. Masuk dan kemudian tidak keluar.

Pekerja-pekerja Indonesia yang ada di negara kita ini ramai ahli keluarga di sini. Ada yang ada anak, ada yang ada isteri. Isteri dia masuk macam mana? Apa visa yang dia pakai untuk masuk? Ada khaskah visa untuk isteri? Kita boleh kalau kerajaan membuat peraturan yang sudah ada dalam negara kita, wanita-wanita PATI ini boleh kita dokumenkan, kita halalkan kehadiran mereka dengan memberi kebenaran kepada orang-orang tempatan untuk mengambil mereka sebagai pembantu rumah.

#### ■1500

Ini akan mengurang kos dan kerajaan juga dapat mengurangkan jumlah PATI yang ada di dalam negara kita, dapat mendokumentasikan kehadiran mereka ke negara kita dan rakyat dapat faedah daripadanya. Inilah saya katakan tadi bahawa tidak ada keprihatinan ini kepada kaum wanita.

Ramai di luar saya biasa jumpa dan saya biasa tanya, ramai di antara wanita yang terpaksa mengambil PATI untuk membantu mereka di rumah. Mereka tahu risikonya mengambil PATI ini bekerja dengan mereka. Akan tetapi mereka sudah tidak ada jalan kerana hendak hantar seorang anak, dua orang anak, tiga orang anak tidak menyelesaikan kerja-kerja yang ada di rumah itu sendiri.

Saya faham Kerajaan Indonesia ingin memastikan bahawa rakyatnya yang bekerja di sini tidak mendapat layanan yang tidak baik, tidak didera seperti yang pernah kita dengar dahulu. Akan tetapi yang didera yang lepas-lepas itu semuanya diambil melalui agensi. Dia bukan mengambil daripada PATI yang ada di sini. Jadi kita harap kerajaan boleh menimbangkan polisi dan peraturan bagaimana boleh membantu mereka ini yang sudah berada di dalam negara kita. Hatta mereka yang masuk sendiri boleh kita jadikan mereka, mengambil mereka sebagai pembantu rumah dengan cara yang sah dan tidak semestinya melalui ejen-ejen yang bagi saya begitu tinggi yurannya.

Baru ini soalan ini ditanya oleh kaum wanita. Gaji minimum RM1,200 itu adakah ia termasuk untuk pembantu rumah. Sedar atau tidak sedar sebenarnya kita sudah membayar pembantu rumah RM1,500. Kalau dikira kos membawa masuknya, kemudian kos kita menyara kehidupannya, memberi tempat tinggal kepadanya, kos permit, kos levi dan sebagainya, kalau dikira sudah RM1,500 sebenarnya. Akan tetapi kalau hendak diminta naik RM1,200 maka ini akan terus membebankan rakyat Malaysia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut di sini tentang satu perkara lagi. Saya mengalu-alukan kenaikan gaji kakitangan kerajaan yang setimpal mungkin dengan kerja mereka. Akan tetapi perlu diingatkan bahawa *it is a privilege to work with the government*. Ia adalah satu

*privilege*, satu keistimewaan bila seseorang itu dapat bekerja dengan kerajaan kerana walau dikatakan, kalau dahulu ya kerja dengan kerajaan gajinya rendah dengan swasta. Akan tetapi sekarang ini gaji bekerja dengan kerajaan lebih tinggi daripada bidang swasta. Banyak kemudahan sebenarnya kakitangan kerajaan. Kita harapkan mereka perlu meningkatkan prestasi khidmat kepada rakyat.

Cuma saya hendak sebut di sini ada sebahagian, bukan semua. Ada sebahagian yang masih lagi rasa saya *performance* mereka masih ada ruang untuk diperbaiki. Pengalaman saya masuk tahun ketujuh menjadi wakil rakyat saya merasakan kadang-kadang agak kecewa kerana *they seems to cooperate*. Mereka nampak seperti bekerjasama. Akan tetapi banyak masalah yang tidak selesai. Saya mengharapkan bahawa kepada kakitangan kerajaan supaya menganggap bahawa khidmat kita kepada rakyat ini adalah satu ibadah. Sebenarnya ia adalah satu ibadah pun. Tidak lari daripada ibadah.

Kadang-kadang saya tengok pertukaran kakitangan kerajaan ini yang kerap menyebabkan masalah kronik tidak boleh selesai. Misalnya saya membawa satu masalah, hari ini pegawai lain. Tiga ke empat bulan kemudian, pegawai lain. Kemudian tidak ada. Seolah-olah tidak ada rekod yang disimpan dan tidak ada kesinambungan.

Saya hendak cerita satu kes banjir di kawasan saya, kawasan Sentosa, kawasan Sri Muda, Klang kena banjir. Saya tidak pernah jumpa jurutera daerah pada suatu ketika mula-mula jadi Yang Berhormat dahulu, hanya hantar *technical assistant* untuk turun dengan kita, turun padang apabila berlaku banjir. Kemudian, apabila kita minta tolong buat itu, tolong buat ini, tolong buat itu, tolong buat ini jawapannya tidak ada bajet Yang Berhormat, tidak ada bajet. Itulah jawapannya yang kerap kami terima.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat seminit dua lagi.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ya. Akhir sekali, apabila datang seorang jurutera daerah yang baru dan seorang jurutera yang rajin. Sebelum berjumpa dengan kita dia sudah buat dia punya—dia turun padang, dia tengok semua kawasan dan sebagainya. Kemudian telah mengambil langkah-langkah yang sepatutnya kerana kita menjangkakan hujan akan turun. Lepas itu apabila kita jumpa dia, dia kata, saya sebut tentang masalah, dia kata, “*Eh, kita ada RM3 juta lagi Yang Berhormat, yang belum dibelanjakan.*”

Jadi saya agak kehairanan kerana ada kakitangan kerajaan yang tidak memberi maklumat yang betul. Bukan semua tetapi ada mereka ini. Kadang-kadang saya merasakan bahawa seolah-olah mereka tidak mahu memberikan kerjasama yang baik padahal kita hendak menyelesaikan masalah rakyat. Saya setuju kalau misalnya wakil rakyat cuba mengambil kesempatan untuk kepentingan dirinya, maka masa itu pegawai kerajaan boleh menolak.

Paling yang saya tidak mahu sekali Tuan Yang di-Pertua apabila wakil rakyat sebenarnya tidak ada kuasa. Kita hanya meminta tolong ataupun minta budi bicara kakitangan kerajaan untuk menyegerakan apa-apa aduan. Akan tetapi akhirnya yang hendak menjawab

dengan rakyat Tuan Yang di-Pertua, adalah wakil rakyat kerana rakyat tidak tahu, dia ingat wakil rakyat ada semua kuasa. Sebut ini wakil rakyat boleh buat. Sebut itu wakil rakyat boleh buat. Akan tetapi sebenarnya yang menjalankan kerjanya adalah kakitangan kerajaan.

Jadi sebenarnya di peringkat PBT Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju sekiranya kita mengkaji semula pilihan raya peringkat PBT kerana orang yang dipilih oleh rakyat maka dialah perlu menjawab kepada rakyat dalam bidang kuasanya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Lawas.

### **3.07 ptg.**

**Dato' Henry Sum Agong [Lawas]:** Salam sejahtera dan salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan atau lebih dikenali sebagai Bajet 2016. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan bajet yang seimbang meliputi segenap lapisan masyarakat tidak mengira latar belakang, suku kaum dan agama.

Walaupun dalam keadaan ekonomi negara yang tidak menentu kesan daripada kejatuhan nilai ringgit dan harga minyak dunia namun kerajaan berjaya menyusunkan bajet yang realistik dan progresif menjelang tahun 2020. Adalah diharapkan Bajet 2016 dapat terus menggerakkan aktiviti ekonomi melibatkan rakyat dan mampu meningkatkan tahap kehidupan, membawa transformasi dan mensejahterakan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat luar bandar khususnya di Sarawak termasuk di kawasan Parlimen saya di Lawas menaruh harapan besar terhadap bajet 2016 dan peruntukan RMKe-11 yang akan menyusuli kemudian untuk membawa pembangunan infrastruktur asas seperti jalan, jambatan, bekalan elektrik dan air yang diperlukan di kawasan mereka.

Contoh di kawasan Parlimen Lawas di Ba'kelalan, Bario, Long Semado, Long Sukang dan Long Lalang di mana kemudahan tersebut sangat berkurangan dan menjadi masalah bagi penduduk yang tinggal di kawasan itu. Bagi tujuan mempercepatkan pelaksanaan kemudahan asas yang diperlukan penduduk di kawasan yang sukar untuk pihak JKR melaksanakan projek tersebut kerana kadangkala terdapat kekangan dari segi sumber manusia, jentera yang kurang serta kos yang tinggi.

Saya mengesyorkan kepada kerajaan untuk terus menggunakan kaedah pelaksanaan di bawah projek jiwa murni dengan memperuntukkan kewangan yang diperlukan oleh pihak angkatan tentera di bawah unit kejuruteraan mereka untuk melaksanakan projek jalan dan jambatan.

### **■1510**

Saya melihat projek ini sangat berjaya dilaksanakan di kawasan pedalaman Sarawak dan berharap ia dapat diteruskan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Angkatan Tentera Malaysia yang telah melaksanakan sebahagian Jalan Lawas ke Bakelalan dari Long Luping ke sempadan Sarawak-Indonesia dengan jayanya. Khususnya ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Mantan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, dan Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Pertahanan sekarang yang cukup prihatin dan memastikan projek tersebut berjaya dengan lancar dan jayanya.

Di kesempatan ini, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertahanan, bilakah pelaksanaan jalan daripada Bakelalan ke Bario dijalankan dan bila dijadualkan siap? Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri, bila pembinaan *Imigresen Check Point* atau CIQ yang telah diluluskan untuk kawasan sempadan Sarawak dengan Indonesia di Bakelalan dijalankan?

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Bajet tempoh hari, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan kewangan sebanyak RM115 juta untuk bumiputera Sabah dan Sarawak, termasuk untuk penyukatan tanah adat NCR di Sarawak.

Saya berharap usaha ini berterusan sehingga selesai kerja-kerja penyukatan tanah hak milik bumiputera Sarawak yang sekarang ini bermula dengan penyukatan keliling atau *perimeter survey*, dengan izin. Fasa kedua penyukatan tanah NCR yang akan menentukan pemilik individu ke atas tanah tersebut dijangka lebih rumit dan memerlukan banyak tenaga dan masa, serta peruntukan kewangan yang mencukupi.

Saya merayu kepada Kerajaan Pusat untuk membantu Kerajaan Negeri Sarawak dalam hal ini agar hasrat dan cita-cita pemilik tanah adat Sarawak untuk mendapatkan surat hak milik atau geran tanah mereka tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, pada sesi Parlimen lepas, semasa pembentangan RMKe-11, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan kelulusan projek lapangan terbang baru Lawas.

Penduduk Lawas sangat terharu dengan kelulusan projek penting ini, dan saya ingin mengambil kesempatan ini menyampaikan ucapan terima kasih kami kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Namun yang begitu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada Kementerian Pengangkutan dan kerajaan, agar projek ini dapat dipakejkan bersama dengan pembinaan sebuah jambatan menyeberangi Sungai Lawas berdekatan lokasi projek tersebut, untuk memberi laluan mudah kepada pengguna dan pelanggan dari kawasan berdekatan termasuk dari daerah Sipitang dan Beaufort di Sabah, yang akan berkongsi kemudahan itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan rakyat perlu diberi keutamaan. Apalah maknanya negara menuju Wawasan 2020 jika kesihatan rakyat tidak dijaga dengan baik. Justeru itu, saya menyeru agar kemudahan kesihatan dan perkhidmatan yang diberi dipertingkatkan dengan peruntukan Bajet, di bawah RMKe-11, pembinaan klinik-klinik di kawasan tertentu di pedalaman, di mana

kemudahan kesihatan belum disediakan harus dititikberatkan oleh kementerian. Khusus bagi Hospital Daerah Lawas, yang menghantar atau merujuk pesakit tenat dan kronik ke Hospital Miri dan Hospital Kota Kinabalu untuk mendapatkan rawatan selanjutnya, saya mohon agar perkhidmatan ambulans ditambah untuk Hospital Lawas.

Selain itu, penempatan atau perkhidmatan doktor pakar perlu disediakan di Hospital Lawas supaya mengurangkan rujukan pesakit ke Miri dan Kota Kinabalu, dan langkah ini dapat menjimatkan kos.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi pelajar dari luar bandar perlu dipertingkatkan agar tidak ketinggalan berbanding dengan pelajar bandar. Ini perlu dilihat secara menyeluruh bukan sahaja daripada aspek akademik semata-mata tetapi daripada segi kemudahan, kelengkapan, tenaga pengajar dan lain-lain. Saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan dan kerajaan agar memberi keutamaan kepada pembinaan semula sekolah yang sudah lama dan uzur.

Jawapan pihak kementerian terhadap Soalan Lisan saya di Dewan yang mulia ini mengenai perkara yang sama tidak spesifik. Jika dibiarkan dalam keadaan uzur dan usang, ia boleh membantut pembelajaran selain membahayakan pelajar. Oleh itu, saya mohon kepada kementerian dan kerajaan supaya memberi pertimbangan dan kelulusan bagi pembinaan semula sekolah-sekolah di kawasan Lawas, pertama SK Awat Awat; SK Long Semadu; SK Sasak Ulu Merapuk; dan lain-lain, termasuk sebuah sekolah menengah iaitu SMK Lawas. Sehubungan itu saya ingin bertanya kepada kementerian, bilakah pembinaan SK Long Sukang yang tergendala sekian lama dijalankan dan bilakah dijangka siap?

Tuan Yang di-Pertua, saya telah beberapa kali membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini mengenai perlunya diwujudkan sebuah institusi pengajian tinggi peringkat diploma di Lawas, untuk mengelakkan pembaziran pelajar keluar, yang ingin melanjutkan pelajaran dari Daerah Lawas. Malangnya setakat ini saya belum menerima respons yang positif daripada pihak kementerian yang berkenaan. Saya mohon agar perkara ini diberi perhatian.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana meluluskan pembinaan sebuah IPD iaitu Ibu Pejabat Polis Daerah Lawas yang baru. Saya berharap dengan pelaksanaannya nanti, projek ini dapat meningkatkan keselamatan rakyat dan mengurangkan indeks jenayah. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bajet 2016. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

### **3.18 ptg.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bajet 2016 yang bertemakan, "Mensejahterakan Kehidupan Rakyat".

Tuan Yang di-Pertua saya memetik satu peringatan Allah dalam Al-Quran dengan izin... [Membaca sepotong ayat al-Quran] Allah SWT memberikan peringatan antara ciri orang yang beriman yang akan memperoleh kemenangan di akhirat ialah mereka yang menjaga amanah dan janji mereka.

Kepimpinan kerajaan sebuah amanah, dan harta kekayaan negara satu amanah. Kita bukan sahaja akan berdepan dengan rakyat tetapi kita akan berdepan dengan mahkamah Allah, persoalan tanggungjawab di hadapan Allah SWT. Satu ingatan saya kepada semua pemerintah yang menjadi pemimpin, supaya kita menjaga setiap sen duit yang diberi amanah kerana ini akan menjadi soal jawab di akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2016 merupakan bajet yang sudah masuk ke tahun 18 bajet defisit. Di mana hutang negara meningkat sebanyak RM589 bilion, kepada RM627 bilion. Ini belum lagi dikira dengan hutang yang dijamin oleh kerajaan, yang dianggarkan melebihi RM170 bilion termasuk juga hutang 1MDB.

Sudah menjadi kebiasaan, selepas daripada pembentangan bajet akan ada bajet tambahan, tiga atau empat kali setahun yang menyebabkan defisit bajet kita semakin bertambah.

#### ■1520

Persoalannya di sini, sejauh mana bajet yang dibentangkan ini mampu untuk menyelesaikan masalah kemelut kehidupan, tekanan yang dihadapi oleh rakyat hari ini. Di mana dalam keadaan negara kita berdepan dengan inflasi yang semakin tinggi, kadar kenaikan gaji yang tidak selaras dengan kenaikan inflasi, peningkatan kos sara hidup yang tinggi. Termasuk juga dengan pengenaan cukai GST yang dikenakan kepada rakyat, menambahkan lagi beban kepada rakyat. Apa lagi yang terkini apabila kerajaan mengisyiharkan kenaikan tambang, KTM komuter yang menyebabkan kesan yang cukup besar. Terutama di kalangan pekerja yang berada di bandar, termasuk juga pelajar-pelajar universiti. Termasuk juga kenaikan harga tol, kenaikan bahan bakar, semuanya merupakan beban kepada rakyat.

Penurunan nilai ringgit menambahkan lagi sengsara rakyat, apa lagi makanan kita, 70% keperluan makanan negara bergantung kepada import. Beban negara bertambah lagi apabila hasil utama negara iaitu petroleum yang menjadi sumber utama negara kita sudah semakin menurun harganya. Termasuk juga komoditi getah dan kelapa sawit. Kesannya kita terasa amat ketara pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, semua cabaran ini mungkin kita boleh kurangkan sekiranya negara kita diurus dengan baik dan cermat sejak awal lagi. Tidak ada pembaziran, tidak ada pemborosan, tidak ada penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Sudah tentu kita tidak perlu membebankan rakyat hari ini dengan cukai GST yang sebagaimana kita dimaklumkan untuk tahun 2016, GST yang akan dikutip berjumlah dianggarkan RM39 bilion. Kalau kita tengok dalam Laporan Ketua Audit Negara, setiap tahun ketirisan berlaku dianggarkan berpuluhan bilion.

Bermakna kalau wang ini tidak tiris, dapat kita selamatkan, sebenarnya kita tidak perlu membebankan rakyat dengan cukai GST.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Apakah langkah-langkah penjimatan yang telah disediakan oleh kerajaan untuk menjamin supaya beban hutang kita tidak terus bertambah, keadaan ekonomi kita terus stabil. Begitu juga saya ingin penjelasan, apakah langkah-langkah konkret yang di pelan, dirancang oleh kerajaan untuk memastikan nilai ringgit kita tidak menyusut. Oleh sebab perkara ini sangat penting untuk kita menjamin kestabilan ekonomi negara kita.

Kita lihat dalam pentadbiran negara kita banyak jabatan yang bertindih fungsi. Jadi, sejauh mana kerajaan menilai perkara ini supaya dalam pelaksanaan pentadbiran tidak menyebabkan pembaziran berlaku. Sekarang ini dalam Bajet 2016, kita melihat bajet mengurus sahaja melibatkan 80.5% daripada nilai bajet dan untuk pembangunan hanya 19.5%. Saya ingin tanya pihak kerajaan, mampu kah dengan bajet pembangunan 19.5% ini mampu memacu negara kita menuju negara maju menjelang tahun 2020 yang tempohnya hanya empat tahun sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua, harta negara adalah amanah, perlu diurus dengan sebaik mungkin. Setiap sen yang dikutip daripada cukai rakyat hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya kepada rakyat. Akan tetapi malangnya dalam kerajaan berbangga dengan pemberian BR1M kepada rakyat tetapi kita hendaklah sedar bahawa setiap sen duit BR1M yang diberikan kepada rakyat sebenarnya adalah daripada poket rakyat yang dikutip daripada cukai GST. Saya melihat Laporan Ketua Audit Negara, di mana ada ketirisan dalam pembahagian BR1M.

Saya terkejut kalau dalam pemberian BR1M pun ada ketirisan yang mana dilaporkan oleh Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2012, dinilai sebanyak RM1.11 juta duit yang telah tiris yang melibatkan 2188 orang. Di mana penerima BR1M lebih daripada sekali. Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2013 didapati ketirisan dalam pemberian BR1M sebanyak RM1.14 juta yang melibatkan 2,410 orang.

Pada tahun 2014 lagi ada ketirisan iaitu RM1.09 juta yang melibatkan 1,899 orang. Paling malang, duit yang sepatutnya diberikan kepada orang yang berhak tidak dikembalikan kepada kerajaan. Didapati pada tahun 2012, 1,555 orang tidak mengembalikan wang yang terlebih ambil daripada duit BR1M. Tahun 2013, sebanyak 1,850 orang dan tahun 2014 sebanyak 1,401 orang. Jadi, saya ingin tahu sejauh mana usaha yang telah dibuat oleh kerajaan supaya tidak berulang, berlakunya ketirisan. Apabila berlaku ketirisan dalam sumbangan kepada rakyat, ini bermakna ada pihak yang terlepas dan mereka tidak mendapat hak mereka, maka ini adalah satu kezaliman. Jadi, apakah mekanisme yang dibuat oleh kerajaan bagi memastikan tidak berlakunya ketirisan sebagaimana yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara tiga tahun berturut-turut, pemberian BR1M, berjuta-juta duit negara tiris dalam persoalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2016 juga kita lihat terlalu banyak peruntukan-peruntukan yang telah dipotong kecuali Jabatan Perdana Menteri mendapat pertambahan

peruntukan RM100 juta. Termasuk juga ialah peruntukan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Paling mengejutkan kita, peruntukan yang dipotong termasuklah peruntukan bantuan am yang melibatkan penurunan 76%. Di mana kita dapati peruntukan bantuan am pada tahun 2015 berjumlah RM25 juta, tahun 2016 hanya diperuntukkan RM6 juta. Saya ingin tahu kenapa berlaku sedemikian? Apakah mereka yang menerima bantuan am, kebanyakannya mereka adalah keluarga miskin yang menerima hanya antara RM80 hingga RM120 sahaja sebulan. Sejauh mana mekanisme ini dibuat? Apakah penyelesaiannya? Sejauh mana dalam isu bantuan am ini kerjasama telah dibuat dengan kerajaan negeri. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Rantau Panjang, minta laluan sedikit.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau dilihat daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Rantau Panjang berkenaan dengan ketirisan yang dilaporkan di dalam pemberian BR1M. Begitu juga tentang pengurangan bantuan am, terutama yang melibatkan orang-orang yang miskin. Apakah ini merupakan salah satu daripada kita lihat sebab yang menjadikan kita tengok segala rancangan untuk hendak mengurangkan kadar kemiskinan negara kita ini tidak berjaya. Seolah-olah kemiskinan ini ialah dibiarkan supaya lebih miskin, lagi bergantung dengan kerajaan. Minta pandangan Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Saya yakin ini adalah satu agenda seolah-olah untuk menjerut ataupun supaya mencucuk hidung rakyat supaya terus bergantung pada kerajaan. Saya berharap perkara ini dijawab oleh Menteri dalam penggulungan nanti.

Saya juga melihat bagaimana perbelanjaan mengurus, di mana perbelanjaan mengurus untuk kementerian wanita, sebuah kementerian yang cukup penting, menyusut RM172 juta. Penyusutan juga berlaku dalam peruntukan pembangunan sebanyak RM89 juta sedangkan kementerian wanita adalah sebuah kementerian yang menjaga kepentingan wanita, keluarga dan masyarakat. Isu yang berkaitan dengan permasalahan keluarga hari ini begitu banyak, apa lagi yang melibatkan remaja, kanak-kanak, pembangunan wanita, keluarga dan sebagainya.

Jadi, saya ingin tahu bagaimanakah kementerian wanita akan mengurus dengan peruntukan menyusut sebanyak RM172 juta dari sudut peruntukan mengurus, sedangkan kita lihat di bawah tidak cukup pegawai. Pegawai kebajikan masyarakat di daerah tidak mencukupi. Banyak isu yang tertangguh. Ada yang memohon peruntukan sampai mati tidak dapat lagi bantuan. Banyak isu yang berlaku di bawah tetapi macam mana peruntukan untuk pengurusan diturunkan sampai RM172 juta.

Saya mencadangkan sudah sampai masanya di bawah badan kebajikan masyarakat adanya pegawai agama dalam membimbing golongan keluarga miskin. Kalau kita ada pegawai kaunseling, kita perlu ada pegawai agama untuk memberikan kefahaman kepada mereka tentang asas-asas keperluan hidup mereka. Terutamanya apabila mereka dalam program-program komuniti dan sebagainya untuk melengkapkan diri mereka dengan ilmu yang sepatutnya. Sekali gus boleh membendung segala masalah yang berlaku. Jadi, saya mohon statistik daripada pihak kementerian tentang kedudukan golongan-golongan yang disebutkan tadi. Apakah cabaran utama di dalam membangunkan kementerian wanita ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga tentang apa yang disuarakan oleh golongan OKU, begitu juga daripada Persatuan Golongan Orang Kurang Upaya. Kita mencadangkan supaya kerajaan meningkatkan elaun pekerja cacat, dinaikkan kepada RM550 sebulan. Kalau RM350 sebulan tidak berbaloi dan tidak memadai dengan suasana kos yang ada pada hari ini.

■1530

Saya juga mencadangkan had kelayakan untuk mendapat elaun pekerja cacat dinaikkan daripada pendapatan RM1,200 kepada RM3,000 sebulan.

Begitu juga elaun kepada ibu bapa atau penjaga yang menjaga anak-anak cacat, OKU. Saya mencadangkan dinaikkan kepada RM500 kerana ini adalah satu beban yang besar apabila seorang ibu bapa mempunyai anak OKU, mereka tidak dapat memberi tumpuan kepada perusahaan yang lain kerana mereka memerlukan pemerhatian yang rapi. Jadi sudah tentulah terutama bagi golongan yang miskin yang mempunyai anak OKU ini perlu kepada kos yang tinggi terutama dengan *pampers* dan sebagainya, maka saya harapkan dinaikkan dari nilai RM350 ataupun RM300 kepada RM500.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat di antara isu yang paling membimbangkan kita hari ini iaitu berkaitan dengan penculikan kanak-kanak. Ini adalah di antara perkara yang sedang menular dalam negara kita yang sangat membimbangkan. Sejauh mana perkara ini diberi perhatian dan apakah statistik yang ada pada hari ini yang terkini yang ada dalam kementerian hari ini. Begitu juga isu berkaitan dengan penderaan, berkenaan dengan rogol dan paling kita bimbang sekali apabila kita dimaklumkan lebih daripada 4,500 orang anak-anak tidak sah taraf, makna anak-anak zina yang dilahirkan setiap tahun dalam negara kita. Ini merupakan satu bala yang sedang menimpa negara kita.

Jadi saya ingin tahu apakah perancangan yang dibuat oleh pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menangani segala isu permasalahan yang ada pada hari ini? Kenaikan kos hidup menyebabkan ramai wanita yang terpaksa keluar bekerja membantu ekonomi suami dan rumah tangga. Jadi setakat ini, saya ingin tahu sejauh mana, apakah sistem sokongan yang telah dibuat penambahbaikan untuk membantu pekerja-pekerja wanita? Jadi sebab - setakat ini berapakah buah taska yang telah dibina melalui jabatan

kerajaan ataupun swasta di seluruh negara dan apakah insentif yang telah disediakan oleh kerajaan untuk membantu meringankan beban pekerja-pekerja wanita termasuk iaitu Kursus Asas Pendidikan Awal Kanak-kanak yang dikendalikan oleh PERMATA?

Sekarang ini kita tahu di mana kursus asas ini dikenakan yuran yang tinggi RM900 dengan tempoh kursus selama 25 hari. Saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya pemegang-pemegang diploma ataupun ijazah, anak-anak graduan kita yang menganggur, yang berminat untuk membuka perusahaan taska ini diberi pelepasan cukai ataupun diberi insentif supaya mereka mendapat yuran yang lebih murah dalam keadaan di samping mereka untuk mengembangkan kerjaya mereka supaya mereka tidak terbeban, tidak mampu untuk mendapat sijil daripada kursus ini semata-mata kerana yuran yang mahal.

Jadi sejauh mana perkara ini diberi pertimbangan? Kita mengharapkan supaya lepasan diploma dan yang mempunyai ijazah dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak ini diberi pelepasan ataupun diberi pengurangan dari yuran Kursus Asas Pendidikan Awal Kanak-kanak yang dikendalikan untuk membolehkan mereka membuka perusahaan taska yang membantu pekerja-pekerja wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan juga berkaitan dengan sejauh mana usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk menambahkan lagi penglibatan wanita di pasaran pekerjaan? Sebab Dalam negara kita, di antara negara yang paling rendah penglibatan wanita di pasaran pekerjaan berbanding dengan negara lain. Contoh, di Malaysia 53.69% berbanding dengan Hong Kong 54.6% dan di Singapura 58.6%. Begitu juga di bidang pengurusan, wanita Malaysia masih jauh ketinggalan hanya 22% berbanding dengan Australia 36% dan Filipina 48%. Jadi sejauh mana usaha yang dibuat oleh kementerian untuk memastikan *target* kita untuk mencapai penglibatan wanita 30% di bidang pengurusan menjelang 2020? Begitu juga penglibatan wanita di pasaran buruh sekurang-kurangnya 57% menjelang 2020 dapat direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan berkaitan dengan persiapan kerajaan untuk menghadapi musim tengkujuh. Setakat ini, sejauh manakah persiapan yang telah dibuat dan apakah post-mortem dari banjir tahun lepas dan saya ingin tahu dari peruntukan Bajet 2016, berapakah peruntukan untuk tebatan banjir di Rantau Panjang? Saya kira sudah berpuluh-puluh kali saya sebut di Dewan ini keperluan tebatan banjir di Sungai Golok, Rantau Panjang yang mana setiap tahun berdepan dengan banjir melibatkan jutaan kerugian kepada rakyat. Akan tetapi hari ini kita tengok, apakah yang disediakan untuk membuat tebatan banjir di Rantau Panjang? Ini kerana dalam Rancangan Malaysia Keselbelas, kita tidak nampak satu sen pun peruntukan untuk menyelesaikan isu ini. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan kemas kini atau penambahbaikan di pusat pemindahan banjir. Saya harapkan supaya diberi penempatan yang khusus terutama warga emas yang uzur, ibu-ibu yang baru bersalin. Ini merupakan satu masalah yang ketara terutama apabila di musim banjir besar.

Begitu juga isu pendaftaran mangsa-mangsa banjir di pusat perpindahan banjir yang setiap tahun menimbulkan ketidakpuasan hati terutama di kalangan mangsa banjir. Ada di kalangan mereka Tuan Yang di-Pertua, dalam satu keluarga tiga orang mendaftar. Bapa mendaftar, mak pun mendaftar dan anak daftar. Akhirnya apabila terima bantuan banjir, tiga orang dapat tetapi yang tidak dapat, yang daftar tetapi tak dapat langsung pun ada. Ada yang rumah mereka tidak disentuh air tetapi pergi juga ke pusat pemindahan banjir semata-mata kerana hendak duit RM500 bantuan banjir. Jadi saya harapkan satu mekanisme baru yang lebih cekap dan berkesan untuk memastikan tidak berlakunya masalah yang saya sebutkan tadi. Apa yang menyedihkan lagi, mereka yang pindah ke tempat pemindahan banjir yang memang mangsa banjir tetapi mereka tidak mendapat bantuan pampasan yang disediakan oleh kerajaan sedangkan mereka juga mendaftar. Berlaku ketirisan juga.

Jadi kalau BR1M berlaku ketirisan, saya kira tidak mustahil dalam pemberian bantuan banjir juga akan berlaku ketirisan. Jadi saya harapkan perkara ini diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Jadi kalau perkara tentang kesejahteraan rakyat, kebajikan rakyat yang menjadi tema bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri, bajet 'Mensejahtera Kehidupan Rakyat' kalau kita tak boleh selesaikan perkara penting untuk rakyat bawahan, bagaimana kita hendak selesaikan benda-benda yang lebih besar? Jadi sebab itulah saya mengharapkan supaya penglibatan penghulu sangat penting terutama penghulu sama ada di bawah kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan untuk memastikan mereka yang didaftarkan itu adalah mereka yang benar-benar menjadi mangsa banjir dan tidak berlaku penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu juga bilakah elaun kritikal bagi pasukan yang beruniform yang bertugas sepenuh masa semasa bencana akan diberi dan berapakah peruntukan yang akan disediakan oleh kerajaan? Berapa kali saya kemukakan di Dewan ini dan janji kerajaan untuk mengkaji elaun kritikal dan untuk melihat kepentingan mereka terutama bagi anggota bomba, anggota tentera, anggota polis termasuk kakitangan hospital, kesihatan, JPAM, RELA termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mereka bertungkus lumus siang dan malam sampai tidak tidur malam semata-mata kerana untuk menyelamatkan mangsa banjir dan memberi perkhidmatan yang baik kepada mangsa-mangsa banjir.

Begitu juga di musim kemarau, bomba terpaksa berhempas-pulas, bergadai nyawa untuk memadamkan api dan sebagainya di hutan-hutan yang tebal. Jadi saya harap disegerakan elaun dan kenaikan gaji ataupun elaun kritikal kepada pasukan beruniform yang mempunyai peranan yang cukup besar dalam membantu masyarakat, rakyat dan negara, *insya-Allah*.

Saya ingin penjelasan juga bilakah akan dinaikkan taraf Pejabat CIQ di Rantau Panjang sempit dan sesak. Kawasan Parlimen Rantau Panjang adalah kawasan sempadan dengan Thailand yang menjadi pintu masuk utama di sebelah timur. Jadi dalam keadaan sekarang, suasana di pintu masuk ini terlalu sesak dan sempit terutama di musim perayaan dan cuti sekolah. Jadi saya harapkan perkara ini diberi pertimbangan dalam peruntukan supaya kerajaan

membesarkan lagi Pejabat CIQ Rantau Panjang ini dan begitu juga dinaik taraf semua premis yang ada di sekitar dan saya ingin tahu juga bilakah kerajaan akan menaik taraf premis-premis yang terdedah dengan banjir dalam Parlimen Rantau Panjang?

Bagaimana polis hendak menyelamatkan orang lain, sedangkan Balai Polis, komputer, semua tenggelam banjir. Begitu juga Pejabat bomba, Balai Bomba tenggelam banjir, sekolah tenggelam banjir, Klinik Kesihatan tenggelam banjir. Bukan sahaja rakyat mangsa banjir pindah, dengan klinik-klinik juga berpindah. Jadi saya ingin penjelasan sejauh mana penambahbaikan yang akan dibuat termasuk juga iaitu cadangan hospital bertenagakat di Pasir Mas? Di mana satu-satunya hospital dalam Parlimen Pasir Mas dikongsi dengan Parlimen Rantau Panjang iaitu Hospital Pasir Mas. Di mana bangunan yang setingkat yang mana apabila berlaku banjir besar iaitu terdedah kepada ancaman banjir.

■1540

Jadi saya mengharapkan satu Hospital baru dibina di Pasir Mas untuk kegunaan rakyat Parlimen Rantau Panjang, juga supaya masalah ketidakcukupan katil, masalah apabila berlaku bencana boleh menyelamatkan mangsa supaya tidak berlakunya masalah yang kita tidak jangka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan juga berkaitan dengan soal perjanjian berkaitan dengan kerjasama dengan negara jiran Thailand, iaitu terutama termasuk peraturan kemasukan kenderaan asing ke dalam negara kita. Di mana saya selalu mendapat aduan terutama daripada persatuan pemandu kereta sewa dan teksi tempatan. Di mana ada di kalangan mereka turun sebelum subuh, pergi tunggu penumpang di stesen-stesen bas sampailah kepada malam. Satu ringgit pun tidak dapat hasil, kerana penumpang-penumpang yang turun di Rantau Panjang biasanya penumpang yang akan ke negara Thailand.

Kesemua mereka dibolos oleh pengangkutan awam daripada negara Thailand. Setiap hari saya harap pihak kementerian hantar wakil tengok apa yang sedang berlaku. Setiap hari saya tengok dengan mata, kepala saya sendiri lebih daripada 50 pengangkutan awam dari Thailand yang membawa atau dalam masa tempatan dipanggil ‘rokut’ membawa penumpang-penumpang daripada negara Thailand turun ke negara kita.

Kita tidak menyekat kemasukan pelancong-pelancong tetapi kita biarlah boleh ditumpangkan atau dimanfaatkan untuk rakyat tempatan. Rakyat tempatan mengeluh kerana mereka tidak dapat cari makan. Jadi janganlah sebagai mana kata pepatah *‘kera di hutan disusukan, anak sendiri mati kelaparan’*. Jadi saya harap perundingan yang baik dibuat antara kedua-dua negara untuk memastikan kebijakan pemandu kereta sewa antara dua negeri ini dapat dimanfaatkan bersama.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, mewakili rakyat Rantau Panjang dan seluruh negeri Kelantan. Kami sangat memohon supaya kerajaan mempertimbangkan hak yang termaktub dalam Akta Pembangunan Petroleum 1975 iaitu hak royalti rakyat Kelantan.

Walaupun kita tahu macam-macam alasan yang dibuat oleh kerajaan sampai kepada mahkamah. Tetapi kita mengharapkan pertimbangan yang diberi sebagai mana pertimbangan diberi negeri Terengganu, sebagai mana pertimbangan diberi kepada Sabah dan Sarawak. Jadi hak kami sebagai rakyat negeri, hasil dari bumi laut negeri Kelantan seharusnya dikongsi bersama. Jadi saya harap soal pemberian hak royalti diberi kepada Kelantan.

Begitu juga kami rakyat Kelantan terkilan kami juga adalah pembayar cukai. Apalagi dengan keadaan kutipan cukai negara RM39 bilion daripada GST, daripada duit rakyat. Maka sebahagian besar cukai ini juga daripada poket rakyat Kelantan. Rakyat Kelantan bukan sahaja berada di Kelantan tetapi rakyat Kelantan yang bekerja di jabatan-jabatan kerajaan di peringkat Persekutuan. Kami juga adalah pembayar cukai. Sampai hari ini kami tidak menikmati kemudahan lebuh raya yang canggih, yang selesa yang menghubung antara Kuala Lumpur dengan Kota Baharu. Kami tidak mempunyai kemudahan jalan kereta api yang cekap dan berkesan. Tidak ada tebatan banjir, tidak ada penaiktarafan lapangan bertaraf antarabangsa. Begitu juga hak royalti kami dinafikan.

Jadi saya ingin penjelasan, kenapalah perkara ini berlaku. Jurang pembangunan antara wilayah timur dan barat masih tinggi. Apa yang paling saya terkedu sekali ialah apabila kerajaan tidak ada hasrat untuk membuka laluan kereta api antara pantai timur ke Thailand. Di mana Rantau Panjang merupakan pintu masuk. Kalau di sebelah Johor dan Singapura yang boleh bina kereta api laju daripada *Singapore* masuk ke Johor terus ke Kuala Lumpur. Begitu juga ke Padang Besar. Kenapa, jalan kereta api yang sudah ada, sedia ada yang menghubungkan antara Rantau Panjang dengan Golok tidak dibuka. Sedangkan dia boleh merangsang pembangunan ekonomi di sebelah timur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Okey, Tuan Yang di-Pertua, jadi saya mencadangkan ini diberikan perhatian oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya selaras dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan Maqasid Syariah dalam pentadbiran negara, saya pohon penjelasan daripada pihak kerajaan terhadap cadangan penambahbaikan Akta 355 untuk memperkasakan undang-undang syariah dan mahkamah syariah. Jadi selaras dengan Islam sebagai agama persekutuan. Saya ingin penjelasan mewakili seluruh umat Islam seluruh negara dan rakyat Kelantan khususnya sejauh mana kedudukan ini dalam perhatian kerajaan. Ingatlah kepimpinan adalah satu amanah yang akan ditanya oleh Allah SWT. Jadi sekadar itu dulu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Jelebu.

**3.45 ptg.**

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** *Bismillahirahmannirrohhim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, *Alhamdulillah*, sampai giliran saya untuk menyampaikan sedikit pandangan berkaitan dengan Belanjawan tahun 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, 23 hari bulan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Belanjawan tahun 2016 ini disediakan dengan berlatarbelakangkan keadaan ekonomi dunia dan ekonomi negara yang tidak monolog dalam keadaan kesukaran, dalam keadaan ekonomi terutamanya kuasa besar seperti China mengalami kemerosotan dan ini memberi kesan kepada negara kita dan negara-negara lain di seluruh dunia.

Harga minyak yang jatuh lebih daripada separuh harganya, dan ini tentu sekali menyukarkan kewangan negara. Di mana sumber pendapatan kita daripada hasil petroleum merupakan sebahagian besar atau penyumbang besar pendapatan negara. Dalam keadaan yang sama juga, harga getah, harga sawit juga jatuh. Semua kejatuhan ini termasuklah nilai Ringgit, bukanlah sesuatu yang berasal daripada keadaan dalam negara semata-mata. Tapi ia berlaku dalam keadaan dunia, seluruh dunia, seluruh negara mengalami keadaan yang sama. Jadi persekitaran itulah, melingkungi penyediaan Belanjawan 2016 yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu.

Jadi sudah tentulah bukan mudah untuk menyediakan sebuah belanjawan dalam keadaan yang sedemikian rupa. Tetapi dalam kesukaran ekonomi dunia hari ini ataupun keadaan ekonomi dunia yang mengitari penyediaan bajet ini, Perdana Menteri masih berupaya mengemukakan satu belanjawan yang bukan sahaja berupaya mensejahterakan rakyat tetapi juga berupaya untuk mengukuhkan masa depan ekonomi negara.

Kenapa saya katakan begitu? Kita boleh lihat daripada statistik-statistik penting belanjawan yang sudah dikemukakan itu. Di mana kesungguhan Perdana Menteri dan kerajaan untuk terus memberi kesejahteraan dan pembelaan kepada rakyat dan terus untuk menjamin pertumbuhan ekonomi negara walaupun dalam keadaan sukar itu.

Jadi kita lihat walaupun keupayaan mengadun sumber, penggunaan khazanah negara sesuai dengan keadaan semasa tanpa mengabaikan kebajikan rakyat dan membina ketahanan ekonomi negara di masa depan. Inilah yang cuba dilakukan oleh kerajaan menerusi belanjawan pada kali ini.

Sebab itu kita boleh lihat, benar belanjawan pada tahun 2016 ini menunjukkan pengurangan dari segi jumlah keseluruhan berbanding dengan tahun 2015. Iaitu pada tahun 2016 dijumlahkan sebanyak RM267.2 bilion sahaja berbanding dengan 2015 RM273.9 bilion. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM6.7 bilion ataupun 2.5% berbanding dengan tahun 2015.

Namun begitu, seperti saya nyatakan tadi ada *ism*, kesungguhan soal rakyat, kepentingan rakyat, kepentingan untuk pertumbuhan, semua diambil kira walaupun dalam keadaan yang sukar, dalam keadaan pendapatan berkurangan, dalam keadaan kos yang meningkat di seluruh dunia dan dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan sebagainya itu. Tetapi, kerajaan terus memberi penambahan di dalam perbelanjaan pembangunan. Ya, betul! Perbelanjaan keseluruhan bajet kita berkurangan tetapi kerajaan tidak mengorbankan perbelanjaan untuk tujuan pembangunan.

#### ■1550

Jadi belanjawan pada tahun 2016 meningkat untuk tujuan itu. Daripada RM50.2 bilion pada tahun 2015 untuk tujuan pembangunan tetapi pada tahun 2016 meningkat kepada RM52.2 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM2 bilion atau 4% dari tahun 2015. Kita jarang nampak elemen ini. Kita tahu nampak yang sana kurang, hendak tambah itu hendak tambah ini dan sebagainya. Akan tetapi kita lupa, kita lupa betapa sukarnya penyediaan belanjawan tahun ini kerana persekitaran ekonomi dunia yang tidak menyokong untuk kita berbuat sedemikian rupa.

Namun begitu, ihsan kerajaan untuk pembangunan tidak boleh dikorbankan. Ya ekonomi dunia lembap, betul pendapatan berkurangan tetapi untuk tujuan pembangunan, kerajaan tidak korbankan. Malah bertambah, ini harus kita beri pujian kepada kerajaan, harus beri pujian kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan *team* yang menyediakan belanjawan yang sedemikian rupa.

Selain daripada itu, walaupun dikatakan kerajaan boros, kerajaan berbelanja mewah, kerajaan membeli perkara-perkara yang tidak perlu. Akan tetapi hakikatnya jauh dalam pemikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kerajaan ialah bagaimana untuk melakukan penjimatan seboleh mungkin di mana yang perlu. Oleh sebab itu pada belanjawan tahun 2016, kita dapati bahawa... itu terserlah, di mana kerajaan berupaya mengurangkan belanja mengurus sebanyak RM8.2 bilion atau kira-kira 3.7% pada tahun 2016 nanti, iaitu daripada RM223.4 bilion pada tahun 2015 kepada RM215.2 bilion pada tahun 2016. Jadi siapa kata kerajaan tidak berusaha untuk berjimat? Siapa kata kerajaan tidak berusaha untuk melakukan sesuatu yang terbaik untuk penggunaan aset dan khazanah negara untuk kepentingan rakyat secara yang paling berhemah dan sebagainya.

Ini membuktikan bahawa dalam keadaan pendapatan berlebih atau berupaya maka kerajaan boleh berbelanja lebih. Akan tetapi dalam keadaan pendapatan berkurangan, dalam keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan, belanja kurang tetapi masih boleh melakukan penjimatan dan pembangunan masih boleh ditambah. Ini kita harus perhatikan dan ini harus kita beri kredit kepada kerajaan yang menyediakan belanjawan yang sedemikian rupa. Daripada semua bentuk perbelanjaan dan juga hasil itu, kerajaan menduga bahawa pertumbuhan negara dijangka terus berkembang pada kadar yang positif di antara 4% hingga 5% pada tahun 2016 nanti. Kita tidak mengalami kuncupan ataupun *negative growth* berbanding dengan negara-

negara lain. Akan tetapi kita mengunjurkan, kerajaan mengunjurkan melalui strategi dasar fizikal yang diamalkan. Maka kita juga dapat menjangka menerusi belanjawan yang dibentangkan ini, kerajaan menjangka bahawa paras defisit fizikal kita akan terus menurun kepada 3.1% secara berterusan berbanding dengan 3.2% yang dicapai pada tahun 2015 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, inilah keadaan yang melingkari penyediaan bajet dan belanjawan pada tahun 2016. Bukan mudah untuk mengagihkan pendapatan yang semakin menyusut, semakin berkurang bukan kerana kegagalan menguruskan ekonomi tetapi kerana keadaan ekonomi dunia yang tidak lagi mendukung untuk kita mempunyai pendapatan yang lebih. Oleh sebab itulah kalau kita boleh lihat kebijaksanaan dan pemikiran jangka panjang *the wisdom of the government* dalam soal pelaksanaan GST ini. Ini semua susunan dan pemikiran kerajaan dengan izin Allah SWT.

GST ini bukan difikirkan semalam, GST ini sudah difikirkan begitu lama sebelum ini lagi, sebelum ia dilaksanakan baru-baru ini. Akan tetapi kerajaan sudah memikirkan sumber-sumber baru, pendekatan-pendekatan baru, kaedah-kaedah baru bagaimana rejim perculaian ini harus berubah sebagaimana negara-negara lain juga sudah berubah lebih daripada 160 buah negara.

Jadi bukan kerana kita tahu harga minyak hendak jatuh, bukan kerana kita menduga bahawa hasil kita dijangka berkurang kerana jatuhnya harga minyak atau jatuhnya harga komoditi kita. Kita tidak minta dan kita tidak menduga tetapi ke'*wisdom*'an atau kebijaksanaan kerajaan menyediakan perancangan dan memilih untuk melaksanakan GST dengan *political will* walaupun mendapat bantahan dan kecaman dari sesetengah pihak.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Sekejap ya, saya habiskan ini dulu. Kejap lagi saya panggil. Jadi GST itu alhamdulillah, sebahagian daripada kekurangan pendapatan yang kita tidak duga daripada kejatuhan harga minyak itu dapat ditampung oleh peningkatan dalam hasil kutipan GST. Ini hikmahnya, ini kebijaksanaannya dan ini dirancang lama, difikirkan lama, diteliti lama oleh kerajaan. Akan tetapi membuat keputusan dengan *will power* yang ada, dengan *political will* yang ada walaupun tidak popular tetapi kita perlu melaksanakan dan perubahan rejim cukai negara kita. *Alhamdulillah*, walaupun dikatakan ia cukai yang membebankan dan menaikkan harga tetapi ia sudah membantu kita dalam keadaan ekonomi yang tidak berapa selesa pada ketika ini. Terima kasih, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Saya hendak tanya pada Yang Berhormat Jelebu, apa bijaknya GST itu? Ambil duit rakyat, cukai daripada rakyat? Tidak cukup duit, cukai rakyat. Tidakkah sepatutnya jauh lebih bijak sekiranya pada zaman-zaman kemewahan bila harga minyak itu tinggi,kekayaan itu dilaburkan dalam bidang-bidang yang boleh mendatangkan hasil yang baru, maka tidak perlu dibebankan rakyat. Kutip cukai daripada rakyat adalah cara mendapatkan sumber yang paling kuno, yang tidak perlu kebijaksanaan.

Mana-mana kerajaan pun boleh buat. Apa hikmah dan kebijaksanaannya? Boleh tidak Yang Berhormat Jelebu jelaskan kepada saya? Bukankah itu menunjukkan ia satu kegagalan? Kegagalan untuk mencari sumber pendapatan yang baru, yang sepatutnya dirancang dan dibina pada ketika harga minyak dunia tinggi. Akan tetapi sudah tidak ada cara yang lain, maka gunalah sistem zaman yang kuno...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Jelebu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...tidak ada duit, cukai rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat Jelebu.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Jelebu, sikit boleh?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Saya...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ada dua orang.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sikit boleh? Sambung, sambung Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Kalau sambung, tidak payah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tidak. Saya lain. Saya lain Yang Berhormat Jelebu. Pokok Sena lain...

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Nanti saya bagi, nanti saya bagi. Sama? Kalau sama tak payahlah...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tidak. Lain, lain. Lain daripada Yang Berhormat Shah Alam, lain.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Saya cuba nyatakan pandangan Yang Berhormat Shah Alam itu. Kalau dikatakan GST ini *[Disampuk]* sesuatu yang tidak bijak, maknanya ada 160 buah negara dalam dunia ini tidak bijak. *[Dewan riuh]*

Kalau dikatakan GST ini dikatakan kuno, GST ini menghisap darah rakyat maka 160 lebih buah negaralah yang dikelaskan dalam keadaan sedemikian rupa. Apakah– tidak sabar betul. Apakah Yang Berhormat Shah Alam tidak nampak akan kebijaksanaan itu? GST ini memang sudah difikirkan, dirancang bukan untuk mengganti kepada kejatuhan harga minyak. Apa yang saya jelaskan tadi ialah ia berlaku serentak, yang kita tidak duga, kita tidak pelan dan kita tidak minta. Akan tetapi ia berlaku selepas kita menaik ataupun kita memperkenalkan GST beralih rejim daripada SST. SST itu pun memang sudah ada cukai. Beralih rejim sahaja kepada GST dan GST itu kebetulan terlaksana dan berlaku dalam keadaan kejatuhan harga minyak, kemerosotan ekonomi dunia dan itu menjadi rahmat kepada negara ini. Maka, kerajaan boleh menyediakan belanjawan yang lebih baik dan...

■1600

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** ...seterusnya dapat memberikan kesejahteraan. Saya fikir sudahlah itu. Tidak usah kita polemikkan perkara ini. Sudah banyak kali dicakapkan... Yang Berhormat Shah Alam dia putar-putar...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bukan Yang Berhormat Jelebu tanya kah tadi tak jawab?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Okey...

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Saya fikir saya beri kepada Yang Berhormat Pokok Sena lah pula.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Shah Alam memang dia '*lagu*' itu. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Saya mohon...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia beri laluan maka bolehlah, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, ya. Fasal Tuan Yang di-Pertua tidak sebut apa-apa, saya pun takut juga. *[Ketawa]* Baik, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Tadi Yang Berhormat ada berhujah mengatakan bahawa kalau 160 buah negara buat, ini bermakna 160 buah negara itu tidak bijak. Itu *argument* kepada GST. Mari kepada TPPA, 12 buah negaralah. Adakah hendak kata yang lebih daripada 12 buah negara itu bodoh? Adakah kita hendak kata yang tidak *join* TPPA ini negara yang bodoh? Itu satu.

Kedua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat bersetuju bahawa belanjawan negara kita ini belanjawan '*mujoq*'. Saya terpaksa sebut ini sebab saya mungkin tidak sempat sudah hendak berucap ini, hendak berbahas, Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan ini belanjawan '*mujoq*'. Perdana Menteri kata bahawa belanjawan diselamatkan. GST penyelamat kepada kewangan negara. Maknanya orang Kedah kata, orang utara kata, "*Mujoq ada GST. Kalau tidak mampus*", "*Mujoq hang tolong aku, kalau tidak aku teruk*", "*Mujoq ada GST, rakyat bayaq GST. Kalau tidak mampus Kerajaan BN ini*". Jadi belanjawan ini belanjawan '*mujoq*', belanjawan yang tidak dirangka seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi. Saya bersetuju bahawa tidak ada perancangan untuk mencari sumber pendapatan baru bagi mengelakkan daripada membebankan masyarakat dan rakyat dalam negara kita.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pokok Sena ini kalau membuat analogi sekolah rendah ini memang cukup cekap. *[Ketawa]* Analogi yang tidak ada *class* langsung, macam orang tidak sekolah, Tuan Yang di-Pertua.

TPPA ini yang mudahnya begini sahaja. Jangan samakan soal TPPA dengan cukai. Ini dua perkara yang berbeza. *[Ketawa]* Ini hendak bandingkan di antara buah epal dengan oren. Ini yang saya katakan macam budak sekolah rendah. TPPA ini 12 buah negara terlibat. Kalau 100 buah negara terlibat pun lagi baik tetapi 12 buah negara terlibat pun untuk pengetahuan Yang

Berhormat Pokok Sena, kita akan dapat akses 95 kali ganda besarnya saiz pasaran yang kita ada dengan menyertai TPPA. Mana untung? Kita yang kecil dapat lebih besar atau yang besar dapat yang kecil? Ini perancangan kerajaan yang dikatakan hendak menambahkan pendapatan, membesarkan saiz ekonomi dan sebagainya. Jadi kalau sekiranya Yang Berhormat Pokok Sena mengaji belum habis, selepas ini nanti bolehlah pergi mengaji lagi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...160...

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya teruslah kepada – di mana saya berhenti pun saya tidak tahu sudah tadi. *[Ketawa]* Itu GST bukan ‘mujoq’. Ini satu perancangan. Ia bukan nasib, Yang Berhormat. Ini bukan nasib-nasib, mungkin berkat doa orang-orang alim dalam negara kita, “Selamatkanlah negara ini daripada orang-orang seperti Yang Berhormat Pokok Sena”, mungkin Allah beri jalan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Jelebu, sedikit.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya tidak sebut kata GST itu ‘mujoq’ tetapi belanjawan ini ‘mujoq’. ‘Mujoq’ ada GST, ‘mujoq’... GST.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Ya, ‘mujoq’ GST lah itu. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kalau tidak bayar GST, tidak ada rakyat, mampuslah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat. Yang bab itu bincang nanti di luar. *[Ketawa]*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Sedikit Yang Berhormat Jelebu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. Masa tidak mengizinkan, sila gulung.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Saya ada beberapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Jelebu, tidak boleh sedikit?

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Tidak apalah, cukup. Kita tidak perlu panjangkan polemik yang itu. Saya hendak teruskan kepada perkara yang paling penting iaitu dalam kekurangan pendapatan itu masih boleh lagi kerajaan menjaga kebijakan rakyat sama ada di desa atau bandar, sama ada yang cacat, sama ada India, sama ada di Johor atau Sarawak atau Sabah, semuanya, yang muda, yang berumur, semua, tidak dapat hendak disebutkan satu-persatu. Perdana Menteri, Kerajaan Barisan Nasional tidak akan *compromise*. Biar kurang pendapatan, kebijakan rakyat adalah menjadi agenda utama kepada belanjawan kita. *[Tepuk]* Akan tetapi pembangkang tidak lihat ini. Apa yang dia tahu ialah mencabar hendak bertanding ataupun hendak berdebat. Bila disahut, lari kerana takut kena rembat. *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, akhirnya ataupun seterusnya saya hendak mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana meletakkan harga lantai RM2.20 kepada harga getah. Ini disambut baik oleh rakyat-rakyat mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri dan

kerajaan, dengan berdoa supaya kerajaan terus lebih maju dan berjaya kerana terus memberikan perhatian kepada mereka [*Tepuk*] dengan harga RM2.20 paling rendah.

Jadi seterusnya yang berkaitan dengan peruntukan ataupun pembangunan internet ini. Banyak perancangan untuk membangunkan, membaik pulih infrastruktur telekomunikasi Suruhanjaya Telekomunikasi dan Multimedia kita iaitu menyediakan RM1.2 bilion untuk kemudahan dan memperbaiki keadaan itu yang mana untuk meningkatkan kelajuan internet luar bandar, empat kali ganda sehingga 5 megabait per saat kepada 20 megabait per saat. Ini merupakan usaha baik.

Kebimbangan saya cuma satu. Sejauh manakah kementerian bersedia dari segi perundungan dan kuat kuasanya apabila internet dan penggunaan jalur lebar ini berleluasa dan bagaimana soal integriti, soal fitnah, soal memburukkan, soal mentohmah ini dapat di atasi? Kalau ia tidak seimbang dari segi pembangunan undang-undang untuk mengawal kemajuan ini, ia akan mendatangkan mudarat kepada negara. Jadi saya hendak tahu sejauh mana badan kuat kuasa seperti SKMM dan juga polis diperkuuh dan diperkuatkan dengan undang-undang dan kuasa bagi menjamin penggunaan internet ini membawa faedah manfaat terbaik kepada negara dan bukan membawa mudarat seperti yang berlaku...

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat, masa.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Ya Tuan Yang di-Pertua. Saya patuh kepada masa itu. Saya laju sedikit iaitu saya ingin bertanyakan Kementerian Kesihatan iaitu bagaimana kaedah pelupusan sisa perubatan *medical waste* ini? Apakah masih dengan cara tradisional ataupun sudah ada rancangan untuk beralih daripada menggunakan *medical waste management system* yang berasaskan teknologi hijau iaitu sebuah teknologi terkini yang hanya menggunakan gelombang mikro? Jadi saya ingin penjelasan daripada Kementerian Kesihatan. Apakah rancangan kementerian berkaitan dengan *disposal of medical waste* ini kerana kesihatan ini penting kepada rakyat dan negara?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kepada dasar kejayaan belanjawan ini dapat sampai kepada sasarannya bergantung banyak sejauh mana kecekapan kita dalam soal *delivery*. Ini penting. Oleh sebab itu semua kementerian yang mendapat peruntukan yang besar ini dapat melihat soal *delivery* kepada rakyat supaya *delivery* itu lebih demokrasi sifatnya, luas ia punya pencapaian di antara yang miskin dengan yang kaya supaya agihan pendapatan kita jurangnya tidak melebar. Jadi begitu juga di antara kawasan.

Oleh sebab itu kawasan seperti saya, kawasan Jelebu, saya tidak akan segan-silu untuk terus menyatakan, mohon Perdana Menteri supaya menyediakan satu *catalist* untuk membantu pertumbuhan masa depan kawasan Jelebu. Oleh sebab itu satu kawasan yang tidak mempunyai pertumbuhan, kalau tidak ada *catalist* baru, bererti masa depan kawasan Jelebu ini daripada segi kemajuan ekonominya akan tidak dapat bersaing dengan kawasan-kawasan lain. Oleh sebab itu

saya mohon seperti tahun lepas juga, tubuhkan sebuah universiti awam di kawasan Jelebu supaya dapat merangsang pertumbuhan masa akan datang *local demand* dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya fikir memadailah penyampaian saya walaupun masa saya banyak diambil oleh Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Pokok Sena sebentar tadi. Jadi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

#### ■1610

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sebagai ingatan, oleh kerana masa itu singkat, 20 minit, jadi kalau banyak yang dihujah itu, janganlah beri laluan kepada teman yang macam mana merayu-rayu pun. Itu pendapat saya. Yang Berhormat Selayang tak ada, Yang Berhormat Penampang, sila.

#### 4.10 ptg.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memulakan perbahasan saya dengan mengucapkan semoga berjaya kepada semua pelajar di seluruh Persekutuan Malaysia lebih-lebih lagi di Sarawak, Sabah dan di kawasan saya di Penampang yang sedang menjalani peperiksaan SPM mereka. *God bless and guide you all.* Saya juga ingin meminta izin dengan penuh dari Tuan Yang di-Pertua untuk membahaskan dalam bahasa Inggeris mengikut Bahagian 7A klausula 161 (2)(a) Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang membenarkan dengan penggunaan bahasa Inggeris di dalam mana-mana majlis Parlimen oleh seseorang ahli bagi atau dari Sabah atau Sarawak. Terima kasih, *thank you.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Entire speech in English?*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yes.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat? Cuba lihat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *In the - I'm following the Constitution, Tuan Yang di-Pertua with your permission, of course. Thank you.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dulu Yang Berhormat. *In case you have written the speech in English, I will allow you this time but this is a reminder to kepada siapa-siapa tolonglah jangan entire speech dalam bahasa Inggeris. Kalau ada sepotong-sepotong itu English bolehlah. Sila, sila.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Baiklah, terima kasih. *Thank you. Many have spoken from our side against this budget proposed by the member from Pekan and I agree with all of them especially where this budget fails to address the paramount question of how this Federation of Malaysia should manage its wealth and its distribution. I can see how many of these promises promised year after year in my own constituency Tuan Yang di-Pertua. It remains unfulfilled since the last time I entered Parliament in 2013. Hospitals, new schools, roads, flood mitigation measure and many more remain just mere billboards and adverts.*

*As we speak now Tuan Yang di-Pertua, I am receiving information from my constituency that there are flooding and flash floods happening all over in Penampang and even in some parts of Sabah. The heavy rainfall has caused massive disturbances to our constituency again year after year and it has become a yearly affair in Penampang. Even our own district office is flooded, it puts to question as to how the authorities will help our constituency. Taman-taman like the Country Shangri-La in Kampung Minintod, Donggongan New Township and roads in Nambazan are all flooded right now and I urge the authorities to immediately act and send all the necessary help to the constituent.*

*Tuan Yang di-Pertua, I ask why have both the federal and state government failed to address this? What has happened to the flood mitigation plan which was proudly announced in June 2015? With the flood happening right now, I am saying this is a total failure, Tuan Yang di-Pertua. Roads all over my constituency remain unrepaved. It is the same in Kampung Kondohon, Ramayah and I'm sure that Tuan Yang di-Pertua knows my constituency as well as I do. These are causing serious problems to people who use the roads daily. I don't see anything in the Budget that addresses this either.*

*There is a vast difference Tuan Yang di-Pertua, between Kuala Lumpur, West Malaysia, Sabah and Sarawak. You can see the skyscrapers, the highways, the modern transportation, the multiple flyovers and all the modern facilities that we see in Kuala Lumpur and in West Malaysia today. When we compare that to what we have in Sabah and even in Sarawak, we have been unequally treated for 50 years. Even education policies on the real history on the information of Malaysia remains just a few pages in our history books. I urge the government to seriously look into the truth on the formation of Malaysia and how we started this federation of ours.*

*Even English remains unresolved. There are some schools that are ready to teach English in full medium but yet again the government has yet to address this issue, the Budget has not addressed this either. The rising cost Tuan Yang di-Pertua, I'm told is even more shocking especially my colleague, Yang Berhormat Ampang has revealed to me what she had obtained that the government who has been reducing subsidies for all rice millers, for all rice all over West Malaysia, Sabah and Sarawak by 15% starting the 1<sup>st</sup> of January 2016. This will heavily impact on normal citizens, our ordinary friends and families.*

*I also urge this government and again they have failed to address this to put up new policies when they build government projects. I urge them to build places of worship for all faiths along with the mosques or suraus. The Budget also ignored to correct the position of Sabah and Sarawak as an equal partner of the formation of the Federation. Yes, a huge amount of allocation was given to Sabah and Sarawak but Tuan Yang di-Pertua, this should be rightly and constitutionally be ours. The member from Bagan Datok mentioned as the Deputy Prime Minister that this is an election Budget. I feel very insulted by it although he withdrew the statement subsequently.*

*It is our right in Sabah and Sarawak to have a fair share of this wealth and I believe this has also been Tuan Yang di-Pertua's position in the past. It is my opinion and it is very apparent that Sabah and Sarawak are merely used as a means to an end to continue this government, when in fact it should be our constitutional obligation for Sabah and Sarawak to have that fair share of the wealth that we have in this Federation. Again, the Budget fails to address this.*

*Foremost, this special grant requested by Sabah during the formation of the Federation where 40% or two fifth of the net revenue that is collected from the state of Sabah should be returned to Sabah has remained unresolved. The figure remains at RM26.7 million a year since 1969 and Sabahan's members of Parliament from both sides have raised this many times and I think the Prime Minister cannot just form committees to do it, rather he should now reveal to Parliament how much has actually been collected by gross revenue from Sabah and Sarawak since or at least from Sabah since the formation of Malaysia. I wish also to remind this House, Tuan Yang di-Pertua, that in a recent Shell Sabah reported, the Gumusut Kakap Deep Water Oil Fields off the coast of Sabah produces about 135,000 barrels a day. That report itself confirms that it represents 25% of the Malaysia National Oil output just one oil field, Tuan Yang di-Pertua. You can imagine how much has been collected as a revenue from Sabah.*

*Tuan Yang di-Pertua, Sabahans are also still in the dark as what has become of the RCI. Other than, committees after committees and recommendations that are being submitted or has been submitted as announced by the state government recently or yesterday. Surely, everyone including those from the other side of this 'August' House knows that nothing has really been done. Other than mere facades and sporadic arrests here and there.*

*Several JPN officers Tuan Yang di-Pertua, were arrested including a Deputy Director of JPN in Sabah were arrested recently but what is the outcome? Pakistani shops are opening up in my constituency like nobody's business. I believe in many other constituencies. We have no issues of this people come in legally but they come in and abused that trust and opportunity when we allowed them to enter Sabah. Some of them have become citizens and as we know, from the arrest that were made, some of them have even bought the citizenship and that has clearly changed our demography in Sabah. I worry about our future Tuan Yang di-Pertua. I think all of us should. Now, the Prime Minister must know they cannot just wait, he should just make a once and for all solution.*

*The solution I see Tuan Yang di-Pertua and I propose to the government is to decentralized all immigration powers the issuance of birth certificates, the issuance of citizenships including the issuance of the registration of deaths in Sabah and to the Sabah State Government including the Sarawak Government. This would probably solve that perennial question that we have always asked in Sabah. Where they blame West Malaysians for all the debacle that we face today. I think we have to stop blaming West Malaysia, we have to take responsibly of this as Sabahans running our state, running our sovereign government in Sabah.*

■1620

*We keep on talking autonomy, the Prime Minister talks of the autonomy too, but there is a clear hesitation to give Sabah its legal and sovereign right when we agreed to form the federation. Tuan Yang di-Pertua, we in Sabah care very much for the people of West Malaysia and I think they care for us too and we respect their sovereignty as their uniqueness as the Federation of Malaya once before, likewise we expect the same to us. Respect what Sabah and Sarawak have been asking for and our members here have been asking for the same and I think they being West Malaysians have never stopped them from also seeking what we in Sabah and Sarawak have asked for.*

*Tuan Yang di-Pertua, it is the hope and aspiration of Sabahan and Sarawakian that the full implementation of the intergovernmental report as annexed in the Malaysian Agreement 1963 should have been fulfilled by now and should have been implemented whatever the case may be. In this context and in the reality of things, I disagree with the Member from Keningau who had been the big fish for the situation and quagmire we are in today, rather we should blame ourselves. We should take and seize this opportunity to make things right. I think no one will say we are the opposition, we are the government. We are all Sabahans, we have to embrace what we should do for our people.*

*People are going to judge as Tuan Yang di-Pertua. The future is going to judge us too. My friends from the other side especially from Sabah and Sarawak, as I said earlier, the people and the future are watching us. They will study what we did and critique what and where we failed. You can make a decision. Forming a Borneo part of 47 of you on the other side can change the direction of the federation. You will able to outline what you want. You will able to outline what every single constituent in Sabah has and want and I have given trust to you. Why not just form that Borneo pack of 47 on your side and I will convince my side also to work with you along.*

*Say my friends from West Malaysia who are now facing a polarized environment with biggest strengthening racial disharmony and running around asking some of us to leave the federation which legally belongs to each and every citizen of the federation. They have no right to do so. Save our economy as the Sarawak CM had mentioned. He and Sarawak has nothing to do with the 1MDB fiasco. Yes, Sabahan, Sarawakian and even many West Malaysians have nothing to do with the 1MDB fiasco but we are all victims of the economic consequences of what has happened to our nation today because of the 1MDB fiasco.*

*I recall also Tuan Yang di-Pertua, there are some of my colleagues on the other side used to pay the GST even up to just now and told us how good it was during the debate but now I even hear some of the colleagues from the other side who seek for reduction of the GST because they cannot explain the burden it has become to their constituent and to themselves as well. Sabah itself is overburdened by the GST and other cost that remains till today. As I said in the*

*beginning of Parliament when I entered, the Proton and many other vehicles, Malaysian made vehicles are vast different in prices between Sabah and West Malaysia. Some of them go up 3,000 to 4,000 in difference and that is not 'guile' and that is not good. Mr. Prime Minister must remember, the 1Malaysia he speaks off is not addressed well. Even though they are streamlining or menyeragamkan dengan izin of prices. It has not solved the problem.*

*The TPPA is also another issue for Sabah. I wish to remind the Prime Minister that Sabah has its own set labour, labour laws, labour policies, and entry working permit policies. I remember Tuan Yang di-Pertua was one of the proponents and fighters of the labour ordinances in Sabah as a lawyer as well. Our own native laws, our land laws and our own separate judiciary, the judiciary in Sabah is separate because it has the High Court of Sabah and Sarawak. Whole Sabah will be able to determine its own considering the Member of Pekan speaks of autonomy for Sabah. Do we in Sabah have to be dictated by the federal or Central Government's need to join in the TPPA or do we have to wait for our friends from the other side to support it first and later critique it as what they have done with the GST.*

*I know Tuan Yang di-Pertua, as my time is limited especially with the constraint, I do seek and I'm very happy that Tuan Yang di-Pertua has proposed Parliamentary reforms. One of the reforms that I wish to propose to the Tuan Yang di-Pertua is this...*

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yes.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Penampang berhubung dengan peruntukan yang secara jelas yang termaktub dalam *Federal Constitution, Part IV, Special Grant to States of Sabah and Sarawak* yang mana mengikut apa yang termaktub dalam Perlembagaan, bahawa orang Sabah, teman-teman kita Sabah dan Sarawak sepatutnya *enjoy 40% of all revenue collected must be returned to local*. Adakah ini satu cadangan yang sedang berjalan kerana saya dimaklumkan bahawa kutipan yang dibuat terhadap Sabah khususnya amat jauh besar daripada yang dikembalikan kepada Sabahan iaitu sekitar daripada *RM26.7 milion* setahun. Adakah ini suatu yang tertinggal oleh Kerajaan Pusat ataupun adakah ini harus dibawa balik ke meja perundingan supaya orang Sabah dan Sarawak mendapat hak mereka dalam isu ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saudara daripada Sungai Petani. Jawapan saya kepada soalan itu adalah ini. RM26.7 juta itu adalah satu perundingan yang dibuat pada tahun 1966 dengan satu kepercayaan daripada Kerajaan Sabah bahawa RM26.7 juta itu akan dikaji balik pada tahun 1973 ataupun 1974. Malang dia tidak, *I mean* isu ini tidak dikaji balik dan hingga ke hari ini kita masih dapat RM26.7 juta setiap tahun walaupun 40% ataupun 25 daripada *net revenue* yang sepatutnya dikembalikan

kepada Sabah adalah mungkin dalam jumlah berjuta ataupun beratus juta ataupun bilion sepatutnya dikembalikan kepada Sabah.

Perundingan, bagi saya perundingan tidak perlu dibuat sebab ini adalah hak Sabah dan Perdana Menteri ataupun Ahli Parlimen Pekan sepatutnya membentang berapakah kutipan daripada Sabah sejak tahun 1963 hingga ke hari ini dan dari itu kita boleh mendapat berapakah *net revenue* 40% ini. Terima kasih. Saya ingin...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Pencelahan. Boleh tidak?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Okey, yes.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Penampang, saya hendak tanya kalau RM26.7 juta pada tahun 1963, pada fikiran saya mengikut website yang saya ada di sini, nampaknya nombornya sekarang adalah lebih kurang RM500 juta. Setuju atau tidak sepatutnya kita kena bayar RM500 juta sekurang-kurangnya setiap tahun.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Ya, saya setuju. Sepatutnya RM500 juta ataupun lebih. Saya sudah ucapkan awal tadi bahawa baru satu *oil field* di Sabah, Gumusut-Kakap, *contributes to 25% of the national oil output*. *You can imagine how staggering that amount is*. Tanpa pembentangan daripada Perdana Menteri ataupun Yang Berhormat Menteri Kewangan, berapa kutipan sejak tahun 1969 hingga ke hari ini kita tidak akan tahu berapa *real figure* yang sepatutnya diberikan kepada Sabah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Penampang, boleh saya tanya soalan yang pendek. Sekarang, adakah Sabah masih negeri yang paling miskin di Malaysia dan kenapa dia masih termiskin di Malaysia.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Saya faham Sabah masih lagi termiskin di Malaysia dan ini adalah kesalahan kita sendiri juga kerana kita tidak membangkit isu kita sebagai rakan kongsi di Persekutuan Malaysia ini. Kerajaan Negeri Sabah pun sepatutnya membuat satu usul di Dewan Undangan Negeri untuk meminta satu penjelasan daripada Kerajaan Pusat bagaimana Sabah menjadi negeri yang termiskin di Malaysia.

Okey, kembali kepada *proposal* bagi *Parliamentary reform*. Saya ingin mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua, bahawa satu *relaxation of the dress code be done*.

■1630

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempergerusikan Mesyuarat]*

Okey, again, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *I am going to finish my text in English. One of the Parliamentary reform that I hope that the office can consider is to relax in the dress codes in Parliament. We can take the queue like in Singapore where they wear their neck ties and just a shirt. Without the need for the compulsory jackets or suits. I think that gives us a*

*different type of atmosphere and environment, especially when we have to be closer to our own constituents who put us in this House in the first place.*

*I also propose a full televised proceedings of Parliament on free to air TV, not just from 10.30 am to 11.30 am, but a whole day live proceedings on free to air TV. I understand that the internet fee is available. But, if you know and I am sure Tuan Yang di-Pertua knows, along with many of my colleagues here and their friends outside...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat ya.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *The data usage when you watch on your smartphones is greatly affected and impacted by the internet live proceedings. So, from there I urge the government to just do it once and for all. Give a free to air live Parliamentary proceedings and along with that, Twitter and public social media, so that our constituents who put us here in the first place can interact with us during Parliamentary sessions.*

*With that, I repeat that I agree with my colleagues who have spoken against the budget and reject this budget which has failed the aspirations of the Federation. Thank you, terima kasih. [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu.

#### 4.32 ptg.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang sama saya untuk terus mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016. Memandangkan sendiri ekonomi global yang amat mencabar.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah juga berjaya membentangkan satu bajet yang mengambil pertimbangan kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan baik untuk menjaga kesejahteraan rakyat Malaysia. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, bukan negara kita sahaja yang mengalami cabaran dalam ekonomi. Selain itu, satu faktor kecacatan harga minyak mentah dengan secara keseluruhannya menjadi faktor yang menyebabkan negara kita berhadapan dengan berbagai cabaran pada ketika ini. Cabaran-cabaran ini memang membuat kepala pening sikit. Saya telah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara sendiri dengan bertanya mengenai isu GST. Memang daripada dahulu saya ada membahaskan meminta GST diturunkan. Memang kita semua tahu, GST ini banyak negara macam tadi kita sahabat Yang Berhormat beritahu 160 negara sudah ada GST. Kita sekarang dalam keadaan macam mana kita boleh buat penurunan kerana GST membimbangkan rakyat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab, dengan izin, *I would love to bring down the GST, but unfortunately due to a drop in the major income of the country, minyak sudah turun. I am unable to do it.* Walau bagaimanapun PM telah sokong beberapa langkah untuk membantu rakyat jelata dan meningkatkan teras hidup rakyat. Antara contoh, TEKUN yang melibatkan RM600 juta dan RM600 juta untuk usahawan bumiputera dan RM100 juta untuk usahawan India dan RM50 juta untuk SME dan juga RM200 juta untuk Amanah Ikhtiar Malaysia untuk kemudahan pembiayaan mikro kepada isi rumah P.40 dan juga banyak lain-lain.

Termasuklah dia ada bagi RM70 juta subsidi membantu ataupun kasi pinjam rumah panjang Sabah, Sarawak untuk membaik pulih. Cuma sini saya mahu tanya, ini RM70 juta bagi *loan* ini ada apa-apa syarat tak? Kalau contoh di Sarawak, kalau rumah panjang, kalau mahu pinjam ini RM50,000 untuk membaik pulih rumah panjang, kalau mahu kena *collateral* rumah panjang memang tidak apa. Ia tiada *land title*, tiada. So, itulah saya mahu tanya ini, ada apa-apa syarat tak untuk ini dan juga banyak lain-lain sudah *ditable* daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi soal mengenai isu GST. GST sekarang masalah ini, kita pelaksanaan. Pelaksanaan kita memang masih lagi ada kelemahan sini,sana. Saya mahu tanya ini, contoh banyak barang-barang kita sebelum ini GST, ada *sales and services tax*. Selepas GST masuk, ini *sales and services tax* sudah dikecualikan. Masuk GST. Akan tetapi itu masa *sales and services tax* 10%.

Sekarang GST masuk 6% tetapi kita nampak itu barang-barang ada orang ambil peluang kasi beritahu rakyat, ini fasal GST semua barang naik harga. Saya mahu tanya, KPDKKK tadi pagi saya faham kita jawab dalam berapa bulan, sudah satu juta kali sudah pergi operasikah ataupun jalankan siasatan. Akan tetapi saya cukup sedih, ini umum dalam Dewan yang mulia ini, betulkah tak betul? Jangan kita syok sendiri. Jangan kita umum kongkalikung. Kalau ini macam, macam mana itu kotex itu dulu ada *sales and services tax* 10%, sudah tarik keluar, itu kotex masih mahal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, harap kita faham itu kotexlah. Jangan kita cerita betul-betul. Dulu sudah sebut satu kali. *[Disampuk]* Ini Pokok Sena, perempuan punya hal pun you mahu berminat. Apa ini? Ini Kotex ini, kita wanita banyak pakai. Kali-kali saya balik jumpa wanita, dia bising. Kenapa ini masih tidak turun harga? So, mintalah KPDKKK siasat betul-betul. Ini satu contoh. Kenapa itu dulu harga ada *sales and services tax*? Itu harga, sekarang kenapa sudah patut boleh kurang 4%, sekarang itu harga lagi mahal? Inilah jadi satu adalah mungkin kata runcitkah ataupun *wholesaler*kah, dengan izin, dia orang ambil peluang ini. Saya harap KPDKKK sekarang menteri yang baru bolehlah mempertimbangkan dan ambil perkara ini serius dan lain-lain barang-barangan itu naik harga mestilah mahu ada satu jalan macam mana diselesaikan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya dengar itu hari isu juga peruntukan tidak disampaikan kepada enam jenis sekolah. MP Kulai ini memang ada berbahas dalam Dewan yang mulia ini dan juga dia sampai terlampau emosi. Ada kata tanya ini duit di antara RM2.6 bilion, RM6 bilionkah? Saya harap ini MP Kulai ini faham. Jangan buat emosi, jangan pula keliru dalam Dewan. Mestilah bahas satu perkara difaham apa sebabnya.

**■1640**

Dalam bajet ini, tahun 2014 memang ada umum untuk Bajet 2015, Yang Amat Berhormat telah mengumumkan peruntukan untuk sekolah-sekolah termasuk SJK(C) RM50 juta tetapi bila wang masuk ke kementerian, kementerian cuma bagi, semasa itu Kementerian Pendidikan Malaysia, bagi RM20 juta sahaja. Sampai sekarang RM30 juta peruntukan itu sudah pergi mana? SJK(T) pun sama, RM50 juta sudah diberi tetapi masuk kementerian, kementerian bagi RM20 juta. RM30 juta lagi pun kongkalikung, sudah tidak tahu mana pergi.

Ketiga, sekolah mubaligh. Diumumkan RM50 juta, kementerian bagi juga RM20 juta. RM30 juta belum sampai lagi. Keempat, sekolah agama bantuan kerajaan. Kerajaan pun umum, Perdana Menteri pun umum merangkap Menteri Kewangan, umum RM50 juta tetapi RM20 juta sampai, RM30 juta lagi hilang. Tidak tahu kementerian- nanti saya sebut tanya betul atau tidak perkara ini? Kelima, sekolah menengah jenis kebangsaan. Kementerian Kewangan ada umum RM25 juta tetapi bagi RM10 juta, RM15 juta lagi belum sampai. Sekolah pondok sama juga, RM25 juta tetapi bagi RM10 juta, RM15 juta lagi belum sampai.

Saya difahamkan bahawa kekurangan wang ini digunakan dalam mengatasi banjir dalam projek pencegahan kebakaran dan lain-lain. Saya meminta penjelasan daripada Menteri sekarang, bantu selesaikan isu ini kerana sekarang sudah keliru. Orang kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan janji tidak ditepati, janji tidak tunai.

Ini janji bukan tidak tunai, janji ini peruntukan sudah turun ke kementerian, saya faham kementerian punya KSU dan juga beberapa orang pegawai dan juga dulu punya, saya tidak tahu lah, peruntukan ini diguna di tempat lain. Kenapa KSU ini dan pegawai semua boleh ubah apa yang sudah diumumkan dalam Dewan yang mulia ini? Kenapa tidak minta kelulusan daripada Kementerian Kewangan sebelum ubah bajet ini untuk perkara lain?

Sepatutnya kalau ada kecemasan, itu semua boleh guna MKN punya peruntukan. Kenapa kementerian ini begitu berminat untuk kementerian ini, ini bajet-bajet sudah dijanjikan, kita boleh tarik peruntukan ini untuk lain-lain punya...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ha, lain-lain punya tujuan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat, sikit.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Rasah nanti dulu. Saya dalam stim, jangan potong stim.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mahu tanya dan juga meminta jasa baik daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang baru ini, tolonglah selesaikan isu ini. Kalau peruntukan itu betul-betul sudah habis awal tahun ini, bawa perkara ini dalam Kabinet atau jumpa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, selesaikan isu ini dan tunaikan apa yang kita sudah umumkan dalam Dewan ini dan salurkan kepada mana-mana sekolah yang sepatutnya yang sudah diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua, isu lagi satu, UEC. UEC ini sijil *recognition* dengan izin, isu ini sudah lama tetapi sampai hari ini masih belum selesai. Memang hari itu kita nampak di surat khabar huru-hara lagi, Menteri cakap tidak akan diluluskan *recognition* ini. Bila saya telefon tanya Menteri, dia kata dia tidak pernah cakap macam itu. Dia kata setakat sekarang, memang tidak boleh *recognize* UEC punya sijil sebab ada lagi beberapa isu yang kita mahu *trace it out* dengan izin, kita mahu selesaikan, lepas itu kerajaan baru boleh pertimbangkan.

Itu yang saya minta ini Yang Berhormat Seputeh jangan kongkalikung dalam Dewan. Dia cakap contoh di Sarawak, dia kata Ketua Menteri ini pula tipu sama rakyat. Kita Ketua Menteri di Sarawak umumkan *recognition on this issue* tidak salah. Dia kata boleh masuk *local university* Sarawak. Kerajaan Sarawak *recognize*, masuk kerajaan, bekerja *as a government officer* di Sarawak, *Government of Sarawak recognize*. Tak salah. Apa cakap janji kosong? Ini bukan janji kosong.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yang Berhormat Bintulu, boleh tanya satu soalan mengenai UEC?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Nantilah. Saya sudah cakap nantilah. Saya dalam stim, *you kasi potong stim*.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Atas isu yang sama. Yang Berhormat Bintulu, atas isu yang sama, UEC.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tunggulah. Kalau kata Ketua Menteri Sarawak ini banyak kuat tipu, saya mahu tanya, Kerajaan Selangor sekarang pun serupa juga ikut Kerajaan Negeri Sarawak, dia kata Kerajaan Negeri Selangor akan *recognize*, sama juga ikut Sarawak. Dia *local university* boleh dan lain-lain. Jadi saya mahu tanya Yang Berhormat Seputeh, ini kalau beritahu macam itu, itu Kerajaan Negeri Selangor pun tipu juga. Ini memang kongkalikung lah, 'tatap' kongkalikung. Itulah, saya di sini sekali lagi memohon kepada...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat Bintulu, boleh beri *chance* sekarang?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...Kementerian Pendidikan berbincanglah secepat mungkin.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat Bintulu, boleh kasi *chance* Yang Berhormat Bintulu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya punya *floor*, bagi saya habis dululah. Kalau *you* hebat, tadi patut *you* bahas. Saya bahas dia mahu kacau. Lagi-lagi cakap *time* sudah habis nanti Tuan Yang di-Pertua ini. Saya mahu cerita isu ini sudah lama. Minta kementerian ambil serius perkara ini dan berbincang dengan tunjangan baru. Saya berharap dalam masa yang singkat boleh diselesaikan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini Sabah dan Sarawak memang hadapi iaitu mengenai isu tiada sijil beranak dan IC dan surat mati. Sekarang isu ini di Sarawak contohnya di kawasan saya, banyak lagi kaum Iban belum lagi dapat surat beranak, belum lagi dapat IC, ada yang mati pun tidak dapat sijil kematian. Inilah menjadi kesusahan kepada rakyat. Rakyat beritahu kepada saya, dia hidup pun susah, mati pun susah, sampai bawah, dia orang tak bagi dia laluan lintas. Ini perkara sudah lama.

Saya minta Kerajaan Persekutuan kaji sedalam-dalamnya, bagi peluang autonomi kepada Kerajaan Sarawak dan Sabah. Bagi peluang kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah untuk menyelesaikan masalah ini termasuk macam Sarawak, banyak anak-anak, *children* pun tidak dapat. Oleh kerana ini melibatkan generasi yang muda ini, bila dia pergi sekolah, paling tinggi sampai SPM saja. Selepas itu tidak boleh masuk universiti-universiti sebab dia tiada surat beranak, tiada IC. So kita tidak boleh menganiaya. Apa kesilapan, apa masalah, kita mesti mahu cari jalan untuk tolong. Ini generasi muda, selesaikan masalah dia, beri peluang dia untuk masa hadapan dia boleh hidup senang.

#### ■1650

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh mengenai Bank Negara. Saya difahamkan bank-bank ini sekarang kalau cek masuk mahu kena *charge* 50 sen. 50 sen kena lagi GST 3 sen, jadi 53 sen. Saya tanya bank-bank kenapa mahu *charge* 50 sen. Dia kata ini arahan daripada Bank Negara. Dia mahu minta rakyat semua guna *Internet banking*. Saya mahu tanya *Internet Banking* Bank Negara faham ke tidak? Ada satu limit, kalau orang perniagaan limit itu memang tidak mencukupi. Rakyat pun pening kalau semua pakai *Internet Banking*. Kalau sistem IT ada buat kesalahan, ataupun orang kata *hack banking system* itu, dia punya wang semua hilang, siapa yang bertanggungjawab? Dahulu memang perkara ini sudah pernah berlaku. ATM *machine* berapa kali kena? Akhirnya bank kata dia tidak bertanggungjawab sampai Kabinet buat keputusan baru bank ambil alih untuk selesaikan isu ini. Saya memohon jasa baik daripada Kementerian Kewangan boleh timbang balik semula *charge-charge* ini boleh dikecualikan terutama sekali GST.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu cerita sedikit mengenai ATM ini, angkatan tentera ini. Mereka untuk berkhidmat dan kawal keselamatan negara juga. Saya nampak kejadian baru ini di Sarawak. Dua orang terlibat dalam *accident* dan kedua-duanya meninggal dunia. Satu masih lagi tidak tahu sudah keluar hospital atau belum keluar hospital. Isu ini satu dapat beli perumahan, satu tidak mampu sebab dia kena jaga ramai ahli keluarga, adik-beradik dan ibu bapa. Masalahnya angkatan ini belum ada satu rancangan. Saya memohon saya nampak hari itu apabila saya ke kem tersebut, terdapat banyak tanah yang banyak kosong. Saya meminta kementerian yang berkaitan supaya merancang satu tempat atau *certain area* di dalam kem ini untuk rancangan perumahan untuk tentera-tentera atas satu harga yang mampu dibeli oleh anggota-anggota tentera.

Tuan Yang di-Pertua, boleh izinkan saya untuk minum air?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu menyentuh mengenai Kementerian Sumber Asli. Saya minta perhatian atas isu ini. Ini memang negara kita sekarang sampai masalah banjir sini sana. Mesti mengambil perkara ini yang serius dan juga cari peluang bagaimana untuk membantu negara kita untuk menyelesaikan masalah ini. Ada tempat banjir bukan kata *high tide*, sebab masalah rancangan, apabila membuat projek perumahan itu, tidak dirancang betul-betul dan juga *the river being shallow, never been deepening* dengan izin. Kita mesti mengambil serius perkara ini. Kalau tidak sekali banjir *cause of all these problems* dengan izin kerajaan akan mengalami kerugian berbilion-bilion ringgit. Saya mahu minta Kementerian di Menteri yang baru melihat contoh di Sarawak masalah ini contoh di Bintulu, saya sudah sentuh, Sungai Kemaenah mestilah mendalamkan dan juga Sungai Sibiu mestilah mendalamkan. So kita di Bintulu tidak mahu mengalami masalah *flood* atas kesalahan kita. Saya mahu minta kementerian sebab saya belum nampak lagi ada bajet ataupun bajet itu belum terang lagi bagaimana mahu membelanjakannya, saya mahu minta betul-betul bagi anggaran sekurang-kurangnya menyelesaikan isu Sungai Sibiu. Dahulu sudah janji pada tahun 2016 akan bagi RM20 juta, saya minta ini mesti ditunaikan.

Mengenai isu macam contoh di Sibu, janganlah kita asyik buat *pumping station*. Tuan Yang di-Pertua, saya pun dari Sibu. Sungai Rajang sudah *slow* dengan izin, kalau setiap hari hujan lebat air naik, kita *pump* air dan air akan pergi mana? Di Sarakei tidak ada air, satu sungai, Rajang River dia orang bawah sana tidak ada banjir sebab banyak tempat sudah *siltation*, air tidak boleh lalu. Kalau dalam masa *high tide*, kalau hujan lebat, orang masih boleh lalu *certain section of Rajang River*. Inilah yang saya minta Kementerian kaji sedalam-dalamnya. Jangan kita cuma atas air-cond buat -meneliti. Cuma dalam *aircond* ini kita buat cadangan syok sendiri. Ini tiba masanya kita mahu selesaikan masalah rakyat. Kalau ada apa-apa – banjir itu, semasa kita beri peruntukan bantuan kepada rakyat RM500, rakyat tidak akan cakap terima kasih. Rakyat akan marah dengan kita. Itulah kadang-kadang pembangkang banyak syok, dia nampak ini

macam punya *time*, dia pergi *turn and twist*, dengan izin. Sama juga dia kata, macam GST, kalau dia jadi perintah, dia akan dikecualikan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak menyentuh sedikit mengenai pembinaan Pan Borneo Highway. Tuan Yang di-Pertua, ini Pan Borneo di Bintulu punya seksyen saya mahu mencadangkan, ini Pan Borneo ini Bintulu-Miri, bolehkah kita - sekarang kita sudah mula bina Penyabau sampai Bakun. Bolehkah dari Bakun masuk ke Costo *Highway* sebab kita hendak menaiktarafkannya jadikan empat *lane*. Di sana ada *score project*, itulah kita diperlukan. Kita tidak perlu membazirkan peruntukan itu sebab sekarang Bintulu-Miri jalan lama memang ada beberapa seksyen sudah naik taraf *for over taking lane*. Kalau kita ubah lagi sudah kerugian besar. Kalau kita buat di Bintulu-Miri, esok lagi Costo *Highway* perlu dinaik taraf lagi. Ini jadi satu masalah lagi di Bintulu mahu mencari peruntukan yang besar untuk menaik taraf Costo *Road*. Saya cukup sedih dengan isu ini. Yang Berhormat Bagan berkata ini Jalan Pan Borneo, disebabkan pembangkang menyoalkan isu ini, sekarang baru dapat selesaikan. Akan tetapi dia tidak dengar berapa ramai Ahli Parlimen dari Sarawak sudah berapa kali membahaskan isu ini termasuklah penyelenggaraan Pan Borneo ini. Itulah masalah kita sekarang, banyak perkara ramai orang membuat *turn and twist* sehingga orang keliru.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu tol, sekarang kita minta tol di Malaysia ini mestilah mahu kaji semula. Jika tidak mengkaji semula, rakyat memang marah sebab ini menyebabkan *modal of vehicle increase* tetapi tol pun *increase*. Kemungkinan sesiapa yang terlibat yang membuat *negotiation concession toll*, kita membuat kesilapan di sini sana, kita sekarang ubah balik semula. Itulah sekarang kalau kita tidak ada, rakyat banyak marah. Tol sekarang berkali-kali naik harga. Contoh ada Kerajaan Negeri Selangor pun masuk, tetapi dalam masa itu tiada orang keluar kata saya dikecualikan sebagai *share holder*, saya beri semula.

#### ■1700

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bintulu bahawa mungkin kerajaan perlu kaji balik tentang perjanjian tol ini. Akan tetapi masa yang sama juga saya lihat ada pihak yang cuba mainkan politik seperti Kerajaan Negeri Selangor. Mereka menyatakan bahawa mereka merupakan minoriti *shareholder*, ada saham, ada *share* 20%, 30%. Akan tetapi kalau betul-betul demi kepentingan rakyat kenapa tidak mereka ada alternatif seperti tidak mahu mengambil dividen ataupun serah balik *share* mereka supaya harga tol ini dapat dikurangkan sebanyak 20%kah, 30%. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya memang setuju, ambil dia punya ucapan masuk saya punya perbahasan. Tuan Yang di-Pertua saya mahu tanya, ini perjanjian memang *sign* daripada dahulu, dahulu sudah *sign* itu masa Ahli Lembaga lain. Saya minta Perdana Menteri dan Kabinet mengkaji balik semula, meneliti masalah ini mesti mahu mendalam-dalamkan kaji balik semula. Sekarang saya ambil ini

peluang juga tanya, dalam masa ini semua jalan raya tol ini berapa anggaran dia pembinaan, berapa sudah kutipan, berapa kos penyenggaraan? So kita, rakyat mahu tahu ini sudah berapa sudah dikutip.

Tuan Yang di-Pertua minta ampun saya tahu saya punya masa sudah lebih. Ini ada masalah bergantung semua yang duduk dalam Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, mengenai keselamatan Dewan ini. Ini Dewan kita nampak daripada pagar yang saya pertama masuk memang sekarang Dewan ini cukup hebat. Dahulu pagar saya pertama memang sunyi sekarang cukup hebat dalam Dewan. Saya nampak Bahagian Keselamatan Dewan ini memang lemah tidak mahu jaga keselamatan di Dewan yang mulia ini. Sekarang kita menghadapi Dewan di Kanada berlaku pertembakan.

Janganlah sampai kita Malaysia nanti orang bawa satu kereta pun masuk nanti dia keluar balik setengah jam nanti meletup semua. Kita jangan sampai itu masa baru hendak kelam kabut cari jalan hendak selesaikan. Sampai itu masa apa kita buat semua orang cuba kena-kena kerana ini kejadian ataupun hilang nyawa dia akan kongkalikung sama kita cakap kita awal-awal tidak buat kawalan. Saya mahu minta Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Tuan Yang di-Pertua ambil meneliti ini perkara. Ini perkara isu ini contoh sekarang semua orang kata saya siapa-siapa. Semuanya senang lepas, lepas kasi. Dahulu punya zaman dia orang tidak kasi kalau ada betul-betul kaitan barulah dia orang kasi. *Now to Parliament very easy access, dengan izin.*

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang media ini bukan kita tidak suka media kita banyak sayang sama media. Fasal media, kita tidak menafikan media ini sangat penting bagi Parlimen dan memainkan satu peranan yang amat dihargai. Media merupakan *the eyes of Parliament* dan yang berkaitan Parlimen dengan rakyat jelata. Akan tetapi kita pun tidak boleh biarkan. Semua ada orang masuk pun *claim* dia media, semua orang pun masuk. Tuan Yang di-Pertua saya difahamkan dalam masa pembentangan bajet terdapat 400 orang wartawan masuk Parlimen.

Saya kira tangga satu, dua tidak begitu banyak sekarang boleh sampai 400, masa biasa sampai 100 orang. Inilah kita bukan kasi aniaya. Kalau boleh saya minta Tuan Yang di-Pertua meneliti perkara ini, mencadang sebelum Mesyuarat Parlimen *company-company* ataupun *commercial paper*, media ataupun *social media* memohonlah seberapa orang boleh masuk Dewan yang mulia ini. Kalau dia sakit bolehlah ataupun dia tidak boleh datang lain orang boleh ganti.

Saya harap perkara ini betul-betul kita ambil serius dan tegas. Jangan sampai perkara berlaku barulah kita...

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habis masa Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sekejap ini mustahak. Ini kalau pembangkang esok dia kena, dia pun bising juga.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Bintulu. Cuma kalau boleh saya mencadangkan supaya setiap akhbar menamakan tiga atau empat orang sahaja untuk masuk semasa membuat persidangan Parlimen. Kalau terlalu ramai seperti mana yang berlaku sekarang kita tengok di depan sana hingga Parlimen tidak dapat menyediakan kerusi meja untuk mereka kerana lambakan pemberita-pemberita. Terima kasih, Yang Berhormat Bintulu setuju ya?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Memang Yang Berhormat Paya Besar. Saya amat setuju. Ambillah dia punya bahagian masuk saya punya bahagian. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Macam P. Ramlee Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin memberi sedikit saranan kepada pihak pembangkang bahawa untuk mencapai negara maju 2020 pihak pembangkang mestilah bersifat membina dan bukannya merosakkan. Pembangkang tidak seharusnya memainkan sentimen-sentimen yang mengelirukan rakyat sehingga segala usaha yang telah di ...*[Disampuk]* Kasi hancurkan negara kita. Pembangkang seharusnya sama-sama beri sumbangan idea kepada kerajaan agar ekonomi negara ke depan janganlah cuma mahu kacau sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju Bajet Belanjawan 2016. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Raub.

#### 5.08 ptg.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Bajet tahun 2016 ialah RM297.2 bilion walaupun kurang tetapi masih berbilion-bilion ringgit. Tentulah rakyat akan suka jika setiap sen pergi kepada matlamatnya dengan jujur dan memberi nilai hikmat dan barang yang setimpal dengan nilai wang tersebut. Ini satu jumlah yang besar yang akan disalurkan melalui kementerian-kementerian yang dikuasai oleh menteri-menteri dan diurus dan ditadbir oleh KSU, TKSU, SUB dan pegawai-pegawai sampailah kepada pegawai-pegawai bawah. Cabarannya ialah untuk memastikan wang rakyat ini diaplikasikan dengan jujur dan amanah dan bertepatan dengan nilai. Jika kita bayar RM1 kita mesti dapat nilai barang atau perkhidmatan RM1 juga.

Menentukan ia diaplikasikan seperti yang disebut di atas adalah satu cabaran kepada semua Ahli Parlimen walau di sana atau sebelah sini untuk yang mahukan prinsip pertanggungjawaban diamalkan dengan jujur dan amanah. Setiap tahun *World Bank* atau Bank Dunia mengeluarkan satu laporan iaitu *Worldwide Governance Indicators*. Ini jarang dipakai sebab kita selalu pakai *Transparency International Corruption Perceptions Index* tetapi persepsi atau *perception* ini adalah satu *misnomer*. Ini sebab ianya apabila disebut persepsi orang ingat

benda itu tidak berlaku di *on the ground*. Oleh sebab itu saya lebih suka kita pakai data dan laporan yang dikeluarkan oleh Bank Dunia iaitu *Worldwide Governance Indicators*. Di dalam satu daripada laporan yang diterbitkan adalah *Control Corruption Ranking*.

#### ■1710

Yakni menyenaraikan dan membuat pelarasan setiap negara dalam dunia ini pada skala kosong hingga satu iaitu angka yang menjurus kepada satu mengatakan bahawa negara itu mempunyai *control* ataupun penguasaan ke atas aktiviti rasuah. Manakala angka yang menjurus kepada kosong bererti bahawa negara itu mempunyai institusi yang lemah untuk mengekang rasuah. Rasuah ini melibatkan pelbagai perkara seperti tumbuk rusuk seperti *commission and force costing and fraudulence practices*. Ini tidak dilaporkan.

Dalam tahun 2015, *ranking* negara Malaysia ialah 0.68 berbanding dengan negara Singapura, sebagai contoh dalam tahun 2015 ialah 0.97, Hong Kong dan United Kingdom ialah 0.92, *Germany* ialah 0.94, Indonesia ialah 0.34 dan *Thailand* ialah 0.42. Dengan negara manakah patut Malaysia bandingkan dirinya sama ada dengan negara-negara Dunia Ketiga yang mempunyai angka 0.34 dan 0.42 ataupun negara-negara maju?

Saya fikir sebab kita membanggakan diri kita mempunyai demokrasi yang terbaik di dunia dan selalu nama baik Malaysia dinaikkan. Tambahan pula Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan selalu membanggakan dirinya bermain dengan Obama. Maka saya rasa bermain golf dengan Obama maka saya rasa kita Malaysia 0.68 ranking, *Control of Corruption Ranking* mesti membandingkan diri kita dengan negara-negara maju dalam dunia ini. Itu tahun 2005. Kita tengok rasuah tidak dikekang, rasuah tidak dapat dikontrol yang meliputi semua lapisan membuat keputusan.

Oleh sebab selagi ada *regulators* daripada KSU, daripada Menteri sampailah kepada pegawai bawah, *although* semua ini ada *regulators* mesti kemungkinan berlakunya *state* atau *regulatory captured* yakni dalam bahasa mudah ialah rasuah. Pada tahun 2015 kita memperolehi *ranking* 205 dalam terbitan *Control of Corruption Ranking*. Kita 0.68, tahun 2015. Saya pasti tahun 2016 dengan adanya skandal-skandal 1MDB dan penyaluran wang dan pelbagai lagi *ranking* kita akan lagi merudum ke bawah.

Kita mesti rujukkan pula keberkesanan mengekang rasuah dengan prestasi dan rekod agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga aktiviti rasuah. Daripada tahun 2012 sehingga tahun 2016 kita telah dan akan membelanjakan jumlah-jumlah berikut:

- (i) kehakiman atau *judiciary* kita telah belanja RM336 juta;
- (ii) Jabatan Audit Negara sebanyak RM626 juta;
- (iii) SPRM sebanyak RM755 juta; dan
- (iv) PDRM RM5.7 bilion.

Dengan jumlah yang banyak begini kita mengharap dan kita *expect* adanya penangkapan, pendakwaan, dan penghukuman yang tinggi yang setimpal dengan jumlah perbelanjaan yang diagihkan kepada jabatan-jabatan yang saya sebutkan tadi.

Saya harap belanja yang kita beri kepada jabatan-jabatan ini bolehlah dijustifikasi oleh jabatan-jabatan tersebut dengan adanya peningkatan di dalam penangkapan, pendakwaan, dan penghukuman. Inilah rasa daripada sekarang kita mesti menggunakan *ranking* yang di terbitkan oleh Bank Dunia yakni *Control of Corruption Indicators* berbanding dengan *Transparency International Corruption Perception Index* seperti yang saya sebutkan tadi persepsi itu menggambarkan bahawa kesakitan yang di kenakan oleh rasuah tidak beberapa diappreciatekan.

Kemudian saya hendak menyentuh mengenai gegar dan gegak gempitanya Bajet 2016. Padahal kita tahu bajet ini sebetulnya adalah satu dokumen...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak beri, ya.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Sorry, sorry. Bajet tidak lebih daripada satu dokumen yang menyenaraikan berapa kita telah kutip dan bagaimana hasil itu diaplikasikan. Akan tetapi cara ianya disampaikan seolah-olah bajet untuk satu tahun mencetuskan transformasi dan perubahan yang menggongangkan dunia. Benda yang tidak pasti, tidak boleh berlaku dalam masa setahun. Kalau kita hendak tahu sama ada transformasi ataupun perubahan yang besar berlaku tempoh masa itu mestilah melebihi dan melangkahи satu tahun. Sebagai contoh kita mesti melihat lima bajet ke belakang barulah kita tengok ada kesan ataupun tidak.

Jadi saya hairan mengapakah berlakunya gegak gempita ini yang sepertinya saya sebutkan dan kita tahu *the nature of a budget is just statement of how much we have collected revenue and how the revenue will be applied*, dengan izin. Akan tetapi penyampaianya secara saya tengok secara *florid ghandi*, dengan cara yang berbunga-bunga oleh Menteri Kewangan, yang membayangkan seolah-olah bajet ini seperti untuk satu tahun RM267 juta bilion boleh mencetuskan perubahan yang amat besar.

Padahal kita tahu keadaan B40 misal sebagai contoh masih tetap RM1,656. Masih lagi tidak terkeluar daripada kompongan atau kelompok B40. Oleh sebab itu saya rasa Bajet 2016 ini walaupun ianya melibatkan jumlah yang berbilion ringgit, satu perkara yang juga menggerunkan. Oleh sebab ia dibuat atas disumpah tujuh petala langit dan tujuh petala bumi. Ini disebut dalam ucapan tujuh petala langit dan tujuh petala bumi. Kemudian merujuk pula kepada maqasid syariah berwasatiyyah kemudian sendal pula dengan ayat 58 Surah An-Nisa. Itulah... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Sebetulnya ayat ini – saya suka dia gunakan ayat ini sebab ia

menceritakan kepada semua orang berikanlah amanah kepada mereka yang berhak menerimanya. Ini lagi penting. Kalau kita beri amanah kepada mereka yang *abuse* amanah tersebut, maka akan berlakulah rasuah dan salah guna kuasa dan penangkapan yang tidak boleh dijustifikasi.

Oleh sebab itulah sebab orang - yang lagi satu kita lupa ayat ini sebetulnya menerangkan bahawa kita jangan bertaat setia kepada pemerintah secara membabi buta. Oleh sebab ayat 58 itu... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]. Ini ayat yang mendahului ayat 58, beri amaran kepada semua orang janganlah kita bertaat setia membabi buta sebab amanah yang disia-siakan seperti yang disebut oleh Nabi Muhammad SAW akan mendatangkan kiamat.

Apabila amanah yang disia-siakan macam mana? Ialah apabila urusan sesuatu urusan itu diberikan kepada orang yang tidak ahli dalam bidangnya. Kalau kita letak bank seorang yang ada rekod mengambil wang, maka wanglah. Akan seperti meletakkan musang di dalam reban ayam. Ini dia, tidak meletakkan urusan kepada orang yang ahli dengannya.

Jadi saya tengok inilah janganlah kita terlalu kagum dan rasa takjub dengan penyampaian dan persembahan ucapan bajet. Ucapan bajet berbeza dengan anggaran Belanjawan 2016, buku yang tebal ini. Ini yang perincian dan pembucurannya lagi penting daripada pengucapan yang disampaikan dalam secara ringkas. Oleh sebab itulah saya hendak beritahu sebab jangan kita kagum, jangan kita takjub sebab Tuhan ada sebut mengenai orang yang selalu penuturan kata-katanya penceritaan mengenai hal ehwal dunia ini menakjubkan. Akan tetapi dalam hatinya penuh dengan penentangan.

Oleh sebab kalau dia bawa - asal dia berpaling daripada kita, dia akan menghancurkan muka bumi ini, dia merosakkan kebun-kebun kita dan ternakan iaitu Surah al-Baqarah, ayat 204 dan 205. Izinkan saya membacanya, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*], setengah orang Tuhan sudah beri *warning* kepada kita 1,400 tahun dahulu bahawa ada setengah orang penuturan dan penceritaannya mengenai bumi ini, mengenai hal ehwal dunia ini, cukup menakjubkan dan mengagumkan.

## ■1720

Akan tetapi dalam hatinya penuh dengan fasal. Apabila dia berpaling daripada kita dia melakukan kerosakan kepada muka bumi ini, kerosakan kepada kebun-kebun kita dan kerosakan kepada tanaman-tanaman. Kita tengok *there's a literal translation* untuk ayat ini. Tengok apa jadi kepada NFC, banyak lembu kita tidak ada tetapi RM250 juta hilang. Hilang entah *tang* mana. Bila apabila kebun-kebun tengok pada FGV. Bukan apa sekarang ini orang FELDA baru tahu dan saya menyoalkan kenapakah kita patut mengagihkan RM200 juta kepada FELDA untuk membina jalan-jalan di dalam tanah rancangan. Bukankah mereka dapat mengutip RM10 bilion apabila pengampunan dilakukan.

Sekarang ini yang membuktikan bahawa FELDA dan FGV rakus dalam perbelanjaannya dan tidak mempunyai wang untuk menampung pendanaan membina infrastruktur di tanah

rancangan FELDA. Hari ini peneroka FELDA terus tahu dan sedar langit tinggi atau rendah. Hendak buat jalan pun FELDA dan FGV tidak ada duit. Nanti di peringkat individu hendak beli atap, hendak membaiki balai raya, hendak membaiki rumah, mereka tidak dapat lagi pinjam kepada Koperasi Peneroka FELDA (KPF). Inilah bencana, malapetaka, dan musibah yang telah melanda peneroka FELDA.

Saya hendak beri sebagai satu contoh. Sekarang ini kalau masa pengampunan, sekarang ini harga saham FGV mungkin RM1.50. Orang yang membeli RM1.50 dan orang yang membeli – tahun 2014, FGV dan FELDA declare dividen 4 sen satu saham. Kalau seorang peneroka beli 1,000 unit, dia ada RM40 setahun dapat setahun RM400. Akan tetapi dia kena bayar RM50 sebulan yakni RM600 setahun. Dia dapat RM40 tapi kena bayar RM600. Sekarang dia tergigit atau tidak untuk apungan yang dilakukan ke atas saham-saham FGV.

Sekarang ini *market capitalization* FELDA sungguh jatuh ke bawah. Sungguh rendah. Dulu FGV bernilai semasa *market capitalization* semasa ia diapungkan bernilai RM16.6 bilion, hari ini hanya RM5.47 bilion. Jatuh merudum 67% dan CEO FGV hanya boleh menjanjikan peneroka dan pemegang saham FGV ini 2018 barulah keadaan baik, keadaan akan diperbaiki. Seperti yang saya sebutkan tadi, mereka hanya menerima dividen kalau pegang 1,000 unit saham, RM40 kerana 4 sen satu saham tetapi terpaksa membayar RM600 setahun.

Ini merupakan bebanan kepada peneroka FELDA yang akan menanggung hutang lapan hingga sembilan tahun sebab mereka meminjam untuk membeli RM4,500 semasa saham ketika diapungkan RM4.55. Saya curiga dan saya memberi simpati kepada peneroka FELDA yang sekarang ini melalui Koperasi Peneroka FELDA dan FELDA Asset Holding Corporation memiliki hampir 20% saham dalam FGV.

Sekarang ini ketika harga terlalu rendah mengapakah tidak peneroka ini melalui SHAC dan KPF pergi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minta surat jaminan untuk pinjam duit beli *all out* saham-saham yang *outstanding*. Beli dari Sabah, beli dari Pahang *state*, beli dari Tabung Haji, beli daripada KWP, beli daripada EPF dan Yayasan Pelaburan Bumiputera. Kalau KPF dan FELDA Asset Holding Corporation membeli saham-saham ini bagi pihak peneroka, maka peneroka mempunyai sumber pengayaan dalam penguasaan dengan tangan mereka sendiri daripada mengharap orang tengah untuk mengayakan diri mereka. Ini saya ingat kita mesti lihat sebagai satu usaha mengembalikan maruah dan mengembalikan harga diri kepada peneroka FELDA yang mereka sahajalah yang lebih tahu bagaimana untuk mentadbir dan mengurus kehidupan di dalam tanah Rancangan FELDA dan untuk mengembangkan *business* FELDA.

Saya ingin bertanya sekali lagi. Mengapa kita perlu bantu FELDA RM200 juta sedangkan apabila pengapungan dilakukan, FELDA mempunyai RM10 bilion tetapi apakah yang dilakukan oleh FELDA dan FGV? Pertama, dia beli Pontian United Plantations berjumlah RM1.2 bilion. Kemudian dia beli 51% yang dimiliki oleh peneroka dalam FELDA Holdings Berhad sebanyak

RM2.2 bilion. Makna tadi kembali kepada apa yang saya sebut, peneroka FELDA mempunyai *liquidity* sebanyak paling kurang RM2.2 bilion. Ini satu *war charge* yang besar. Mereka boleh lagi – mungkin mereka mempunyai *liquidity* yang diwarisi dan menyebabkan mereka mempunyai satu modal yang besar yang boleh memungkinkan mereka boleh membeli semua *outstanding shares* yang dimiliki oleh entiti-entiti yang kecil yang seperti saya sebut tadi supaya akhirnya mereka boleh memiliki 40% daripada saham.

Lebih besar daripada FELDA yang sendiri yang pegang 20%. Apa yang mereka buat tadi saya seperti yang saya sebut setelah membeli Pontian, setelah membeli saham 51% daripada FELDA Holdings, mereka membeli Asian Plantations berjumlah RM568 juta, Golden Land Berhad berjumlah RM665 juta dan paling akhir sekali sama ada 112,635 orang peneroka setelah memberi persetujuan atau tidak kita tidak tahu. Sebab saya ingat dan ingat membaca itu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyebut hal ehwal FELDA berkata bahawa kecuali peneroka FELDA bersetuju, barulah dia boleh luluskan FGV atau FELDA membeli 37% dalam Eagle High Plantations. Ini bernilai RM2.8 bilion apabila kita tengok jumlah yang telah dibelanjakan barulah kita tahu bahawa FELDA dan FGV tidak mempunyai wang walaupun untuk berbelanja RM200 juta untuk membina jalan di tanah rancangan FELDA.

Ini satu saya ingat satu malapetaka dan musibah, bukan durian runtuh yang diberikan oleh Menteri yang jaga FELDA kepada peneroka. Sekarang ini kita patut bagi simpati sebab majoriti peneroka adalah orang Melayu. Ini dia yang orang selalu lupa sedangkan kerajaan ini selalu mengutamakan, selalu menggembarkan bahawa mereka memperjuangkan kepentingan orang Melayu, parti yang menjadi tonggak pemerintah kerajaan pun memperjuangkan orang Melayu tetapi nasib orang FELDA sekarang ini setelah digomol dan digasak oleh kuasa-kuasa pasaran tidak boleh dibantu dan dijaga.

Itulah sebabnya saya merasakan bahawa setiap wang yang disalurkan melalui barisan regulators sama ada dia dalam bentuk Menteri, dia dalam bentuk KSU, TKSU, SUB, dan pegawai-pegawai mesti dipantau dengan teliti. Itulah peranan yang dimainkan oleh pihak pembangkang kerana mahu akauntabiliti pertanggungjawaban itu diamalkan pada tahap yang tertinggi kerana setiap sen yang di cukai mesti dikembalikan kepada rakyat sebab sekarang ini kita sudah minta Menteri Kewangan merangkap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang *before this* Dewan, memohon daripada Dewan ini meluluskan satu jumlah wang. Minta duit ini, bukan duit dia sendiri, minta duit daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan RM267.2 bilion.

Tanggungjawab kita ialah memastikan jumlah yang banyak ini tidak kiralah dia kecil daripada Bajet 2015 kerana kita tahu sebab tak payah hendak sebut dan tidak payah hendak khutbah dengan kita sebab minyak kurang, harga minyak turun dan keadaan ekonomi dunia menguncup. Akan tetapi itu satu jumlah yang banyak dan kita mesti memastikan bahawa setiap sen yang telah diambil dan telah diminta dan setelah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini mesti dibelanjakan dengan jujur dan amanah. Itu yang saya mahu sebut mengenai Bajet 2016 ini.

Kemudian, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai industri padi. Saya tidak hendak sebut kita makan beras campur dengan beras kecil atau tidak.

■1730

Akan tetapi saya hendak tahu walaupun kita ada 700,000 hektar kawasan tanaman padi tetapi produktiviti kita 3.9 tan satu hektar berbanding dengan Vietnam 5.5 tan satu hektar dan Indonesia 4.9 tan satu hektar. Saya membaca satu *Journal of Applied Sciences*. Ada tiga orang profesor dalam Malaysia, Universiti Putra Malaysia, menerbitkan penemuan-penemuan dan laporan bahawa antara perkara yang mengakibatkan produktiviti rendah ialah penggunaan baja *chemical* yang mempunyai NPK, *nitrogen, potassium and kalium*. Mengapakah *content* tersebut tinggi sedangkan kalau kita menggunakan– sudah *content chemicals* ini tinggi kemudian kita tengok harganya tinggi berbanding dengan harga baja organik. Saya mendapat laporan, diberitahu oleh pakar-pakar pertanian, terutamanya mereka yang menanam padi bahawa penggunaan baja organik dan *farm management* yang baik boleh meningkatkan– seperti yang dilaporkan oleh tiga orang profesor ini dalam *Journal of Applied Sciences* bahawa kita boleh meningkatkan produktiviti padi dalam negara kita ini kepada 5.8%.

Kalau di dalam kawasan-kawasan *granary* iaitu jelapang padi, kita boleh meningkatkan produktiviti sehingga 80%. Ini bermakna kalau kita ikut rejim dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh profesor ini, kita akan mencapai *sufficient security level* (SSL), kita kecukupan beras. Sekarang ini kita mengimport hampir 30% dan kita hanya boleh mampu menghasilkan 70% keperluan beras dan padi. Jadi, saya berharap perkara ini dilihat oleh Menteri pertanian, mengapakah- *who set the content of NPK - nitrogen, potassium and kalium* tadi. Kenapakah terlalu tinggi? Sedangkan saya dengar laporan bahawa kita hanya memerlukan kombinasi 8%, tidak perlu NPK - 12%, 12% dan 12%. Kita hanya memerlukan 2%, 2% ataupun 4%. Boleh menghasilkan produktiviti yang lebih tinggi. Adakah perkara ini bersangkutan dengan kepentingan pembekal-pembekal baja?

Saya tengok dalam industri penanaman padi ini yang membekalkan baja adalah CCM, Behn Mayer, Yara Gen dan Yara Blue. Inilah pembekal-pembekal baja yang membekalkan terus kepada petani-petani melalui kementerian pertanian dengan harga yang tinggi. Adakah kita mahu melindungi kepentingan pembekal-pembekal baja ini daripada menggalakkan petani-petani menggunakan baja organik. Itu yang saya hendak sampaikan Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu saya menolak Bajet 2016. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kanowit.

**5.33 ptg.**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk bersama-sama terlibat membahaskan Bajet 2016 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 Oktober yang lalu

dengan tema Bajet 2016 adalah ‘Mensejahtera Kehidupan Rakyat’ dan fokuskan kepada ekonomi negara, produktiviti, modal insan, agenda bumiputera dan kos sara hidup rakyat.

Jelas seperti yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pendapatan negara pada tahun ini akan berkurangan disebabkan harga minyak dan gas dan komoditi yang menurun. Nasib baik juga dalam hal ini kita selamat sedikit oleh sebab subsidi minyak yang dahulunya membebankan bajet kita setiap tahun tetapi pada kali ini ia sudah tidak ada lagi dan itulah kita sudah selamat sedikit. Begitu dengan GST, walaupun kita semua setuju ianya memberi kesan negatif kepada rakyat yang miskin tetapi juga memberikan kesan yang positif kepada bajet kita pada kali ini kerana ia dapat menampung atau menggantikan kewangan hasil daripada minyak, gas dan komoditi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mesti berterima kasih kepada kerajaan kerana telah dapat membentangkan bajet yang begitu menyeluruh. Pada tahun-tahun yang lalu, kerajaan sedaya upaya telah menunaikan tanggungjawab dengan jayanya. Terutamanya untuk rakyat di luar bandar seperti Sarawak dan Sabah yang masih jauh ketinggalan dalam segala segi pembangunan, contoh melalui program *Government Transformation Program* (GTP) dan ETP. Banyak projek sosioekonomi telah berjaya dilaksanakan seperti projek jalan raya, jalan kampung, bekalan elektrik dan air, kemudahan internet dan sebagainya serta bantuan-bantuan kewangan untuk membina rumah panjang, membaik pulih rumah-rumah, bantuan persekolahan dan sebagainya. Walaupun begitu di Sarawak daripada jawapan yang saya terima pada hari ini masih terdapat 6,000 kilometer jalan yang belum diselesaikan dan di Sabah, 4,870 kilometer juga belum diselesaikan. Kedua-duanya ini akan mengambil kos semasa sebanyak RM63 bilion yang akan disiapkan dalam 15 ke 20 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dengan masa yang singkat ini saya akan membangkitkan beberapa isu dengan ringkas. Terutamanya saya ingin menyentuh berkenaan subsidi gas yang dinikmati oleh penduduk di Semenanjung Malaysia. Subsidi gas untuk *independent power plant* (IPP) dan juga gas untuk teksi dan kenderaan awam. Saya menyentuh perkara ini kerana subsidi gas dinikmati di Semenanjung Malaysia tetapi tidak di Sarawak. Isu ini timbul oleh sebab apabila kita tidak diberikan subsidi ini, patut juga daripada segi bajet pada tiap tahun bajet tahunan, kita patut diberikan pertimbangan supaya lebih-lebih oleh kerana kita tidak menikmati subsidi gas ini. Sama juga dengan subsidi tol.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan, berapakah jumlah subsidi gas dan subsidi tol lebuh raya ini yang dinikmati oleh penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia. Supaya kita dapat tahu- sebab daripada jumlah subsidi yang besar ini, dahulunya ditambahkan dengan subsidi minyak yang juga telah dihapuskan. Maka, patutlah apabila Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah memohon peruntukan yang agak besar untuk pembangunan yang belum ada.

Terutamanya kemudahan asas, patutlah dirundingkan dan diberikan peruntukan yang mencukupi supaya kita di Sarawak dan Sabah dapat juga bersama-sama menikmati

pembangunan yang selaras dengan apa yang dinikmati Semenanjung Malaysia. Sebab itu, saya ingin bertanya kepada kerajaan untuk menunaikan subsidi-subsidi tol lebuh raya ini yang sekarang ini sudah naik sedikit. Rakyat di sini sudah bising tetapi kita ingat kepada rakan-rakan kita di Sarawak dan Sabah, di mana lebuh raya pun tidak ada, maka tol tidak ada dan di sini sudah ada kemudahan yang begitu canggih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan untuk menyentuh sedikit isu kemudahan di sekolah, terutamanya di sekolah luar bandar. Dengan ringkas, apa yang saya selalu lihat apabila kita mengadakan majlis-majlis di sekolah-sekolah luar bandar. Terutamanya berkenaan dengan sukan dan olahraga, jelas isu yang besar di sekolah-sekolah luar bandar adalah kebanyakan sekolah-sekolah luar bandar ini tidak mempunyai padang dan juga gelanggang untuk murid-murid mengadakan aktiviti sukan dan olahraga. Sebagai contoh, di kawasan saya di Kanowit hanya ada 12 buah sekolah yang mempunyai padang dan gelanggang daripada 35 buah sekolah yang ada.

Jadi, macam mana kita dapat memberikan latihan sukan yang sempurna kepada murid-murid ini. Walaupun begitu, sekolah-sekolah ini terpaksa menjalankan aktiviti sukan. Setiap tahun mereka akan mengadakan sukan tahunan, sukan antara rumah dan sebagainya untuk mencungkil bakat murid-murid di luar bandar ini supaya mereka dapat menceburkan diri dalam olahraga dan sukan untuk ke peringkat yang lebih tinggi.

#### ■1740

Jadi, banyak masalah yang kita selalu dengar di sekolah-sekolah ini tapi di sini saya ingin sentuh sedikit di program ini sebab apabila kita menghadiri majlis-majlis di sekolah ini, kita amat simpati dengan keadaan yang sedia ada. Jadi saya mohonlah kepada kerajaan untuk melihat kepada keperluan ini dan dapat memberi peruntukan kepada, kalau tidak JKR atau pun kementerian sendiri, terus kepada persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) oleh kerana kemudahan seperti ini dapat dibina dan disiapkan oleh mereka secara gotong-royong dengan kos yang lebih murah.

Seterusnya isu sekolah yang sering kita lihat di peringkat sekolah sekarang ini adalah *internet connectivity*. Dulu dengan Program 1BestariNet didasarkan supaya *five mega bit per second* akan dipasang untuk semua sekolah supaya *internet connectivity* dapat di kawasan di luar bandar tetapi apa yang sedia ada adalah amat mengecewakan. Saya selalu menerima bantahan daripada cikgu-cikgu dengan adanya pelbagai *reporting* yang mereka perlu uruskan dengan pejabat-pejabat di *headquaters*, maka keperluan *internet connectivity* ini adalah amat diperlukan. Saya telah membuat pemantauan sendiri dan saya telah pun menyampaikan hasil pemantauan itu pada awal tahun ini di mana lima *mega bit per second* itu telah siap dipasang cuma dapat daripada kosong kepada 0.02 *mega bit per second speed*. Ini amat mengecewakan dan memang tidak dapat dipakai.

Jadi saya telah pun mencadangkan kepada kerajaan dalam isu ini, pemasangan alat-alat internet yang tidak dapat diadakan oleh *technician* yang mahir perlu dibuat oleh kerana dalam Program 1BestariNet ini kita dapat banyak alat-alat internet yang dipasang itu adalah tidak dibuat dengan sempurna. Oleh sebab itu, *internet connectivity* pun sia-sia sahaja.

Isu yang seterusnya berkenaan dengan sekolah, Tuan Yang di-Pertua, adalah isu bahasa Inggeris yang kita berterima kasih kepada bajet pada tahun ini. Kalau boleh diberi fokus supaya bahasa Inggeris ini diberi keutamaan lagi dan bermula dari peringkat prasekolah sehingga peringkat yang lebih tinggi dan sebab itu kita berterima kasih. Ini kerana daripada maklum balas para guru dan penggiat industri di Malaysia, mereka mempunyai perspektif bahawa pelajar bumiputera adalah lemah dalam penggunaan bahasa Inggeris dan oleh sebab itu peluang mereka untuk diserap dalam pekerjaan dengan syarikat asing atau multinasional lebih rendah jika dibandingkan dengan bukan bumiputera. Maka, keputusan *flip flop system* dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia ini harus diberhentikan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan mata pelajaran Matematik harus dikembalikan semula.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi negeri Sarawak, bahasa Inggeris bersama bahasa Malaysia masih menjadi bahasa pengantar di semua pejabat kerajaan negeri dan *non-national schools* masih menggunakan bahasa Inggeris.

Isu yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bekalan elektrik luar bandar. Ini isunya bukan kerana banyak rumah panjang atau tempat yang belum ada projek *Rural Electrification Schemes* (RES), tetapi yang banyak masalah sekarang adalah banyak rumah panjang sudah disambung atau sudah sampai tiang-tiang elektrik tetapi rumah panjang masih gelap, belum ada elektrik yang masuk ke rumah panjang oleh kerana isu *wiring*. Pertama, kos *wiring* tidak termasuk dalam projek RES. Kedua, *standard wiring* mesti mengikut standard SESCO dan ini menjadi banyak masalah. Banyak rumah panjang dan sekolah pun sekarang ini tidak puas hati.

Saya menyeru kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya dalam peruntukan untuk *electricity supply* ini, kos *wiring* dimasukkan bersama supaya isu *internal wiring* ke rumah-rumah panjang tidak ada masalah lagi sebab *the second stage* yang jadi ialah selepas *wiring* ini diadakan, SESCO akan masukkan meter, kemudian barulah rumah-rumah panjang itu dapat elektrik. Jika *standard wiring* tidak mengikut standard SESCO yang juga bekalan elektrik di Sarawak, maka ia tidak dapat disambung.

Isu seterusnya adalah berkenaan jalan kampung atau jalan desa. Di sini juga bukan hal memang banyak jalan kampung atau jalan desa yang harus dibina tapi isu sekarang ini adalah ada peruntukan tapi jalan tidak dapat dibina oleh sebab dahulu jika kerajaan ingin membina jalan kampung atau jalan desa, tanah yang dilalui oleh jalan itu tidak ada pampasan. Jadi sekarang ini, orang-orang baru tidak dapat meluluskan projek itu kalaular pampasan tanah itu tidak dibayar. Jadi di sini juga saya menyeru kepada kerajaan atau Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan

Wilayah yang terlibat dalam projek ini supaya peruntukan juga diberi sekali dengan kos jalan-jalan itu untuk membayar tanah atau pun pampasan dengan harga pasaran yang sedia ada supaya projek ini tidak akan tergendala sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang sama, saya ulang kembali isu jalan Ngungun ke Jagau yang telah saya bangkitkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini supaya ia diberikan peruntukan dalam tahun ini untuk dibina dengan segera mungkin.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan program meningkatkan pendapatan rakyat di luar bandar. Satu yang saya nampak jelas pada ketika ini adalah di luar bandar memang program yang masih dijalankan oleh penduduk atau petani-petani laur bandar adalah program pertanian atau akuakultur. Dalam hal ini, saya lihat banyak Kementerian dan agensi kerajaan yang terlibat dalam menyumbang dalam meningkatkan pendapatan rakyat luar bandar seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dari segi menanam padi, buah-buahan, menternak ikan dan sebagainya, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah dari segi tanaman getah, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi pula daripada segi tanaman sawit, koko, ladang dan sebagainya dan *of course*, Kementerian Kewangan yang memberi pelbagai bantuan kewangan seperti pinjaman dan bantuan melalui TEKUN, AIM, CIMB Bank, Agrobank dan lain-lain.

Jadi sebagai contoh yang saya ingin terangkan di sini adalah patutnya dalam program ini, penduduk atau pun petani-petani di luar bandar ini digalakkan untuk terlibat dengan *intergrated farming*, petani yang serba boleh yang mengambil peluang untuk menikmati kesemua bantuan yang disediakan oleh pelbagai agensi. Sebagai contoh, seorang petani boleh melibatkan diri dengan ladang getah, tanaman koko, tanaman buah-buahan, lada, sayur-sayuran, penternakan. Kalau ini dapat diusahakan oleh petani-petani ini, maka saya ingat hasrat kita untuk meningkatkan pendapatan mereka ini akan lebih tercapai dan juga Wawasan 2020 mungkin juga dapat dinikmati oleh rakyat luar bandar.

Bagi Negeri Sarawak, kita mendengar Ketua Menteri telah pun, dari segi melihat pendapatan isi rumah di Sarawak mungkin Wawasan 2020 tidak dapat dicapai, jadi kita telah melanjutkan, memberikan ruang kepada tahun 2030, 10 tahun kemudian supaya dapat menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi dan maju.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu yang amat dibanggakan oleh penduduk rumah panjang di Sarawak di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan RM70 juta untuk pinjaman membina rumah panjang. Kita amat mengalu-alukan hasrat kerajaan ini oleh kerana di kawasan-kawasan luar bandar ramai di antara penduduk tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan untuk menjadikan rumah yang sederhana memang susah dan kita telah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan memohon kepadanya supaya peruntukan dari segi pinjaman perlu diberi kepada mereka ini dan telah disetujui bahawa RM50,000 seunit akan diberikan kepada mereka yang mohon.

**■1750**

Akan tetapi apa yang saya ingin sentuh di sini adalah walaupun yang ini *interest free*, tetapi yang kita ragu setakat ini adalah cara pelaksanaan *loan* ini ataupun pinjaman ini. Kalau dahulu pinjaman adalah dalam lingkungan RM10,000 dan pelaksanaannya adalah untuk membeli bahan binaan melalui tender sistem. Ini apabila diberi melalui tender sistem akan tidak menyenangkan hati mereka yang menerima pinjaman ini oleh sebab mereka tahu kalau RM10,000 ini.

So, mereka akan tahu berapakah bahan-bahan binaan yang patut sampai untuk mereka dan sekarang ini RM50,000. Ini begitu banyak dan saya fikir kalau ia tidak dilaksanakan dengan telus dan terus kepada mereka yang terima pinjaman ini akan mendatangkan banyak lagi masalah pada masa-masa yang akan datang. Jadi saya menyeru kepada kerajaan untuk mengadakan satu taklimat dan rangkaian kerja yang lurus dan telus supaya jumlah wang RM50,000 ini sampai kepada mereka in total 100%.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, juga telah sebut dalam Bajet 2016 ini adalah daripada segi baja padi bukit yang juga selama ini diberi oleh kerajaan untuk petani-petani yang masih melibatkan diri dalam menanam padi bukit. Akan tetapi yang saya khuatir sedikit sini adalah di kawasan saya sendiri saya melihat tidak begitu ramai lagi petani-petani rumah panjang yang masih menceburkan diri dalam kegiatan ini.

Ada di kalangan mereka ini nama mereka masih dalam senarai petani yang akan menerima bajet ini dan– tetapi mereka tidak lagi mengusahakan padi bukit. Oleh sebab itu mereka tidak mengambil baja ini. Kadang-kadang ada juga yang mengambilnya tetapi dijual kepada orang-orang yang perlukan ini dan sebab itu saya fikir kerajaan melalui Jabatan Pertanian dan sebagainya untuk membuat banci ataupun membuat satu senarai supaya senarai lama petani supaya mereka ini, supaya baja ini tidak digunakan dengan membazir.

Juga satu lagi isu saya ingin sentuh dengan ringkas ini adalah berkenaan dengan peruntukan RM115 juta diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk projek *perimeter survey* dan *mapping* tanah NCR bumiputera di Sarawak. Dalam tiga tahun yang lalu, kita amat berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah memberi banyak peruntukan untuk tanah-tanah NCR *native* di Sarawak dibuat *survey* ataupun disukat melalui sistem *perimeter*.

Akan tetapi dengan ini peruntukan tahun 2016 ini kita telah disyorkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kerja selanjutnya kepada *survey* untuk kerja lot-lot individu ini diteruskan supaya tanah NCR ini dapat diberi *title* kepada yang punya. Ini menjadi isu yang besar apabila kita mengadakan *perimeter survey* dulu dan telah banyak dibangkitkan oleh mereka yang tidak berpuas hati dengan kerja itu sebab dikatakan apabila dibuat *perimeter survey* ia jatuh kepada tanah kerajaan ataupun *resort land* dan bukan tanah NCR lagi.

Akan tetapi itu tidak betul oleh kerana apabila sudah ada *perimeter survey*, kerja *survey* untuk lot itu boleh diteruskan dalam kawasan yang sudah dibuat *perimeter survey*. Jadi dalam hal ini, kita berterima kasih kepada kerajaan dan harap lebih banyak lagi peruntukan. Kita tahu RM115 juta ini pun tidak cukup kerana tanah kita begitu besar, kerja begitu sulit dan banyak yang diperlukan untuk menyiapkan *perimeter* ataupun *survey* individu di kawasan-kawasan di Sarawak.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu lagi hal ataupun isu yang sering dibangkitkan di kawasan pedalaman ataupun di kawasan-kawasan Parlimen saya ialah berkenaan dengan bantuan bulanan kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Isu di situ satu adalah dengan *renewal* ataupun proses untuk melanjutkan bantuan ini sebab kementerian ada mempunyai satu sistem di mana setiap tahun mereka akan membuat tafsiran sekali lagi sama ada mereka yang menerima bantuan bulanan ini harus dilanjutkan lagi. Akan tetapi yang menjadi masalah apabila mereka ini tidak diberi tahu dengan awal bahawa mereka akan tidak akan diberi lagi. Ini amat banyak menimbulkan persoalan dan mereka tidak tahu mengapa mereka tidak diberi lagi dan membangkitkan banyak masalah.

Kedua yang amat serius adalah permohonan-permohonan baru daripada mereka yang ingin memohon bantuan ini dari OKU, dari orang yang sudah tua, orang yang sakit di rumah-rumah panjang dan apabila kita mahu bawa borang-borang ini kepada pejabat untuk diluluskan, tidak ada menerima balasan dan saya pun telah berjumpa dengan pejabat-pejabat JKM di kawasan saya di kawasan *resident* dan alasan mereka adalah mereka tidak ada cukup pegawai, tidak mempunyai *travelling allowance* untuk melawat ke rumah-rumah panjang di...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habis Yang Berhormat.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** ...dulu— terima kasih. Dulu kita telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri bahawa apabila permohonan ini telah diluluskan atau telah disain oleh wakil rakyat, maka ia memang boleh diluluskan oleh kementerian. Akan tetapi pegawai-pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat masih mahu melihat sendiri sama ada permohonan itu betul atau tidak, tetapi masalah mereka tidak mempunyai pegawai, tidak mempunyai *travelling allowance* untuk pergi dan maka permohonan itu tidak dapat diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Selayang.

### 5.57 ptg.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Bajet 2016. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk membuat keputusan tentang Bajet

2016 dengan mengikut suara hati atau *work according to your conscience* dan menolak Bajet 2016.

Sebabnya, pertama ialah prinsip asas sistem *Westminster* kerajaan yang satu keperluan yang nyata dalam Perlembagaan kita bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu ada sokongan majoriti di dalam Dewan Rakyat. Dua usul tidak percaya telah dikemukakan. Satu daripada Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan terbenam di bawah Kertas Perintah perkara 27 daripada 30. Ini tidak ada peluang untuk dibahas.

Untuk yang kedua daripada Ketua Pembangkang, Tuan Yang di-Pertua telah meminta Ketua Pembangkang untuk memaklumkan kepada beliau Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang menyokong usul tidak percaya sebelum Tuan Yang di-Pertua akan memberikan keputusan sama ada usul itu dapat dibahas. Tuan Yang di-Pertua selalunya berkata hasrat ialah untuk mengadakan Parlimen *first world* tetapi amalan yang telah dinyatakan tidak diamalkan dalam Parlimen dunia yang ketiga. Ini kerana kita tahu asasnya bahawa apabila ada usul tidak percaya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jika menegur keputusan Tuan Yang di-Pertua ia mesti buat dalam bentuk usul berasingan Yang Berhormat.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Ya, berikan saya membuat penjelasan bahawa kalau kita mengikut *parliamentary practices* ini bila usul dibawakan Tuan Yang di-Pertua akan memanggil kerajaan *of the day* untuk menetapkan satu tarikh untuk membahaskan dan saya harap ini dapat dibuat kerana nampaknya ini adalah hari terakhir.

#### ■1800

Selepas ini dasar akan- keputusan akan diambil dan kalau tidak dapat membahaskan usul tidak percaya kita mengadakan satu situasi bahawa kita tidak tahu dengan memastikannya sama ada Yang Amat Berhormat Pekan ada sokongan majoriti. Kalau tidak bagaimana kerajaan ini dapat mengutip cukai daripada rakyat atau membelanjakan RM1 daripada wang rakyat dan pembayar-pembayar cukai? Sebab itu penting, Ahli-ahli Dewan di sini memberikan satu perhatian kepada perkara ini.

Kedua ialah tentang *crisis* keyakinan terhadap kepimpinan. Tindakan yang telah diambil yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Sungai Petani dalam hujahnya. Fakta-fakta terperinci tentang pemecatan Peguam Negara yang baru memansuhkan *Special Task Force*, pengarah dan pegawai yang terlibat dalam siasatan ditukar jawatan kepada pejabat yang belum diwujudkan lagi. Penyiasat SPRM mereka sendiri disiasat oleh pihak polis. PAC yang menjalankan siasatan tidak dapat menjalankan kerana empat ahli telah dinaikkan pangkat.

Semua ini memberikan suatu gambaran kepada rakyat, kepada pelabur asing, kepada pelabur tempatan bahawa nampaknya *there is everthing to hide*. Dan ini memberikan satu perkara yang tidak sihat kepada ekonomi kita. Sama juga kalau kita lihat di dalam bajet ada

kekurangan dan kelemahan. Tiada ada *full and frank disclosure*, contohnya ialah rakyat menanti-nanti Yang Amat Berhormat Pekan dalam ucapan bajet untuk memberikan satu penjelasan yang lengkap tentang 1MDB, tentang RM2.6 bilion dalam akaun persendirian tetapi malangnya tidak dibuat. Kalau kita melihat di dalam bajet, kita mendapat bahawa kerajaan telah menggunakan mekanisme *off budget financing*. PAC dalam laporan mengenai pembinaan PFI mendapat bahawa PFI telah digunakan untuk meminjam RM27 bilion untuk membayai projek-projek dan aktiviti-aktiviti.

Walaupun projek-projek telah dikenal pasti sebagai sebahagian daripada rancangan Malaysia ke-10, perbelanjaan yang dibiayai oleh PFI tidak dibentangkan di Parlimen. PAC mendapat program sebagai suatu pinjaman kerajaan *off budget*. Perbelanjaan *off budget* menimbulkan keraguan melalui integriti angka-angka yang dihasilkan dalam bajet dan tidak memberikan gambaran yang betul tentang status kewangan, liabiliti, luar jangka, kontingen liabiliti dan perkiraan defisit.

PAC telah mengesyorkan bahawa kini perbelanjaan *off budget* telah dilaporkan kepada Parlimen tetapi kita melihat Bajet 2016 masih tidak berbuat demikian. Satu perkara lagi ialah tentang jumlah kontingen liabiliti sebenarnya. Kita tahu selain daripada surat jaminan *other letter of comfort* dan surat-surat berbentuk sokongan *financial support* kepada pinjaman yang dibuat oleh badan-badan berkanun atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Tuan Yang di-Pertua, kita membahaskan sampai lewat malam tentang belanjawan RM500 bonus kepada pegawai. Tetapi pinjaman berbilion-bilion yang diambil oleh GLC kita tidak tahu sehingga mereka mungkin membayar dan kita tidak ada pilihan lain di dalam Dewan ini untuk menguruskan bayaran seperti yang dibayar kepada PERWAJA, kepada PKFZ. Dan hari ini, kemungkinan besar satu jumlah yang begitu besar RM42 bilion untuk 1MDB. Sebab itu saya meminta, Menteri memberikan maklumat yang penuh selain daripada jaminan apanya *letter of comfort, letter of support* yang telah diberikan untuk pinjaman GLC.

Kalau kita melihat pernyataan kewangan kerajaan persekutuan untuk tahun 2014 kita mendapat jumlah jaminan kepada GLC ialah RM850 bilion. Ini ketara bahawa kalau kita mengambil *letter of comfort* jumlah kontingen liabiliti ada lebih daripada 55% KDNK.

Sebab ketiga ialah tentang penyalahgunaan kuasa dan kehancuran institusi. Kita melihat tentang kebebasan badan-badan kehakiman yang telah dimusnah pada zaman dahulu. Yang Amat Berhormat Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri mengadakan Akta Suruhanjaya Kehakiman. Tetapi baru-baru ini, didedahkan bahawa Hakim Mohd Hishamudin Mohd Yunus telah dicadang oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman untuk menjadi hakim untuk pelantikan ke Mahkamah Persekutuan untuk 2013 tetapi Perdana Menteri tidak memihak kepada syor dan beliau berkata telah dipass over so many times here can't count. Dan apa yang terjadi dengan kehakiman, kita melihat tentang kes bekas Yang Berhormat Permatang Pauh. Dan baru-

baru ini, mahkamah telah memberikan keputusan tentang *Regulation of Gatherings Act* yang mahkamah rayuan sebelum ini telah berkata itu tidak mengikut Perlembagaan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada sahabat Yang Berhormat dari Selayang. Saya hendak tanya Yang Berhormat Selayang semasa perbahasan tahun lepas berkaitan dengan Akta Persaraan Hakim yang dibuat pindaan di sini. Saya turut berbahas dan ada menyatakan bahawa ada seorang hakim yang rajin dan nampak dia punya *judgement-judgement* yang banyak membela hak asasi ini tidak dinaikkan pangkat sebab kerana dia dalam keputusan dia pernah membantah tentang ISA.

Dan saya dicabar oleh Tuan Yang di-Pertua , supaya sebutkan nama hakim itu. Saya kata saya boleh sebut, tapi saya takut nanti hakim ini disebut mungkin tidak naik pangkat lagi. Dan terbukti, bila ditekan-tekan saya sebut juga, saya kata hakim Dato' Hishamudin Yunus. Nampaknya selepas saya cakap itu memang terbukti dia tidak naik pangkat.

Jadi adakah kita Ahli Parlimen ini, kita hendak bela orang nampaknya tidak boleh bila kita bela, orang kita bela jadi mangsa. Apa pandangan Yang Berhormat Selayang.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Sebenarnya, nampaknya, kita tidak boleh sebut nama. Selain daripada badan kehakiman sekarang ialah cabaran kepada Bank Negara Malaysia yang imej begitu tinggi sebelum ini. Satu dunia bertanya bahawa bagaimana Bank Negara tidak tahu duit RM2.6 bilion telah masuk akaun? Bukan sahaja akaun orang biasa tetapi akaun Perdana Menteri. Dan sekarang, Peguam Negara telah membuat keputusan dan satu dunia telah tahu bahawa Bank Negara Malaysia tidak tahu membuat siasatan. Siasatan telah ditolak, semua ini merosakkan imej institusi kita.

Sebab yang keempat, ialah bahawa kerajaan sekarang nampaknya mengambil tindakan yang begitu kuat apabila sesiapa bertanya tentang 1MDB.

#### ■1810

Penyiasatan, penangkapan, penahanan ahli-ahli politik pembangkang, itu perkara biasa, aktivis-aktivis, pelajar-pelajar, ahli-ahli akademik, semua dan juga dengan akhbar dan *blog-blog* dan kita juga melihat sekarang mobilasi berdasarkan kaum. Ini semua menimbulkan kebimbangan keselamatan dan ketidakstabilan. Oleh sebab semua ini, kita melihat bahawa keyakinan pelabur tempatan dan asing telah terjejas.

MIDF Equities melaporkan pada 3 Ogos 2015 bahawa anggaran aliran keluar sebanyak RM11.7 bilion, ini melebihi aliran keluar keseluruhan tahun 2014 iaitu RM6.9 bilion. Kita juga telah melihat nilai ringgit menjunam. Mereka berkata ini adalah sentimen tetapi ini ialah istilah yang digunakan oleh Fitch Ratings dan ahli-ahli ekonomi yang berhemah tetapi maksudnya ialah kekurangan keyakinan kepada apa yang telah berlaku di negara kita dan ini akan berterusan dan akhirnya rakyat yang akan mengalami kesusahan.

Mengikut *The Malaysian Employers Federation*, pada Julai tahun ini, sepuluh orang telah diberhentikan daripada kerja mereka dan ini akan meningkat dalam bulan-bulan yang akan datang dengan mengadakan Bajet 2016 yang dibentangkan di sini. Masalah yang kita tahu, gaji telah bertakuk. Walaupun gaji minimum telah dicadangkan, ini tidak dapat menyelesaikan perkara ini kerana kita tidak mengambil penyelesaian dengan cara holistik. Kita perlu tahu bahawa perusahaan-perusahaan tidak akan menaikkan gaji kalau mereka dapat pekerja asing dengan gaji yang rendah. Kita telah terlalu lama bergantung pada pekerja asing berkemahiran rendah dan satu penyelesaian holistik hendaklah dicari untuk menangani masalah ini.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Selayang, boleh minta penjelasan sedikit? Saya hendak bangkit isu yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat mengenai gaji minimum dan pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Pekan ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Beliau telah mengatakan bahawa pekerja Malaysia akan mendapat peningkatan dalam gaji minimum pada Julai 2016. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat sebab sebenarnya mengikut Akta Gaji Minimum, implementasi untuk pada masa sekarang ialah Januari 2015. So sebenarnya kerajaan mesti *back track* peningkatan itu pada Januari 2015 dan bukan *fast forward* untuk 19 bulan. Bukankah itu satu cara untuk menindas pekerja bila mereka mengalami masalah begitu besar untuk menampung keluarga dan sebagainya? Minta pendapat.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Saya setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Klang. Hari ini kita melihat bahawa *Federation of Employers* telah meminta untuk menangguhkan lagi untuk melaksanakan gaji minimum. Ini semua kalau tidak diambil kira untuk mencari penyelesaian, akhirnya pekerja dan rakyat akan mengalami kesengsaraan dengan kos sara hidup yang begitu tinggi.

Satu lagi ialah tentang BR1M. Ini adalah satu cara yang sungguh dengan izin, *inadequate* kerana kalau ini dipecahkan kepada bayaran tiga kali, ia tidak dapat menampung kos sara hidup. Pengarah Eksekutif MIER, Zakariah Abdul Rashid telah berkata BR1M ini merupakan '*helicopter rain of money*' kerana ini tidak ada hala tujuan dan juga tidak ada *multiplier effect*. Apa yang kita hendakkan ialah satu *reform structure* untuk mengadakan jaringan keselamatan sosial yang lebih lengkap.

Oleh yang demikian, saya merayu sekali lagi kepada semua Ahli Dewan yang mulia ini terutamanya rakan-rakan saya di sebelah kanan untuk membuka minda.

**Beberapa Ahli:** Di depan, di depan.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Di depan, di depan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebelah kanan Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Shah Alam itu.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Buka mata dan lihat Laporan Merdeka Center bahawa hari ini hanya 23 peratus menyokong kerajaan. Sokongan orang Melayu telah

jatuh ke 31 peratus. Buka minda dan berikan perhatian kepada kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Persidangan Raja-raja yang tidak dapat membuat apa-apa sebelum ini untuk siasatan dijalankan, diselesaikan dan mereka yang terlibat dihukum. Saya juga meminta Ahli-ahli Dewan untuk mengingati sumpah yang telah kita lafazkan bahawa kita ada tugas dan tanggungjawab untuk memberikan pertimbangan sendiri, *to exercise good judgment*, bukan mengikut dengan *blind majority* untuk membuat keputusan yang terbaik untuk rakyat Malaysia.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Mesyuarat]*

Saya tahu ada yang ada kekangan dan tidak dapat membuat keputusan tetapi saya mengingatkan bahawa bila ekonomi jatuh menjunam, bila ketua keluarga tanpa bekerja, rakyat susah, mereka akhirnya ada sesuatu dalam tangan iaitu kuasa mengundi. Mereka akan menggunakan kuasa itu untuk menentang rasuah, menentang penderaan, menentang penindasan dan rakyat akan mengundi supaya BN akan kalah dan tidak ada kuasa lagi.

Dengan ini, saya menolak Bajet 2016. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dalam senarai ini, Yang Berhormat Kangar. Sila.

#### **6.18 ptg.**

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan dasar Bajet 2016 yang bertemakan “Mensejahtera Kehidupan Rakyat”. Fokus saya pada petang ini adalah tertumpu pada perkara-perkara pokok yang menjadi asas perbincangan. Ia meliputi isu-isu pertanian, pelancongan, keselamatan negara, keusahawanan, sukan dan kemajuan kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, tanaman padi merupakan satu aktiviti penting yang membekalkan beras kepada rakyat Malaysia. Negeri Perlis khususnya, antara pengeluar beras di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang membantutkan pengeluaran hasil padi. Misalnya, apabila tiba musim tengkujuh, kebanyakan pesawah mengalami kerugian akibat padi rosak kerana banjir. Selain daripada itu, para petani turut mengalami kerugian kerana masalah pengairan air dan penyakit yang menjelaskan mutu dan hasil pengeluaran, penyakit seperti hawar daun bakteria, jalur daun bakteria dan karah akibat penggunaan benih yang kurang daya tahan penyakit. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 336 hektar padi di kawasan MADA telah terlibat dengan penyakit-penyakit tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, para petani turut menyokong pelaksanaan Mini Estet Padi yang diperkenalkan oleh kerajaan.

**■1820**

Projek ini mampu mengurangkan kebergantungan negara kepada beras import serta memberi manfaat kepada pesawah di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi. Ia meliputi pemberian baja, racun, kapur bagi tujuan pertanian terutamanya padi supaya menjadi lebih efisien. Maka dengan itu saya mencadangkan kerajaan harus peka kepada golongan petani supaya pampasan sewajarnya harus diberikan kepada pesawah-pesawah agar dapat menampung kerugian yang dialami akibat daripada padi rosak, di sebalik penyakit dan akibat bencana banjir.

Tuan Yang di-Pertua, berpandukan kepada keutamaan kedua dalam pembentangan Bajet 2016 iaitu meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau. Saya ingin mengetengahkan cadangan bagi memajukan industri penanaman harum manis. Penanaman buah mempelam harum manis merupakan satu industri PKS dan ikon bagi negeri Perlis. Permintaan yang tinggi di seluruh negara menjadikan sebagai buah eksklusif yang mesti dibawa pulang sebagai cenderamata apabila berkunjung ke negeri Perlis. Selain mendapat sambutan yang tinggi dari rakyat Malaysia, mempelam harum manis juga turut menerima permintaan yang tinggi daripada negara-negara seperti Singapura, Thailand, Taiwan dan Jepun.

Malah penanaman harum manis pada tahun ini dengan keluasan 655 hektar dengan penghasilan kira-kira 3,200 metrik tan. Ingin saya mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, setakat ini adakah sebarang bentuk kajian ataupun penyelidikan telah dilakukan bagi pengkomersialan produk harum manis ini ataupun adakah diadakan kajian yang dapat menghasilkan buah harum manis lebih daripada sekali setahun. Adakah terdapat bajet yang diperuntukkan untuk R&D industri ini? Pada pandangan saya kerajaan boleh mengkaji bagaimana untuk sama-sama ditingkatkan lagi kualiti buah serta hasil pengeluaran dengan penyemburan racun dan pembajaan secara berkala. *Insya-Allah* permintaan terhadap harum manis ini akan meningkat dari semasa ke semasa dan mampu memasuki pasaran seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, negeri permai lagi mempesona merupakan ungkapan yang paling tepat untuk menggambarkan keindahan dan kedamaian negeri Perlis dengan daya tarikan pelancongannya yang tersendiri. Sebagai contoh, Perlis terkenal dengan ladang angur, kompleks arked niaga, Padang Besar, Taman Ular dan Reptilia, Gua Kelam, Tasik Melati, Batu Pahat dan Jeti Kuala Perlis dan yang terbaru adalah Taman Bunga Kertas Tuanku Lailatul Shahreen dan sebagainya. Perlis telah menerima kunjungan pelancong pada tahun 2014 dengan anggaran sebanyak 3.4 juta pelancong berikutnya Tahun Melawat Malaysia dan juga penganjuran SUKMA yang ke-17.

Akan tetapi apa sudah jadi dengan ladang angur, Sungai Batu Pahat, Taman Ular dan Reptilia, Gua Kelam dan Tasik Melati yang mana kini tidak terurus dan terbiar begitu sahaja. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah perhatian terhadap pembangunan industri pelancongan negeri Perlis ini dan apakah perancangan dan berapakah

peruntukan yang diberikan untuk menghidupkan kembali industri pelancongan di negeri Perlis yang semakin suram.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Jeti Kuala Perlis merupakan laluan transit bagi tiga juta pelancong yang ingin ke Pulau Langkawi dan Satong di Thailand. Masalahnya jeti tersebut semakin meruncing, air semakin cetek akibat mendapan di muara sungai yang mengecilkan laluan feri dan kedalaman air yang agak cetek membantutkan perjalanan feri dan jadualnya sudah menjadi tidak teratur. Saya mohon agar kerajaan dapat menyalurkan peruntukan bagi menambah baik kawasan jeti pelancongan tersebut. Dengan pemberian jeti kawasan tersebut dapat merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri Perlis dan sekali gus menarik minat pelancong yang sebelum ini hanya menjadikan Kuala Perlis sebagai laluan transit semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh isu keselamatan negara kita. Adalah diakui bahawa Malaysia merupakan negara transit bagi aktiviti pemerdagangan manusia. Ini menunjukkan statistik pada tahun 2010 hingga 2015, jumlah keseluruhan sebanyak 1,892 orang telah menjadi mangsa pemerdagangan manusia di Malaysia. Ini jelas terbukti bahawa keselamatan sempadan negara adalah berada pada tahap yang tidak selamat. Sebagai tambahan, baru-baru ini kita digemparkan dengan penemuan lebih 100 mayat warga Rohingya di kawasan perkuburan yang luas di Wang Kelian, Perlis yang terletak bersempadan dengan Malaysia-Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kes penyeludupan senjata api dan pencerobohan dari negara jiran turut meningkat dari setahun ke setahun iaitu pada tahun 2010 dengan penangkapan 92 suspek dan rampasan 137 senjata api. Pada tahun 2011 iaitu seramai 121 suspek dan 160 senjata api. Tahun 2012, sebanyak 163 suspek dan 199 senjata api. Oleh yang demikian, ini merupakan satu perkara yang amat serius kerana melibatkan keselamatan negara kita. Difahamkan kerajaan pada tahun 2008 telah mewujudkan Bahagian Dasar Kepolisian dan Keselamatan Sempadan dan keselamatan sempadan yang meliputi tiga unit iaitu Unit Dasar Kepolisian, Unit Dasar Keselamatan Sempadan dan Unit Pencegah Penyeludupan. Namun begitu, mohon pihak kementerian menyatakan apakah mekanisme atau pelan tindakan kerjasama di antara agensi-agensi yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan kepada kerajaan supaya agensi keselamatan negara memperketatkan lagi kawalan keselamatan di kawasan Malaysia-Thailand supaya tidak wujud lagi sebarang penemuan kubur-kubur mangsa pemerdagangan di Perlis mahupun di seluruh sempadan negara ini sekali gus meminimumkan kadar penyeludupan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat Kementerian Belia dan Sukan untuk melahirkan rakyat yang sihat dan ke arah negara sukan sememangnya satu idea yang bagus. Malah langkah pro aktif kementerian adalah sesuatu yang patut dibanggakan dengan pelancaran pelbagai program kesukuan umpamanya FitMalaysia dengan siri penjelajahan dari negeri ke negeri. Selain itu,

kita baru-baru ini telah menyambut Hari Sukan Negara dengan penyertaan seramai 4.2 juta rakyat Malaysia melibatkan 17,648 acara sukan dan kecergasan yang mana kementerian turut menetapkan hari Sabtu kedua bulan Ogos sebagai Hari Sukan Negara.

■1830

Namun, prasarana yang terdapat di negeri Perlis adalah amat sedikit berbanding negeri lain. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya mewujudkan sebuah mini stadium di setiap Parlimen yang berkonseptan *multipurpose* atau pelbagai guna. Umpamanya, terdapat padang bola sepak, kemudahan futsal dan gelanggang badminton atau sebagainya yang berkonseptan *in-door*.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali seperti yang kita telah maklum pada tahun 2014, negeri Perlis juga merupakan tuan rumah bagi temasya Sukan Malaysia (SUKMA). Namun, apa yang membimbangkan saya adalah kemudahan-kemudahan sukan di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra yang kini sudah rosak akibat daripada tiada penyelenggaraan dengan baik oleh kontraktor. Sebagai contoh, gelanggang badminton dan kolam renang yang telah pun rosak.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sejak dari awal lagi memang terdapat masalah dalam pembinaan kolam renang dan juga badminton yang sehingga sekarang masih belum disiapkan walaupun SUKMA 2014 telah setahun lebih berlalu. Jadi, dua perkara telah saya cadangkan iaitu kemudahan sukan yang terdapat di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra perlulah diperbadankan. Kedua, gelanggang-gelanggang ataupun kemudahan sukan yang terdapat perlulah diserahkan kepada persatuan sukan masing-masing untuk ditadbir, diurus dan dijaga dengan seelok-eloknya. Namun, apa yang jadi sekarang ialah tidak ada apa-apa tindakan yang diambil dan kemudahan-kemudahan sukan di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra telah mengalami kerosakan dan kerja-kerja pembinaan masih lagi berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada isu-isu sukan ini, saya baru-baru ini ada menghadiri majlis penutupan sukan OKU. Walaupun sukan OKU ini tidak popular tetapi kita telah berjaya melahirkan atlet-atlet OKU yang mampu untuk menyumbang pingat kepada Malaysia di peringkat antarabangsa mahupun di peringkat Asia dan juga dunia. Apalah kita peruntukkan lebih banyak kemudahan kepada OKU dan kebijakan atlet-atlet OKU yang berpotensi untuk menyumbang pingat kepada negara diambil perhatian oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Kementerian Luar Bandar dan Wilayah sebelum mengakhiri ucapan saya. Saya ingin menyentuh tentang masalah berkenaan kemudahan-kemudahan jalan di luar bandar, khususnya di negeri Perlis.

Keadaan-keadaan jalan di luar bandar harus dititik berat yang kebiasaannya mudah rosak apabila tiba musim hujan, musim banjir seumpamanya, terutamanya di kawasan utara Semenanjung. Malah jalan-jalan luar bandar ini ada yang telah lama tidak disenggara. Dengan itu saya mencadangkan pihak kementerian memberi perhatian yang sewajarnya kepada penambahbaikan infrastruktur jalan-jalan di kawasan luar bandar.

Antara langkah lain yang boleh diambil di kawasan luar bandar bagi memudahkan penduduk luar bandar yang rata-ratanya golongan petani dengan membina jalan baru atau menaik taraf jalan-jalan yang sedia ada bagi menghubungkan di antara kampung ke kampung, di antara kampung ke ladang dan juga jalan yang dapat memudahkan petani-petani mengerjakan sawah padi. Dengan itu sekian, Kangar mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Saya jemput Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Gombak.

### 6.35 ptg.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan laluan kepada saya pada petang ini. Secara ringkasnya saya tumpu kepada penggubalan Belanjawan 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini. Saya percaya, melihat kepada perubahan dan ketidaktentuan ekonomi global pada hari ini sebagai sebuah negara ekonomi yang sederhana dan terbuka, pastinya tahun 2015 ini Malaysia akan menghadapi satu cabaran yang getir dalam pengurusan ekonomi negara.

Kita juga mengambil maklum bahawa senario ekonomi dunia hari ini dibentuk oleh pertembungan tiga faktor utama. Pertama, kita harus mengambil kira dan melihat perubahan dan transformasi ekonomi China yang beralih dari pertumbuhan yang didorong oleh eksport dan pelaburan serta pembuatan kepada ekonomi yang berteraskan penggunaan dan juga perkhidmatan.

Keduanya, sudah tentulah faktor kejatuhan harga komoditi juga menentukan hala tuju ekonomi negara. Ketiga, kita juga melihat secara dekat mengenai kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat yang pastinya mempunyai implikasi di peringkat global.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa kita tidak boleh mengetepikan faktor luaran sahaja, termasuk kejatuhan harga komoditi. Akan tetapi pada masa yang sama kita juga harus mengakui bahawa penyusutan nilai ringgit yang berlaku hari ini juga berpunca daripada faktor dalaman.

Ringgit Malaysia telah melepassi RM4.37 sen berbanding Dollar Amerika buat pertama kalinya sejak krisis kewangan Asia 17 tahun yang lalu. Hakikat yang harus kita akui hari ini ialah negara sedang berdepan dan bergelut dengan skandal kewangan 1MDB dengan skala yang tidak pernah dialami oleh negara sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyusutan nilai ringgit berbanding Dollar Amerika yang begitu ketara dan ditambah dengan kemerosotan harga komoditi utama negara iaitu harga minyak dan juga kelapa sawit, sebenarnya telah menyesakkan lagi dan menyulitkan lagi ekonomi Malaysia hari ini.

Ia bertambah gawat apabila keadaan pasaran saham dan penurunan nilai Yuan yang berlaku baru-baru ini telah memberikan kesan yang begitu besar kepada ekonomi global, bukan sahaja di Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Amat Berhormat, ada usul daripada Yang Berhormat Menteri di bawah Peraturan 12(1). Sila Yang Berhormat Menteri.

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), tanpa menghiraukan Usul terdahulu, saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 11 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Selasa, 3 November 2015.”

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, [Dato' Noriah binti Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Amat Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung perbahasan saya, apa yang ingin saya menarik perhatian Dewan pada petang ini ialah senario ekonomi sebegini menunjukkan bahawa ekonomi negara China itu mempunyai satu kesan ataupun signifikan yang amat besar kepada prestasi dunia.

■1840

Seperti yang saya nyatakan baru-baru ini ketika pembentangan Belanjawan Negeri Selangor 2016, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ‘when China sneezes, the world catches cold’ kerana kita harus melihat negara China itu merupakan destinasi eksport pertama Malaysia dan juga sumber import utama dan sudah tentulah sebarang perkembangan yang berlaku di dalam pengurusan ekonomi dan kewangan di negara China itu mempunyai kesan besar kepada Malaysia.

Akan tetapi amat malang sekali, ketika Belanjawan 2016 dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, langsung tidak menyentuh perkara-perkara yang menjadi fundamental kepada ekonomi negara kita. Tidak disentuh tentang penyusutan yang mendadak nilai ringgit yang berlaku pada hari ini. Tidak disentuh langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengembalikan keyakinan pelabur-pelabur asing untuk kembali melabur dalam negara kita. Langsung tidak disentuh tentang skandal kewangan yang berskala besar iaitu 1MDB dalam pembentangan belanjawan. Maka persoalan saya, bagaimana satu belanjawan yang begitu penting di permulaan RMKe-11 ini tidak menyentuh isu-isu pokok yang dapat membantu memulihkan ekonomi negara kita?

Kita juga sedang menyaksikan kenaikan *household debt* ataupun hutang isi rumah yang begitu besar, hampir RM1 trilion yang berlaku dalam negara pada hari ini. Apa yang menjadi keprihatinan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini ialah bagaimana kerajaan dapat membantu memulihkan ekonomi dalam keadaan tidak ada satu langkah ataupun usaha yang bersungguh-sungguh untuk melihat perkara-perkara ini ditangani.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berkongsi sedikit statistik pada petang ini tentang kepesatan yang kita saksikan bukan sahaja dalam pertumbuhan ekonomi negeri Selangor tetapi juga kadar purata pertumbuhan tahunan yang dibentangkan baru-baru ini. Berdasarkan kepesatan pertumbuhan ekonomi negeri Selangor, ia telah menyumbang kepada kenaikan kadar purata pertumbuhan tahunan dan diunjurkan pada tahun 2020, jumlah penduduk di negeri Selangor adalah 6.8 juta orang. Maka, pertumbuhan penduduk yang begitu pesat ditambah dengan kepesatan ekonomi, ia menjadi faktor utama mengapa kerajaan negeri mengambil inisiatif untuk melihat pembangunan sistem pengangkutan awam dan penyediaan rumah-rumah yang mampu dimiliki oleh rakyat di negeri Selangor ini termasuk rakyat daripada negeri lain yang datang ke negeri Selangor yang berhijrah untuk mencari pekerjaan bagi menyiapkan perumahan bagi mereka.

Saya ingin memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua hasrat kerajaan negeri untuk membina 15,000 unit rumah mampu milik dalam tempoh tiga tahun telah mendapat satu dukungan yang cukup baik daripada pemaju-pemaju hartanah swasta dan juga anak syarikat kerajaan negeri melalui Skim Insentif Galakan Rumah Selangor Ku 2015 dan sehingga hari ini ia telah melangkaui sasaran yang telah diletakkan oleh kerajaan negeri daripada 15,000 kepada 20,568 unit rumah dan dijangka siap menjelang tahun 2018.

Walau bagaimanapun, apa yang menjadi kekangan kepada kerajaan negeri untuk menyiapkan rumah-rumah mampu milik ini ialah apabila pembeli-pembeli rumah ini menghadapi masalah untuk mendapatkan pembiayaan daripada bank tempatan untuk membiayai pembelian rumah-rumah yang berkenaan, ekoran tindakan Bank Negara Malaysia mengetatkan lagi kemudahan kredit memandangkan hutang isi rumah yang saya nyatakan tadi telah melonjak kepada hampir RM1 trilion. Kalau dasar ini diteruskan, kebimbangan kita ialah rumah-rumah

yang telah siap dibina ini tidak dapat dimiliki oleh rakyat sama ada rakyat negeri Selangor ataupun rakyat negeri lain yang datang ke negeri Selangor untuk mencari pekerjaan. Kalau ini berlaku, ekonomi negara akan terkesan dan ia tidak membantu pertumbuhan yang lebih rancak di masa yang akan datang.

Saya ingin bertanya di Dewan yang mulia ini, apakah Kementerian Kewangan bersama Bank Negara boleh melihat semula garis panduan yang telah dilaksanakan ini supaya melihat kepada komponen hutang isi rumah itu sendiri, kerana sebahagian besar daripada komponen hutang isi rumah ini bukan pinjaman perumahan tetapi yang terbesar daripada komponen hutang isi rumah ini ialah masalah pembayaran kad kredit yang mewakili satu peratusan yang begitu besar, diikuti dengan pinjaman kenderaan dan pinjaman perumahan hanya terletak pada tahap yang ketiga atau yang keempat.

Sekiranya fakta ini dapat didukung oleh statistik yang boleh diperoleh daripada Bank Negara, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Kewangan bersama Bank Negara dapat melonggarkan sekurang-kurangnya bagi pembiayaan perumahan bagi mereka yang *first time buyer* ini, diberikan kelulusan untuk memiliki rumah-rumah yang mereka ingin beli tersebut. Maka kalau ini dapat diberikan perhatian oleh Bank Negara, saya percaya hasrat kerajaan negeri untuk membina lebih banyak rumah mampu milik ini pada kadar dan harga yang cukup berpatutan akan dapat dimiliki oleh pembeli-pembeli rumah khususnya bagi *first time buyer* yang terdiri daripada graduan-graduan muda ataupun mereka yang baru mendirikan rumah tangga.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Boleh beri jalan? Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Ucapan tahniahlah, ucapan di Dewan Undangan Negeri dua jam lebih untuk bahaskan RM3 bilion. Agaknya kalau RM300 bilion macam Perdana Menteri bentang, mahu-mahu lima jam barangkali. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bentang 1 setengah jam sahaja RM300 bilion tetapi tidak apalah, Yang Berhormat dengan penuh semangat, sebak, saya tengok pun kasihan juga kenapa sebak, baru setahun jadi Menteri Besar.

Saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat mengenai rumah mampu milik. Yang Berhormat memberikan pandangan dan saya tidak ada halangan pandangan Yang Berhormat kepada bank. Saya hendak tanya Yang Berhormat sebagai Menteri Besar, apakah Yang Berhormat boleh beri jaminan bahawa ada lagi satu badan di negeri Selangor iaitu Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS) yang kita tahu tanahnya banyak tetapi MAIS tidak mampu hendak bangunkan rumah ini untuk jual kepada orang-orang miskin, golongan-golongan asnaf kerana kerajaan negeri mengenakan premium yang mahal yang sama seperti syarikat swasta. Jadi kalau premiumnya mahal, syarat-syaratnya juga ketat, sebab itu baru-baru ini Pengarah MAIS membuat kenyataan bahawa pembangunan perumahan MAIS terencat. Jadi boleh Yang Berhormat terangkan, boleh beri jaminan supaya membantu MAIS ini supaya buat rumah lebih murah?

Kedua, boleh bagi beza di antara DEIG dengan 1MDB ini? DEIG ini saya tengok bukan sahaja Barisan Nasional bangkang, DAP dan PAS pun bangkang dalam Dewan Undangan Negeri. Minta penjelasan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Habis dah? Kalau hendak cari populariti pun biar dapat fakta yang betul ya. Kalau teringin sangat hendak kembali ke negeri Selangor, biar dapat yakinkan rakyat Selangor, kita berhujah dengan fakta yang betul dan tepat. Kalau tidak, menjadi bahan ketawa sahaja.

Yang pertama yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang, seolah-olah kita mengenakan satu kadar premium yang begitu tinggi terhadap satu institusi agama iaitu MAIS sehingga menggagalkan usaha MAIS untuk membina rumah. Ini pembohongan yang luar biasa. Pengerusi MAIS beritahu saya dalam masjid pada hari Jumaat yang baru lalu, tiga hari yang lepas, dia kata dia baca kenyataan Yang Berhormat Tanjong Karang, ini satu pembohongan luar biasa. Takkanlah kita hendak kenakan premium yang tinggi kepada MAIS sedangkan individu rakyat Selangor yang diberi anugerah tanah pun, buat kali pertama Kerajaan Negeri Selangor memperkenalkan premium yang paling rendah iaitu mana-mana rakyat Selangor yang diberikan hak milik tanah, ada satu skim baru dibayar RM1,000 sahaja dan boleh memiliki tanah tersebut.

#### ■1850

UMNO tidak pernah buat selama 50 tahun. Jadi saya harap...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, jangan cari populariti yang murah sebegini hendak jadi jaguh di negeri Selangor. Orang kenal siapa Yang Berhormat Tanjong Karang. Bela udang pun udang lesap, hendak bercakap soal kebijakan MAIS dan kebijakan rakyat ....

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Itu yang nak tanya Menteri Besar siapa yang membohong? Saya hendak cakap...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya sudah beri penjelasan dasar....

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bukan. Yang Berhormat bohong dalam Dewan. Kalau Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dengar dahulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau Yang Berhormat kata pasal rokok, bermakna pengerusi JAIS yang berbohong. Saya boleh tunjuk bukti dalam keratan akhbar, saya sendiri *call personally*. Saya juga menghubungi pengerusi JAIS, tanya betul ke keratan Yang Berhormat Dato' Sri, dia kata betul. Siapa yang bohong? Yang Berhormat yang berbohong atau saya yang berbohong?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Siapa tidak kenal Yang Berhormat, kaki pembohong.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya bagi penjelasan dalam Dewan, saya sudah jawab.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tanya dengan ikhlas.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya sudah jawab ... fakta tidak betul.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kata dalam Dewan siapa yang berbohong, beritahu saya bohong atau Pengurus MAIS yang bohong?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** You la cakap tidak benar.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau macam itu...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa masalahnya?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya boleh timbulkan usul, bahawa ini jawapan dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan dalam surat khabar.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, akhbar mana? Utusan Malaysia? Yang dimiliki oleh UMNO? Sudahlah, sudahlah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau macam itu Yang Berhormat buatlah *press conference*. Biar saya sendiri yang telefon.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tidak ada masa dengan Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, siapa yang tidak kenal dengan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Hendak cakap, cakap betul-betul. Cakap fakta.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Orang lebih kenal, lebih teruk daripada saya lebih teruk lagi boleh bagi tahu siapa yang tak kenal Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak apa, tidak apa.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Siapa yang tidak kenal Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan perbahasan pada petang ini....

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi saya hendak bagi tahu, janganlah kata saya bohong.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Floor siapa ini Tuan Yang di-Pertua, floor siapa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Duduklah. Ya, sila-sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kenapa Yang Berhormat Kapar? Hendak kepit kenapa? Dia kepit sebab dia sekumpulan sekali geng, PKR sekali geng. Saya hendak minta Yang Berhormat tarik balik kata saya bohong, tarik balik.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Siapa kamu saya hendak tarik balik?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat kata saya bohong. Siapa yang bohong?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya guna istilah dia bercakap tidak benar. Beri bawa fakta yang benar.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat kata saya bohong.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, dasar kita jelas. Yang Berhormat hendak saya layan macam mana?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalaupun Pengerusi MAIS tidak respons, tidak buat kenyataan akhbar, kalau saya sendiri tidak telefon....

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebab itu surat khabar *Utusan Malaysia*, hendak pakai macam mana? Fitnah, siang dan malam.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak tanya berapa banyak rumah yang dah MAIS buat? Kalau Yang Berhormat berani cakap.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tak apalah Tuan Yang di-Pertua, hendak benarkan Yang Berhormat Tanjung Karang?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini Menteri Besar pembohong...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjung Karang....

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Orang lain patut jadi Menteri Besar, dia jadi Menteri Besar sebab dia kuat pembohonglah ini....

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Siapa cakap saya bohong? Siapa yang benarkan istilah...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat hendak main politik dengan saya, saya boleh berpolitik.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tidak mahu layan. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu layan dah. Tuan Yang di-Pertua hendak benarkan lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjung Karang, sila duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Minta dia tarik balik kalau kata saya bohong.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Cicak mengkarung, tidak payah. Duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kata saya bohong. Dia kata saya bohong, tarik balik.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi laluan, Tuan Yang di-Pertua bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjung Karang, sila duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dia kata saya bohong, minta tarik balik. Itu yang saya tanya siapa bohong?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjung Karang. Sila Yang Berhormat Gombak.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Janganlah hendak bohong, bohong dengan, PKR, PAS dan DAP cukuplah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini apa ini tidak habis-habis lagi kenapa? Duduklah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dia memang kuat membohong.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Duduklah. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Halaulah orang macam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Memalukan Dewan sahaja. Patutlah kena halau dari Kabinet pun. Okey. [Ketawa]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya kena halau dari Kabinet tidak zalim. Yang Berhormat, rampas jawatan Menteri Besar daripada orang lain, itu lebih zalim. Buat pilihan raya kecil, orang lain patut jadi Menteri Besar, dia jadi Menteri Besar, lebih zalim rampas kuasa.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta juga penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang usaha-usaha meneruskan kerja-kerja pembersihan sungai. Kita dapati bahawa 43% daripada sampah-sampah yang dibuang dalam sungai termasuk sungai-sungai di Selangor ini dibuang dalam bentuk sampah-sampah yang berjenis sampah pembinaan, manakala 39% lagi adalah sampah domestik. Kerajaan negeri terpaksa menanggung RM58 juta setahun untuk memungut dan menyelenggara sampah-sampah yang berjumlah lebih kurang 1614 tan sebulan. Baru-baru ini dalam mesyuarat Majlis Sumber Air Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, negeri Selangor ada membangkitkan tentang cadangan Kerajaan Persekutuan supaya diwujudkan kerjasama di antara peringkat Persekutuan dengan negeri-negeri yang menjadi sempadan yang berkenaan.

Saya telah bertanyakan tetapi saya belum mendapat jawapan yang tepat daripada Kerajaan Persekutuan tentang *Project River of Life* yang telah pun dimulakan oleh Kerajaan Persekutuan di Wilayah Persekutuan, tetapi malangnya *Project River of Life* ini dia buat sampai

sempadan Kuala Lumpur-Selangor dia berhenti. Jadi bagaimana Kerajaan Persekutuan ingin bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor, kalau inilah sikap yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh bagi laluan...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sampai sempadan di Negeri Selangor dia berhenti dan tidak meneruskan kerja-kerja pembangunan *River of Life* yang berkenaan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini tidak betul..... [*bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjung Karang....

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab dia cakap tidak betul. *River of Life* dia buat sampai...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Biarlah Menteri jawab.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ..kawasan Gombak, kawasan Yang Berhormat tu....

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jangan perasan hendak jadi Menteri. Kamu sudah dibuang dari Menteri. Saya tunggu Menteri jawab.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *River of Life* dibuat sampai kawasan Gombak. Ini jadi Ahli Parlimen Gombak. *River of Life* dalam Gombak pun dia tidak tahu. Macam mana Yang Berhormat kata sampai kawasan Kuala Lumpur? Ini Menteri Besar apa ini? Cakap tidak tahu fakta. Saya hendak bagi tahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong.... Yang Berhormat Tanjung Karang...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bukan Yang Berhormat Puchong Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tahu, tahu. Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya ada bukti *River of Life* buat di negeri Selangor.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjung Karang kacau. Pembangkang buat kena halau. Apa standard ini? Berapa kali bagi tahu, sudah tegur pun macam ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini Menteri Besar apa negeri

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ada orang dia perasan macam hendak menggulung, perasan hendak menggulung. Saya tidak panggil dia pun Tuan Yang di-Pertua,

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** .....

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau hendak minta penjelasan....

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tengok ini, sudah berapa kali kena tegur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Diamlah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bagaimana Yang Berhormat Gombak boleh tidak tahu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dia hendak pastikan apa yang dia cakap masuk dalam *handsard*. Itu sahaja.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *River of Life* sampai Kuala Lumpur, Selangor tak masuk. Itu tidak betul.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, kenapa boleh dibenarkan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak cakap tidak betul. Kalau Yang Berhormat tanya, saya akan buat usul bawah Peraturan 80. Dia menipu Dewan. Saya ada bukti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang cukuplah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak buat usul bawah 80 dia menipu Dewan yang mengatakan *River of Life* hanya di Kuala Lumpur tidak masuk Selangor.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kalau ... boleh masuk Dewan ke?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Peraturan mana dia bawa?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya akan bawa usul kalau Yang Berhormat tak tarik, saya tahu sebab saya yang tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tak apa, kalau Yang Berhormat tidak mahu tarik tuduhan ini, saya akan buat usul.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Selagi dia hendak menyalak, biar dia menyalak, saya duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak minta Yang Berhormat Gombak tolong tarik balik yang mengatakan *Project River of Life* hanya sampai di Wilayah tidak masuk ke Selangor. Saya hendak mengatakan bahawa saya ada bukti bahawa *River of Life* telah dibuat di negeri Selangor di kawasan Gombak. Yang Berhormat Ahli Parlimen Gombak. Tidakkan tidak tahu. Menteri Besar pula? Ini salahkan Kerajaan Persekutuan seolah-olah *River*

of Life tidak dibuat sampai Selangor. Itu fakta yang betul. Yang Berhormat kata saya cakap tidak ada fakta. Ini malulah sebagai Menteri Besar, cakap tidak tahu fakta. Yang Berhormat tidak tarik balik, saya akan buat usul di bawah Peraturan Mesyuarat 80 bahawa dia menyelewangkan Dewan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** .... 80 pula, masa Yang Berhormat Gelang Patah tidak buat Peraturan 80. Ini apa ini? Hipokrit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini lagi satu, *lawyer* tidak faham Peraturan 27(3) dengan Peraturan 80 dia tidak tahu beza. 27(3) itu Menteri, 80 itu kita ahli Dewan Rakyat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** 80 lah yang kita minta buat. Apa pula menteri .....

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Itu tidak faham. Ada bezalah. 27(3) untuk Menteri...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dua-dua boleh 80 dan 27(3), ini tak faham peraturan ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** 27(3) menteri buat usul., 80 kita ahli Dewan. Itu pun tidak faham.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apalah Peraturan 80 dan 27(3) dua-dua ahli-ahli Dewan bolehlah. Apa punya ini.... tidak faham undang-undang jangan cakap. Tuan Yang di-Pertua, ini bukan waktu penggulungan, minta Yang Berhormat Tanjong Karang jangan menggulung, minta maaf.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, sesi menggulung bila?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Mula hari Rabu.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang menggulung Menteri dan Timbalan Menterikan? *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri udang boleh, Menteri udang.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau ada Ahli Parlimen yang perasan macam menteri boleh tidak Tuan Yang di-Pertua benarkan untuk menggulung?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Gombak untuk menyambung ucapan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bukan ucapan, perbahasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Perbahasan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, bukan soal menggulung, soal membetulkan fakta. Apa guna saya duduk di sini kalau...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Orang kata ... Menteri...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini dah cukup keterlaluan. Sepatutnya kita ambil tindakan tadi.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak saya teruskan perbahasan saya

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila, sila.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Duduk dalam Kabinet tidak buat kerja, selepas itu sudah kena pecat perasan jadi Menteri.

#### ■1900

Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang saya tegaskan tadi ialah dalam Majlis Sumber Air Negara yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, bukan Perdana Menteri. Timbalan Perdana Menteri. Saya bangkitkan ketika itu sehingga Timbalan Perdana Menteri melontarkan cadangan kepada negeri Selangor apakah boleh dipertimbangkan kalau kerajaan negeri boleh berkongsi kos bagi penyelenggaraan ataupun meneruskan Projek River of Life ini dari Kuala Lumpur masuk ke dalam Selangor sebab dalam Selangor ada 80 kilometer lagi sungai yang perlu dipulihkan dan dipelihara.

Saya memberi jawapan bahawa kita bersedia meneliti cadangan tersebut. Persoalannya, sehingga hari ini belum ada satu inisiatif lanjutan daripada Mesyuarat Sumber Air Negara tersebut untuk melihat bagaimana Program *River of Life* ini dapat diteruskan sehinggalah ke penghujung Sungai Klang supaya projek ini benar-benar dapat memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Bukan kerana kepentingan politik sempit yang sering dibawa oleh UMNO dan Barisan Nasional. Itu yang saya tegaskan dalam perbahasan pada petang ini.

Begitu juga dengan masalah penyelenggaraan jalan-jalan di negeri Selangor. Kita akui kita mendapat sekitar RM500 juta setahun daripada peruntukan MARRIS tetapi ini bukanlah satu peruntukan yang besar. Ini kerana negeri Selangor menyumbang 23% kepada KDNK negara. Kalau Selangor tidak menyumbang 23% ini kepada negara saya tidak tahu negara lebih gawat lagi. Hendak harapkan Perlis berapalah sangat dia hendak sumbang, Yang Berhormat Arau pun tahu. Akan tetapi negeri Selangor *Alhamdulillah* kita menyumbang 23% kepada KDNK negara.

Dengan sumbangan yang begitu besar kita mengharapkan Kerajaan Persekutuan supaya lebih bertanggungjawab untuk menyumbang kepada pembangunan di negeri Selangor. Lihat sahaja dalam belanjawan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri. Daripada lima hospital yang hendak dibina tidak ada satu pun dalam negeri Selangor. Sedangkan kepesatan penduduk, pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat berlaku di negeri Selangor tetapi oleh kerana Selangor ini tidak ditadbir oleh UMNO, kerana rakyat sudah beri peluang 50 tahun, udang pun dicuri, rakyat tolak mereka. Sekarang rakyat negeri Selangor dihukum untuk tidak mendapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

Saya telah membawa perkara ini sekali lagi dalam Majlis Kewangan Negara supaya Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Kewangan melihat semula garis panduan

penggunaan peruntukan MARRIS. Ini kerana peruntukan MARRIS hari ini menggunakan garis panduan yang terlalu ketat dan sudah terlalu lama. Apa yang boleh digunakan untuk peruntukan MARRIS hanya untuk membaiki parit-parit yang sedia ada. Tidak boleh menaik taraf, tidak boleh membina parit-parit yang baru. Akan tetapi kita sedia maklum tuntutan kepada pembangunan di peringkat perbandaran hari ini semakin mendesak supaya sistem perparitan yang ada di negeri Selangor ini dapat diperbesarkan, dapat dibina baru untuk memenuhi permintaan pembangunan yang semakin mendesak.

Banyak taman perumahan sebelum ini yang menggunakan sistem perparitan lama menyebabkan limpahan air yang semakin banyak. Sekarang, taburan hujan di negeri Selangor juga mencatatkan satu jumlah yang jauh lebih tinggi daripada sebelum ini ekoran perubahan iklim yang semakin ekstrem. Maka sudah tentulah peruntukan MARRIS ini perlu disemak semula garis panduan untuk membolehkan sistem perparitan di negeri Selangor dan di negeri-negeri lain juga dapat, bukan sahaja dibaiki tetapi dinaik taraf sesuai dengan tuntutan pembangunan perbandaran semasa.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada mengumumkan beberapa lebuh raya akan dibina di negeri Selangor. Pendirian kerajaan negeri jelas bahawa pembinaan lebuh raya ini bukanlah satu penyelesaian mutlak kepada masalah penyuraian trafik di negeri Selangor. Kita mahu melihat supaya satu sistem pengangkutan yang lebih bersepadu dan berkapasiti tinggi dan lestari dapat dikemukakan untuk pembangunan sistem pengangkutan yang lebih efektif dan efisien di peringkat negeri.

Oleh sebab itu kita telah mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya melaksanakan nisbah pengangkutan awam kepada penggunaan kenderaan persendirian ini iaitu 60:40. Sebanyak 60% awam dan 40% persendirian. Berbanding dengan nisbah yang telah ditetapkan oleh SPAD iaitu 40:60. Sebanyak 40% awam dan 60% persendirian. Kalau nisbah ini terus dikekalkan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu 60% adalah diberikan tumpuan untuk penggunaan sistem pengangkutan persendirian menyebabkan ada pihak yang akan kemukakan pembangunan dan pembinaan lebuh raya lebih banyak. Sedangkan kita mahu satu sistem pengangkutan yang dapat mengalihkan manusia dan penduduk itu. Kita tidak mahu lebuh raya ini sebab lebuh raya ini dia mengalihkan mesin, tidak mengalihkan manusia dengan jumlah yang banyak.

Maka saya berharap Kerajaan Persekutuan dapat menerima pakai seksyen 20(A) Akta Perancangan Bandar dan Desa yang mewajibkan sebarang bentuk pembangunan yang hendak dicadangkan dalam negeri mesti ada proses perundingan dan perbincangan di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Pada hari ini kita sedang melihat perancangan yang dicadangkan oleh Prasarana untuk membangunkan LRT3 dari Bandar Utama ke Johan Setia yang juga turut diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Ini kerana kita melihat ini salah satu sistem pengangkutan awam yang lebih efisien, yang berkapasiti tinggi dan

lestari dan ia dapat diselaraskan dengan penggunaan tanah yang optimum di negeri Selangor. Ini kerana dalam jajaran yang telah dicadangkan sejauh 36 kilometer itu ia mampu menampung kapasiti 70,000 penumpang sehari menjelang tahun 2020.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan baru-baru ini ada kenyataan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan semula *The Royal Selangor Golf Club (RSGC)* menjadi taman rekreasi. Sudah tentulah ini menjadi satu kebimbangan kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana identiti dan nilai sejarah yang begitu besar terhadap kelab ini yang telah dibina semenjak tahun 1893.

Akan tetapi hari ini Kerajaan Persekutuan bercadang untuk mengalihkan kelab ini dan menjadikan taman rekreasi. Kebimbangan kita sekali lagi ialah nilai sejarah warisan negeri Selangor itu akan hilang begitu sahaja dan terlepas tangan kepada kroni-kroni UMNO dan Barisan Nasional untuk projek-projek komersial. Lihat sahaja apa yang berlaku di KLCC yang satu ketika dahulu dijanjikan kepada dunia bahawa pembangunan KLCC itu hanya akan tumpu kepada dua tower Petronas dan yang lainnya akan kekal sebagai taman hijau.

Hari ini percambahan yang begitu rancak dilihat berlaku di KLCC sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas dan kos yang begitu tinggi menyebabkan rakyat tempatan tidak dapat memiliki hartanah di kawasan-kawasan yang berkenaan. Kita juga melihat cadangan Kerajaan Persekutuan baru-baru ini untuk menukar nama Jalan Ampang kepada nama-nama yang lain. Sekali lagi kerajaan negeri membantah kuat kerana kita lihat nama Jalan Ampang itu mempunyai nilai sejarah yang cukup besar. Bagaimana pembangunan negeri Selangor satu ketika dahulu dibangunkan di sepanjang jalan yang berkenaan. Kita berharap apa juga cadangan yang akan dibawa oleh Kerajaan Persekutuan haruslah selari dengan usaha konservasi yang menjadi nilai untuk masa yang akan datang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, saya mengajak Ahli-ahli Parlimen keseluruhannya untuk menolak belanjawan ini. [Tepuk] Ini satu belanjawan yang tidak bertanggungjawab. Setiap tahun belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan ini langsung tidak melihat kepada keutamaan. Apa yang berlaku pada tahun 2016, yang dicadangkan 80.5% untuk operasi, 19.5% sahaja untuk pembangunan. Bagaimana dalam keadaan ekonomi yang sedang meleset, gawat, kita dapat menjana satu pertumbuhan kalau tidak ada aktiviti ekonomi?

#### ■1910

Mengapa belanja mengurus masih besar? Oleh sebab itu saya cadangkan supaya potong semua lawatan keluar negara setiap minggu sama ada Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri. Berjalan ke seluruh dunia dalam keadaan ekonomi gawat. Timbalan Perdana Menteri baru balik dari New York, minggu depan pergi ke United Kingdom.

Berbeza dengan negeri Selangor. Belanjawan 2016, kali pertama dalam sejarah pengurusan ekonomi Malaysia kita berjaya meningkatkan belanja pembangunan kepada 50%

dan belanja mengurus 50%. [Tepuk] Ini kerana kita percaya dengan wujudkan belanja pembangunan yang besar ianya dapat menjana satu pertumbuhan yang lebih lestari dan juga menjana aktiviti ekonomi bagi menghadapi kemelesetan yang mungkin berlaku.

Maka saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat melihat ini sebagai satu tanggungjawab bersama supaya Belanjawan 2016 yang begitu besar ini dapat diuruskan dengan lebih bertanggungjawab demi membangunkan negeri dan memulihkan ekonomi dan yang lebih penting ialah untuk mengembalikan keyakinan pelabur-pelabur untuk bersama-sama dalam membangunkan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Simpang Renggam.

#### **7.11 mlm.**

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016. Saya mulai dengan ucapan tahniah kepada Perdana Menteri kerana membentangkan bajet yang komprehensif, prihatin dan tepat dengan keadaan sosioekonomi semasa negara.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2016 yang bertemakan “Mensejahtera Kehidupan Rakyat” adalah selaras dengan hasrat dan keperluan rakyat yang mengharapkan langkah-langkah proaktif daripada kerajaan untuk meringankan beban mereka berikutan dengan kenaikan kos sara hidup. Setelah meneliti bajet ini saya percaya bahawa hasrat dan kebimbangan masyarakat telah diambil maklum dan terjawab dengan pengenalan pelbagai peruntukan, insentif dan juga langkah-langkah dalam bajet ini. Saya dapati bahawa bajet ini mengutamakan kebajikan rakyat dan pada masa yang sama meneruskan usaha pembaharuan ekonomi kewangan dan fiskal negara.

Saya mengalu-alukan komitmen kerajaan untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi, *economic state* sementara berhadapan dengan pelbagai cabaran yang bersifat dalaman atau luaran. Walaupun berdepan dengan persekitaran yang cukup mencabar, kerajaan kekal komited meneruskan dasar pengukuhan fiskal ke arah mencapai bajet yang seimbang menjelang tahun 2020.

Sasaran untuk mengurangkan defisit bajet daripada 3.4% pada tahun 2014 dan 3.2% pada tahun ini sehingga ke 3.1% pada tahun depan. Sementara anggaran pertumbuhan KDNK ataupun GDP negara dari 4% ke 5% pada tahun 2016 sememangnya memberangsangkan. Indikasi-indikasi tersebut menunjukkan bahawa pengurusan kewangan dan peruntukan bajet negara masih berada pada landasan yang positif walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran dan kekecewaan.

Saya menyeru kepada semua pihak supaya menyokong dan menyertai usaha baik kerajaan untuk memperkuatkannya daya ketahanan ekonomi negara dan berhenti menyebarkan

maklumat-maklumat yang kurang tepat malahan memburukkan nama baik negara sehingga kestabilan sosial politik dan ekonomi kita terjejas.

Kelembapan dan ketidakpuasan ekonomi dunia terutamanya kejatuhan harga minyak petrol dunia dan juga nilai mata wang ringgit yang menyusut telah menjasakan perkembangan sosioekonomi kita. Kita mesti sedar bahawa Malaysia yang merupakan salah seorang anggota negara kepada sistem ekonomi politik dunia sememangnya tidak terasing kepada pergolakan atau risiko yang muncul di arena antarabangsa. Kita mesti menunjukkan perpaduan, kecekalan, dan kepintaran yang sewajarnya untuk mengatasi cabaran atau dugaan terutamanya pada saat-saat yang ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang isu IPTA. Bajet 2016 telah menyaksikan Kementerian Pendidikan Tinggi menerima peruntukan sebanyak RM13.378 bilion berbanding dengan RM15.785 bilion dalam Bajet 2015. Pengurangan sebanyak RM2.4 bilion telah menimbulkan banyak persoalan daripada masyarakat yang mengkhawatir bahawa ia bakal memberikan tekanan kepada institut pengajian tinggi awam terutama dalam isu menyediakan kewangan awal pelajar memasuki universiti sebelum mendapatkan pinjaman PTPTN.

Keputusan daripada PTPTN yang diumumkan pada November 2014 untuk mengurangkan jumlah pembiayaan bagi pelajar di institusi pendidikan tinggi kerana kekurangan dana berikutan ramai peminjam gagal membayar balik pinjaman mengikut jadual. Menurut presiden PTPTN, Yang Berhormat Lenggong, pengurangan pembiayaan PTPTN sebanyak 5% kepada pelajar di institusi pengajian tinggi awam dan 15% bagi pelajar di institusi pengajian tinggi swasta, jumlah keseluruhan bayaran balik pembiayaan pendidikan yang diterima sehingga 31 Ogos 2014 ialah sebanyak RM5.37 bilion atau 45.62% berbanding bayaran balik sebenar yang perlu diterima RM11.77 bilion. Manakala jumlah peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik pula ialah seramai 552,638 pinjaman dengan amaun sebanyak RM4.21 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa langkah untuk mengurangkan pinjaman PTPTN harus dikaji semula berikutan dengan pengurangan peruntukan kepada IPTA dalam bajet ini. Saya difahamkan bahawa pengurangan pinjaman PTPTN bertujuan untuk meneruskan kelestarian PTPTN dan memastikan bahawa badan tersebut terus dapat menyalurkan bantuan kewangan kepada pelajar yang memerlukan. Sekiranya langkah tersebut tidak diambil, dianggarkan seramai 50,000 pelajar tidak dapat menerima pinjaman.

Walau bagaimanapun, pengurangan pinjaman PTPTN harus diselaraskan dengan saranan kementerian yang menggalakkan IPTA mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan. Berikutan pengurangan peruntukan dalam bajet ini, yuran pengajian dan tuisyen di IPTA mungkin dinaikkan. Walaupun saya baca surat khabar hari ini Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia telah menyatakan mereka tidak akan naik tetapi tidak tahu universiti yang lain macam mana. Saya berharap bahawa langkah penyesuaian dapat diambil oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan bebanan yang lebih tinggi ke atas mahasiswa atau keluarga mereka.

Peninjauan semula keputusan PTPTN boleh dilihat sebagai bantuan responsif dan mitigasi kerajaan untuk mengurangkan impak yang boleh dibawakan oleh pengurangan peruntukan kepada IPTA dalam bajet ini. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa pengurangan peruntukan IPTA sememangnya merupakan langkah yang logik. Saya setuju dengan langkah pengurangan peruntukan ini memandangkan cabaran keadaan ekonomi yang tidak menentu ketika ini dan turut berharap orang ramai dapat menerima keputusan tersebut berdasarkan kepada pemahaman terhadap keperluan dan batasan semasa yang dihadapi oleh negara kita.

#### ■1920

Saya setuju dengan saranan Menteri Pendidikan Tinggi yang menggalakkan IPTA untuk mengambil kesempatan ini untuk menggunakan aset dan kepakaran mereka bagi meraih pendapatan dan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan. Saya percaya bahawa transformasi perlu diadakan untuk meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam penyelidikan, pengkormersialan, keusahawanan dan penjanaan dana dalam IPTA. Kerjasama dengan sub sektor swasta menawarkan alternatif kepada IPTA sebagai sumber pendapatan selain daripada peruntukan kerajaan dan kutipan yuran pengajian oleh mahasiswa.

IPTA boleh mencontohi universiti-universiti luar negara yang menjalinkan hubungan kerjasama yang erat dengan sektor swasta dalam lapangan kajian. Keusahawanan bersama perkongsian sumber dan pengetahuan inovasi dan pemupukan modal insan dan sebagainya. Saya percaya bahawa ini merupakan peluang yang membolehkan IPTA lebih menjurus kepada membina hubungan kerjasama yang memanfaatkan kedua-dua pihak dengan pihak swasta. Usaha penyelidikan dan pembangunan di antara IPTA dengan pihak swasta membolehkan IPTA lebih memahami prospek pasaran terhadap penawaran kursus pengajian akademik yang ditawarkan di dalam kampus. Pada masa yang sama membekalkan sebuah platform latihan industri yang membolehkan para graduan IPTA dapat memahami realiti dunia pekerjaan dan perkembangan semasa industri.

IPTA boleh mengemaskinikan kurikulum pengajian dalam kampus dan menghasilkan graduan yang mempunyai ilmu, kemahiran dan sikap yang positif dan profesional memenuhi permintaan pasaran dan industri. Tindakan responsif penyesuaian oleh IPTA untuk membina interaksi positif dengan sektor swasta amat penting bukan sahaja disebabkan oleh pengurangan peruntukan dalam Bajet 2016 tetapi ia sememangnya adalah selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Peruntukan yang diberikan kepada IPTA sebelum ini gagal menyaksikan hasil yang memuaskan. Prestasi IPTA secara amnya masih tidak menunjukkan kemajuan yang signifikan terutamanya dalam kedudukan rangking antarabangsa. Maka pengurangan peruntukan dilihat sebagai peluang untuk membolehkan pihak universiti berkembang menjadi lebih efisien untuk melaksanakan program masing-masing dengan status autonomi yang diberikan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi contoh dulu saya menuntut pelajaran di negara Jepun. Ini 20 tahun yang lepas, saya menjalankan eksperimen di makmal sains. Masa itu saya menjalankan eksperimen seperti super konduktor. Akan tetapi apabila saya tanya dengan pelajar-pelajar kita sekarang, mereka berhenti di eksperimen seperti konduktor dan semi konduktor pada peringkat sarjana muda. Kalau muh u menjalankan eksperimen seperti super konduktor perlu sampai peringkat sarjana baru dapat menjalankan eksperimen seperti itu.

Jadi saya lihat sudah tiba satu masa untuk IPTA-IPTA dan universiti kita menjalankan satu transformasi. Maka pengurangan peruntukan dilihat sebagai peluang untuk membolehkan pihak universiti berkembang menjadi lebih efisien untuk melaksanakan program masing-masing dengan status autonomi yang diberikan oleh kerajaan. Ia merupakan satu cabaran kepada IPTA bertindak lebih kreatif bagi memajukan sektor pendidikan tinggi dan sekali gus memupuk pendikarian dan kompetitif untuk menjana pendapatan sendiri melalui transformasi. Perancangan yang berintegriti dengan tadbir urus institusi kewangan, sumber manusia dan akademik boleh membawa penyesuaian yang positif dan seterusnya membantu meningkatkan prestasi universiti.

Sektor pendidikan merupakan penerima peruntukan yang paling banyak dalam bajet ini dengan hampir 20% daripada jumlah peruntukan. Sementara perbelanjaan awam negara kita ke atas sektor pendidikan yang mencatatkan 5% daripada jumlah KDNK, sememangnya adalah lebih tinggi berbanding dengan negara-negara anggota ASEAN yang lain dan kebanyakan negara di dunia. Persoalan dan ketidakpuasan yang timbul atas pengurangan peruntukan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi sememangnya tidak menjadi masalah. Malahan ia boleh difahami dengan meneliti kepada cabaran situasi ekonomi semasa dan pada masa yang sama memberi kesempatan kepada pihak universiti untuk mentransformasikan dan mempertingkatkan pengurusan kerjasama dengan swasta dan kreativiti masing-masing bagi meningkatkan prestasi secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik ke tajuk ancaman siber dan juga isu pertahanan kita. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa peruntukan pertahanan telah dikurangkan dari RM17.7 bilion yang diperuntukkan untuk tahun 2015 ke RM17.3 bilion untuk tahun 2016 iaitu penurunan sebanyak 2.25%. Pengurangan peruntukan pertahanan tidak memerlukan berikutan dengan kejatuhan harga minyak dan komoditi yang memaparkan cabaran ekonomi kepada negara. Malahan pengurangan sebanyak 2.25% bukannya langkah yang drastik kerana ratusan perbelanjaan pertahanan negara masih kekal pada 1.5% daripada jumlah KDNK.

Komitmen kerajaan terhadap hal ehwal pertahanan negara masih kekal dengan peruntukan untuk membeli 6 kapal peronda luar pesisir untuk mengawal perairan termasuk kawasan pelantar minyak dan peruntukan kepada sistem pertahanan udara serta ESSCOM di FELDA Sahabat, Lahad Datu, Sabah. Peruntukan pertahanan tersebut adalah amat penting supaya usaha pertahanan dan menjaga keselamatan awam dan sekuriti nasional tidak tergantung terutamanya di kawasan perempadanan dan maritim. Kekangan bajet dan cabaran

persekitaran ekonomi tidak seharusnya menjadi sebab untuk memandang rendah keperluan untuk membekal dan memperkasakan barisan pertahanan negara.

Kebajikan pegawai-pegawai bertugas dan juga usaha pemeliharaan keselamatan awam. Kebimbangan terhadap kekurangan persediaan dan kelengkapan pasukan keselamatan harus dibalas dengan sikap yang betul dan penuh profesionalisme. Ancaman yang boleh menggugat keselamatan dan kedaulatan negara seperti aktiviti lanun, penyeludupan, penculikan, *terrorism*, perikanan haram dan pencerobohan tidak boleh sekali-kali dipandang remeh. Maka peruntukan pertahanan pada tahun 2016 dapat dijustifikasikan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun peruntukan pertahanan bajet 2016 telah meliputi pemerkasaan kelengkapan dan infrastruktur pasukan pertahanan tetapi ancaman bukan tradisional seperti ancaman siber melalui saluran *band platform* tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Kita harus sedar bahawa salah satu faktor utama yang membentuk sebuah negara yang maju adalah dengan mempunyai infrastruktur internet yang maju dan berteknologi tinggi ini kerana kaedah yang lama untuk berhubung seperti menggunakan Oz adalah terlalu perlahan dan kurang produktif.

#### ■1930

Internet merupakan urat darah yang baru kepada pembangunan ekonomi kita ke arah status negara maju. Singapura telah memperuntukkan 10% dari bajet teknologi maklumatnya kepada ancaman siber kerana mereka sedar sektor perbankan dan kewangan mereka bergantung kepada internet yang selamat untuk mengerakkan ekonomi mereka. Malah, Amerika Syarikat negara terkuat di dunia telah memperuntukkan 5 bilion USD untuk memperkasakan pertahanan siber mereka daripada ancaman musuh dan pesaing.

Peristiwa di mana laman web kerajaan diancam oleh kumpulan *anonymous* berkali-kali yang menyebabkan ia tergendala patut dijadikan teladan supaya tidak memandang rendah kepada ancaman kumpulan siber. Mengikut satu kajian dari *Cyber Security Research Malaysia* 2013, negara kita merupakan negara ke-6 yang paling terbuka kepada ancaman siber. Sebanyak 9,986 kes dilaporkan pada tahun 2012. Selain itu, jika masalah ancaman siber tidak dibendung dari awal...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Simpang Renggam, boleh gulung.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** ...Pemuda-pemudi kita akan berdepan dengan ancaman *Islamic State* yang sedang merekrut pengikut melalui internet. Sehingga kini ramai golongan muda kita yang telah menyertai kumpulan pengganas itu untuk melakukan kekejaman dan ini mesti dibendung.

Kewujudan pornografi di internet juga merupakan ancaman kepada keruntuhan akhlak masyarakat kita yang juga sedang berdepan dengan masalah kehamilan remaja yang semakin meningkat. Justeru itu, saya menyeru agar tindakan yang lebih proaktif diwujudkan oleh pihak

berkuasa untuk membendung ancaman siber dan bukan hanya merangka undang-undang baru semata-mata.

Oleh sebab, masa tidak mengizinkan, jadi saya berhenti di sini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Puchong.

### 7.32 mlm.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya juga mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya ada buat satu laporan dengan MACC. Di mana dalam laporan tersebut saya telah memohon supaya MACC mengambil tindakan terhadap Ahli Parlimen Pekan. Oleh sebab beliau kepada saya menurut undang-undang telah pun melanggar undang-undang, khususnya dalam penyalahgunaan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun laporan polis ini dibuat pada bulan Ogos tahun ini tapi sehingga sekarang Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebarang tindakan diambil oleh MACC. Tidak ada langsung usaha yang dibuat oleh mereka untuk menghubungi saya supaya dapat satu kenyataan diambil daripada saya. Ini adalah satu laporan polis yang dibuat oleh Ahli Parlimen iaitu saya. Kalau Ahli Parlimen diperlakukan sedemikian, di mana laporan kita ke MACC dibuat tapi tidak langsung diambil perhatian. Tidak langsung dipanggil, *not even call for a statement*. Saya rasa kalau begitu boleh berlaku kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, saya rasa rakyat di luar sana memang tidak ada harapan dalam MACC.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku cukup jelas. Pada 16 Ogos 2015, terdapat satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Ahli Parlimen Kota Belud. Beliau mengeluarkan *statement* untuk kenyataan tersebut dalam kapasiti beliau sebagai Strategic Officer Barisan Nasional. Apa beliau katakan, beliau katakan bahawa Ahli Parlimen Pekan, '*Najib had to stop charge sheet from being served*'. Apakah yang dilakukan dalam keadaan tersebut? Beliau katakan, '*Prime Minister Dato' Sri Najib Abdul Razak had to take out people...*'. Maknanya, keluarkan beberapa orang, '*...after an alleged charge against him emerged*'.

Selepas daripada itu beliau mengatakan, '*There are two theories out there...*', dengan izin Tuan Yang di-Pertua. '*...One is the one you mentioned that this is a deliberate attempt to stop, delay or interfere with the investigations. But there is also another theory that there has been a deliberate attempt to criminalise the Prime Minister*'. Ini apa yang dinyatakan oleh beliau. Akan tetapi apa pun yang penting adalah ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada seksyen 23, akta yang berkaitan iaitu *Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009*. Ia cukup jelas menyatakan, saya baca, 23 (1) Tuan Yang di-Pertua. *The offence of using office or position for*

*gratification, 23 (1) cukup jelas. Any officer of a public body who uses his office or position for any gratification, whether for himself, his relative or associate, commits an offence.*

Tuan Yang di-Pertua, adalah cukup jelas, undang-undang mentafsirkan '*officer of a public body*' sebagai orang yang termasuk Menteri. Di dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim, laporannya di dalam 1999 MLJ. Dinyatakan bahawa perkataan di situ juga melingkungi Perdana Menteri. Jadi, cukup jelas seksyen 23 ini terpakai kepada seorang Menteri, Timbalan Perdana Menteri ataupun Perdana Menteri. Ini adalah keputusan mahkamah yang cukup jelas.

Apa yang berlaku selepas itu? Kalau kita lihat kepada seksyen yang seterusnya di dalam akta yang sama, cukup jelas ada satu anggapan di situ. Anggapan yang mana menyatakan seperti berikut. *For the purpose of subsection (1), an officer of a public body shall be presumed, until the contrary is proved, to use his office or position for any gratification, whether for himself, his relative or associate, when he makes any decision, or takes any action, in relation to any matter in which such officer, or any relative or associate of his, has an interest, whether directly or indirectly.*

Cukup jelas kalau seseorang Perdana Menteri mengambil tindakan dalam satu perkara, dalam mana beliau mempunyai kepentingan, ia bermakna beliau melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 23. *Clear cut case*, di sini ada satu pengakuan. Pengakuan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kota Belud. Di mana beliau mengatakan dengan cukup jelas bahawa Perdana Menteri terpaksa ambil keluar beberapa pihak apabila ada berita berkenaan dengan *charge sheet* yang bangkit.

Jadi, perkara yang berbangkit ini adalah ini, saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua. Kenapa sehingga sekarang tidak ada sebarang *response* yang saya dapat dari MACC? MACC menyatakan dalam surat khabar, hampir setiap hari kita baca, bahawa mereka tidak takut, *act without fear or favor* dan sebagainya. Akan tetapi kita lihat kelakuan mereka sebalik, tidak berani mengambil tindakan. Langsung tidak berani memanggil pengadu supaya satu keterangan diambil.

Saya hendak tanya, kenapa ada *double standard*? Dalam kes Dato' seri Anwar Ibrahim 1999, tindakan diambil dengan cepat. Beliau dibawa ke mahkamah kerana di situ aduan yang dibuat adalah bahawa beliau telah pun mengarahkan supaya satu laporan polis terhadap beliau tidak disiasat. Laporan di situ menyatakan ada kaitan dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim, jadi apabila beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri mengarahkan supaya tindakan supaya tidak diambil, beliau dipertuduh, diperbicarakan dan didapati bersalah, dipenjarakan.

Faktanya sama dengan kes ini. Mengapa dalam kes ini tidak ada tindakan Tuan Yang di-Pertua? Jadi, saya di sini minta supaya Menteri yang berkenaan jawab kepada saya, *procedure* yang digunakan oleh MACC. Saya hendak tanya kepada MACC, Jabatan Perdana Menteri juga.

**■1940**

Saya ingin bertanya kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga, perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sebut berkenaan dengan siasatan, saya baca dalam surat khabar sekali lagi, MACC menyatakan bahawa ada tindakan atau ada siasatan yang dibawa terhadap Yang Berhormat Pekan, ini bukan saya cakap tapi apa yang dinyatakan oleh MACC, tetapi mereka menyatakan ini berkaitan dengan isu RM2.6 bilion. MACC sendiri pada 29 Oktober menyatakan bahawa *MACC yet to quiz Najib on RM2.6 billion.*

Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang kenapa tidak ada sebarang usaha untuk panggil Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Ahli Parlimen Pekan untuk tanya beliau atau siasat beliau berkenaan isu RM2.6 bilion? Cukup jelas, isu itu adalah isu yang melibatkan akaun beliau sendiri. Isu tersebut melibatkan perkara sama ada wang tersebut adalah wang yang sah dalam akaun beliau. Cukup jelas bahawa suspek utama, orang yang utama yang boleh jawab soalan-soalan itu semua adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Jadi kenapa sehingga sekarang diteruskan suatu siasatan untuk empat bulan? Siasat semua kecuali tanya beliau iaitu suspek atau pun orang yang perlu disiasat tidak ditanya soalan. Ini adalah satu perkara yang membawa kepada *crisis of confidence* dalam sistem kita terhadap badan-badan yang diberikan kuasa untuk menyiasat. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it is a crisis of confidence on those investigative authority in this country and rather not they are capable of doing their jobs.*

Tuan Yang di-Pertua, kita ada banyak lagi kes di mana kita dapat lihat bagaimana kita tidak boleh mengadakan atau menaruh kepercayaan atau harapan ke atas pihak-pihak sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita ada satu perkara atau satu tindakan yang berlaku di Kuala Lumpur. Pada 29 Julai 2013, Hussain Ahmad Najadi, seorang yang terkenal, tersohor, *banker*, beliau ditembak secara terbuka di kawasan Bukit Ceylon. Perkara soal pokok yang berbangkit, *the principle question which are rises*, siapa yang mengarahkan tembakan beliau?

Dalam kes itu saya setuju, Tuan Yang di-Pertua, dan di sini *I also declare that I act for the son*, Tuan Yang di-Pertua, tapi *it is not within pecuniary interest*. Akan tetapi persoalan yang berbangkit, dua orang dipertuduh dalam perkara itu, satu untuk pembunuhan iaitu beliau yang melakukan tembakan, dan lagi satu beliau dipertuduh, dikatakan membawa usaha, *he is the one who provided the weapons for the killing*. Anak kepada beliau iaitu Hussain Najadi, beliau telah keluarkan banyak kenyataan di mana beliau menyatakan pihak polis tahu sebenarnya siapa *mastermind* dalam kes tersebut. Itu adalah kenyataan yang dikeluarkan.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, tidak ada tindakan yang diambil terhadap *mastermind*. Masa itu persoalan sama ada atau pun tidak *mastermind* ditangkap berbangkit, kita tidak tahu. Dikatakan *mastermind* itu telah mlarikan diri dan sebagainya ke China atau pun ke negara yang lain. Jadi perkara yang dibangkitkan adalah, apakah usaha-usaha yang akan diambil untuk

membawa balik *mastermind* tersebut supaya beliau juga boleh dikenakan tindakan? Ini adalah satu rayuan yang dibuat oleh orang awam kepada pihak polis supaya ambil tindakan kerana orang awam ini hendakkan keadilan. *A person who demands justice asking the police, "Are you going to take action? Where is this person? Please bring him back and take action"*, kerana apa yang berlaku adalah cukup serius.

Tuan Yang di-Pertua, kita di sini memohon supaya tindakan diambil, memohon supaya orang itu ditahan, memohon supaya maklumat diberikan berkenaan status siasatan tapi tidak diberikan sebarang jawapan, senyap. Akan tetapi hari ini saya baca dalam surat khabar, Tuan Yang di-Pertua, surat khabar *Kwong Wah* yang menyatakan dalam bahasa Cina, artikel tersebut menyatakan lebih kurang, “*After two years, the police has finally managed to arrest a 55 years old man, the main suspect in the case. The police handed over the investigation paper to the DPP. However, having studied the investigation papers, the DPP decided not to charge the main suspect. The CID Chief, Datuk Zainuddin, confirmed the arrest and stated that police arrested Lim Yuen Soo at KLIA in early October, two or three weeks ago upon his return from China. He added that another suspect known as 'Four Eyes' has been sentenced to death for the murder of Hussain Najadi.*”

Jadi apa yang berlaku di sini? *Main suspect* dan gelaran itu diberikan oleh polis, bukan saya, *main suspect* ditangkap dan dibebaskan. Tidak ada tindakan diambil. Saya hendak tanya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, *how do we assure the citizens of this country that justice will prevail* di mana mereka tangkap *the main suspect* dalam kes-kes? Mereka bebaskan begitu sahaja. Tidak ada tindakan. *I want an answer*. Kita perlukan satu jawapan kenapa boleh berlaku sedemikian di Malaysia? *How can suspect like these be allowed to go free?* Ini bukan *first time*, Tuan Yang di-Pertua.

Kita semua masih ingat kes Altantuya. Sehingga hari ini persoalan yang berbangkit ialah siapa yang mengarahkan pembunuhan? Bila saya tanya soalan itu, ramai yang marah, “*Why you keep bringing it up?*” Tapi soalannya ialah, *we have to put ourselves in the shoes of the families. They want to know*. Kenapa tak boleh jawab soalan yang begitu senang? Kalau kita ada dua yang dipertuduh, dua orang yang telah pun dibicarakan dan jelas keterangan menunjukkan bahawa mereka tidak kenal Altantuya, tidak ada sebab untuk mereka begitu sahaja hendak tangkap dia, tembak dia, bom dengan dia, kenapa kita tidak boleh bagi jawapan kepada ahli keluarga? Adakah pihak polis menyembunyikan apa-apa, saya tidak tahu, tetapi saya tanya soalan itu sebagai Ahli Parlimen kerana saya nak tahu dari Jabatan Perdana Menteri.

Kita tahu sekarang Sirul telah mlarikan diri ke Australia. Kenapa sehingga sekarang Jabatan Peguam Negara diam? Tuan Yang di-Pertua, *no answer, no nothing, no mention at all about efforts to bring Sirul back*. Saya hendak tanya Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri, apa yang sudah jadi? Apakah tindakan yang diambil? Apakah status kes itu? Adakah kita akan menjalani hukuman gantung terhadap satu daripada mereka walhal yang lagi

satu itu dibenarkan begitu sahaja, dibenarkan melarikan diri begitu sahaja? *So what are we doing about it? I want an answer from Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Dalam Negeri.*

Tuan Yang di-Pertua, itu bukanlah penghabisannya. Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun yang lalu, dan Tuan Yang di-Pertua, saya nampak harinya adalah *exactly one year today*. Kita ada satu kes di mana seorang lelaki ditangkap oleh pihak polis dan dibawa ke balai polis di Johor. Beliau ditangkap dan selepas daripada itu dibawa untuk reman. Apabila beliau dibawa ke mahkamah untuk reman, didapati bahawa beliau mengalami kecederaan-kecederaan dan kecederaan-kecederaan itu kemudiannya telah membawa kepada kematianya.

Tuan Yang di-Pertua, penama ini adalah Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nor. Beliau meninggal dunia dalam *police custody* pada *3rd November 2014, which is today one year because tomorrow is the third*. Ibu bapa Syed Mohd Azlan datang jumpa saya. Saya bangkitkan. Ketua Polis Negara mengatakan bahawa kita akan siasat. Selepas daripada itu, Ketua Polis Johor mengatakan ini adalah *sudden death* dalam lokap. Ini adalah jawapan yang sering kali diberikan. Orang kampung, orang susah, mereka tidak berdaya untuk lawan, mereka akan terima sahaja. Akan tetapi kita bangkitkan, *I ask for action, no answers from the police*, langsung tidak ada sehingga sekarang.

Akan tetapi apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, semalam ada satu laporan dikeluarkan, ada satu siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat *defend council*, harus *declare interest*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yes, saya sudah. Dan untuk rekod juga, *it is not pecuniary*. So, tidak ada kita *pro bono*. So *I don't come under- I stand guided by Tuan Yang di-Pertua*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

#### ■1950

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apa yang penting adalah untuk kita lihat apakah *findings* dalam siasatan tersebut Tuan Yang di-Pertua, *I read*. Kematian— *these are the findings of that inquiry and it is shocking*. Again, we have had so many cases with Teoh Beng Hock, Kugan and now of course we have the case of Azlan. Kematian Syed Mohd Azlan mempunyai kaitan dengan penggunaan kekerasan secara fizikal oleh pihak polis yang menjalankan tangkapan dan soal siasat ke atas si mati. *Clear cut finding that is death, was caused by violence used by the police*.

Beliau mengalami Tuan Yang di-Pertua, 61 jenis kecederaan di bahagian muka, badan dan kedua belah kaki. Sebahagian daripada kecederaan dialami oleh si mati konsisten dengan kecederaan semasa berusaha mempertahankan diri daripada kekerasan fizikal yang dilakukan

ke atasnya oleh anggota-anggota polis. *Clear cut you arrest him, put him into lock up, you physically abused him. He dies as a result. Findings* daripada agensi ini. *What is more important Tuan Yang di-Pertua?*

Ini cukup penting, *findings number three*. Terdapat perlakuan gangguan bahan bukti yang material oleh anggota PDRM iaitu:

- (i) membersihkan tempat kejadian sebelum dilawati dan diperiksa oleh pegawai perubatan;
- (ii) melupuskan tikar getah dan karpet yang dipercayai mempunyai kesan darah si mati di tempat kejadian, tangkapan; dan
- (iii) perlakuan menyembunyikan, menghilangkan saksi mata yang melihat kejadian tangkapan si mati.

Tuan Yang di-Pertua, *this is a shameful report that reflects on PDRM. This kind of report is enough for the Ketua Polis Negara to resign.* Cukup jelas. Kalau saya sebut sebagai Ahli Parlimen pembangkang, dimarahi. Dikata, *where is the proof?* Sekarang kita ada laporan. Laporan daripada agensi kerajaan, Suruhanjaya Integriti. Adakah tindakan akan diambil ataupun adakah kita akan lihat kes ini ditutup? Tuan Yang di-Pertua bila saya sebagai Ahli Parlimen, saya mengatakan dalam negara ini ada pihak polis yang *cover up case* dan sebagainya. Saya diugut, diminta tarik balik kalau tidak ada bukti, kalau tidak digantung. *That's what happened here.* Sekarang saya ada.

Cadangan? Cadangan. Apakah cadangan yang dibawa oleh Suruhanjaya? Dinyatakan sedemikian, cadangan yang dinyatakan Tuan Yang di-Pertua, *"Terdapat perlakuan serangan bersifat jenayah yang melibatkan unsur niat bersama atau persubahatan, abatement oleh anggota PDRM yang terdiri daripada anggota pasukan tangkapan bagi melakukan kekerasan fizikal secara sengaja ke atas si mati yang telah mengakibatkan kecederaan dan kematian ke atas si mati. Perlakuan ini adalah merupakan jenis kesalahan bersifat jenayah di bawah Undang-undang khususnya Tuan Yang di-Pertua kesalahan di bawah seksyen 302, Murder dan subseksyen 325 Kanun Keseksaan dibawa bersama seksyen 34 atau seksyen 107. Syor diberi keluarkan supaya Peguam Negara bagi pendakwaan jenayah dibawa terhadap pegawai dan anggota PDRM yang dilakukan atau dikatakan melakukan kesalahan."*

Ini Parlimen Tuan Yang di-Pertua. Saya bawa dalam Dewan yang mulia ini, kita lihat sama ada ada ataupun tidak tindakan akan diambil. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita ada kes di mana laporan polis atau Laporan MACC yang dibuat oleh Ahli Parlimen juga tidak disiasat. Ini kerana orang-orang yang terlibat. *Clear cut case of abuse of power and alleged abuse of power, not investigated.* Kenapa? Kalau *investigated*, kita dapat laporan sebegini yang membezakan pihak polis boleh menyembunyikan kebenaran. *They get rid of evidence. They don't charge people. Why?* Ini kerana pihak polis mereka itu adalah satu pasukan. *If something happens*

*among themselves, no action will be taken. Why? Because they protect each other.* Jadi apa kita hendak lakukan?

Kita lihat Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang cukup menekankan. Tidak cukup itu, Tuan Yang di-Pertua yang baru berlaku. *The latest modus operandi* adalah ini Tuan Yang di-Pertua, sekarang pihak-pihak kongsi gelap menggunakan polis untuk culik orang awam dan serahkan kepada geng-geng tersebut supaya mereka boleh melakukan apa yang mereka hendak dengan orang ini. *I see Tuan Yang di-Pertua's eyes very concerned, it's true.*

Saya hendak ambil satu laporan. Laporan ini berkaitan dengan beberapa orang yang telah pun hilang daripada muka bumi khususnya di kawasan Puchong dan di kawasan persekitaran Selangor. Apa yang berlaku? Tuan Yang di-Pertua, dalam kes dua orang penama iaitu Manogaran a/l Raja Krishnan dan Ganasan a/l Vyapuri. Mereka ada di sebuah kilang. Tiba-tiba ada tiga orang preman dan seorang yang beruniform datang untuk tangkap mereka. Mereka menangkap dan bawa kedua-dua orang ini selepas itu kedua-dua orang ini hilang. *They disappear.* Laporan polis dibuat, pihak polis kata memang kita tidak tahu berkenaan dengan tangkapan ini. Kemudian apabila tekanan dibawa, polis di situ melakukan siasatan mereka menjumpai dua orang mayat, kedua-dua mereka mati.

Tuan Yang di-Pertua, *I again declare that, I don't act for them but I am told and informed that just two days ago these four or five people will be charged in Selayang Magistrate Court.* Akan tetapi untuk membawa kepada persoalan, bagaimana rakyat Malaysia ini selamat? Tuan Yang di-Pertua, selepas daripada ini kalau keluar Dewan seorang anggota polis datang dalam seragam jangan ikut dia, jangan. Terus pergi balai polis, di situ pun kena jaga. Ini kerana kalau kena pukul, mati pun dia orang kata dia orang tidak tahu apa-apa. *What is happening to our system? At all levels Tuan Yang di-Pertua. It's a shame.*

Akan tetapi setiap tahun saya bawakan perkara ini dikatakan okey, kita akan ambil tindakan, akan dipertingkatkan dan sebagainya. Perkataan besar-besaran daripada kamus digunakan, semua telah digunakan. Akan tetapi, mana kita lihatnya, *where do we see? A-two-intent to deal and resolve with these problem.* Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya diberikan pencerahan berkenaan dengan perkara ini. Ini adalah satu perkara yang serius dan saya rasa ini adalah satu perkara dalam isu atau kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua, *two short issues.* Satu, Tuan Yang di-Pertua saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun tahu. Setiap tahun saya bangkitkan isu berkenaan tol di Puchong. Diberi banyak keyakinan, *don't worry* Yang Berhormat, tengok Johor kita tidak caj. Tengok Sarawak kita tidak caj. Kita akan bawa, kita akan kaji, kita akan timbang macam-macam perkataan sekali lagi digunakan untuk kurangkan. Akan tetapi apa yang kita lihat tol di kawasan LDP dipertingkatkan, ditinggikan. Saya hendak minta penjelasan kenapa ia berlaku sedemikian? Seharusnya apa yang berlaku dan saya *will repeat again places like Puchong Tuan Yang di-Pertua, jammed. All the time.*

Sekarang hujan bukan sahaja jem, banjir Tuan Yang di-Pertua. Pergi sana tengok macam mana, kita ada satu *highway* dia macam ular sawa tahu. Kalau kita lihat daripada helikopter, *I'll show you a photo tomorrow*. Kita tengok empat *lanes* then there is twelve lanes untuk dia kutip tol, gemuk di situ. Jem, tol pun naik. Kita menentang, kita minta supaya tol dikurangkan dikatakan, okey kita akan kaji tetapi dinaikkan. Kenapa? Saya rasa kita seharusnya ada satu jawapan yang komprehensif. Kita hendak tahu kalau *volume*, jumlah kereta yang naik, seharusnya apa yang berlaku tol ini berkurangan. Betul atau tidak? Betul. Akan tetapi kita lihat jumlah kereta lebih, tol juga naik, kita ini buat aduan tidak ada Kerajaan-kerajaan Barisan Nasional kata ya, ya, ya tetapi yang berlaku sebaliknya. Inilah cara yang biasa Barisan Nasional. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya jawapan diberikan.

Isu yang akhir saya telah pun bangkitkan tiga kali dalam Dewan yang mulia ini dan diberi janji supaya akan diberikan satu jawapan berkenaan dengan isu banjir di Puchong sehingga sekarang tidak ada jawapan. Saya hendak minta kawasan kampung-kampung Tuan Yang di-Pertua, setiap kali hujan lebat kita ada banjir yang besar. Banyak kerosakan dialami. Saya hendak tahu, apakah kita akan lakukan? Satu kawasan Puchong yang dikatakan *central, most central...* tetapi keadaan ini masih berlaku. Saya minta Tuan Yang di-Pertua, kita bagilah sedikit ruang, kita bagilah sedikit perhatian kepada masalah-masalah seperti ini.

## ■2000

Ini melibatkan orang kampung, ini melibatkan orang yang kerja setiap hari. Mereka tidak boleh melakukan atau melalui keadaan sebegini untuk selama-lamanya. Saya minta Menteri berikan saya satu jawapan, saya hendak tahu. Apabila janji hendak berikan jawapan, *at least answer the question*. Beritahu kepada saya, bolehkah kerajaan mengatasi masalah tol dan bolehkah kerajaan mengatasi masalah banjir? Itu dua perkara yang saya ingin tahu selain daripada apa yang saya bangkitkan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Libaran.

## 8.00 mlm.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum, salam sejahtera kerana Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya untuk turut serta membahaskan Undang-undang Perbekalan 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan pada 23 Oktober 2015 yang lalu. Kita kena memahami setiap bajet yang dibentangkan adalah berkisarkan anggaran mengenai kos, punca pendapatan dan hasil mengikut tempoh tertentu. Ia menggambarkan keadaan kewangan negara pada masa hadapan sama ada jangka pendek mahupun jangka panjang dan biasanya ia digunakan untuk mencapai agenda pembangunan oleh kerajaan, mengukur prestasi serta

membuat persediaan untuk menghadapi kesukaran yang dijangka atau tidak dijangka pada masa hadapan.

Setelah saya meneliti secara terperinci setiap kandungan Bajet 2016 yang bertemakan ‘Mensejahtera Kehidupan Rakyat’, saya yakin bahawa perancangan rapi bajet ini yang bertunjangkan lima keutamaan yang diiringi keprihatinan serta kesungguhan kerajaan. Ia adalah sesuatu kita nantikan dan bagus untuk negara serta lapisan rakyat keseluruhannya.

Saya sekadar menyebut Tuan Yang di-Pertua beberapa perkara contohnya kakitangan awam mendapat bayaran khas, pekerja swasta gaji minimum pun sudah dinaikkan, cukai individu juga ada pelepasan, BR1M dinaikkan, GST sebahagian barang telah dikecualikan contohnya ubat-ubatan.

Di Sabah dan Sarawak diperuntukkan dalam Bajet 2016 memperoleh lebih daripada RM29 bilion antaranya Pan Borneo, penyeragaman harga sebanyak RM260 juta melalui Skim 1Harga 1Sarawak, Skim 1Harga 1Sabah. Cuma yang kita minta, kita harapkan dengan adanya penyeragaman seperti ini supaya penyampaian itu dapat dinikmati oleh rakyat di kedua-dua kawasan ini. Begitu juga dalam bajet ini mengekalkan hak adat peribumi sebanyak RM115 juta. Ini juga bagi Sabah dan Sarawak adalah amat perlu kerana sebagai rakyat peribumi, sudah tentu mereka ingin mengekalkan segala adat istiadat yang harus kitakekalkan daripada turun temurun. Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pekan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan pendidikan. Saya amat menyokong usaha kerajaan dengan memperuntukkan sebanyak RM41.3 bilion di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 sehingga 2015. Apa yang saya harapkan Kementerian Pendidikan haruslah menggunakan bajet berkenaan untuk menaiktarafkan infrastruktur sekolah khususnya di luar bandar yang amat memerlukan contohnya di kawasan saya. Sejak beberapa tahun yang lalu apabila pembangunan luar bandar seperti mewujudkan pertumbuhan ekonomi atau pembangunan Pekan baru seperti Sungai Tiram, Pekan Muhibah, Pekan Gum Gum.

Dengan pertumbuhan baru ini, maka bertambahlah bilangan murid-murid menduduki ataupun bersekolah di sekolah-sekolah yang berkenaan. Sebagai salah satu contoh dahulu beberapa buah sekolah di kawasan saya, sekolah rendah ini dikategorikan sebagai sekolah kurang murid seperti SK Semawang, dahulunya di bawah 50 orang tetapi hari ini sudah mencapai 100 orang ke atas. SK Sungai Tiram 200 orang ke atas, SK Gum Gum Kecil 200 orang ke atas, SK Tanjung Pisau 100 orang ke atas.

Dengan pertambahan murid ini, kita menjangkakan bahawa ia akan berterusan memandangkan pembangunan dan penyusunan kampung-kampung di kawasan luar bandar ini akan berterusan. Oleh itu, saya memohon kepada kementerian supaya dapat merancang kerana kita tidak mahu apabila sudah sampai masanya, kesesakan di sekolah-sekolah ini barulah kita kelam kabut, waktu itu tidak ada apa lagi yang kita boleh buat melainkan kita merancang dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berterima kasih kepada pihak kerajaan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan antara lain dalam bajet ini kerajaan terus membina 30 buah sekolah rendah dan 27 buah lagi sekolah menengah. Memandangkan ada keperluan di kawasan saya juga, dipohon agar kerajaan dapat mempertimbangkan iaitu pembangunan SMK Gum Gum 2 yang mana sekolah ini terletak betul-betul di luar bandar, di mana rakyat di luar bandar terutama sekali para petani dan juga nelayan memerlukan kewujudan sekolah ini. Sekolah ini bukan sahaja kita pohon dan saya suarakan pada kali ini tetapi kita pohon sejak Rancangan Malaysia Ke-8 lagi. Jadi saya mohon supaya sekolah ini akan menjadi kenyataan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 ini terutama pada tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, di Sandakan wujudnya hab pendidikan daerah. Kebetulan ia terletak di Parlimen Libaran bukan sahaja dapat memperkasakan pendidikan tinggi dan kemahiran tetapi ia juga menepati sasaran bagi memberikan peluang kepada penduduk Pantai Timur Sabah khususnya Daerah Sandakan dan Daerah Beluran di mana Tuan Yang di-Pertua juga mewakilinya, Kinabatangan, Lahad Datu dan lain-lain daerah menikmati pendidikan di kawasan hab pendidikan ini.

Saya ingin bertanya kepada kementerian ataupun memohon kepada kementerian supaya memperkasakan lagi iaitu kolej-kolej ataupun cawangan UMS di hab pendidikan ini. Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Tinggi telah meluluskan pada suatu ketika dahulu bahawa dibina kolej vokasional yang baru di kawasan hab pendidikan ini. Jadi saya ingin bertanya, bilakah kolej vokasional ini akan dilaksanakan? Selain daripada itu, saya juga ingin mencadangkan, memandangkan banyak pelajar bumiputera di keempat-empat buah daerah ini yang memerlukan pembelajaran yang lebih tinggi, oleh itu saya ingin mencadangkan supaya sebuah cawangan UiTM dilaksanakan di kawasan hab pendidikan ini. Ini sesuai dengan matlamat kerajaan memperkasakan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan soal dalam ucapan pembentangan Bajet 2016 tempoh hari, Yang Amat Berhormat ada menyatakan bahawa kesejahteraan penduduk luar bandar merupakan keutamaan kerajaan sebab itu bajet kali ini memperuntukkan sebanyak RM1.4 bilion bagi membina serta menaiktarafkan jalan luar bandar. Dengan peruntukan yang diberikan, saya berharap supaya jalan-jalan di luar bandar termasuklah di Sabah khasnya di kawasan saya supaya dapat dibina kerana jalan-jalan ini bukan sahaja memberikan keselesaan kepada rakyat di kawasan yang saya wakili ataupun di Sabah tetapi sudah tentu ia dapat membantu rakyat di luar bandar untuk meningkatkan pendapatan dan juga keselesaan kepada penduduk yang berkenaan. Oleh itu, saya memohon kepada kementerian supaya dapat melihat iaitu menaiktarafkan Jalan Dandulit termasuk Jalan Kuala Gum-Gum sepanjang lebih kurang 10 kilometer ke Jalan Aspal.

■2010

Keduanya, menaik taraf iaitu rangkaian jalan di sekitar Pekan Sungai Tiram...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Sebentar, Yang Berhormat Putatan... Dan juga Tanjung Semarang kerana kawasan ini juga merupakan dilingkungi oleh beberapa rangkaian buah kampung di kawasan itu. Ya, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Libaran. Apabila Yang Berhormat menyentuh soal jalan di luar bandar ini, terpanggil saya juga untuk meminta penjelasan. Kawasan Libaran yang setahu saya memang kawasan luar bandar dan banyak tanah di kawasan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, bukan luar bandar sangat Yang Berhormat, *suburbs* sahaja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, ada juga. Betul, betul termasuk kawasan berdekatan dengan kawasan Beluran. Terdapat banyak tanah kepunyaan bumiputera yang tidak diusahakan. Jadi adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kementerian, apa sahaja kementerian yang bertanggungjawab untuk menyediakan jalan-jalan ladang kepada kawasan tanah-tanah yang dimiliki oleh bumiputera-bumiputera di kawasan Yang Berhormat termasuk kawasan Beluran yang mana ada keinginan pemilik-pemilik tanah ini untuk membangunkan tanah-tanah itu supaya sama-sama dapat mengusahakan tanah itu untuk tujuan mempertingkatkan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar? Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kerana tanah-tanah ini belum diusahakan lagi, luasnya kawasan tanah-tanah yang terbiar di negeri Sabah? Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat, satu lagi yang saya terlibatkan bahawa peruntukan untuk penanaman di luar bandar ini tidak lagi diadakan oleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tanam apa Yang Berhormat? Tanam apa?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Penanaman koko yang dikurangkan ataupun dihapuskan oleh pihak Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya kementerian ini mewujudkan peruntukan-peruntukan ini?

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Putatan. Bukan sahaja mungkin di kawasan Putatan tetapi di kawasan saya, inilah yang sedang saya laksanakan tetapi saya mengharapkan supaya Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dapat meneruskan bantuan melalui MPOB. Jadi dengan adanya bantuan yang diteruskan oleh MPOB ini, maka dapatlah tanah-tanah orang kampung seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Putatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga, saya ingin meneruskan iaitu mengenai bekalan elektrik luar bandar ini. Di atas bajet ataupun keprihatinan kerajaan walaupun keadaan kegawatan ekonomi tetapi kerajaan masih lagi dapat memperuntukkan dana yang begitu besar. Sekali lagi saya memohon supaya pihak kementerian dapat melihat keperluan bukan sahaja di kawasan Putatan dan kawasan Beluran tetapi juga di kawasan saya walaupun ianya diwakili oleh Ketua Menteri tetapi kawasan Libaran ini merupakan kawasan yang begitu jauh ke hujung dan banyak kampung tradisi yang perlu mendapat bekalan elektrik ini. Antara lain iaitu Pulau Nunuyan, kawasan pelabuhan, sekitar Sungai Tiram seperti Kampung Sungai Api, Kampung Dipati Jaya, Kampung Nelayan Sungai Apung.

Selain daripada itu juga, bekalan air. Bekalan air ini juga merupakan sumber yang amat penting kepada penduduk luar bandar kerana hari ini, penduduk luar bandar sememangnya menunggu-nunggu walaupun mungkin apabila elektrik, jalan, dan air ini menambahkan lagi kos kepada penduduk luar bandar tetapi mereka menyedari dengan adanya jalan-jalan ini juga, maka kampung-kampung itu boleh dilawati oleh masyarakat dari luar. Mungkin datang berkunjung bukan sahaja soal pelancongan dan sebagainya tetapi mungkin meningkatkan pendapatan nelayan dan petani di kawasan itu.

Jadi untuk itu, saya memohon supaya bekalan air di kawasan Kampung Dandulit, Tanjung Semawang, Pulau Nunuyan, Tanjung Pisau, dan juga di Kampung Jaya Bakti di mana Kampung Jaya Bakti ini sudah papan tanda diletakkan tetapi lebih kurang sudah setahun belum lagi dilaksanakan penyambungan paip air bersih ini. Saya memohon supaya kementerian dapat melihat dan seterusnya melaksanakan bekalan air ini.

Tuan Yang di-Pertua, agenda pengimbangan pembangunan wilayah adalah satu aspek yang paling penting terutama sekali di Sabah. Saya melihat ia dalam bajet ini telah dizahirkan iaitu mendapat ruang tidak lagi terselindung kali ini. Antaranya projek Pan Borneo ini yang menelan belanja lebih kurang RM27 bilion tetapi apa yang penting yang maksudnya telah akan dilaksanakan pada tahun 2016 tetapi apa yang penting di sini ialah saya muhui mengetahui jajaran selain daripada bermula daripada Sindumin berakhir ke Tawau.

Saya ingin tahun jajaran jalan ini ianya melalui bandar-bandar utama di mana *point-point* yang sebenarnya laluan jalan-jalan ini termasuklah di Daerah Sandakan kerana kita tahu dengan adanya lebuh raya seperti ini seperti dahulunya Lebuhraya Utara Selatan, kita lihat dengan terbinanya jalan-jalan lebuh raya ini, sudah tentu ianya akan menambahkan lagi pelaburan datang, pelancongan bertambah. Jadi penting bagi Kementerian Kerja Raya supaya dapat melihat juga, memasukkan bandar-bandar utama termasuk Bandar Sandakan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga bertanya kepada Kementerian Kerja Raya iaitu pembinaan Lintas Libaran di mana Lintas Libaran ini mempunyai lima fasa. Bila saya bertanya kepada kementerian pada sesi yang lalu, katanya Lintas Libaran ini tidak termasuk dalam rangkaian Lebuh raya Pan Borneo. Jadi, fasa pertama telah dilaksanakan dan baru-baru

ini saya melawat. Tahniahlah kepada Kementerian Kerja Raya kerana jalan ini berjalan dengan baik.

Cuma apa yang perlu selepas siapnya sahaja fasa pertama iaitu fasa keempat, ada lagi fasa tiga, fasa dua, dan fasa satu barulah sampai ke destinasi yang seterusnya iaitu terus ke Batu 32 dan seterusnya ke Lahad Datu, ke Kota Kinabalu dan ke kawasan Tuan Yang di-Pertua. Jadi dengan pembinaan ini, saya harap ianya bukan sahaja dapat memberikan keselesaan kepada rakyat di Daerah Sandakan, Beluran, Kinabatangan bahkan juga membawa kenikmatan, kebaikan kepada rakyat di keempat-empat daerah yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon supaya satu jalan pesisir pantai dari Semarang ke Tanjung Kuala Gum Gum sepanjang 22.36 kilometer dapat dirancang bermula daripada tahun depan dan kalau boleh dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini, jalan ini akan menjadi kenyataan. Kenapa jalan ini amat penting? Sebab kita tahu bahawa jalan pesisir pantai ini yang bermula dari Semawang dan terus ke Tanjung Pisau di mana kawasan ini menghala ke Laut China Selatan. Sudah tentu bukan sahaja membawa kebaikan kepada penduduk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Laut Sulu mungkin Yang Berhormat.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Sorry, minta maaf. Laut Sulu, sempadan antarabangsa Filipina maksud saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Laut China Selatan jauh sebelah.

## ■2020

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Ya, minta maaf. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi bukan saja ia membawa kebaikan kepada kampung-kampung nelayan tradisi yang selama ini berada di situ tetapi ia juga membawa kebaikan di mana pihak keselamatan akan dapat melaksanakan tanggungjawab dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan merupakan satu perkara yang amat penting. Kementerian Pertahanan telah diperuntukkan sebanyak RM17.3 bilion. Digunakan untuk saya percaya ianya digunakan untuk membeli aset sama ada udara, darat dan air. Di Sabah, melalui ESSCOM diperuntukkan sebanyak RM532 juta untuk pembangunan kem tentera darat ESSCOM di FELDA Sahabat, Lahad Datu dan sebanyak RM864 juta lagi untuk perolehan *offshore patrol vessel* dengan izin dan kapal peronda semata-semata untuk menguatkan lagi pertahanan demi keselamatan negara kita yang kita cintai. Saya menyambut baik keseluruhan jumlah peruntukan ini dan berharap lebih banyak aset pertahanan berteknologi tinggi terkini akan ditempatkan di kawasan perairan negara khususnya di Sabah bagi memastikan benteng pertahanan di kawasan perairan negara kita berada pada tahap seoptimumnya. Dari segi aset udara, air serta juga darat, di kawasan saya

Tuan Yang di-Pertua, dalam Daerah Sandakan, khususnya Libaran, seperti yang saya sebut tadi mempunyai pantai yang begitu panjang dan luas. Manakala sempadan antarabangsa dengan Filipina yang begitu hampir. Kalau kita menggunakan bot laju, mengambil masa lebih kurang 30 minit hingga 40 minit sahaja jaraknya. Manakala jarak ke Teluk Sandakan pula mengambil masa hampir satu jam di mana asset pertahanan kita berada di situ. Oleh itu kerana keselamatan, saya mencadangkan pihak keselamatan dapat membina lagi satu pangkalan mini yang ditempatkan di Tanjung Pisau ataupun di Kuala Gonggong sama ada daripada APMM, tentera ataupun polis marin.

Tuan Yang di-Pertua untuk melengkapkan kawalan keselamatan di pesisir pantai ini, pos kawalan untuk kawalan keselamatan ini juga haruslah kita melihat pos-pos kawalan keselamatan yang sedia ada. Jadi saya mencadangkan supaya pos-pos kawalan ini, yang sedia ini dinaiktarafkan kerana keadaan pos-pos kawalan di kawasan saya, saya melawat di beberapa pos kawalan, begitu daif dan sukar bagi mereka untuk barangkali kalau ada serangan, menangkis lawan-lawan. Jadi untuk itu minta supaya pos kawalan Pulau Libaran, pos kawalan Pemaguan, pos kawalan Kuala Gonggong ini dapat dipertingkatkan. Selain daripada itu, saya ingin mencadangkan supaya tambahan iaitu pos kawalan Kuala Semawang, Kampung Padas dan juga Tanjung Pisau di kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin membangkitkan soal kesihatan, Kementerian Kesihatan. Di daerah Sandakan ini di mana Parlimen Libaran ini duduk, kita lebih kurang mempunyai penduduk sekitar 500,000 orang di kawasan ini. Kita hanya mempunyai satu hospital saja. Manakala hospital ini, hospital di Sandakan ini, jarak antara kawasan saya itu begitu jauh sekali walaupun ianya terdapat banyak klinik kesihatan di kawasan-kawasan seperti Ulu Dusun, Klinik Desa Sungai Manila, Klinik Batu 10 tetapi tidak boleh menampung rakyat di kawasan saya. Jadi saya mencadangkan kepada kementerian supaya mula dari sekarang, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini juga, saya memohon supaya diwujudkan satu hospital lagi di Daerah Sandakan khususnya ditempatkan di kawasan Parlimen Libaran.

Selain daripada itu, saya juga memohon supaya kerajaan memikirkan dan mengadakan klinik desa iaitu di Pekan Sungai Tiram, di zon Dandulit dan juga Tanjung Pisau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya ada menulis surat kepada Kementerian Kesihatan, klinik desa di kawasan saya. Jawapan Kementerian Kesihatan akan ditimbang dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

**Seorang Ahli:** Hidup BN.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Jadi, saya masukkan dalam saya punya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tidak tahu mungkin Yang Berhormat, mungkin dalam Rancangan Malaysia Ke-13 kot.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Kita memohon saja Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan kementerian dapat menambah...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat jangan berhenti memohon, terus memohon ya.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Ya, *insya-Allah*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat ya.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kerana dapat memberikan peluang kepada saya dan untuk itu saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

#### 8.27 mlm.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana mengizinkan untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan pada 23 Oktober lalu. Saya ingin memulakan dengan sepotong ayat yang pendek. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Dan berilah peringatan, kerana peringatan itu sangat berguna pada orang yang mukmin.*”

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru ini mempunyai kerangka yang sama seperti pada tahun-tahun yang lalu. Tidak ada apa-apa perubahan yang besar, cuma berbeza dari sudut angka dan juga dari sudut beberapa istilah. Itu sahaja dan tidak ada penekanan terhadap tatacara bagaimana pelaksanaan itu untuk dikemaskinikan. Salah satu contohnya kita kata, sama, salah satunya ialah bajet yang dibentangkan adalah bajet yang defisit sejak sekian lama, belasan tahun yang terdahulu, sama ada bajet ini terkesan dengan masalah ekonomi global ataupun tidak, *trend* bajet kita begitu.

Juga kita melihat hutang negara yang sentiasa meningkat yang kini telah mencecah 54% daripada KDNK ataupun RM627 bilion dan kalau dicampur pula dengan jaminan yang melebihi daripada 60% daripada KDNK, inilah yang saya katakan *trend* bajet negara kita. Trend di mana belanja lebih besar daripada pendapatan dan berhutang sudah menjadi kebiasaan dan penjimatan seolah-olah tidak ada dalam keutamaan kita. Dalam keadaan ekonomi yang suram ini pun kerajaan masih lagi dengan pelbagai pemberian yang tidak menjana pendapatan dan produktiviti yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di hadapan kita ada pelbagai masalah yang mesti kita akui dan perlu ditangani sebaik mungkin dan dengan segera. Kita berhadapan dengan pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan, Dolar Amerika yang mengukuh, harga komoditi utama yang rendah, harga minyak dunia yang menjunam dan sebagainya dan di dalam negara pula kita berhadapan dengan masalah kenaikan tol, subsidi petrol, GST, nilai ringgit yang tinggi dan

sebagainya. Ditambah teruk kan lagi pula Tuan Yang di-Pertua, dengan masalah persepsi negatif terhadap pentadbiran negara. Krisis keyakinan dan kepercayaan pelabur terhadap kepimpinan negara juga memberi kesan kepada persekitaran ekonomi negara.

### ■2030

Banyak juga isu-isu yang melibatkan persoalan integriti tidak ditangani dan diselesaikan dengan baik dan kadar yang segera. Ini menimbulkan kesan berganda kepada negara dan rakyat. Isu seperti 1MDB yang selalu disebutkan oleh sama ada di pihak pembangkang mahupun pihak kerajaan. Derma RM2.6 bilion juga disebut oleh sebelah sana dan sebelah sini, sepatutnya diperjelaskan dengan segera supaya persepsi buruk kepada negara dan pemimpin dihindari. Namun tidak demikian. Semakin di terang, semakin diperjelas, semakin keliru dan menampakkan yang seolah-olah perkara ini dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, kesan daripada persoalan yang dibangkitkan itu kita dapat lihat bersama dengan sendirinya bahawa nilai ringgit kita menjunam turun. Nilai ringgit kita semacam tidak ikut anak tangga, menjunam, menggelongsor tidak sepetimana penurunan mata wang negara asing.

Inflasi meningkat, kos sara hidup dengan itu meningkat. Hutang isi rumah yang sudah tinggi juga akan terus meningkat. Kenaikan gaji tidak seimbang dengan kenaikan inflasi. Sudah pasti ini memberi kesan berganda kepada golongan miskin. Pemilikan harta, pemilikan rumah dengan harga yang semakin tinggi sudah tentu memberi masalah kepada golongan-golongan miskin.

Kita juga ada masalah lain yang perlu diatasi Tuan Yang di-Pertua. Masalah jurang pendapatan yang semakin melebar antara miskin-kaya, jurang pendapatan yang juga makin meluas antara kaum yang kita perhatikan, saya dimaklumkan bahawa kaum Cina mendepani kaum Melayu lebih 38%, hampir 38%, manakala kaum India mendahului 16%.

Apakah ini tidak ada penyelesaian? Pastinya ada. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, ia memerlukan keberanian. Memerlukan kesungguhan dan keupayaan yang tinggi. Pemberian yang bersifat *one-off* dan pelaksanaan yang tidak cekap seperti BR1M bukan penyelesaian yang baik. Ia merupakan atau pun ia sekadar gula-gula untuk menidurkan anak kecil sahaja. GST yang dibanggakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dapat menyelamatkan defisit fiskal juga pada pandangan saya menyelesaikan satu perkara tetapi menjana masalah yang lain pula. Kalau trend ini diamalkan, yakni bila kita tidak cukup belanja, maka kita cari kaedah untuk mendapatkan dalam poket rakyat, maka saya rasa kesan-kesan negatif seperti inflasi, kos sara hidup, jurang pendapatan, hutang isi rumah, pemilikan harta dan kemiskinan semakin sukar untuk diatasi.

Perkara asas atau *basic* pada pembentangan bajet baru-baru ini seolah-olah tidak disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Persoalan penjimatan dan mekanisme

urus tadbir yang efisien dan berintegriti. Ini seolah-olah tidak disentuh dan tidak diberi penekanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira sekiranya perbelanjaan negara dapat dijimatkan dalam sekitar 10% atau 5% atau pun 5% sahaja, banyak perkara boleh diselesaikan. Jimat bukan bererti memotong bajet tetapi mengurus dengan baik dengan meminimumkan kebocoran sama ada kebocoran melalui rasuah, pembaziran dan sebagainya.

Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan bajet menyebut untuk memerangi rasuah melalui pendekatan-pendekatan tertentu, namun, kita memperhatikan bahawa indeks persepsi rasuah (IPR) kita masih tinggi. SPRM pada pandangan saya mestilah menjadi badan *independent* agar ia dapat menangani masalah rasuah dengan lebih berkesan.

Jadi, sama ada kita setuju atau tidak, indeks persepsi rasuah masih tinggi dan *target* yang signifikan pada tahun 2020 mungkin tidak tercapai sekiranya tiada keberanian dan kesungguhan ke arah itu. Buat masa ini pun kita tidak dapat lihat wujudnya mekanisme yang benar-benar berkesan untuk melakukan perubahan yang sedemikian.

Kelihatan seolah-olah tiada kemahuan dan keberanian untuk menggunakan kaedah tender terbuka misalnya untuk projek-projek besar yang mampu menyelamatkan kewangan negara. Kuasa yang terlalu besar dalam meluluskan sesuatu projek dan juga kita tengok kajian-kajian, *benefit analysis* juga tidak dibuat dengan halus juga akan boleh menyebabkan pembaziran.

Akta Kewangan 1997 seperti mana yang pernah ditekankan oleh Yang Berhormat Gua Musang suatu masa yang memberi kuasa terlalu besar kepada Menteri kerana Menteri juga sepatutnya diperbaiki atau dibuat suatu perubahan bagaimana untuk menjaga pengurusan kewangan negara dan sebagainya. Sekarang ini kita tidak bercakap soal juta tetapi kita bercakap soal projek yang nilaiannya trilion, bilion dan sebagainya.

Sedikit penjimatan ialah kesan yang banyak untuk kewangan negara. Oleh sebab itu saya berharap agar kerajaan meneliti perkara asas ini bagi menyelamatkan negara dan rakyat. Kita ingin melihat satu mekanisme yang berkesan dapat dibentangkan agar urus tadbir negara menjadi lebih baik.

Saya ingin beralih sedikit Tuan Yang di-Pertua, kepada pembentangan bajet baru-baru ini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyentuh perkara memperkasakan bumiputera. Kita lihat bumiputera sekarang ini tertinggal dalam semua perkara. Di belakang dalam semua perkara sama ada dari segi pendapatan, pemilikan harta dan sebagainya.

Senaraikan apa sahaja, kita boleh lihat bahawa pencapaian bumiputera adalah ke belakang walaupun Perdana Menteri kita bumiputera dan ramai Menteri-menteri Kabinet kita adalah bumiputera.

Jurang pendapatan yang melebar, pemilikan harta yang tidak saksama ini boleh mendarangkan suasana yang tidak baik. Lagi pun adalah munasabah sekiranya kita membantu kaum yang lemah agar mereka dapat bersaing atau hidup dalam keadaan selesa.

Banyak yang telah dicadangkan dalam pembentangan bajet ini untuk meningkatkan keupayaan bumiputera seperti TEKUN, Amanah Ikhtiar, 1Azam dan lain-lainnya dan ini bukan perkara baru. Namun, selalunya gagal di peringkat pelaksanaan sama ada pemilihan, kegagalan memilih mereka yang benar-benar memerlukan ataupun di sana ada penyelewengan seperti mana yang telah berlaku pada sesi-sesi yang lalu. Di mana kadang-kadang menggunakan beberapa nama lain untuk mendapat bantuan kepada orang yang lain untuk menggunakan perkara-perkara yang tersebut.

Jadi, kalau sasaran ini, kalau dalam pelaksanaan ini gagal, buatlah *skeletal*, buatlah perancangan macam mana pun, angka-angka di tingkat bagaimanapun, soal untuk memperkasakan bumiputera ini tetap akan gagal kerana pengurusan yang tidak telus. Justeru itu, mekanisme serta ketelusan sangat-sangat dituntut demi untuk merasakan kejayaan. Rakyat adalah rakyat, bumiputera adalah bumiputera. Tak tahuhlah kalau bumiputera yang dibahagikan kepada UMNO Putra, maka susahlah sikit kita hendak selesaikan masalah ini.

Pada pandangan saya, satu perkara yang perlu diambil berat ialah masalah *human capital* ataupun modal insan. Perkara yang penting yang perlu diberi keutamaan untuk bersaing di medan yang terbuka. Bilangan tenaga pakar atau profesional bumiputera mestilah ditambah bilangan dalam jumlah tertentu dan masa yang segera. Saya bersetuju dengan Pengurus MARA yang mencadangkan agar MARA menghantar pelajar tajaannya dalam kursus kedoktoran di universiti-universiti standard yang kosnya lebih murah dan ini boleh ataupun ini dapat meramaikan lagi bilangan pelajar profesional. Saya kira Jabatan Perkhidmatan Awam dan lain-lain juga bolehlah menghantar pelajar-pelajar kita di bidang-bidang profesional yang lain demi meningkatkan profesionalisme di kalangan bumiputera.

Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan bahawa graduan bumiputera dengan kelulusan mereka, mereka tidak mampu mendapat kerja. Oleh kerana kursus mereka ambil tidak berapa kena dengan pasaran kerja, apatah lagi untuk mencipta pekerjaan.

Jadi kerajaan mesti melihat perkara ini dengan serius. Kursus-kursus profesional, teknikal, kemahiran, keusahawanan mestilah mengambil tempat kursus-kursus yang tidak berdaya maju dan perkara ini perlu disegerakan.

Kadang-kadang kita rasa kesian kepada ibu bapa miskin. Mereka sangat gembira bila anak masuk universiti. Namun, hampa setelah menjadi graduan. Tiada kerja dan terpaksa kerja apa sahaja sama seperti mereka yang tidak masuk universiti. Empat tahun belajar, pinjaman dan pelbagai kesusahan, akhirnya selepas graduasi, mereka tidak mampu untuk bersaing. Ini bagi saya, kerajaan perlu meneliti dan mengambil kira dengan segera.

Satu perkara lagi yang disentuh juga dalam pembentangan bajet ialah merancak pelaburan domestik demi memperteguhkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendekatan ini dan saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat juga negeri Kelantan. Penjanaan ekonomi Kelantan yang mempunyai potensi yang tinggi akan juga dapat merancakkan dan mempertahankan ekonomi negara.

#### ■2040

Kita semua sedar dan kita tahu bahawa untuk pertumbuhan ekonomi yang baik, persiapan infrastruktur yang baik adalah suatu keperluan dan kemestian. Justeru itu, kalaularah 10 atau 20 tahun dulu infrastruktur seperti Lebuhraya Utama Tengah ataupun *Central Spine Road*, Lebuhraya Pantai Timur, LPT3 serta penaiktarafan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dibuat, saya yakin pertumbuhan ekonomi, pembangunan serta pendapatan kerajaan negeri lebih baik dan mungkin sekarang ini kebergantungan pendapatan mereka pada hasil sumber asli dapat dikurangkan.

Bayangkan, kalau kita dapat memendekkan perjalanan yang memakan masa tujuh hingga lapan jam dari Kuala Lumpur ke Kelantan dapat dijimatkan sehingga empat jam setengah ataupun lima jam, bagaimana perkembangan ekonomi yang kita boleh sasarkan. Begitu juga dengan LPT3.

Justeru itu, saya ingin bertanya bilakah agaknya *Central Spine Road* ini akan diselesaikan ataupun bilakah satu lagi LPT3 ini akan dimulakan yang menyambungkan daripada Gemuruh kepada Tumpat, Kelantan? Saya harap perkara ini dapat disegerakan demi meningkatkan ekonomi negeri. Saya kira ia belum terlambat. Maka saya amat berharap Yang Amat Berhormat melihat perkara ini dan membantu prasarana negeri Kelantan demi memperteguh ekonomi negeri dan negara.

Selain daripada prasarana yang baik, antara perkara yang boleh diberi perhatian untuk meningkatkan ekonomi negeri Kelantan ialah dari segi sektor pelancongan. Umum mengetahui bahawa Kelantan banyak tempat yang bersejarah, pusat peranginan sama ada pantainya yang cantik atau air terjun yang menarik, makanan yang enak serta sistem pengajian pondok yang masih dipertahankan dan juga terkenal dengan masyarakatnya itu boleh dijadikan sumber pelancongan. Kawan saya menyatakan itu memerlukan bantuan daripada prasarana atau memerlukan prasarana yang baik. Justeru itu, saya mengharapkan bahawa perkara ini dilihat oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, hampir dua tahun lalu, dari segi pelancongan ini, saya pernah mengutarakan dalam Parlimen ini antara pantai-pantai yang boleh diperkenalkan dan disambut baik oleh Menteri Pelancongan pada masa itu iaitu seperti Pantai Mek Mas, Pantai Kundur, Pantai Cahaya Bulan, Pantai Kemayan untuk dibuka, untuk dipertingkatkan prasarananya. Adakah ia diambil tindakan atau ia hanya tercatat di *Hansard Dewan Rakyat* sahaja?

Sedikit saya hendak beralih kepada bahagian kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya mengenai penempatan pegawai perubatan di hospital daerah di Kelantan. Saya hendak tanya apakah nisbah pegawai perubatan dengan jumlah katil? Saya bertanya demikian kerana saya difahamkan hospital di Dungun yang mempunyai 100 buah katil dan Hospital Besut yang mempunyai 140 buah katil mempunyai 30 dan 28 orang pegawai perubatan di hospital masing-masing. Manakala di hospital daerah di Kelantan pula, purata pegawai di hospital daerah pula hanya 10 orang.

Sebagai contoh, Hospital Daerah Tumpat, jumlah katil 112 buah katil, jumlah pegawai perubatan hanya 12 orang. Hospital Pasir Mas, 120 buah katil, bilangan pegawai perubatan hanyalah sembilan orang. Hospital Pasir Puteh, 75 buah katil, 11 orang dan Hospital Machang, 90 buah katil, 10 orang. Jadi saya ingin meminta penjelasan daripada Kementerian Kesihatan, kenapa benda ini jadi macam ini? Dekat sahaja negeri yang berjiran tetapi jumlah katil dan bilangan doktornya begitu jauh sekali berbeza.

Seterusnya saya ingin juga bertanya tentang penjelasan status Hospital Gua Musang yang sekian lama dikhabarkan akan menjadi hospital pakar namun masih lagi kekal dengan 34 buah katil dan sembilan orang pegawai perubatan. Itu juga saya ingin meminta penjelasan.

Sedikit mengenai rokok tiruan ataupun vape. Keputusan Kabinet meneruskan penggunaan rokok tiruan dan perniagaan ini dengan alasan kehendak remaja dan elemen perniagaan dengan membelaikan pandangan perubatan dan nasihat ataupun fatwa amat saya kesalkan. Pada saya, Kabinet agak gopoh dalam membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, rokok vape mempunyai apa yang dikatakan ada *vape solution*, dengan izin. Tiga ‘ml’ kandungan *solution* ini mengandungi 14.4 miligram *formaldehyde* bersamaan dengan 20 batang rokok sehari. Kalau lima ‘ml’ di dalam itu dihabiskan sehari, sebanyak 24 miligram *formaldehyde* yang bahaya ini yang boleh menyebabkan kanser ini menyerap. Ia *equal* ataupun sama dengan 33 batang rokok sehari. Ada kajian yang menunjukkan bahawa 20 batang rokok boleh menyebabkan kanser dengan nisbah 900 orang *per million* tetapi 14.4 miligram *formaldehyde* dari vape boleh menyebabkan 4,200 orang *per million*. Ertinya lima kali ganda menghisap vape lebih tinggi kejadian kanser berbanding dengan rokok. Jadi saya rasa perkara ini sepatutnya tidak dipermainkan, seharusnya diteliti dengan lebih serius sebelum membuat apa-apa keputusan.

Saya rasa itu sahaja ucapan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Samarahan.

#### **8.46 mlm.**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertama sekali, terima kasih Tuan Yang di-

Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama berbahas mengenai Bajet 2016 kali ini.

Bersetujuan dengan tema bajet kali ini “Mensejahtera Kehidupan Rakyat”, ternyata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kerajaan Barisan Nasional sentiasa peka akan denyut nadi rakyat dalam merencanakan perancangan masa depan negara. Bagi saya, Bajet 2016 merupakan bajet pertama di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas dan ia sangat penting sebagai penanda aras kepada hala tuju negara pada masa hadapan. Ramai pihak menyifatkan Bajet 2016 adalah kritikal kerana ia merupakan belanjawan negara yang pertama dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan tahun pertama pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan dalam suasana ekonomi mencabar di dalam dan di luar negara.

Melalui lima tunjang ataupun strategi utama Bajet 2016 iaitu memperteguh ketahanan ekonomi negara, meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau, mensiagakan modal insan, memperkasakan agenda bumiputera dan meringankan kos sara hidup rakyat, bajet ini dilihat sebagai satu pelan induk yang mencarta pembangunan negara mulai tahun hadapan. Berteraskan kepada keseimbangan di antara *capital economy* dan *people economy*, ia wajar bagi mencapai pertumbuhan yang bersifat *inclusive, sustainable* dan membina negara kompetitif, progresif, bersahsiah dan bermoral tinggi dalam kehidupan masyarakat yang saling bersepada. Secara keseluruhannya, kita lihat sebanyak RM267.2 bilion diperuntukkan untuk Bajet 2016 berbanding RM260.7 bilion peruntukan pada tahun lepas iaitu penambahan sebanyak RM6.5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mewakili Parlimen Kota Samarahan dan juga Sarawak, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah dapat merealisasikan impian ataupun harapan rakyat Sarawak untuk memiliki unjuran lebuh raya yang lebih baik dengan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo pada masa ini. Apa yang menarik lagi, pembinaan lebuh raya ini tanpa dikenakan tol.

## ■2050

Namun demikian, di sini saya ingin membangkitkan juga isu mengenai perlunya penambahbaikan sistem jalan raya di pesisir pantai di Sarawak khususnya di Kota Samarahan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pembinaan Pan Borneo lebih menumpu kepada kawasan persekitaran bandar-bandar utama di Sarawak. Selaras dengan fokus Kerajaan Negeri Sarawak dalam RMKe-11 untuk meningkatkan ataupun memperhebatkan pembangunan luar bandar, pembinaan atau penambahbaikan sistem jalan raya pesisir pantai perlu diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi masyarakat luar bandar jalan persisiran merupakan akses utama untuk berhubung di antara keluar bandar dan bandar. Bagi di Sarawak kawasan ini merupakan kawasan-kawasan pedalaman dan jika jalan pesisir ini dibina ia dapat meningkatkan ekonomi penduduk-penduduk di kawasan berkenaan. Antara kawasan-kawasan pedalaman

ataupun kawasan pesisir yang dapat dibangunkan adalah seperti kawasan Lundu, Semantan, Marutuwang, Asia Jaya, Sadong Jaya, Sebuyang, Semijang, Pusa, Beladun, Kabung, Serdas, Belawai, Semut dan seterusnya sampai ke Tatau.

Tuan Yang di-Pertua, melalui peruntukan RM1.4 bilion yang telah diluluskan melalui Bajet 2016 bagi membina serta menaiktarafkan jalan luar bandar di seluruh negara saya amat berharap dapat diperuntukkan juga bagi mengiktiraf jalan pesisir pantai di negeri Sarawak. Slogan membandarkan kawasan luar bandar perlu diadaptasi ke atas mengimplementasi yang sebenar terutama dari segi penambahbaikan infrastruktur jalan raya di luar bandar kerana tanpa jalan raya yang baik maka sistem perhubungan, sistem komunikasi antara masyarakat akan terganggu dan seterusnya akan memberi kesan kepada cara hidup masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, proses pembangunan yang semakin pesat membangun telah menyebabkan peningkatan penduduk di semua bandar di dunia tidak ketinggalan untuk Kota Samarahan. Seiring ini telah mengakibatkan permintaan terhadap perumahan turut meningkat. Isu perumahan dan pemilikan rumah bukanlah perkara baru di Malaysia dan juga di Sarawak. Konsep pembangunan lestari telah menjadi salah satu agenda utama di peringkat tempatan mahupun global dan ianya juga melihat kepada pertimbangan kualiti pembangunan penempatan manusia. Pihak kerajaan perlu memastikan kadar pemilikan rumah dihadkan bagi membendung kenaikan harga yg semakin membimbangkan sekarang. Langkah ini dilihat mampu memberi ruang kepada golongan kurang berkemampuan daripada menjadi mangsa broker akibat harga asal jualan yang telah dimanipulasi untuk tujuan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, memetik semula laporan *Utusan* bertarikh 25 Ogos 2015 harga purata rumah di Malaysia sekarang ialah 4.4% lebih tinggi berbanding purata gaji tahunan sebenar kita semua. Kajian Institut Penyelidikan Khazanah mendapati harga itu sangat tidak mampu dimiliki atau sangat mahal berdasarkan piawaian antarabangsa. Ini adalah perkara yang patut diambil perhatian dan dititikberatkan. Namun di sini saya ingin memberi kredit kepada pihak kerajaan yang senantiasa memastikan rancangan untuk menyediakan projek-projek perumahan yang lebih baik lebih mesra kepada rakyat seperti PR1MA, PPR dan Rumah Mesra Rakyat.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengumumkan peruntukan RM70 juta akan disediakan melalui Bank Simpanan Nasional dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi pinjaman tanpa faedah untuk tujuan membina rumah panjang dengan had pinjaman RM50 ribu.

Bagi penduduk Sarawak khususnya di Kota Samarahan projek perumahan yang sangat bersesuaian dan bertepatan pada masa ini adalah membina lebih banyak rumah mesra rakyat. Ini adalah kerana keadaan geografi muka bumi Sarawak yang masih miliki banyak ruang dan tanah yang sangat molek, sangat cantik jika dapat dibina lebih banyak projek rumah mesra rakyat untuk keselesaan rakyat.

Harga rumah Mesra Rakyat pada masa ini dalam lingkungan RM80 ribu dengan subsidi RM20 ribu diberikan oleh kerajaan dan bakinya ditanggung oleh rakyat dengan hanya bayaran ansuran sebanyak RM150 sebulan. Dengan perancangan 10,000 unit Rumah Mesra Rakyat oleh SPNB melalui kaedah pembinaan dan pembiayaan ternyata ramai penduduk luar bandar terutama golongan B40 mampu untuk mempunyai pemilikan rumah sendiri kerana rata-ratanya mempunyai tanah sendiri. Namun ingin saya tekankan di sini saya amat berharap agar proses pengurusan dan proses kelulusan bagi projek Rumah Mesra Rakyat bagi penduduk luar bandar dapat pertimbangan dan diperhalusi sebaik mungkin. Seharusnya pemudah bicara perlu diberi kepada mereka yang mohon rumah mesra rakyat terutama masyarakat luar bandar yang kurang menerima maklumat tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin mencadangkan jika pelaksanaan sektor perumahan di negeri Sarawak akan ditambah baik jika lebih kuasa autonomi diserahkan kepada Sarawak dan Sabah sendiri. Penyerahan lebih kuasa akan membolehkan kerajaan negeri melaksanakan projek perumahan mampu milik rakyat secara menyeluruh dan berkesan serta menjimatkan masa dan kos. Saya juga bersetuju dengan cadangan Ahli Parlimen Tanah Merah yang mencadangkan agar dikaji dan digubal sistem pemilikan rumah negara sama ada dari segi pinjaman mahupun harga rumah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan dapat mempertimbangkan menjadikan bahan binaan rumah sebagai bahan kawalan kerana rumah adalah keperluan hidup manusia sama seperti makanan. Harga simen, harga pasir, batu, besi harus dijadikan bahan kawalan bagi memastikan kemampuan masyarakat luar bandar dalam membina perumahan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu berkaitan dengan gaji minimum. Penambahbaikan yang dilakukan oleh kerajaan dalam meningkatkan gaji minimum dalam sektor swasta iaitu daripada RM900 kepada RM1000 bagi semenanjung dan RM800 kepada RM920 sebulan bagi Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan manakala gaji permulaan terendah dalam perkhidmatan awam dinaikkan kepada RM1200 sebulan merupakan satu anjakan yang sangat dipersetujui. Dengan kos sara hidup yang semakin meningkat ternyata kerajaan sangat peka dengan menaikkan gaji minimum yang sedikit sebanyak boleh membantu perbelanjaan harian rakyat.

Namun demikian, isu yang ingin saya bawakan di sini ialah mengapakah terdapat perbezaan antara gaji minimum bagi semenanjung, Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan. Walhal umumnya sedia maklum bahawa kos sara hidup yang dihadapi adalah lebih kurang sama antara ketiga-tiga wilayah ini. Ada kalanya boleh dilihat kos barang-barangan keperluan tertentu terutamanya di Sabah Sarawak adalah lebih tinggi berbanding di Semenanjung. Dalam hal ini saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan apakah

analogi yang digunakan bagi menetapkan gaji minimum dan mengapakah tidak boleh disamakan antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan juga Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, satu soal selidik dilakukan *the Teaching and Learning International Survey* pada 2013 mendapati sebahagian besar guru di seluruh dunia berhadapan dengan pelbagai konflik yang boleh mengakibatkan kemerosotan mutu pendidikan.

## ■2100

Kaji selidik antarabangsa mengenai pengajaran dan pembelajaran dianggotai oleh 34 badan kuasa itu mendapati kemerosotan berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Sekali gus menjadikan pencapaian guru di negara tertentu berada di bawah standard yang ditetapkan. Saya merasakan isu kekurangan infrastruktur di sekolah masih menjadi satu persoalan kepada proses pembelajaran dan pengajaran yang efektif dalam sistem pendidikan negara. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan masih lagi menjadi kementerian yang memperoleh peruntukan yang paling tinggi dalam bajet kali ini. Saya merasakan pihak kementerian perlu mengenal pasti dan mengutamakan kemudahan dan infrastruktur yang lebih baik untuk membantu proses penyampaian dan penerimaan ilmu dapat berlangsung dengan baik.

Bagi kawasan Kota Samarahan, saban tahun saya membawa isu yang hampir sama iaitu masalah lambakan jumlah pelajar dan juga kekurangan bilik kelas akibat peningkatan penduduk yang padat, yang cepat di Kota Samarahan. Di samping isu prasarana sekolah rendah dan menengah yang masih kurang memuaskan. Oleh itu saya memohon, saya ingin mencadangkan agar kerajaan dapat membina beberapa buah sekolah menengah dan rendah yang baru serta sebuah sekolah menengah berprestasi tinggi.

Sama ada berasrama penuh, sekolah teknikal mahupun Maktab Rendah Sains Mara di Kota Samarahan. Saya juga memohon pembinaan SMK Samarahan dapat dipercepatkan bagi menangani masalah pada masa ini. Dengan kewujudan MRSM ataupun sekolah teknikal di kota ilmu Kota Samarahan, saya yakin dan pasti akan menjadikan kota ilmu ini lebih menonjol dan melahirkan lebih ramai lagi golongan profesional, bijak pandai untuk masa depan negara. Tambahan pula ia boleh membantu melahirkan tenaga mahir bagi skor.

Begitu juga saya mohon menyuarakan suara hati rakyat kawasan Kota Samarahan agar kementerian dapat melihat untuk menaik taraf SMK Muara Tuang yang rasa saya sudah berusia lebih 25 tahun, SK Pinang, SK Enggap, SK Empila dan juga beberapa sekolah yang lain. Memandangkan keadaan yang uzur dan tidak sesuai untuk dinaik taraf ataupun dibaiki lagi pada masa ini. Begitu juga pembangunan dewan sekolah bagi SMK Asia Jaya bagi memberi keselesaan kepada pelajar-pelajar dalam menikmati pendidikan yang lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah dan Sarawak adalah dua negeri yang besar dan memerlukan banyak penambahbaikan dari sudut infrastruktur seperti jalan raya, air bersih dan bekalan elektrik luar bandar. Pada masa ini seperti dalam sidang Parlimen yang lepas saya masih lagi memohon pertimbangan daripada kerajaan untuk memperlihatkan keseriusan kita

dalam membantu masalah bekalan elektrik, bekalan air dan juga jalan luar bandar bagi kawasan Kota Samarahan khususnya dan juga di Sarawak. Sebagai sebuah bandar tumpuan selain Kuching seharusnya masalah air bersih, masalah elektrik bukan menjadi isu utama. Namun begitu masalah isu tekanan air terawat sering terganggu, tekanan air rendah dan sistem *piping* yang sangat uzur telah menyebabkan ketidakselesaan dan masalah berlarutan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya memohon agar Kementerian Pembangunan Luar Bandar melihat kepada permohonan-permohonan untuk meningkatkan kemudahan asas bagi rakyat-rakyat Samarahan khususnya dan Sarawak khasnya. Begitu juga saya ingin memohon agar Kementerian Kerja Raya dapat melihat tentang keperluan lampu jalan di sepanjang jajaran Jalan Datuk Musa bagi memudahkan pengguna jalan raya di sekitarnya. Begitu juga dengan isu-isu elektrik lain yang membelenggu kawasan-kawasan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon agar Kementerian Luar Bandar dapat mempertimbangkan jaringan jalan raya kampung dan kawasan pertanian di kawasan Asia Jaya dan Samarahan. Ini amat penting bagi memastikan hasil pertanian dapat dikeluarkan, dipasarkan dengan baik. Tambahan pula Kota Samarahan sebagai hub hubungan antara bandar sekitar Asia Jaya-Samarahan-Serian dan jika jaringan raya dipertingkatkan. Bukan sahaja memudahkan pergerakan rakyat malah boleh membantu pertumbuhan ekonomi kawasan sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya juga memohon kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk meningkatkan peruntukan untuk program-program keupayaan ekonomi bagi memajukan ekonomi masyarakat luar bandar. Kita amat berterima kasih dengan wujudnya beberapa program baru yang betul memberi impak dan memberi kesan kepada kehidupan masyarakat luar bandar seperti Desa Lestari, *Rural Business Challenge* dan juga pelbagai program pengupayaan ekonomi. Namun pada masa kini kadar ataupun tahapnya masih lagi di peringkat kecil. Kita minta program-program pengupayaan ekonomi ini digiatkan lagi bagi meningkatkan ekonomi pendapatan masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua isu seterusnya yang saya hendak bawa ialah berkaitan dengan kesihatan. Keprihatinan kerajaan dalam membina lima hospital baru menunjukkan bahawa kesihatan merupakan elemen penting dalam kehidupan rakyat. Dalam hal ini saya ingin membawa isu kesihatan kawasan saya Kota Samarahan bagi renungan ataupun perhatian lanjut pihak kementerian. Setakat ini Kota Samarahan mempunyai dua pusat kesihatan, dua Klinik Desa di Asia Jaya dan juga di Samarahan. Sedangkan jumlah keseluruhan penduduk Asia Jaya Samarahan adalah dalam lingkungan 150,000. Oleh itu saya memohon melalui peruntukan sebanyak RM260 juta bagi membina dan menaik taraf klinik desa, klinik kesihatan, klinik pergigian serta kuarters di seluruh negara. Saya amat berharap perkhidmatan kesihatan di Kota Samarahan dapat ditingkatkan juga dengan penambahan doktor dan juga infrastruktur, bangunan dan sebagainya.

Saya juga berharap Kementerian Kesihatan dapat menambah baik kemudahan yang sedia ada seperti mesin hemodialisis, ubat-ubatan, khidmat kesihatan di Pusat Kesihatan dan juga Klinik Desa di Kota Samarahan. Begitu juga saya menyarankan agar kementerian meningkatkan lebih banyak lagi program-program kesedaran kesihatan peringkat akar umbi seperti Program COMBI dan KOSPEN. Tahniah kepada pihak kementerian kerana program ini kita mendapat respons yang amat baik di peringkat akar umbi yang telah banyak memberi kesedaran dan mendapat pujian daripada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mengumumkan akan memulakan operasi Hospital Wanita dan Kanak-kanak Kuala Lumpur yang bernilai RM848 juta pada Oktober 2016. Pertanyaan saya kepada kementerian, adakah hospital yang sama akan dibina di Sarawak mahupun Sabah khususnya untuk wanita dan kanak-kanak sama seperti di Semenanjung pada masa akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya berkaitan dengan kenaikan harga barang. Dalam bajet kali ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan sebanyak RM260 juta disediakan untuk Program 1Harga 1Sarawak dan Program 1Harga 1Sabah bagi memastikan keseragaman harga barang terpilih di seluruh negara.

#### ■2110

Bagi rakyat Sarawak saya amat bersetuju dan menyokong penuh usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan ini bagi mengimbangkan harga barang di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Isu harga barang sering kali menjadi topik yang memberi kesan kepada kos kehidupan rakyat khususnya masyarakat luar bandar. Jika penyeragaman ini dapat dilakukan, saya yakin dan percaya bahawa usaha kerajaan untuk membawa negara ke arah negara maju akan lebih tercapai dengan pembangunan yang mampan dalam segala segi.

Selain daripada itu isu sampingan yang wujud daripada harga barang ialah penglibatan orang tengah dalam menetapkan harga barang di Sarawak. Dalam isu ini kerajaan perlu lebih peka dan lebih serius lagi mengenal pasti dan mengatasi masalah yang akan timbul oleh golongan orang tengah yang cuba campur tangan untuk menaikkan harga barang tertentu terutama barang keperluan harian. Pertanyaan saya dalam isu ini, apakah inisiatif kerajaan dalam isu orang tengah ini bagi memastikan perlaksanaan Program 1Harga 1Sarawak, 1Harga 1Sabah dapat dicapai sebaik yang mungkin?

Isu terakhir yang saya ingin kemukakan di sini ialah berkaitan dengan pertanian. Sudah semestinya pekerjaan utama di Kota Samarahan khususnya dan Sarawak ialah peladang dan nelayan. Oleh itu saya memohon bajet ini juga dapat membantu nelayan-nelayan di kawasan Asia Jaya khususnya dalam membina pusat jualan ikan. Pada masa ini, para nelayan di kawasan saya menjalankan jual beli di tepi jalan dan menjual beli kepada orang tengah dan tidak menunjukkan sistem yang sistematik dan ini telah merugikan para nelayan tersebut. Dengan adanya pasar nelayan yang tetap, maka urusan jual beli akan lebih sistematik dan terurus.

Begitu juga para peladang memohon agar turut mendapat peluang dalam program penanaman getah, koko dan kelapa sawit. Begitu juga saya berharap agar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat meningkatkan lagi peruntukan kepada Sarawak dan juga Kota Samarahan dalam membantu peladang dalam usaha kita meningkatkan *food production* untuk negeri dan juga negara. Tidak bergantung kepada padi dan beras sahaja. Kita mengharapkan program-program *food production* lain seperti tanaman jangka pendek dapat ditingkatkan kerana ia dapat menjana pendapatan yang lebih mudah, lebih tepat bagi petani-petani ataupun peladang-peladang di kawasan luar bandar. Satu lagi isu berkaitan dengan pertanian...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh habiskan Yang Berhormat?

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Saya memohon kepada kementerian untuk melihat tentang infrastruktur pertanian khasnya ban-ban ataupun benteng-benteng yang telah dibina sejak tahun 70-an yang kita nampak semakin longgar, mudah dimasuki air dan cepat rosak. Oleh itu menyebabkan air masin masuk dan telah menjaskan kawasan-kawasan pertanian yang seterusnya menjaskan pendapatan para petani dan peladang.

Oleh itu saya amat berharap juga agar Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dapat melihat tentang permohonan Program Tebatan Banjir bagi Samarahan dan juga memastikan sistem pengairan khususnya sungai-sungai diselenggarakan dengan baik dan sistematik bagi memastikan banjir dan juga kemudahan pertanian di kawasan Samarahan dan Sarawak dapat diselia dan diurus dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali harapan saya dalam bajet kali ini proses mengimplementasi dan pelaksanaan dapat dilakukan dengan lebih teliti, lebih telus dan mewujudkan hasil yang lebih efisien dan berkesan. Kita berharap Bajet 2016 akan memberi lebih keselesaan kepada masyarakat khususnya masyarakat luar bandar. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Samarahan mohon menyokong Bajet 2016. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Kuala Kedah.

#### **9.14 mlm.**

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat gusar dengan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan pada minggu lepas terutamanya tentang nasib masa depan anak-anak Malaysia yang bakal masuk ke institusi pengajian tinggi awam dan yang telah berada di institusi pengajian tinggi awam kita. Ini kerana kita dapat melihat pemotongan peruntukan kepada IPTA yang cukup menyesakkan.

Kalau maklumat yang saya dapat daripada rakan-rakan dan juga kita baca daripada luahan-luhanan dari kawan-kawan kita dan juga para akademik di institusi pengajian tinggi awam kita dengan Bajet 2015 sekarang ini keadaan mereka adalah merangkak-rangkak. Jadi kalau dengan kurang lagi peruntukan dengan pemotongan yang lebih membebankan lagi, maka Bajet 2016 akan jadi bajet yang menyebabkan mereka hanya boleh melunjur sahaja. Istilah Kedah kita sebut melunjur dari merangkak-rangkak, dia melunjur kerana mereka tidak boleh lagi merangkak sekalipun. Cukup menyeksakan.

Ini Tuan Yang di-Pertua sangat menjulur, maaf menjulur. Ini sangat ironis kerana kita bercakap tentang Malaysia mencapai taraf negara maju pada tahun 2020. Kita bercakap mengenai universiti bertaraf dunia. Bajet ini tidak sama sekali mencerminkan keazaman, kesungguhan atau usaha ke arah mencapai universiti dan juga para akademik yang bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang perlu sama sekali kita suarakan dan kita tolak satu ciri bajet ini yang sangat merugikan. Kita bakal merisikokan satu generasi pelajar. Mereka masuk ke universiti dengan serba kekurangan, dengan ahli akademik yang seba kekurangan. Tuan Yang di-Pertua sendiri baru sahaja menyelesaikan *tertiary education* peringkat yang tinggi PhD. Saya yakin bahawa Tuan Yang di-Pertua sendiri dapat melihat keadaan bagaimana sangat menyesakkan, sangat rumit di institusi pengajian tinggi awam kita. Dengan peruntukan yang dikurangkan lagi dan keadaan universiti yang menjulur tadi saya bimbang ia akan membawa kepada satu kitaran ganas, *vicious circle* Tuan Yang di-Pertua. Kita akan melahirkan para siswazah yang akan menghadapi kesukaran besar untuk mendapat pekerjaan. Akhirnya mereka akan masuk dalam statistik penganggur yang ada sekarang.

Sekarang kita ada 60,000 orang siswazah yang menganggur. Ini akan sangat membebankan masyarakat dan negara. Orang-orang miskin Tuan Yang di-Pertua, orang-orang miskin di negara kita yang mereka telah bersusah payah dalam keadaan yang susah payah mencari dana dan usaha memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka, mereka akan menerima dua pukulan daripada bajet ini. Pertamanya, anak-anaknya yang di IPTA akan menghadapi masalah kewangan. Masalah kewangan IPTA tadi akan terbeban kepada anak-anaknya. Kualiti pendidikan dan lain-lain lagi akan tentu sekali terancam.

Memang diketahui di IPTA kita sekarang USM misalannya, perubatan sampai empat orang pelajar dalam satu bilik yang sempit kerana tidak cukup peruntukan untuk memberikan kemudahan asrama yang lebih selesa. Itu akan mereka hadapi. Keduanya Tuan Yang di-Pertua, daripada bajet ini juga ada pemotongan kepada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ini tidak banyak Tuan Yang di-Pertua, cuma RM200 juta setahun. Itu pun dipotong 95%. Tinggal RM10 juta sahaja setahun.

Saya tidak boleh membayangkan Tuan Yang di-Pertua anak-anak miskin kerana saya kebetulan mewakili satu kawasan yang juga ada ramai orang miskin walaupun ada orang kaya di

sana. Saya melihat sendiri kesukaran orang-orang miskin untuk membayai pelajaran anak-anaknya. Walaupun benda-benda ini kecil dan sesetengah kita tidak menjadi isu Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin tidak menjadi isu kepada separuh besar daripada kita di sini kerana kita tidak mengalaminya. Akan tetapi bagi orang miskin RM10 juga Tuan Yang di-Pertua merupakan satu perkara yang sangat besar.

Apa yang sangat dikesalkan ialah kita merisikokan masa depan anak-anak kita yang akan ada masalah untuk masuk kerana PTPTN juga telah dikurangkan dan mereka masuk ke institusi pengajian tinggi awam yang telah disabotaj, dikurangkan peruntukannya yang telah dijadikan tempang.

#### ■2120

Maka mereka menghadapi masalah pembelajaran dan juga kemudahan fasiliti dan lain-lain lagi. Mereka ini Tuan Yang di-Pertua akan berada dalam keadaan yang sangat-sangat berisiko akan menghadapi masalah besar untuk lulus dengan cemerlang dan setelah lulus mereka akan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Ini yang saya bimbangkan sangat.

Saya tak faham Tuan Yang di-Pertua, bagaimana boleh Yang Amat Berhormat Pekan merasakan wajar membuat satu bajet mengambil wang daripada kumpulan anak-anak miskin tadi dan mengurangkan satu sektor yang sangat penting Tuan Yang di-Pertua yang terbukti sangat penting pada kesejahteraan...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil bangun Yang Berhormat.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Sekejap sahaja nanti saya bagi, sikit. Kesejahteraan negara kita iaitu masa depan satu generasi Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak bercakap mengenai benda-benda yang belum pasti perlu atau tidak perlu. Yang lebih menghairankan saya ingat kita memberikan pula RM300 juta kepada satu program yang mana masih boleh diperbahaskan keperluannya dan keberkesanannya iaitu Program PLKN. Walaupun ada disebutkan kebaikannya tetapi dalam keadaan kita berjimat, kita perlu memberikan *priority*, keutamaan kita bukan pada satu-satu program yang belum tentu jelas kebaikannya. RM300 juta tadi kalau diberikan kepada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin maka ia akan memberikan impak yang sangat besar Tuan Yang di-Pertua.

Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, kumpulan orang miskin inilah juga merupakan mereka yang menyumbangkan GST yang akhirnya menjadi penyelamat kepada bajet ini kepada kerajaan ini. Maka saya merasakan ini ialah satu bajet yang sangat janggal kita mengambil wang daripada orang miskin, kita mengambil wang daripada pelajar miskin, kita mengambil wang di universiti dan pelajar serta ahli akademik dan kita menggunakan untuk perkara-perkara yang belum tentu faedahnya.

Saya sangat bimbang Tuan Yang di-Pertua tentang masa depan negara kita, masa depan kita sebagai satu negara yang boleh bersaing. Apalah nasib Institusi Pengajian Tinggi Awam kita apabila kita kurangkan bajet ini, kita akan gagal untuk menarik minat dan penyertaan bakat-bakat terbaik dalam bidang masing-masing *like* semua bidang perubatan, undang-undang, sastera dan lain-lain lagi, maka kita akan terus ke belakang dan *ranking* kita akan terus menurun. Lebih teruk Tuan Yang di-Pertua, ini akan memberi impak yang besar rakyat akan hilang keyakinan.

Sekarang ini juga siswazah menganggur banyak Tuan Yang di-Pertua. Kita juga tidak menyelesaikan masalah-masalah orang miskin yang lain. Saya minta sedikit peluang untuk menyebut satu kes. Saya tidak sebutkan namanya tetapi di kawasan saya, di Kuala Kedah. Satu keluarga Tuan Yang di-Pertua, ini kes benar keluarga kita katakan keluarga 'J' di satu kampung nama kampung tepi laut di Kuala Kedah. Ibu pada keluarga ini telah meninggal. Maka bapanya menjadi bapa tunggal memelihara empat orang anak. Dua orang anaknya anak kembar. Dua-dua Tuan Yang di-Pertua dua tahun lepas dapat masuk ke universiti tetapi bapanya ini tidak ada keupayaan untuk menghantar mereka ke universiti sebab utamanya beliau tidak dapat bekerja sepenuh masa.

Kenapa tidak dapat bekerja sepenuh masa? Ini kerana antara sebabnya adalah banjir kilat selalu berlaku. Kampung-kampung sekitar pekan Kuala Kedah sampai kadang-kadang di musim hujan sampai tiga kali seminggu kena banjir kilat. Siapa yang pernah mengalami banjir kilat tau macam mana parahnya, macam mana tekanan psikologi dan fizikalnya cukup teruk Tuan Yang di-Pertua. Apa yang lebih ironisnya perkara ini telah disebutkan diulang lagi dan telah disebut dibuat kajian cukup tuntas sejak tahun 1996. Dikatakan pada tahun 1996 diperlukan RM143.7 juta lebih kurang untuk menyelesaikan masalah ini. Akan tetapi sampai sekarang tidak dapat diselesaikan kerana tidak ada peruntukan.

Ini telah mengakibatkan kesusahan yang luar biasa kepada beratus-ratus keluarga dan akibatnya mereka ini yang kebanyakannya merupakan golongan yang termiskin, mereka lagi tertekan. Jadi anak-anak tamat pelajaran belajar dengan baik, tidak ada wang dan sekarang kita telah *confirm* memang tidak ada lagi wang, kumpulan wang amanah miskin semua tidak dapat melanjutkan pelajaran dan mereka berlegar-legar di kawasan itu sahaja tidak ada pekerjaan. Ini membawa masalah dadah itu yang berlaku Tuan Yang di-Pertua. Ini saya tidak lihat sebarang usaha yang sungguh daripada bajet untuk mengatasi masalah ini.

Kita berangan-angan bahawa kita berada di ambang negara maju tahun 2020 tetapi kita tidak melihat rakyat kita yang tiga kali seminggu rumahnya dimasuki banjir kilat yang sejak 1996 kita tak memberikan peruntukan yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah ini Tuan Yang di-Pertua. Itu saya merasa cukup terkilan dengan bajet ini dan saya rasa kita perlu menolak bajet ini dan kita perlu melihat kembali prioriti keutamaan kita. Dalam keadaan kesempitan, prioriti kita ialah rakyat harus sejahtera, rakyat harus dapat belajar dan kita harus mengharungi masa sukar

ini dan keluar daripadanya dengan lebih kuat, lebih kukuh dengan rakyat yang lebih berkualiti dan institusi pengajian tinggi dan lain-lain lagi tidak lagi tercemar Tuan Yang di-Pertua tidak terkena kesan buruknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut sedikit tentang isu kesihatan yang pada saya satu isu yang sangat besar yang tak dibahaskan dan disebut dibincangkan dengan baik selama ini. Ini isu berkenaan dengan penyakit kencing manis atau *diabetes mellitus type 2*, jenis 2 Tuan Yang di-Pertua. Penyakit ini adalah salah satu punca utama ketidaksejahteraan dan masalah kematian kecacatan yang sangat besar Tuan Yang di-Pertua. Dia banyak terkena sekarang ini pada orang miskin juga kerana pemakanan dan lain-lain lagi. Apa yang saya hendak sebut ialah Kementerian Kesihatan punya satu garis panduan yang pada saya cukup celaru Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana itu masalah ini bukan semakin baik ia semakin buruk.

Dari segi nasihat kesihatan saya sebut beberapa kali itu salah kerana kita terperangkap dalam apa yang disebut sebagai doktrin anti lemah itu salah. Akan tetapi juga dalam rawatan Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit. Ini bukan ceramah kesihatan, saya sebut kepada dasar tetapi saya akan sebutkan sedikit. Dalam *diabetes mellitus type 2* ini apa yang berlaku ialah seseorang itu mempunyai insulin yang terlebih maka akhirnya ia hilang sensitiviti kepada insulin. Apa yang berlaku ialah rawatan kita sebaik sahaja seseorang itu didiagnoskan sebagai mengalami *diabetes* kita bagi ubat menambah insulin. Kalau perlu kadang-kadang kita berikan suntikan untuk menambahkan insulin. Insulin sudah terlebih dan orang itu mengalami kesan lebih insulin iaitu badannya jadi gemuk, tekanan darahnya naik, darahnya jadi beku dan lain-lain lagi. Itu kesan lebih insulin. Kita tambahkan insulin sebab kita hendak turunkan paras gula.

Akhirnya apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, kita tidak berjaya mencapai matlamat. Ini jelas berlaku seluruh dunia. *Mainstream medicine* dan juga apa yang diikuti oleh Kementerian Kesihatan sangat bercanggah dengan fisiologi, logik dan juga faktor fisiologi rawatan penyakit. Orang terlebih insulin kita tambah insulin. Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua pada tahun 2008 ada kajian besar yang bernama ACCORD. Kajian itu menunjukkan seseorang yang mengambil rawatan, mengambil insulin mengambil ubat menambahkan insulin, akhirnya mereka mati dan mereka lebih cacat, lebih cedera berbanding dengan orang yang tidak mengambil ubat. Selepas itu ada kajian-kajian lain. Sepatutnya kajian-kajian ini membuka minda dan cara berfikir Kementerian Kesihatan bahawa ada sesuatu yang tidak kena. *Something is wrong with the way we have been managing our diabetic.*

Tuan Yang di-Pertua, kita antara yang paling teruk di dunia terkena serangan *diabetes* ini. Kita ada bekas Ahli Parlimen yang mati kerana serangan sakit jantung, rosak buah pinggang kerana *diabetes* yang dikerat kaki, dipotong kaki, hilang mata penglihatan, *diabetic retinopathy*, kerosakan buah pinggang, sakit jantung dan strok, ramai. Mereka mengambil rawatan bukan mereka ini orang yang tidak mengambil rawatan. Akan tetapi falsafahnya dan konsep rawatan tadi itu salah dan ini tidak pernah difikirkan. Saya rasa tak pernah dibahas dengan baik oleh

Kementerian Kesihatan. Iaitu seseorang yang tidak mendapat diagnosis sebagai terkena diabetes, pergi ke hospital terus diberikan ubat, akhirnya keadaannya lebih teruk. Ada yang baik sikit sementara tetapi tahun depan dari satu ubat, dia perlu dua ubat. Tahun depan lagi perlu tiga ubat, tahun depan lagi empat ubat. Tahun depan lagi perlu *injection insulin* dan tahun seterusnya kita dengar dia rosak buah pinggang, dia dikerat kaki dan dia kena sakit jantung dan strok Tuan Yang di-Pertua.

Sedangnya perubahan telah berlaku, kajian-kajian yang besar yang cukup *credible* menunjukkan ini ialah satu cara yang tidak betul dalam perawatan. Ini diakui oleh pelbagai tempat tetapi malangnya kita tidak lihat sebarang usaha oleh Kementerian Kesihatan untuk memahami dan berusaha merubah keadaan ini. Wang kita habis banyak Tuan Yang di-Pertua, jutaan ringgit, bilion jikalau kita ambil kira, kesusahan, kesukaran tidak dapat bekerja kecacatan dan lain-lain lagi.

#### ■2130

Ada pekerja-pekerja kerajaan yang terpaksa tiga kali seminggu pergi dialisis. Tiga kali seminggu, tiga hari tidak dapat bekerja, ditolak daripada gaji dan dialisis juga mahal kerana cara rawatan ini tidak betul Tuan Yang di-Pertua. Ini saya minta supaya kita bincangkan dan kita sanggup memberikan pandangan. Malahan saya memberikan saranan sejak tahun 2013, so dilihat balik piramid makanan yang sebenarnya menggalakkan terjadi diabetes tahap 2 yang tidak betul dan dijanjikan akan diperbetulkan perkara ini, belum ada sebarang usaha.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Mesyuarat]*

Maka itu, saya rasa perlu dilihat, kita berbelanja. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit. Rawatan yang berlaku tentang *diabetes mellitus type 2* ini yang boleh menyembuhkan langsung berlaku banyak di luar daripada sektor Kementerian Kesihatan, dipihak swasta tidak ada. Apa yang disebut *intermittent fasting* atau berpuasa dan kemudian diikuti dengan diet yang betul, *low carbohydrate high fat diet*, diet rendah karbohidrat dan tinggi lemak yang semula jadi. Itu terbukti bukan sahaja boleh menghilangkan apa yang disebut *insulin resistance*, orang boleh sembah terus daripada diabetes type dua, maka tidak ada yang buta kerana diabetes, tidak ada kerosakan buah pinggang kerana diabetes, tidak ada yang dipotong kaki kerana diabetes, tidak ada sakit jantung dan strok kerana diabetes Tuan Yang di-Pertua.

Saya merasa amat malang kalau perkembangan ini yang berlaku di sebelah swasta luar daripada *mainstream* tidak diraikan oleh Kementerian Kesihatan, kita sangat kurang. Untuk melakukan *research* tentang bidang ini Tuan Yang di-Pertua, tidak mahal. Kita buat kajian tentang puasa. Puasa telah diamalkan ribuan tahun oleh manusia dan bukan itu soalnya Tuan Yang di-Pertua. Proses *intermittent fasting* ini disebut oleh seorang pakar diabetes yang paling *top* di dunia, orang yang menemui insulin, Banting dan Best. Mereka menemui insulin, mereka

ambil inokulogi yang *top*, mereka telah menyembuhkan *diabetes mellitus* tahap 2 boleh dirawat dengan puasa. Akan tetapi kita tinggalkan kerana kita terperangkap dalam dorongan *industry pharmaceutical*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kapar bangun.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Setiap kali diberi ruang untuk Yang Berhormat Kuala Kedah, dia banyak menjelaskan tentang— saya ringkaskan dengan *prevention is better than cure*. Itu yang dibawakan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya ingin tahu daripada peruntukan untuk Kementerian Kesihatan yang berbilion-bilion ringgit, berapa banyak kah dana yang telah diperuntukkan untuk membawa mesej *prevention is better than cure* kepada rakyat Malaysia. Kita mendapati kurang didikan dari sudut untuk membanteras ataupun untuk menjaga kesihatan kita, selalunya apabila sudah mudarat barulah kita hendak mencari ubat, hendak membuat sesuatu untuk memperbaiki keadaan. Saya rasa benda ini tidak patut diselitkan sekarang. Saya dahulu masih lagi ingat kita belajar ilmu kesihatan, semasa kita pada zaman persekolahan tetapi sekarang sudah tidak ada ilmu kesihatan. Saya rasa benda-benda macam ini perlu diperbaiki oleh Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Pendidikan. Ulasan Yang Berhormat, terima kasih.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Saya sebut sedikit, bukan sahaja usaha *prevention* itu tidak dilakukan dengan baik, tidak diberikan peruntukan yang sesuai dan sewajarnya tetapi yang disebutkan *prevention* itu juga tidak dilakukan dengan betul, teorinya tidak betul tetapi kita perlu masa khusus untuk membincangkan itu. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, kita ada benda-benda yang mudah, yang murah seperti puasa dan *dieting* yang betul. Itu perlu digunakan dulu, dibetulkan, barulah kita beli ubat.

Sekarang, pendekatan Kementerian Kesihatan adalah sangat berorientasikan kepada industri ubat. Sakit ini beri ubat, diabetes terus *start* ubat. Ini bukan satu cerita yang saya rekareka kan, ini maklum balas dari semua orang dan terus kena *side effect* ubat. Sedangkan diabetes *type dua*, kencing manis yang biasa berlaku, terbaiknya ialah kita mulakan dengan *intermittent fasting* tadi. Bukan mesti berpuasa macam syarak, semua orang boleh buat *intermittent fasting*, ada caranya dan juga kita boleh melakukan *dieting* yang betul. Itu 80% komplikasi dan 80% masalah diabetes itu boleh dikurangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kedah, boleh gulung ya.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya, terima kasih. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya kita melihat balik segala yang dipotong tadi, kita utamakan kesejahteraan

rakyat dan dalam pengawalan diabetes, kita buat *research* benda yang *simple*. *Research* puasa Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja tidak mahal, ia akan menjimatkan wang kerana orang akan kurang makan. Tidak perlu alat sofistikated, tidak perlu berjuta-juta dan berbilion-bilion. Sedangkan penjimatannya Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada RM2.6 bilion, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit.

### 9.35 mlm.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan kesempatan untuk turut sama membahaskan Bajet 2016. Isu pertama yang saya hendak bahaskan ialah memartabatkan penggunaan bahasa Melayu. Terlebih dahulu saya ingin membangkitkan isu berhubung penggunaan bahasa Melayu yang masih pada tahap yang tidak memberangsangkan. Kita maklum bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara dan telah dimaktubkan dalam Artikel 153, Perlembagaan Malaysia. Akan tetapi sedih kerana rakyat Malaysia masih memandang rendah penggunaan bahasa Melayu.

Pelbagai usaha telah pun dilakukan oleh kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu tetapi langkah tersebut ibarat '*seperti anjing menyalak bukit*'. Masih ramai di luar sana merasa lebih cenderung untuk menggunakan bahasa Inggeris kerana mendakwa kononnya sesuai untuk sebuah negara maju dan dapat mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan sebagainya. Malangnya, tiada kajian empirikal yang menunjukkan kemajuan sesuatu bangsa berkaitan dengan penggunaan bahasa Inggeris. Beberapa buah negara yang meningkat maju pertumbuhan ekonominya seperti Korea, Jepun, China, Perancis, Indonesia, Jerman dan negara Latin Amerika tetap memartabatkan bahasa kebangsaan sendiri dalam urusan rasmi mereka dan mereka menjadi negara yang maju.

Di Malaysia, penggunaan bahasa Melayu terus dipinggirkan tetapi sebaliknya lebih mengutamakan bahasa Inggeris. Keadaan ini sudah tentu amat menyedihkan kerana setelah sekian lama dan pelbagai usaha telah dilakukan, masih ramai yang lebih cenderung dan mengagungkan bahasa Inggeris. Jadi, di manakah silapnya? Adakah ia berpunca daripada kelemahan kerajaan kerana gagal menerapkan dasar yang jelas atau kelemahan penguatkuasaan yang bersepadu? Inilah yang perlu dicari dan dikenal pasti agar segala punca kelemahan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, semacam ada sesuatu yang tidak kena apabila kita hanya menjadi penonton kepada papan iklan promosi dan pelbagai bentuk seranta yang menggunakan bahasa lain, sedangkan sasarannya orang Malaysia yang memahami bahasa Melayu. Malah kita lihat pelbagai bahasa orang asing seperti Nepal, Myanmar dan Bangladesh telah pun ada dipapan-

papan tanda iklan haram. Kita tidak boleh menyalahkan Dewan Bahasa dan Pustaka semata-mata sedangkan urusan media dan segala iklan diuruskan oleh majlis dan kerajaan tempatan.

Dalam pada itu, kita melihat sebahagian kementerian dan agensi kerajaan tidak memperlihatkan kesungguhan dalam menggalakkan bahasa kebangsaan. Di kalangan sektor swasta lagi teruk, kepentingan menggunakan bahasa Inggeris lebih, bahasa kebangsaan telah diabaikan. Adalah didapati dalam sesetengah kementerian, mesyuarat mereka masih dikendalikan dalam bahasa Inggeris, malah ada agensi kerajaan yang mengelolakan majlis mereka dalam bahasa itu. Dalam persidangan-persidangan antarabangsa pula, kita lihat umpamanya perwakilan kita masih enggan dan malu untuk bertutur dalam bahasa kebangsaan. Mereka masih gemar dan mengagungkan penggunaan bahasa Inggeris.

#### ■2140

Dalam soal ini, kerajaan sewajarnya bertegas kerana Dewan Bahasa dan Pustaka sudah melakukan sebaik mungkin. Dewan Bahasa dan Pustaka tidak boleh berjuang bersendirian sebaliknya kerajaan perlu bersama komited dalam hal ini. Sasaran untuk mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan terpenting di antarabangsa pada tahun 2020 boleh direalisasikan dengan syarat semua pihak komited dalam soal ini, baik kerajaan mahu pun swasta.

Justeru, saya mohon kepada kerajaan agar dapat memberikan dana khusus kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk melatih seramai mungkin penterjemah peringkat antarabangsa seperti yang dilakukan oleh banyak negara seperti China, Jepun dan Korea. Dengan ramainya penterjemah, kita boleh mempermudah penggunaan bahasa kita di peringkat antarabangsa dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pendirian tegas kerajaan untuk terus memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara adalah satu jaminan untuk membela, memelihara serta mempertahankan bahasa Melayu sesuai dengan statusnya sebagai Bahasa Kebangsaan amatlah diperlukan. Oleh itu, saya melihat sudah sampai masanya suatu akta dan penguatkuasaan undang-undang dilaksanakan untuk memberi mandat kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengambil tindakan kepada pihak yang masih berdegil melanggar serta mencemar penggunaan bahasa Melayu. Jika perlu, roboh dan musnah mana-mana bentuk iklan yang mencemarkan bahasa dan tidak menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya.

Selain itu, semua kementerian, agensi kerajaan serta syarikat berkaitan kerajaan dan swasta wajib menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam setiap urusan harian rasmi mereka. Dalam era dunia yang semakin mencabar, bahasa Melayu berhadapan dengan cabaran, ledakan teknologi maklumat dan komunikasi yang boleh memburukkan lagi keadaan sekali gus menutup usaha bersepada semua pihak bagi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu seiring perkembangan masa.

Saya juga memohon kerajaan supaya panduan penggunaan bahasa kebangsaan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pekelilingnya hendaklah juga diperluaskan kepada sektor swasta, persendirian dan juga organisasi lain. Hasrat untuk mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa tinggi akan terkubur jika rakyat sendiri meminggirkan keindahan bahasa warisan. Oleh itu, ia harus dibudayakan dengan memupuk amalan luas di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua adalah tentang perpaduan nasional. Walaupun isu ini telah diperdebatkan banyak kali dalam Dewan ini tetapi apa yang berlaku hari ini ialah perpaduan kaum semakin teruk dan semakin terjejas. Jadi kerana itu, bagi saya, sesuai sebagai sebuah negara seperti Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, perpaduan nasional amatlah penting. Malah, ia dianggap sebagai satu kepentingan negara yang amat perlu diberi perhatian agar sebarang halang rintangan yang ranjau meranjuinya tidak akan menggugat keamanan, kestabilan, kemakmuran, keharmonian dan jaminan keselamatan yang dikecapi rakyat negara ini.

Saya sentiasa memberi perhatian tinggi berhubung isu perpaduan nasional ini kerana bagi saya ia amat penting bagi keamanan, kemajuan dan kesejahteraan negara. Pernah para intelek keselamatan mentafsirkan bahawa ancaman paling utama bagi negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti Malaysia ialah pertelingkahan kaum. Sekiranya ia terjadi, pastinya negara akan hancur sama sekali dan akan mengambil masa yang amat lama untuk dipulihkan.

Tuan Yang di-Pertua, negara pernah menempuh sejarah hitam akibat daripada peristiwa 13 Mei 1969 yang telah meragut banyak nyawa dan kehilangan banyak harta. Oleh itu, janganlah jadikan isu-isu yang sensitif dan boleh membakar perasaan antara kaum boleh menyebabkan berulangnya sekali lagi peristiwa itu. Kalau selama ini Malaysia disanjung kerana masyarakatnya yang berbilang kaum dapat hidup dengan harmoni dan aman damai serta dijadikan model oleh kebanyakan negara, maka sikap toleransi antara kaum yang telah lama disemai ini hendaklah diteruskan dan jangan sekali-kali dicabar. Kita mahukan rakyat Malaysia sentiasa hidup dalam perpaduan dengan mengetepikan segala unsur fitnah dan hasutan yang boleh memecahkan keharmonian dan kerukunan hidup rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati terdapat pihak-pihak yang berusaha untuk merosakkan perpaduan negara semata-mata untuk mencapai cita-cita politik mereka. Malah, tingkah laku mereka mengheret masalah dalam negara yang melibatkan negara luar terutama media asing amat menjengkelkan dan mencemarkan imej negara. Dengan menggunakan alasan bahawa tiada keadilan, hak asasi manusia seperti mempertikaikan isu-isu beragama, kedaulatan Raja-raja dan hak bumiputera, golongan ini menyebarkan pelbagai dakyah dan hasutan untuk memecahbelahkan rakyat Malaysia.

Dewasa ini, penggunaan saluran media sosial sudah melampaui batas sehingga digunakan bagi tujuan menghasut dan mencaci antara satu sama lain. Ia kelihatan seolah-olah

sukar dikawal. Jika tidak dibendung, saya percaya perpaduan yang dikecapi sebegini lama akan hancur lebur dan akan mewujudkan suasana tidak tenteram sehingga boleh menyebabkan kacau bilau serta menggugat keselamatan negara.

Oleh itu, saya mendesak kerajaan supaya bertindak tegas terhadap mereka yang menyalahgunakan media sosial untuk menghasut dan mencaci antara kaum. Jika keadaan masih juga tidak boleh dikawal, saya rasa sudah tiba masanya supaya kerajaan mengambil tindakan yang lebih drastik lagi dengan menutup perkhidmatan saluran media sosial ini seperti yang dilakukan oleh Kerajaan China.

Walaupun SKMM diberi kuasa untuk mengawal gejala ini, nampaknya mereka masih belum berupaya untuk membendung gejala negatif ini. Perbuatan penghinaan dan hasutan masih berterusan berlaku seperti kes penghinaan oleh Alvin Tan yang secara terang-terangan menghina masyarakat Islam dalam isu sambutan bulan Ramadhan dan azan solat. Jadi saya ingin tahu, mengapa susah sangat untuk membawa balik Alvin ini ke Malaysia untuk didakwa?

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengintegrasikan masyarakat majmuk di negara ini bukan proses mudah. Setiap bangsa telah ditakdirkan untuk menjalani hidup yang berpisah-pisah sejak zaman kolonial melalui konsep pecah dan perintah. Apabila negara mencapai kemerdekaan, pemimpin politik awal yang mewakili tiga bangsa utama di Semenanjung tidak pula memilih suatu elemen penyatuan umpamanya melalui sistem pendidikan kebangsaan yang tunggal seperti yang dilakukan di Thailand dan Indonesia.

Maka, berlaku setiap bangsa mempunyai sistem pendidikan masing-masing. Masyarakat Cina dengan pendidikan Cinanya, masyarakat India dengan pendidikan sekolah Tamilnya dan masyarakat Melayu dengan pendidikan sekolah Melayu. Mereka menggunakan bahasa yang berbeza-beza dan mereka membaca bahan media yang berlainan.

Pendekatan sedemikian menyebabkan tiada saluran untuk pelajar berbilang bangsa berinteraksi dan berkomunikasi sejak di peringkat sekolah rendah lagi. Pendek kata, hampir tiada titik pertemuan yang membolehkan mereka membuat tanggapan positif demi masa depan integrasi nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Kapar bangun.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Saya nak habiskan. Nanti saya bagi ya.

Inilah masalah yang dihadapi oleh negara sekarang. Ia menjadi punca utama mengapa tidak ada integrasi kaum dan keretakan perpaduan kaum yang semakin melebar. Walaupun kerajaan cuba untuk mengatasi perkara ini dengan mengadakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang bertujuan untuk menyatukan rakyat Malaysia, namun ia masih dilihat tidak mencapai objektif berkenaan. Untuk memupuk perpaduan, tidak cukup hanya melalui program PLKN ataupun kegiatan berkala antara SRK dengan SRJK. Ia memerlukan usaha yang lebih daripada itu.

■2150

Pendidikan yang terpisah-pisah memerlukan kerajaan merancang program integrasi nasional yang lebih menyeluruh, konsisten dan berjangka panjang. Perpaduan nasional perlu dipupuk kepada rakyat Malaysia bermula di peringkat kanak-kanak, belia dan warga tua. Akan tetapi apa yang mendukacitakan di peringkat kanak-kanak lagi perpaduan nasional...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** ...telah gagal dipupuk. Terdapatnya sistem pendidikan dan pelbagai aliran bahasa. Pada peringkat awal persekolahan lagi mana mungkin pembinaan perpaduan nasional dapat dicapai.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Parit, jangan baca teks sahaja.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Inilah yang menyebabkan...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua ada tegur tadi, hormat Tuan Yang di-Pertua sikit.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Kanak-kanak pelbagai kaum tidak dapat membaca dan bertutur dalam bahasa kebangsaan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Baca teks sahaja.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Sila...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat Parit membuat tafsiran yang salah mengatakan bahawa kerana adanya sekolah-sekolah vernakular inilah maka wujudnya masalah integrasi nasional, tidak ada perpaduan. Saya tidak boleh terima perkara ini sebab jangan kita dari atas tengok ke bawah, ke peringkat sekolah rendah. Kita tengok kalau kita betul-betul hendak wujudkan perpaduan di negara kita, pertama sekali kenal parti-parti politik yang ada di negara kita. UMNO untuk orang Melayu, MCA untuk orang-orang Cina, MIC untuk orang-orang India, bolehkah kita satukan itu? Wujudkan perpaduan di peringkat atas, jangan lihat di bawah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit boleh gulung.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Banyak lagi ceritanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sesuai dengan ketinggian.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Sikit lagi, sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan pelaksanaan sistem sekolah satu aliran perlu disegerakan jika kerajaan berhasrat mewujudkan sebuah negara bangsa dan

melahirkan generasi muda yang fasih berbahasa kebangsaan serta mengenal erti perpaduan tanpa mempersoalkan kaum-kaum lain. Sekolah satu aliran tidak akan membunuh kewujudan masyarakat majmuk di negara ini. Ini kerana bahasa ibunda masing-masing masih boleh dipelajari dengan menjadikannya sebagai subjek di sekolah-sekolah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Parit. Ini penting. Yang Berhormat, boleh ya?

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Saya sudah tidak ada masa dah itu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Memang tidak bagilah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak bawa perbandingan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh atau tidak boleh ini, benarkan?

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Saya hendak bercakap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, hendak bercakap lagi...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sikit sahaja, sikit sahaja.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Minta maaf. Okey, sikit-sikit.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih. Saya ingin membawa perhatian kepada Dewan ini termasuk Yang Berhormat tadi. Bandingkan sistem di Malaysia dengan *Singapore*, itu sahaja. Di *Singapore*, bahasa ibunda masih lagi dikenakan dan *national language* dia masih lagi boleh diagungkan. Di sini saya sebagai seorang India masih lagi menghormati dan mengatakan bahawa bahasa rasmi negara kita adalah bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia saya pun adalah kefasihan sikit tetapi bahasa ibunda perlu diperkuatkhan bukan sebab bahasa ibunda bahasa Malaysia tidak dimartabatkan.

Kita tengok di beberapa iklan pun. Bahasa Malaysia yang betul tidak digunakan. Bahasa Malaysia yang dikatakan ada di dalam Dewan Bahasa dan Pustaka tidak digunakan. Kita pun gunakan bahasa Malaysia yang tidak ada standard. Tidak kisahlah orang Melayu kah, orang India kah, orang Cina kah saya rasa itu perlu diperkuatkhan. Bukan kerana wujudnya bahasa ibunda, bahasa Melayu tidak dimartabatkan. Saya rasa itu salah. Pendapat Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Akan tetapi pada pandangan saya untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang kuat dan berpadu, harus kita gunakan satu bahasa, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua saya hendak menyentuh perkara ketiga iaitu menghargai penjawat awam. Perkara yang kelima iaitu melantik secara tetap penjawat-penjawat awam yang telah berkhidmat secara kontrak sekurang-kurangnya 15 tahun. Bagi saya ini satu tindakan ke depan yang baik oleh kerajaan. Cuma di kesempatan ini, saya hendak minta kerajaan fikir balik sebab

pelaksanaannya bermula pada 1 Julai 2016. Apa akan jadi jika mereka yang berkhidmat lebih daripada 15 tahun, 16 tahun atau 17 tahun tiba-tiba mereka bersara pada bulan 1, bulan 2?

Maka rugilah perkhidmatan mereka selama ini yang telah menyumbangkan khidmat yang baik kepada kerajaan. Maka kerana itu saya mencadangkan kepada kerajaan supaya memikirkan balik atau memberikan pengecualian kepada mereka yang telah berkhidmat yang telah berkhidmat lebih dari 15 tahun tapi hendak penceburan bulan satu, bulan dua yang mereka ini boleh juga diserapkan sebagai anggota tetap kerajaan. Itu yang pertama.

Kedua tentang kebaikan penjawat-penjawat awam tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini, saya bukan minta yang kedua, saya minta gulung.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Okey gulung. Kedua, tentang di kawasan saya *alhamdulillah* masa bajet tahun sudah Yang Berhormat Menteri Kewangan telah meluluskan hospital. Apabila saya tanya di peringkat daerah, memang projek itu akan dijalankan. Cuma saya hendak minta Kementerian Kesihatan Tuan Yang di-Pertua, supaya jangan sekaklik kerja penambahbaikan itu dengan Hospital Parit Buntar. Oleh sebab saya di Parit, kami di Seri Iskandar tapaknya sudah siap sedia untuk bila-bila pun pembinaan boleh buat. Akan tetapi di Parit Buntar mereka berdepan dengan masalah tapak. Oleh sebab itu saya minta kepada Kementerian Kesihatan atau kerajaan supaya janganlah tunggu buat sekali pembinaan Hospital Seri Iskandar dengan hospital di Parit Buntar.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini Tuan Yang di-Pertua berlaku banjir kilat di tempat saya. Ada beberapa buah kampung, lebih kurang 10 buah kampung berlaku. Jadi dalam hal ini saya ingin minta pada JPS yang selama ini kita membersihkan kawasan perparitan, sungai dan sebagainya, mereka kata tidak ada duit. Jadi melalui peruntukan yang ada pada hari ini, saya minta kepada JPS untuk memberikan perhatian kepada masalah perparitan yang menyebabkan selalu banjir kilat berlaku.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kerana menghormati kehendak Tuan Yang di-Pertua, maka saya hendak menutup ucapan saya dengan menyatakan bahawa bajet ini merupakan satu perancangan yang strategik dan berhemah yang mengambil kira keperluan rakyat dan cabaran-cabaran semasa di samping untuk merancang masa hadapan. Tidak ada rakyat yang tidak terkesan dan menaruh faedah daripada bajet ini. Maka saya dengan itu, Parit menyokong. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit tidak ada hubaya-hubaya. Sila Yang Berhormat Rasah.

#### **9.57 mln.**

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya sama-sama menyertai perbahasan Bajet 2016.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2016 bertema 'Mensejahtera Kehidupan Rakyat' dan saya rasa rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini sebenarnya kita harus bertanyakan diri kita sendiri, adakah bajet ini benar-benar memberi kesejahteraan kepada rakyat negara kita? Tuan Yang di-Pertua, salah satu infografik yang sedang *viral* di sosial media. Ia telah pun memberi maklumat yang agak terperinci kepada semua, tentang apa yang sedang rakyat kita hadapi.

- (i) bayaran tol untuk 15 *highway* dinaikkan pada kadar sebanyak 100% pada bulan Oktober;
- (ii) tambang LRT dinaikkan sebanyak 102% pada Disember tahun ini;
- (iii) tambang KTM, komuter dinaikkan sebanyak 58% pada bulan Disember;
- (iv) tambang monorel dinaikkan sebanyak 40% pada bulan Disember;
- (v) tidak ada lagi subsidi kepada penggunaan elektrik di mana penggunaannya cuma di bawah RM20 pada tahun hadapan;
- (vi) tambang teksi dinaikkan sebanyak 49% manakala tambang bas ekspres dinaikkan sebanyak 22% ; dan
- (vii) minyak masak pada tahun hadapan tidak ada subsidi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya katakan di sini, kalau Kerajaan Barisan Nasional masih ingat lagi ketika masa kempen PRU yang ke-13, Kerajaan Barisan Nasional telah pun menjanjikan - saya masih ingat lagi walaupun saya berada di pihak pembangkang.

#### **■2200**

Saya masih ingat lagi walaupun saya berada di pihak pembangkang, saya ingat lagi salah satu perkara yang ingin diselesaikan oleh pihak kerajaan jikalau BN dapat kekal berkuasa di Putrajaya adalah untuk menangani kos sara hidup rakyat. Tetapi apa yang kita perlihatkan selepas Barisan Nasional menang di Putrajaya dengan undi popular cuma lebih kurang 48%.

Kita telah pun lihat siri kenaikan harga barangan telah pun berlaku di negara kita. Dan paling teruk sekali, sejak 1 April tahun ini. GST telah pun dilaksanakan dan kita secara langsung telah memperlihatkan impak yang dihadapi oleh seluruh rakyat Malaysia khususnya setiap barangan yang kita beli.

Kebanyakan barangan yang kita beli itu dikenakan sebanyak 6% cukai GST. Saya ambil contoh, bagi rakyat jelata kalau mereka *withdraw* duit daripada ATM *machine* bukan dari bank asal mereka, mereka akan dikenakan sebanyak enam sen GST, cuba bayangkan enam sen ini walaupun dilihat kurang tetapi satu hari berapa rakyat Malaysia khususnya mereka yang cuma *withdraw* RM50 ataupun *withdraw* RM100 dikenakan enam sen daripada GST.

Selain daripada itu, ini pengalaman diri saya sendiri, saya berhenti di RnR, dan saya pergi Petronas saya beli gula-gula HACKS gula-gula HACKS pun kena 6% GST. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini adalah masalah yang dihadapi oleh seluruh rakyat Malaysia. Saya percaya kita semua di dalam Dewan ini kita dapat merasai impak GST termasuk ketika menghantar

kereta kita untuk service. Saya percaya semua daripada kita tidak ada seorang pun boleh dikecualikan daripada dikenakan cukai GST.

Jadi dalam pelaksanaan GST ini, saya rasa memang setuju dengan cadangan Yang Berhormat Gua Musang. Walaupun Yang Berhormat Gua Musang berada di sebelah sana, tetapi beliau tetap berdiri teguh bersama rakyat kerana beliau turut memberi cadangan kepada pihak kerajaan supaya menangguhkan pelaksanaan GST yang akan membebankan seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya kata GST ini membebankan rakyat. Pihak kerajaan pula menyatakan bahawa GST ini akan meningkatkan pendapatan Kerajaan Pusat dan seterusnya kerajaan akan melaksanakan dasar ataupun memberi pulangan yang baik kepada rakyat jelata. Dan saya hendak ambil satu contoh, dua tiga hari yang lepas saya baru dengar satu berita di mana Timbalan Menteri Kementerian Sains dan Teknologi Inovasi telah pun mengumumkan kementerian berkenaan akan memohon ataupun memberi cadangan kepada Kerajaan Pusat untuk mengadakan Program Angkasawan 2.

Tuan Yang di-Pertua, saya langsung tidak membantah program-program yang dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia. Cuma pada masa ini, ketika rakyat kita dikenakan cukai GST, ketika rakyat kita terpaksa menghadapi beban kehidupan yang begitu tinggi, tiba-tiba pula ada seorang Timbalan Menteri yang mengatakan mereka hendak melancarkan program hantar angkasawan nombor dua ke angkasa lepas. Tuan Yang di-Pertua, persepsi rakyat terhadap pihak kerajaan, kalau pengumuman ini dibuat ketika masa kritikal, saya rasa ini memang kurang cerdik dan saya berharap kementerian yang berkenaan boleh memberi satu penjelasan kepada kita semua di dalam Dewan ini. Supaya kita mengetahui apa yang ingin mereka laksanakan, memandangkan negara kita apa yang kita perlu buat pada masa ini adalah mencari penyelesaian untuk menyelesaikan masalah ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin di sini, walaupun saya daripada pihak pembangkang. Saya juga ingin mengalukan pihak kerajaan yang telah pun meluluskan pembangunan *Vision Valley* di Negeri Sembilan. Saya difahamkan sebanyak RM5 bilion akan dilaburkan di *Vision Valley* di mana dari Nilai sehingga Port Dickson. Tetapi di sini, saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa khususnya kementerian ataupun pihak jabatan yang berkenaan. Jikalau kerajaan merancang untuk membuat pelaburan sebanyak RM5 bilion di *Vision Valley* ini. Sebenarnya pelaburan ini sepatutnya meneliti apakah rintangan ataupun apakah cabaran yang kemungkinan besar akan dihadapi oleh kerajaan ketika membuat pelaburan ini?

Sebab saya ingin sekali lagi, membangkitkan isu ini di dalam Dewan iaitu di *Vision Valley* ini dari Nilai sampai Port Dickson sebenarnya di tengah-tengah *Vision Valley* ini mempunyai satu kilang memproses sisa toksik berjadual iaitu nama syarikat itu adalah Pusat Kualiti Alam. Tuan Yang di-Pertua, Pusat Kualiti Alam ini memproses sisa toksik dari seluruh negara. Sisa toksik,

sisa berbahaya dari Perlis, dari Penang dari Kedah dari Selangor dari Johor semua dibuang ataupun diproses di Pusat Kualiti Alam yang berlokasi di Sendayan.

Jadi kalau pihak kerajaan ingin melaburkan sebanyak RM5 bilion di dalam projek ataupun pembangunan *Vision Valley* ini, saya rasa perkara yang pertama pihak kerajaan perlu mengambil tindakan ataupun perlu bertindak adalah untuk mencari satu tempat yang sesuai untuk menempatkan Pusat Kualiti Alam ataupun kilang memproses sisa toksik ini. Sebab kilang, sisa toksik ini sebelum ini telah pun dibantah oleh banyak ataupun ramai penduduk yang tinggal di persekitaran. Kilang sisa toksik ini telah pun diwujudkan pada tahun 1995 dan pada awalnya kerajaan negeri, Kerajaan Pusat telah pun menjanjikan bahawa kilang memproses sisa toksik ini cuma akan beroperasi sebanyak 20 tahun, iaitu sampai tahun 2015.

Tetapi nasib malang sekali, ketika sampainya tempoh kontrak syarikat memproses sisa toksik ini tamat pada 28 Februari, satu kebakaran telah pun berlaku di stor di pusat memproses sisa toksik ini. Dan pada masa itu, pihak Bomba telah pun memberi amaran kepada seluruh penduduk di Seremban. Jangan mendekati kawasan tersebut dalam *radius* tiga kilometer. Maksudnya, asap yang dikeluarkan dari kilang tersebut kemungkinan akan menjadikan kesihatan atau menggugat keselamatan penduduk di sekitar.

Akan tetapi walaupun, banyak kali saya membangkitkan isu ini di dalam Dewan apa yang boleh saya katakan di sini, sejak 2013 sampai sekarang setiap kali bila saya ada peluang saya akan membawa isu ini. Sebab saya masih ingat lagi, 2013 saya bangkitkan perkara ini di dalam Dewan, jawapan daripada Menteri, '*Kilang selamat, kilang tidak ada masalah*'. 2014 juga sama, '*Kilang selamat, kilang tidak ada masalah*'. 2015 kebakaran berlaku sehingga Pusat Kualiti Alam terpaksa membelanjakan RM20 juta untuk mengadakan Pusat Kawalan Kebakaran dan Kecemasan iaitu *Emergency Response Command Centre (ERCC)*. Maksudnya apa, maksudnya sebenarnya kebimbangan seluruh rakyat Negeri Sembilan terhadap kilang tersebut adalah berasas. Kalau tidak, tidak akan Pusat Kualiti Alam akan mewujudkan unit ini untuk menenteramkan seluruh penduduk yang tinggal di sekitarnya.

Akan tetapi soalan saya, walaupun kilang memproses sisa toksik ini mempunyai Pusat Kawalan Kebakaran dan Kecemasan tetapi adakah ia akan memberi jaminan kepada seluruh penduduk yang tinggal berdekatan tidak akan terjejas ataupun tidak akan diganggu oleh bencana-bencana yang pernah berlaku sebelum ini. Dan saya amat tidak berharap insiden tempat menyimpan bahan bahaya kimia yang berlaku di Tianjin, China pada Ogos yang lalu ini berlaku di Negeri Sembilan.

## ■2210

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya memang amat berharap ketika pihak kerajaan hendak membuat pelaburan di Negeri Sembilan, khususnya *Vision Valley* ini yang membelanjakan sebanyak RM5 bilion, saya rasa kajian yang sepenuhnya perlu dibuat dan kilang tersebut perlulah dipindah ke tempat yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi kami telah pun mendengar perbahasan Yang Berhormat Bintulu yang mengatakan bahawa untuk tahun ini peruntukan kepada SJK(C), SJK(T), sekolah pondok dan sebagainya tidak disampaikan sepenuhnya kepada sekolah-sekolah ini. Tuan Yang di-Pertua, yang paling pelik Yang Berhormat Senator Chong Sin Woon sebagai Timbalan Menteri Pendidikan sendiri memberitahu kepada media bahawa beliaulah yang membongkarkan sebanyak RM30 juta masih belum sampai kepada SJK(C) seperti apa yang telah pun dijanjikan.

Akan tetapi dalam perkara ini, saya ingin hendak menegaskan sekali lagi bahawa pihak kerajaan ada kewajipan untuk menunaikan janji mereka. Kalau tahun lepas pihak kerajaan menjanjikan RM50 juta untuk SJK(C), SJK(T) dan juga RM2.5 *million* untuk sekolah pondok, MRSM, dan sebagainya, saya rasa ini perlu ditunaikan. Bagi pegawai-pegawai ataupun mereka yang terlibat sengaja menangguhkan pemberian peruntukan ini, bagi saya, saya rasa tindakan yang tegas perlu diambil terhadap mereka. Dalam perkara ini saya mohon pihak Kementerian Pendidikan untuk memberi satu penjelasan yang munasabah kepada Dewan yang mulia ini kerana kami tidak mahu dengar di mana pelajar-pelajar kita ataupun sekolah-sekolah kita tidak diberi perhatian ataupun tidak diberi keutamaan.

Paling teruk, sebelum ini peruntukan untuk semua aliran sekolah ada diberi butiran dalam bajet sebelum ini. Akan tetapi untuk bajet tahun ini, cuma disebut sebanyak RM500 juta diperuntukkan. Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini masih ingat lagi selepas pembentangan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sini telah pun menunjukkan *play card* di mana RM2.6 *billion*. Akan tetapi saya rasa sekarang ramai juga ingin hendak angkat *play card* tanya di manakah peruntukan untuk sekolah-sekolah?

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu RM2.6 *billion* mengapa ramai yang ingin mengetahui di mana sumbernya ataupun di mana ianya di belanja? Senang sahaja. Saya dari Negeri Sembilan, bajet untuk Kerajaan Negeri Sembilan setahun cuma RM400 juta. RM2.6 *billion* boleh digunakan di Negeri Sembilan sebanyak enam tahun setengah. Sebab itu rakyat Malaysia termasuk kita wakil rakyat, kita ingin tanya kepada Perdana Menteri. Saya harap Perdana Menteri, ya sebenarnya Perdana Menteri ataupun Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah pun memberi jawapan kepada kita semua bahawa satu tarikh akan ditetapkan untuk Perdana Menteri menjawab di mana pergi RM2.6 *billion*. Saya harap pihak kerajaan ataupun Menteri yang berkenaan dapat memberi jawapan kepada kita semua supaya kita tahu di manakah duit tersebut pergi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu pendidikan salah satu isu yang dihadapi oleh masyarakat Cina iaitu pengiktirafan Sijil UEC. Tuan Yang di-Pertua, sebelum PRU-13 Menteri Pendidikan Tinggi pada masa itu, Datuk Hou Kok Chung dalam satu majlis rasmi di depan 1,000 orang, beliau telah menjanjikan bahawa jika Sijil UEC tidak diiktiraf selepas PRU-13 beliau tidak akan bertanding lagi. Akan tetapi selepas PRU-13 sampai hari ini sudah masuk tahun yang

ketiga. Saya tidak lihat ada apa-apa perkembangan yang terkini mengenai pengiktirafan UEC. Jawapan yang standard saya terima di dalam Dewan yang mulia ini, cuma sukanan pelajaran UEC tidak selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Ini ialah jawapan standard. Saya mohon kepada pihak Menteri ataupun kementerian yang berkenaan untuk memberi jawapan yang terperinci mengapa pengiktirafan ini tidak boleh dilakukan. Ini kerana dalam kenyataan bekas Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi ini, Datuk Hou Kok Chung beliau telah pun mengatakan bahawa sebenarnya kerja-kerja untuk mengiktiraf UEC ini telah pun selesai sebanyak 90%, tinggal 5% isu teknikal sahaja.

Akan tetapi sampai hari ini tidak ada seorang pun dari pihak kerajaan memberi *updated* kita bagaimana dengan 5% yang telah pun di janji ataupun dimaklumkan oleh bekas Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi ini. Jadi, saya memohon pihak kerajaan supaya memandang serius dalam perkara ini. Salah satu perkara yang selalu disebut oleh Yang Berhormat di sebelah sana dan kemungkinan besar ada sebilangan daripada rakyat Malaysia juga mempunyai anggapan bahawa kewujudan SJK(C), kewujudan SJK(T) ini kemungkinan besar ataupun akan menggugat kerjasama ataupun perpaduan di antara satu sama lain.

Apa yang saya hendak tegaskan di sini, walaupun saya berasal dari sekolah Cina tetapi saya tetap dapat berhujah dalam di dalam bahasa Melayu. Sebab saya sendiri saya ada banyak program bersama rakan-rakan Melayu, ada banyak program bersama rakan-rakan India. Sebenarnya kita haruslah menghargai apa yang kita ada kerana kepelbagaiannya itu sebenarnya merupakan kekuatan negara kita dan kita perlu menyebarkan kesefahaman kita. Sebenarnya kita memang berada di satu era ataupun memang berada di satu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Rasah boleh gulung.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Okey, sekejap lagi. Jadi saya memang amat berharap ya Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kerajaan boleh memberi...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sedikit tentang bahasa.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sila.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah, terima kasih Tuan Speaker. Sedikit sahaja sebab saya rasa perkara ini penting. Setujukah Yang Berhormat Rasah bahawa kalau saya kata sukanan pelajaran termasuk untuk sekolah-sekolah vernakular semuanya ditentukan oleh kementerian? Jadi tidak wujud masalah bahawa apa yang diajar di sekolah-sekolah vernakular ini bertentangan dengan perpaduan masyarakat Malaysia. Satu lagi perkara adalah pentingnya untuk belajar bahasa-bahasa antarabangsa seperti bahasa Inggeris, bahasa Tamil, bahasa Cina sebab ini akan mengukuhkan lagi kedudukan rakyat Malaysia di persada dunia. Setujukah Yang Berhormat Rasah?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Rasah, saya tambah sedikit Yang Rasah.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Saya memang setuju...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Speaker, tambah sedikit ya? Speaker...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Setujukah Yang Berhormat Rasah dengan saya, kalau saya katakan betapa indahnya rakyat Malaysia kalau seorang rakyat Malaysia boleh cakap dalam empat bahasa. Saya Melayu boleh cakap bahasa Inggeris, boleh cakap Mandarin dan boleh cakap Tamil. Bertapa *marketablenya* kita seperti Yang Berhormat Baling, dia boleh cakap bahasa Malaysia, Tamil, Inggeris dan bahasa Arab yang baik. Macam mana pendapat Yang Berhormat Rasah tentang ini? Terima kasih.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ya, sebab itu tadi saya menegaskan sebenarnya kepelbagaian itu memang kekuatan kita. Jadi ketika kita katakan Yang Berhormat Baling dia pergi ke luar negeri, dia pergi Indonesia beliau mampu berbahasa Melayu, pergi India atau Tamil. Kalau saya pergi China saya tahu Mandarin, saya tahu bahasa, saya tahu dialek sendiri. Jadi ini memang merupakan satu kekuatan kita dan sebenarnya kita perlu menghargai apa yang kita sedia ada dan cuba mengukuhkannya. Saya rasa ini akan benar-benar menyatukan seluruh rakyat Malaysia.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara pelantikan Penolong Pendaftar Pemilih bagi wakil parti politik, dalam perkara ini saya cuma mohon kerajaan supaya membenarkan parti-parti politik termasuk Barisan Nasional untuk melantik Penolong Pendaftar Pengundi kerana sebelum ini kerajaan memang membenarkan parti politik untuk melantik Penolong Pendaftar Pemilih. Cuma selepas PRU Ke-13, SPR telah pun tukar polisi mereka. Pada mulanya mereka kata mengkaji mekanisme untuk mendaftar pengundi baru. Tiba-tiba pula tahun ini saya dapat jawapan di mana Menteri memberitahu saya bahawa SPR telah pun tidak merancang dan merasa ada tidak keperluan untuk membenarkan parti politik untuk melantik Penolong Pendaftar Pemilih.

## ■2220

Jadi dalam perkara ini saya mohon Yang Berhormat Menteri ataupun kementerian yang berkenaan supaya membuat pertimbangan dan memberi satu jawapan yang munasabah kepada Dewan yang mulia ini dan sebelum saya menghabiskan ucapan saya, satu perkara kawasan saja. Saya rasa sekarang memang musim hujan. Banyak kawasan saya rasa semua kawasan ada berlakunya banjir kilat dan saya cuma ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa dua kawasan di kawasan Rasah memang kawasan hitam. Selalu dilanda banjir kilat iaitu berada di Taman Bukit Mas dan juga di Taman Permai, *phase 1*. Saya berharap pihak kerajaan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menjaga kesejahteraan penduduk di situ. Dengan

kata-kata ini saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik.

#### **10.21 mlm.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan lain untuk membahaskan Bajet 2016 iaitu satu rancangan perbelanjaan kerajaan yang melibatkan penerimaan wang, cukai serta duti lain-lain untuk projek dan juga pembangunan yang diterima oleh rakyat. Kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan bajet dalam suasana ekonomi dunia dan pelbagai lagi dengan cabaran-cabaran yang cukup hebat di mana beliau dapat mempersempitkan satu bajet yang mengambil kira daripada orang atas sampailah orang ke bawah. Pembangkang tidak boleh kira, mereka awal-awal cerita hendak tolak bajet. Sebenar mereka tidak payah bahas pun tidak apa. Kan, pada kita.

Kemudian timbul pula soalan yang kita tidak faham macam mana suruh Perdana Menteri letak jawatan. Di mana Perdana Menteri ini ialah Presiden Parti UMNO. Dipilih oleh UMNO seluruh negara. Kemudian, dia Presiden ataupun Pengurus Barisan Nasional yang di dalamnya sekurang-kurang kita tengok UMNO yang menang 88 kerusi. Tidak munasabah yang 88 kerusi ini suruh Perdana Menteri letak jawatan.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya pun tidak faham...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** ...Pelik dan ajaib. Tidak payahlah tanya soalan dekat saya.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Macam mana dengan Timbalan Presiden.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang itu saya tanyakan fasalnya bukan saya hendak berhujah dengan pihak pembangkang, saya lebih kepada apa rasional Perdana Menteri telah membentangkan bajet. Kita berharap rakyat melihat. Jangan terpesona dengan pusingan-pusingan pembangkang. Yang mengajar kita Barisan Nasional supaya 25 Ahli Parlimen lari menyokong mereka untuk membantah dan juga menentang bajet dengan harapan untuk menjatuhkan kerajaan dengan cara yang tidak demokratik. Kita melihat bila himpunan merah dibuat, maka pihak pembangkang pun bertalu-talulah mengata ini satu perkauman. Tidak sedarkan pihak pembangkang sudah 4 Bersih dibuat, Bersih 1.0, Bersih 2.0, Bersih 3.0. Masa itu PAS join sekali. Bersih 4.0 tidak dilihat PAS join.

Bagaimana perasaan orang Melayu dalam Malaysia kecil hati, Bersih 4.0 bawa penyaru di bandar Kuala Lumpur untuk menyaru konon-konon mengulangi peristiwa tahun 1969 bawa penyaru untuk menghalau orang Melayu dalam Kuala Lumpur. Kita boleh, di mana kita lihat...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Itu tidak benar. Saya rasa kena tarik balik kenyataan ini.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Bersih 1.0, Bersih 2.0, Bersih 3.0...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Kenyataan tidak sebegini.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tidak ada, tidak payahlah campur.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Provokasi perkauman yang tidak berasas Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Pergi jagalah Bukit Mertajam. Untuk apa hendak campur fasal, fasal saya hendak bercerita benda yang sebenar.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Cerita benda sebenar...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Berlaku dalam negara.....

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Isu-isu....

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Menghormati orang-orang Melayu..

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dalam Dewan, luar Dewan ini sikap perkauman.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Boleh mengumpul 200,000 orang di Kuala Lumpur.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Aura-aura perkauman, ini masalahnya.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Satu laporan...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Faham apa perasaan orang Melayu. Jangan diusik perasaan orang Melayu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak ada apa. Tidak ada benda. Jangan buat cerita. Cerita dongeng itu.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jangan membuat cerita mempermainkan rakyat Malaysia.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini cerita dongeng. Dongeng sahaja. Dongeng sahaja tu. Cakap sendiri.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Dalam Bersih 4.0 pihak mengajar pihak yang berhimpun pijak gambar Perdana Menteri, pijak Tuan Guru Haji Hadi. Saya tidak hairan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang pijak itu UMNO dulu. Dulu UMNO.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Waktu Dewan Undangan Negeri Perak, tiga ADUN berpaling tada menyokong kerajaan Barisan Nasional. Gambar seorang wakil rakyat DAP yang menyokong kita, orang OKU diajar oleh pemimpin pijak gambar mereka di negeri Perak sehingga mereka sanggup bersidang di bawah pokok semata-mata tidak mahu terima Doktor Zambry sebagai Menteri Besar. Ini antara contoh-contoh yang kita lihat.

Maka berbalik kepada Bajet 2016. Kita melihat bajet ini bagaimana? Ada yang mengata bajet dua darjah. Siapa yang membuat dua darjah? Pulau Pinang membina projek-projek bilion, Yang Berhormat Tanjong dalam perbahasan marah pada kerajaan. Di akhir ucapan minta RM400 juta ke Pulau Pinang. Kenapa minta pada Kerajaan Persekutuan? Persoalan yang kita tanya. Kan?

Jadi di sinilah hendak...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Duit kerajaan duit rakyat juga.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya tidak akan bagi ruang. Saya bukan ada masa hendak bagi ruang.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Bukankah warganegara kena kasi.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Bukan masa saya hendak bagi ruang sebab ini persoalan-persoalan yang timbul dalam kepala rakyat. Perdana Menteri yang dipilih secara demokrasi. Saya hendak menasihatkan kepada pembangkang, buat kerja. Tunggu PRU Ke-14, rakyat bukti tolak baris sana. Ini kerja di kerajaan. Kenapa hari ini kita memberi persepsi yang tidak baik sehingga macam-macam. Apa gambaran diberi kepada luar negara menyebabkan nilai mata wang kita jatuh, antara sebabnya dan pelbagai yang lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu saya juga hendak mempersoalkan satu perkara dalam di mana rakyat mendapat bantuan beras ST15, orang miskin. Kalau dalam bajet sejak daripada 208 sehingga tahun ini, kerajaan menyediakan peruntukan RM528 juta untuk beras ST15. Saya mohon Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjelaskan bagaimana pada tahun 2016, apakah beras ST15 ini masih ada lagi untuk membantu rakyat golongan bawah sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak mendapat nikmat ataupun tidak tentang beras ST15 tersebut. Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, yang seterusnya yang saya hendak ialah berkenaan dengan Orang Asli. Saya berterima kasih dalam Bajet 2016, perancangan kita pada tahun hadapan, ada sedikit peruntukan untuk menambah pendapatan Orang Asli bagi menanam getah. Saya ada pengalaman menjaga Orang Asli semenjak saya jadi dua penggal sebagai ADUN di negeri Perak, 2009 sampai 2014 di mana saya berpendapat Orang Asli kita kena mendidik untuk mereka mendapat penambahan pendapatan atau pendapatan sendiri. Saya tidak bersetuju cara kerajaan memberi saham kepada Orang Asli kerana mereka tidak dilatih untuk berdikari. Maka saya melihat RPS Kemar ketika itu dibuat ladang yang diuruskan oleh pihak FELCRA. FELCRA membayar upah yang rendah. Akhirnya masyarakat Asli di RPS Skema memberontak mengambil alih dan seterusnya menghalau keluar pihak FELCRA daripada RPS Kemar.

Selepas itu mereka sendiri menoreh getah dan mendapat pendapatan yang tetap. Cumanya saya berharap rancangan kali ini, pihak JAKOA yang disediakan peruntukan untuk tanam pokok getah. Jangan buat yang macam pada hari ini. Saya merasakan tidak berjaya. Tiap-tiap ketua isi keluarga, Orang Asli diminta tanam pokok getah, jaga sendiri tiga ekar. Apa

salahnya JAKOA menyusun satu rancangan, tanam dalam satu kumpulan yang besar, sekelompok yang besar 1,000 ekar. Bagi pokok getah naik sampai tiga tahun, selepas itu serah kepada Orang Asli. Mereka akan jaga kebun tadi. Jangan dicajkan pelbagai lagi. Jadikan pokok-pokok getah tadi hak milik tiap isi keluarga sekurang-kurangnya tiga ekar satu ketua isi keluarga.

■2230

Apa yang kita jadi masalah ialah sama ada JAKOA, RISDA yang menjadi kontraktor, FELCRA yang menjadi kontraktor, mereka mengandaikan seperti hendak ambil kontrak-kontrak biasa, kos pembangunan sebagai lagi mereka caj. Akan tetapi saya minta supaya JAKOA menguruskan tanaman pokok getah tadi sehingga pokok getah tadi umur tiga tahun, sudah elok, boleh naik, selepas itu serah kepada ketua isi keluarga Orang Asli.

Saya percaya kalau kita boleh buat perkara tersebut, Orang Asli boleh mengendalikan dengan baik. Oleh kerana mereka percaya, selepas toreh getah, akan ada getah sekerap, bila getah sekerap ada, mereka jual. Boleh dapat duit tunai dan mereka percaya bahawa getah memberi sumber wang tunai, selepas menoreh, boleh kita jual. Ini yang berlaku dalam kawasan saya dan kalau tak percaya boleh pergi ke satu kampung, namanya Kampung Semeloh. Mereka menoreh getah, cara totehan, getah buku yang dibuat lebih hebat daripada orang Melayu, lebih hebat daripada orang Cina yang menoreh cara sekerap kerana dia tak pernah menipu, tak masuk pasir, tak masuk kayu. Akan tetapi getah sekerapnya tadi cantik, harga menarik ketika harga yang baik dulu.

Saya berterima kasih juga kepada kerajaan yang meletakkan siling harga getah sekerap RM2.20 sen. Akan tetapi saya percaya suasana ekonomi dan juga apa yang berlaku hari ini, pada tahun hadapan RM200 juta yang diperuntukkan kepada pekebun-pekebun kecil, saya percaya hari ini pun harga getah sekerap sebenarnya RM2.20 sen. Ada kemungkinan pada tahun hadapan RM2.20 sen harga sekilo berterusan, duit RM200 juta tak akan dibelanjakan untuk itu.

Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya harga sekerap tadi jangan RM2.20 sen, kita naikkan kepada sekilo RM3.00. Sekurang-kurangnya walaupun RM2.20 sen ini pun kalau kita buat purata, satu pokok ada kemungkinan kalau menoreh sendiri boleh dapat 50 sen.

Bermakna, kalau ada tiga ekar, kita ada seekar 180 ataupun 200, 600 pokok, kali 50 sen, kalau betul-betul menoreh sendiri, jangan bagi orang Siam menoreh atau pun orang lain menoreh. *Insya-Allah* tiga ekar sekali dia menoreh mungkin boleh dapat antara RM200 ke RM300.

Yang seterusnya, JKR. Peruntukan JKR kita lihat besar juga. Cumanya tidak yang saya mengharapkan turun dalam Parlimen saya, jalan dari Gerik – Kupang sama ada JKR yang membuat ataupun Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya berharap pada tahun akan datang ada berita baik, pembinaan jalan baru di DUN Pengkalan Hulu dari Kampung Tasik akan

menembusi Jalan Gerik-Kupang. Dalam masa yang sama, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Kerja Raya, kalau dah di Parlimen-parlimen tak dapat peruntukan JKR yang besar-besar, sekurang-kurangnya perbanyakkanlah peruntukan kecil untuk baiki jalan-jalan JKR di dalam Parlimen-parlimen di seluruh negara. Macam 200,000, 150,000, 300,000 yang kita turap semula.

Sekurang-kurangnya ia boleh menjana ekonomi penduduk tempatan di mana kontraktor Kelas "F" ataupun kontraktor Kelas "E" berpeluang mendapat projek-projek tersebut. Dengan dapat projek tersebut, wang boleh berkembang dalam suasana ekonomi yang tidak baik ini. Kita kerajaan melalui Kementerian JKR boleh membantu pengembangan ekonomi di peringkat kampung-kampung.

Saya percaya cadangan saya ini diambil kira oleh pihak JKR. Sekurang-kurangnya dalam Pekan Gerik sendiri. Jalan daripada bulatan sehingga ke Pekan Gerik kalau kita naik kereta itu dah rasa macam naik kuda. Cuma kalau ada peruntukan pihak JKR, tolong turap semula jalan tersebut dari Batu 2 ke Pekan Gerik. *Insya-Allah* bila elok jalan tadi, rakyat dalam Parlimen saya rasa lebih selesa dan seronok.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan sudah tiga tahun dah selalu saya bangkitkan isu klinik kesihatan di FELDA Bersia. Bila ditanya kepada kementerian, ada peruntukan RM10 juta. Akan tetapi saya bukan reti pasal nak lobi-lobi berniaga ini. Cuma saya berharap pihak Kementerian Kesihatan tolonglah bina dengan segera pusat kesihatan di FELDA Bersia.

Saya masih ingat waktu saya jadi Setiausaha Politik kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak pada tahun 2001. Menyelesaikan masalah setinggan di tempat untuk membina pusat kesihatan FELDA. Ketika jabatan kesihatan minta tolong *settle*, seolah-olahnya kita selesai sahaja setinggan, esok itu hendak dibangunkan pusat kesihatan.

Dari tahun 2001 sehingga hari ini 2015, bayang pun tak nampak. Saya hendak cadangkan kepada Kementerian Kesihatan, kalau tak nak buat pusat kesihatan tersebut, sila serah balik tanah tersebut kepada kita. Saya hendak merangkakan supaya boleh buat tapak perumahan generasi kedua kepada FELDA. Ini hendakkan tanah tak dan lambat siap akan berjumpa dengan kita untuk selesai. Halau setinggan-setinggan yang ada. Akan tetapi saya berharap tolong selesaikan pusat kesihatan di FELDA Bersia, Gerik.

Dalam masa yang sama, dalam Parlimen Gerik, saya ada Hospital Gerik yang mana saya faham, saya memahami. Walaupun saya mendesak ada doktor pakar kerana dalam negeri Perak kita tahu doktor pakar cuma ditempatkan di Hospital Taiping, Hospital Ipoh Permaisuri Bainun dan juga Hospital Teluk Intan. Akan tetapi saya minta kerajaan menyediakan seorang doktor pakar am yang boleh ditempatkan di Hospital Gerik, kesian. Pesakit-pesakit luar yang mendapat rawatan, datang pukul 9, kadang-kadang pukul 2 petang baru mereka boleh dapat selesai berjumpa doktor biasa yang terpaksa pergi tengok di klinik mereka yang kena tahan di

wad dan pelbagai lagi. Adalah apa ada masalah, kerajaan dalam suasana yang ada ini pakar-pakar banyak, cuma semuanya ditempatkan di Ipoh, di Taiping dan juga di Teluk Intan.

Apa salah hantarkan pakar am tadi, biar dia duduk di Gerik boleh membantu sedikit sebanyak. Kadang-kadang doktor-doktor baru ini pun dia bagi salah ubat. Bila bawa ke Ipoh kata ubat lain dia bagi. Depa muntah *munggit* banyaknya. Jadi, dia akan menimbulkan masalah juga kepada kita. *[Disampuk]*

Muntahlah, pasal salah bagi ubat. Dalam pada itu, Kementerian Dalam Negeri, Parlimen Gerik ini berada di sempadan Thailand. Begitu juga saya dengar di Padang Besar, Golok dan pelbagai lagi. Saya amat bimbang masalah dadah kita bercakap sepanjang masa tetapi sempadan kita di bolos. Seperti bawa pelbagai dadah bentuk moden ini seperti ais, marijuana dan pelbagai lagi.

Diharapkan Kementerian Dalam Negeri mesti mencari satu kaedah bagaimana dadah-dadah yang boleh menembusi sempadan tadi kita boleh cegah, buat satu tangkapan.

Walaupun kita berterima kasih yang amat sangat di mana bila kita melihat Kementerian Dalam Negeri dalam membentangkan tangkapan-tangkapan dadah. Akan tetapi saya masih lagi kurang berpuas hati, memohon pertolongan supaya ada satu rancangan khas daripada Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan bagaimana dadah di sempadan ini dapat kita atasi. Diharapkan pihak Kementerian Dalam Negeri akan melihat perkara tersebut. Seperkara lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh gulung ya.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ada dua *point* lagi ya. Ini saya ini 20 minit sahaja bercakap ini. Saya dalam Parlimen ini pun saya mengawalkan tanah.

#### ■2240

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gerik, sesuai dengan ketinggian, lebih sikit daripada Yang Berhormat Parit.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Oh, pasal saya lebih tinggi daripada Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Parit terpaksa tarik mikrofon, saya tolak mikrofon.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Sabar Yang Berhormat Parit Sulong. *Mike* berkenan yang besar ya?

Saya hendak minta kerana tanah ada di Gerik. Saya tidak berapa lajak dengan rumah PR1MA. Saya lebih suka rumah mampu milik dibina dalam Parlimen saya yang harganya mesti bawah RM100,000. Saya dah minta pada kerajaan negeri dua tapak tanah disediakan di DUN Temengor dan DUN Pengkalan Hulu iaitu saya minta 500 unit di DUN Temengor dan 500 unit di DUN Pengkalan Hulu rumah mampu milik.

Kedua, mengenai pertanian di mana saya berharap peruntukan untuk perikanan ditambah bagi melepaskan benih-benih ikan di mana dalam Parlimen Gerik banyak sungai yang besar yang deras dan ikan-ikan sungai di sana kadang-kadang dah berkurangan. Begitu juga dengan padang ragut yang saya yakin pada hari ini dalam Parlimen Gerik, semua padang ragut mula dibangunkan untuk mengeluarkan hasil ternakan lembu, kerbau dan juga rusa.

Begitu juga saya rasa strategi tanaman kontan, janganlah Kementerian Pertanian memikirkan dalam skala yang besar. Kita suruh petani kampung tanam lima ke sepuluh ekar. Satu ekar, kita tahu kalau tanaman kontan, memerlukan belanja RM20 ribu. Petani mana ada duit sebanyak itu. Lebih baik kita tukar strategi menambahkan pendapatan petani-petani di luar bandar, mereka mengusahakan tanah suku ekar ataupun setengah ekar. Saya percaya kalau kaedah ini kita buat, mereka yang dah ada menoreh getah bersama dengan penambahan pendapatan tanaman kontan, ada ternakan lembu dan boleh mencari ikan membuat pekasam dan pelbagai lagi, *insya-Allah*, mereka akan berjaya menambahkan pendapatan.

Penutupnya, saya percaya bajet yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Pekan ini satu bajet yang mengambil kira kita semua dan percayalah, kita ada satu keyakinan tahun hadapan, satu tong minyak ini akan naik balik pada USD100. Hari ini andaian bajet kita ialah USD40.

Begitu juga BR1M, saya berharap pihak Kementerian Kewangan tolong fikir-fikirkan supaya jangan kita bagi duit *cash* tapi bagi *rebate card*. Jangan depa dapat duit *cash*, kira hendak beli *prepaid*, kira hendak beli *hand phone* tetapi beli makanan bagi membuktikan pulangan tunai daripada kerajaan melalui lebihan GST atau lain-lain boleh melihat keuntungan kepada ketua isi keluarga yang ada di seluruh negara.

Cubalah Kementerian Kewangan fikir-fikirkan bagaimanakah rebat tadi boleh memberi keuntungan kepada penduduk terutamanya B40 ini dan mereka tidak membazir wang yang telah dipulangkan oleh kerajaan. Jangan kira pembangkang. Pembangkang semuanya tidak betul dengan apa yang dibuat oleh kerajaan bila kita dengar perbahasan mereka dari hari Isnin dulu sehingga hari ini.

Dengan ini, Gerik menyokong Belanjawan 2016. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuantan.

#### **10.44 mlm.**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya berpeluang untuk membahaskan Bajet 2016. Saya kira tidak banyak yang saya boleh cakap yang belum lagi dibahaskan berkenaan dengan bajet ini. Cuma secara keseluruhannya, boleh saya katakan bahawa Bajet 2016 ini merupakan bajet yang untuk ambil hati, menyelamatkan nyawa UMNO-Barisan Nasional yang dah nyawa-nyawa ikan, Tuan Yang di-Pertua.

Sebanyak RM5.9 bilion diperuntukkan untuk BR1M, Tuan Yang di-Pertua, tetapi banyak lagi yang tidak dibuat oleh kerajaan untuk membantu rakyat. BR1M hanya RM3 sehari, Tuan Yang di-Pertua, tetapi harga barangnya tinggi, GST kena bayar, sekarang subsidi beras juga ditarik, ST15 ditarik. Jadi bagaimakah orang yang paling susah dapat meneruskan kehidupan di dalam keadaan yang begini sukar? Jadi pada saya, BR1M ini bukan untuk membantu rakyat. Sebenarnya dengan RM3 sehari itu, ia tidak membantu rakyat. Ia cuma merupakan gula-gula sahaja kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya kata begini dengan izin, *Barisan Nasional keep people poor so that they can be bought in election*. Ini yang saya sentiasa- yang kasihannya, orang kampung yang termakan budi yang percaya bahawa kerajaan benar-benar hendak tolong mereka. Ini yang saya kasihan sangat. Akan tetapi yang paling sedihnya ialah apabila orang kampung makan daripada, *eating from the hands* daripada para pemerintah. Kita tidak memberi joran, kita memberi ikan tetapi ikan pun ikan busuk, Tuan Yang di-Pertua, tidak membantu rakyat sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya ingin mengambil masa ini untuk berbahas berkenaan dengan Kuantan kerana ada banyak isu besar di Kuantan. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas peruntukan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Kuantan dan kedua, untuk peruntukan untuk kompleks sukan di Kuantan. Namun, ada perkara yang lebih prioriti di Kuantan yang tidak disebut dalam bajet.

Kita di Kuantan mempunyai masalah untuk menaik taraf hospital. Hospital di Kuantan tidak dapat menampung keperluan-keperluan kawasan sekitar Kuantan. Kita dapati bahawa *car park* pun tidak mencukupi di Hospital Kuantan. *Air cond*, alat penyaman udara di satu blok tidak berfungsi dah beberapa lama, Tuan Yang di-Pertua. Alat MRI pun, mesin MRI pun rosak, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada mesin MRI. Baru-baru ini saya dapat aduan berkenaan seorang pesakit yang ada ketumbuhan di dalam hidungnya dan tidak boleh pergi dan mendapatkan *scan* daripada *MRI machine* kerana mesin MRI rosak dan terpaksa pergi pula ke hospital berbayar untuk buat *scan MRI*.

Jadi, saya kira prioriti tidak diberikan kepada penambahbaikan yang diperlukan. Bagaimana saya lihat *first class ward* di hospital, *air cond* tidak jalan, pakai kipas. *Nurse*, kalau saya pergi ke hospital menziarahi orang sakit, berjejeh peluh. Saya tanya kenapa ni, kenapa berpeluh-peluh, rupanya sebab *air cond* tidak ada. Mereka segan hendak beritahu. Bertahun-tahun dah, Tuan Yang di-Pertua. Ini hospital besar di Kuantan.

Kita ucap terima kasihlah untuk kompleks sukan tetapi tak peka kah kepada keperluan yang lebih memerlukan? Pesakit-pesakit kanser contohnya, kalau untuk mendapatkan rawatan kemoterapi, terpaksa pergi ke Kuala Lumpur, kadang-kadang mereka tidak ada duit hendak duduk berhari-hari, dalam perjalanan dan mendapatkan rawatan. Jadi saya pohonlah sangat untuk melihat kepada prioriti dan keperluan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap perkara yang seterusnya berkenaan dengan Kuantan Bandar Lestari. Kuantan merupakan satu bandar yang *subscribe* dengan izin, kepada *Local Agenda 21*. Apa maksud *Local Agenda 21*? Ia adalah satu program untuk masyarakat sektor swasta dan PBT bekerjasama untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran mereka ke arah pembangunan yang mampan dan kualiti hidup yang lebih tinggi. Maksud pembangunan mampan ataupun pembangunan lestari ialah pembangunan yang memenuhi keperluan semasa tanpa menjaskan keperluan generasi masa hadapan. Ia juga merupakan satu proses di mana pembangunan ekonomi dengan keperluan-keperluan sosial dan alam sekitar diimbangkan.

#### ■2250

Tuan Yang di-Pertua, kini Kuantan tidak lagi lestari, kini Kuantan tercemar dengan aktiviti dan industri daripada bauksit. Tuan Yang di-Pertua, kalau ada ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang belum tengok gambar ini. Gambar ini menunjukkan kawasan Kuantan sekarang ini. Wajarlah kalau orang kata tidak payah pergi ke planet Marikh lah, pergi Kuantan pun sudah nampak semuanya merah. Apa yang merah di Kuantan? Kereta merah, pokok merah, daun merah, rumah merah, laut merah, sungai merah, padang merah, hati pun merah Tuan Yang di-Pertua. Sebab industri ini tidak langsung terkawal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baju pun merah.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Baju pun merah menunjukkan hati ini marah Tuan Yang di-Pertua. Mengapa jadi begini, aktiviti perlombongan bauksit yang tidak terkawal yang menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar. Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini wujud ataupun timbul apabila ada *demand*, ada permintaan daripada negara China. Apabila Indonesia menghentikan eksport bauksit mereka ke negara China, maka ada satu permintaan yang besar dari negara China. Dianggarkan bahawa hujung tahun ini, seluruh tahun 2015, lebih kurang 20 juta tan bauksit dieksport ke negara China. Saya difahamkan ada 44 syarikat yang menerima lesen eksport bauksit Tuan Yang di-Pertua. Apabila bauksit ini kenapa ianya diperlukan oleh negara China. Kerana bauksit ini diperlukan untuk ekstraksi aluminium. Dia ada *demand*. Maka di sifalah pelbagai cara orang-orang yang ingin mengisi keperluan tersebut.

Ada lombong yang halal, ada lombong yang haram, ada lombong yang ada permit lesen daripada kerajaan negeri tetapi banyak juga lombong yang haram kerana 44 syarikat ini berlumba-lumba untuk mendapatkan sebanyak mana mungkin bauksit tanah merah, bauksit ini untuk dieksport ke negara China. Jadi apabila ada permintaan, maka *supply* itu juga akan dicari. Apa yang mereka buat Tuan Yang di-Pertua, broker-broker tanah pergi mencari daripada orang-orang kampung, daripada peneroka FELDA dan menawarkan harga yang mahal untuk tanah-tanah merah. Tanah-tanah yang mengandungi bauksit ini dibeli daripada peneroka-peneroka yang membuang pokok sawit mereka, menggali tanah mereka dan menjual tanah-tanah yang

mengandungi bauksit dan menghantar broker-broker ini tuan-tuan punya lori ini mengangkat pula bauksit itu, tanah merah itu hanya dengan menggunakan lesen mengangkat tanah merah, lesen mengangkat *laterite* daripada di mana ianya digali ke pelabuhan Kuantan.

Maka sepanjang-panjang daripada tempat ianya digali di Bukit Sagu, di Bukit Kuantan, di Bukit Goh, Tuan Yang di-Pertua sepanjang-panjang jalan *bypass* ke pelabuhan *bypass* Kuantan-Kuala Terengganu itu ke pelabuhan ianya tercemar. Kita tengok pula lori-lori bauksit ini berlumba-lumba hendak buat sebanyak trip yang boleh. Sebab sekali trip dalam RM500 upah mereka. Jadi mereka tidak kira waktu pukul berapa. Kalau sebelum 8.30 sebenarnya tidak boleh bawa lori mereka, tetapi mereka tidak kira. Pukul 6.30 mereka sudah gerak, hujung minggu pun mereka gerak. Berlumba-lumba dengan ibu bapa yang hendak hantar anak mereka ke sekolah.

Banyak berlaku kemalangan sebab mereka hendak sebanyak mana trip sehari sebab apabila sampai ke pelabuhan mereka terpaksa hendak *queue*. Jadi untuk mendapatkan sebanyak mana trip, mereka hendak dapat dalam RM1000 sehari, maka mereka sudah tidak kira peraturan kah, kotor kah, bawa lebih muatan kah, langgar orang kah langgar kereta kah, mereka tidak kira Tuan Yang di-Pertua. Keadaan ini sudah berterusan sejak daripada tahun lepas. Tetapi ianya menjadi lebih teruk pada tahun ini apabila lebih ramai broker datang dan apabila lebih banyak lagi syarikat yang hendak eksport bauksit ke negara China ini datang mencari bahan *laterite* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan bahawa tiada EIA diperlukan untuk melombong bauksit sekiranya lombong itu di bawah 250 hektar. Jadi kebanyakan lombong di bawah 250 hektar. Tetapi kalau kita gabungkan kesemuanya, tentu sekali ia begitu besar kawasan tersebut. Jadi tidak ada EIA dilakukan. Itu lombong yang ada lesen. Lombong yang tidak ada lesen, setakat jual tanah merah yang cuma perlu kebenaran untuk mengangkat tanah *laterite* daripada tempat mereka menggali dan tanah yang mereka gali itu pula sehingga 10 meter dalamnya, ia boleh sampai 10 meter untuk mendapatkan sebanyak mana tanah *laterite* ini untuk dihantar ke pelabuhan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini menimbulkan satu suasana di mana debu-debu berterbangan sepanjang jalan. Mereka bukan sahaja mengotorkan kereta dan kenderaan, rumah, pokok dan sebagainya, jalan ya. Tetapi yang lebih penting bahan kandungan logam berat dan berbahaya toksik material di dalam debu tersebut. Jadi apabila debu ini PM10 ataupun dalam 10 mikron. Tuan Yang di-Pertua, dia akan masuk ke dalam air, dia akan settle cepat.

Akan tetapi yang dalam 25 mikron ini Tuan Yang di-Pertua dia akan berterbangan mungkin berhari-hari dan apabila dihidu ke dalam paru-paru kita, sebab dia halus, dia boleh dihidu ke dalam paru-paru kita dan melekat dalam paru-paru kita boleh menyebabkan penyakit seperti tibi, kanser dan sebagainya. Bukan setakat kereta kotor Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tengok kereta itu merah apabila kena debu bauksit, bayangkan paru-paru anak-anak yang terhidu debu bauksit ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar bangun.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Ada dua persoalan, yang pertama saya mendapati bahawa kelulusan untuk melakukan perlombongan bauksit ini. Satu, dia 50 meter daripada sekolah yang berdekatan dan satu lagi adalah tiga meter daripada rumah kediaman. Bagaimana lesen ataupun kebenaran telah diberikan apabila ia berdekatan dengan rumah kediaman dan sekolah.

Yang kedua saya juga dapat mengetahui bahawa seorang profesor yang bernama Dr. Che Abdul Rahim Mohd mengatakan bahawa hasil keputusan analisa daripada *sample* air yang diambil di kawasan pencemaran bauksit mengandungi kadar logam yang tinggi dan ini adalah peringkat awal tahap radiasi. Bagaimana kerajaan tidak memantau kedudukan ini dan membiarkan sahaja peristiwa ini berlaku di kawasan bauksit di Kuantan. Apa pendapat Yang Berhormat, terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar di atas soalan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tiga meter daripada rumah ini, sebab tanah ini tanah persendirian. Dia kata ikut suka kamilah kami hendak gali ke tidak. Tidak ada undang-undang pun yang mengatakan mereka tidak boleh gali 10 meter dalam kawasan tanah mereka. Jadi ikut suka mereka dan inilah yang sedang berlaku Tuan Yang di-Pertua. Ketamakan, kerakusan manusia yang membenarkan perkara ini berlaku.

Berkenaan dengan toksik tadi yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kapar, saya ingin memperjelaskan berkenaan dengan radiasi ini. Di dalam tanah yang mengandungi bauksit ini Tuan Yang di-Pertua, dia ada *naturally occurring radioactive material* iaitu *thorium* dan *uranium* yang merupakan *low level* radiasi. Radiasi tahap rendah tetapi jangka masa panjang. Dari segi radiasi *direct* itu, secara *direct* mungkin tidak sekuat mana, tetapi mengambil jangka masa panjang untuk tinggalkan kesan, tetapi yang kita paling khuatir apabila debu yang dihidu tadi mengandungi bahan thorium tadi yang terkenal sebagai *carcinogen* dan dihidu dan melekat di paru-paru. Inilah yang kita risaukan kerana di sinilah timbul keadaan sinaran dalaman ataupun *internal emitters* yang boleh meninggalkan kesan ke dalam paru-paru orang-orang yang hidu.

■2300

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuantan habiskan dalam masa lima minit ya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua tidak boleh sambung esok?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lima minit lagi sebab Yang Berhormat sudah ambil masa 15 minit.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya ingin menambah lagi berkenaan dengan kesan-kesan satu ialah debu, kedua ialah hakisan. Hakisan di tempat-tempat yang dikorek sebab ia di atas bukit Tuan Yang di-Pertua. Jadi apabila hakisan ini berlaku ia boleh menyebabkan banjir dan banjir bukan banjir biasa. Ia boleh menyebabkan banjir selut tambahan pula lagi sekarang musim tengkujuh. Bukan sahaja banjir selut biasa banjir selut yang mengandungi bahan-bahan berlogam berat yang berbahaya kepada manusia dan juga fauna dan flora.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada hakisan saya juga khuatir bagaimana ia mencemari air sebab laporan yang telah diconfirmkan disahkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Mengatakan bahawa sungai-sungai dekat dengan pelabuhan seperti Sungai Tengkorak airnya telah pun mencapai tahap lima, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kehidupan-kehidupan di dalam air tentu sekali akan tercemar kerana mikroorganisma akan hidup di dalam air tersebut apabila ada bahan-bahan daripada tanah-tanah bauksit ini. Apabila ikan memakannya tentu sekali ikan ini juga akan tercemar dan kita pula memakan ikan tersebut. Kadang-kadang ada orang-orang pergi memancing udang galah dekat sungai-sungai. Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir berkenaan dengan air-air yang dicemari.

Tidak dilupakan juga berkenaan dengan air minuman. Saya pernah membuat siasatan ataupun kajian sendiri di mana saya pergi sendiri ke lombong di ITP Bukit Goh, Tuan Yang di-Pertua. Kita tengok *mine run off* atau air daripada lombong itu masuk ke dalam sistem perparitan. Apabila kita ikut jejak air itu kita dapati dia masuk ke Sungai Kuantan, Tuan Yang di-Pertua, dia bertembung dengan Sungai Kuantan. Sungai Kuantan ini ialah sumber *intake* air minuman seluruh warga Kuantan. Tuan Yang di-Pertua, jadi apabila logam-logam berat ini yang berbahaya seperti *manganese*, *plumbum*, *cadmium* dan sebagainya yang telah disahkan ada di dalam debu tadi masuk ke dalam air mencemari air masuk ke Sungai Kuantan. Kemudian air di Sungai Kuantan itu pula diambil untuk dirawat sebagai air minuman seluruh warga Kuantan.

Akan tetapi kita tahu juga bahawa sistem rawatan air kita ataupun kita punya *water treatment plant* tidak mampu menapis logam-logam berat. Dia hanya boleh membersihkan air. Akan tetapi logam-logam berat tidak boleh dibersihkan melalui *normal water treatment system* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi bayangkan seluruh warga Kuantan tidak terkecuali yang kalau kita hendak hidup minum air, kita akan minum air tersebut. Aktiviti ini sudah berterusan selama dari tahun lepas hingga ke tahun ini. Seperti yang saya katakan tadi *ASEAN matters* mengatakan bahawa jumlah yang dieksport tahun ini mungkin mencecah 20 juta tan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau 20 juta tan tanah merah, tanah bauksit mengandungi bauksit yang dieksport bayangkan berapa banyak pencemaran kepada alam sekitar kepada air sungai, air minuman, debu kepada manusia-manusia yang menghidu debu tersebut. Ramai yang sudah mengadu

mereka sakit, lelah, mereka sakit bertambah teruk, dengan sakit asma, mereka mempunyai sakit kulit.

Tuan Yang di-Pertua terutamanya mereka dekat-dekat dengan yang dalam perjalanan dan sebagainya di mana lori-lori itu lalu. Jadi masalah ini ialah masalah yang perlu penelitian. Tidak boleh kita benarkan aktiviti ini berterusan selagi kita tidak gubal undang-undang. Selagi kita tidak buat program rehabilitasi kerana impaknya terlalu besar. Bukan sahaja kepada warga Kuantan tetapi impaknya kepada semua yang memakan ikan dari Kuantan. Ini sebab kami merupakan kawasan pelancongan dan kawasan perikanan, Tuan Yang di-Pertua dan orang Kuala Lumpur pun makan ikan daripada Kuantan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya gulung ya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. *Last point* saya khuatir aktiviti ini akan menjadi lebih berat, lebih besar, lebih banyak kerana sekarang ini Kerajaan Negeri Pahang nampak seolah-olah tidak boleh mengawal langsung aktiviti ini. Maka saya meminta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan untuk melihat kepada kualiti air, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk melihat kepada alam sekitar. Seboleh-bolehnya kita hentikan aktiviti ini sehingga kita dapat mengawal, sehingga kita kaji kesan impak kepada kesihatan dan alam sekitar dan sehingga kita boleh buat rehabilitasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu.

#### **11.05 mln.**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua hendak diteruskan ataupun esok Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau 10 minit boleh habis, kalau tidak boleh habis sambung esok.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya rasa lebih, lebih 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat kita sambung esok, Yang Berhormat Setiu. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa 3 November 2015.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.05 malam]**